

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 61**

**Khamis**

**3 Disember 2015**

---

**K A N D U N G A N**

**USUL-USUL:**

- Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62 (Halaman 1)
- Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga  
Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62 (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**PENERANGAN DARIPADA YAB. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI BAWAH P.M. 14(1)(i):**

- Penjelasan Berkaitan Isu Dana Politik RM2.6 bilion (Halaman 24)

**USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3):**

- Merujuk YB. Lembah Pantai Kepada Jawatankuasa Hak  
dan Kebebasan (Halaman 35)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Kewangan 2015 (Halaman 66)
- Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
(Pindaan) 2015 (Halaman 92)
- Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 (Halaman 99)
- Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 (Halaman 232)

**USUL-USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 32)
- Menangguhkan Bacaan Kali Kedua dan Ketiga  
Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62 (Halaman 249)
- Merentikan Kuat Kuasa Peraturan Mesyuarat Di Bawah P.M. 90(2) (Halaman 249)

**USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:**

- Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (Halaman 250)
- Akta Kastam 1967 (Halaman 252)
- Akta Eksais 1976 (Halaman 256)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 3 Disember 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**USUL-USUL**

**MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik D.R. 24/2014, Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 2014 seperti yang tertera di nombor 15 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, D.R. 30/2015, Rang Undang-undang Syarikat 2015, D.R. 29/2015, Rang Undang-undang Skim Kepentingan 2015, D.R. 34/2015 Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) (Pindaan) 2015, D.R. 35/2015, Rang Undang-undang Persaingan (Pindaan) 2015, D.R. 37/2015, Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2015, D.R. 39/2015, Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015, D.R. 9/2015, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 dan D.R. 12/2015, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015, seperti yang tertera di nombor 7 hingga nombor 14 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah hutang Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Ogos 2015 mengikut sumber dalam dan luar negeri, dan jumlah hutang ekoran dari *off budget*, *PFI*, *US dollars denominated debt papers issued off Labuan* dan amaun hutang yang dijamin oleh kerajaan; dan
- (b) tahap ukuran hutang daripada segi peratus GDP, defisit fiskal dan nisbah bayaran balik hutang berbanding hasil kerajaan serta usaha-usaha untuk membendung hutang yang terus melonjak ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan pada 30 September 2015 adalah berjumlah sebanyak RM623.3 bilion. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 96.4% ataupun RM601.1 bilion adalah hutang domestik sementara bakinya RM22.2 bilion atau 3.6% merupakan pinjaman luar pesisir dalam pelbagai dedominasi mata wang. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan ini kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana. Berhubung dengan amaun hutang yang dijamin oleh kerajaan, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah terkini sehingga Jun 2015 adalah sebanyak RM175.8 bilion yang dikeluarkan kepada 27 buah institusi termasuk syarikat milik kerajaan.

Pemberian jaminan ini adalah bagi membolehkan institusi terbabit memperoleh kos pembiayaan yang lebih rendah bagi melaksanakan projek pembangunan strategik yang bersifat jangka panjang yang akan memanfaatkan rakyat secara keseluruhan. Untuk program-program di bawah PFI pula, sebanyak RM30 bilion setakat ini telah dikeluarkan. Komitmen kerajaan telah pun dimasukkan ke dalam peruntukan bajet tahunan bagi membiayai bayaran balik pinjaman dan juga *list payment*.

Komitmen ini telah diambil kira dalam pengiraan defisit fiskal dan kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan dan ia tidak akan meningkatkan sasaran defisit sedia ada. Bagi *US Dollars denominated debt papers issued off Labuan* pula, hutang ini bukanlah sebahagian daripada hutang Kerajaan Persekutuan. Ia merupakan kertas hutang berdominasi *US Dollars* yang diterbitkan di Labuan oleh syarikat swasta dan dikategorikan sebagai hutang luar Malaysia. Tahap ukuran hutang Kerajaan Persekutuan pada 30 September 2015 daripada segi peratusan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah berjumlah 50.7%. Sekian.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah dapat memberikan jawapan yang jelas tadi. Akan tetapi walau bagaimanapun dalam keadaan iklim ekonomi dunia dan ringgit negara kita yang cukup mencabar pada ketika ini dan dengan pertumbuhan yang perlahan dan juga tidak menentu. Sedikit sebanyak ia telah memberikan satu impak kepada hasil kerajaan dan juga hasil negara. Dalam masa yang sama, kita dapat lihat hutang kita meningkat dan kita mahu kalau boleh kita jangan melebihi daripada siling 55% yang telah kita tetapkan walaupun ia *arbitrary*.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah berapakah sebenarnya jumlah ataupun nilai *principal* termasuk faedah yang terpaksa kita bayar pada setiap tahun serta nilai bayaran balik berbanding dengan *debt service ratio* kita pada tahun 2015 pada 11.4% meningkat kepada 12% pada tahun 2016. Jadi berapakah sebenarnya angka *debt service ratio* yang kita anggap *prudent* supaya kita sentiasa dapat mengawal dan membuat persediaan awal bagi memastikan supaya pengurusan kewangan negara kita dalam keadaan yang terbaik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebenarnya apabila kita bercerita soal pinjaman negara ini, ia sebenarnya tidak mempunyai standard *benchmark* berapa sebenarnya kita boleh pinjam. Apa yang kita lihat hari ini kerajaan membuat *self-imposed ceiling* iaitu tidak melebihi 55% daripada GDP iaitu mengambil kira setiap hutang itu mestilah berkebolehan untuk membayar. Saya bagi contoh. Dalam negara-negara di dunia ini, kalau kita tengok *advance of country, United State of America*, dia mempunyai pinjaman hampir 106% daripada GDP mereka. United Kingdom sebanyak 88%. *Developing countries like India* sebanyak 63.9%. *Singapore* sebanyak 95.8%. Kita berada di tahap 53.7%. Apa yang penting, Yang Berhormat, setiap hutang yang kita buat ini, *the first rule* kita pastikan bahawa kerajaan boleh membayar komitmen yang perlu dibayar.

Kedua, kita juga kena pastikan bahawa pinjaman-pinjaman yang kita buat ini mestilah membiayai perbelanjaan pembangunan dan bukan *operating budget*. Kita mesti memastikan perbelanjaan mengurus sentiasa dibiayai melalui hasil. Maknanya seterusnya memastikan bahawa sebahagian daripada hasil negara ini dapat menampung sebahagian daripada pembangunan. Kita tidak mahu apabila kita meminjam, bila kita punyai *revenue* ini tidak boleh menampung belanja mengurus dan tidak ada lebih daripada selepas tolak belanja mengurus untuk kita menyelesaikan hutang ataupun komitmen kita.

Setakat hari ini, setiap kali bajet yang dibentangkan, kita mempunyai surplus. *Current account surplus* untuk kita menampung pembayaran hutang kita. Cuma dalam konteks negara Malaysia, *development expenditure* kita tiap-tiap tahun memang kita bergantung kepada pinjaman untuk kita terus membangunkan negara dan hasilnya dapat dikutip dan kemudian akan dibayar kepada hutang-hutang yang telah kita tetapkan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai hutang sebanyak RM30 bilion akibat daripada PFI ataupun inisiatif penswastaan. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah kerajaan mengambil jalan inisiatif penswastaan ini dengan tujuan supaya kerajaan tidak perlu memberikan modal ataupun mengambil pinjaman kerana sepatutnya projek-projek di bawah PFI ini dibiayai sepenuhnya oleh swasta. Jadi bagaimana dan kenapakah setelah kerajaan secara besar-besaran mengambil langkah penswastaan ini sama ada dengan lebuhraya, sekolah, UiTM, kemudian hospital melalui

PFI tetapi Yang Berhormat Menteri menjawab kerajaan terpaksa masih lagi menanggung hutang PFI sebanyak RM30 bilion.

Kalau ini sepatutnya dibayar oleh swasta, kenapa perlu ada RM30 bilion tanggungan hutang kerajaan seperti Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya ingat kita kena bezakan di antara PFI dengan PPP. Apa yang Yang Berhormat Pandan sebut tadi itu adalah lebih kepada konsep *public private partnership* (PPP) di mana kita membuat projek-projek di mana kita biarkan *private* buat. Contohnya UiTM ataupun sebahagian daripada fasiliti-fasiliti hospital yang kerajaan guna *under* PPP.

Akan tetapi PFI ini ia lebih kepada bagaimana kerajaan pinjam kepada KWSP *quoted* untuk buat apa? Contohnya sebahagian daripada projek-projek tebatan banjir. Sebahagian daripada sekolah, tangki air di luar-luar bandar. Jalan-jalan luar bandar. Ini kita menggunakan konsep PFI dengan institusi-institusi seperti EPF dan sebagainya yang kerajaan guna pakai kita punya *annual budget* untuk bayar mereka.

Akan tetapi yang Yang Berhormat Pandan sebut tadi itu saya ambil maklum. PPP ini memang kita tidak nampak dia punya jumlah itu dalam kita punya *total government debt* tetapi dia *appear* dalam kita punya bajet ini sebagai salah satu daripada perbelanjaan perkhidmatan. Kalau kita tengok dalam kita punya bajet ini ada lebih kurang dalam *total services* dan juga perkhidmatan itu adalah sebahagian daripada *list payment* kita masuk dalam tersebut.

**2. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah tunggakan bayaran atau kerugian dalam hospital awam di seluruh negeri Sabah yang disebabkan oleh pendatang asing tanpa izin (PATI). Apakah kaedah kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berkenaan dengan tunggakan bayaran oleh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga Oktober, jumlah tunggakan bayaran pesakit warga asing yang menerima rawatan perubatan di hospital-hospital dan fasiliti Kementerian Kesihatan di Sabah adalah sebanyak RM5 juta melibatkan lebih daripada 4,000 orang pesakit warga asing.

Kebanyakan pesakit warganegara asing sentiasa memberi alasan tidak mempunyai wang untuk membayar deposit atau membayar bil hospital. Mereka juga menafikan mempunyai waris yang boleh menjamin mereka untuk membayar bil tersebut dan pihak hospital terpaksa juga memberikan rawatan perubatan yang sewajarnya di atas perikemanusiaan.

Bagi memastikan bil-bil hospital pesakit warganegara asing dapat dikutip, kementerian ini melalui hospital KKM sentiasa berusaha melaksanakan *standard operating procedure* berhubung kutipan hasil. *Standard operating procedure* Tuan Yang di-Pertua, adalah panjang. Saya ingat saya tidak bercadang untuk baca tetapi memadaai saya kata kita mengikut SOP, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi ada satu kenyataan daripada kita punya Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Sabah yang menyatakan bahawa kementerian akan mengambil satu pertimbangan bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan di Sabah dan seramai 200,000 yang sangat serius.

Cadangannya ialah satu sahaja ketetapan buat sementara untuk melindungi hak-hak kanak-kanak ini untuk mendapat pendidikan dan kesihatan. Jadi memandangkan kanak-kanak ini amat memerlukan perlindungan dan rawatan kesihatan. Jadi saya mahu tanya. Soalan saya berapa kos dari segi kesihatan kerajaan jangka di mana golongan kanak-kanak yang bukan warganegara di Sabah akan dibelanjakan. Jadi bagaimana kita boleh lebih fokus mengatasi masalah kanak-kanak ini yang memerlukan perlindungan kesihatan secara menyeluruh.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat yang tepat tetapi apa yang saya hendak beritahu pada pagi ini ialah tentang masalah kita berkenaan bebanan yang kita hadapi akibat daripada pendatang asing tanpa izin (PATI) yang berada di Sabah. Ini soalan berkenaan dengan Sabah sahaja. Yang lain, pekerja asing yang berdaftar memang dia sudah ada *spic par*, insurans mereka. Sekarang kita sudah ada 1.6 hingga 1.8 juta yang di bawah *spic par* ini. Itu tidak jadi masalah. Maknanya insurans dia bayar.

Akan tetapi apa yang tekankan di sini ialah bahawa terdapat pesakit kalau lihat dari segi angkanya, warganegara dan juga warga asing, saya lihat di sini. Saya baca di sini bahawa pesakit, *inpatient operation* untuk warga tahun 2013 ramailah. Warga asing seramai 27,134 untuk *inpatient operation*, 395,145 untuk tahun 2013. Tahun 2014 meningkat lagi *operation* 438,201 dan *inpatient* 24,939. Sehingga Oktober 2015, *inpatient* untuk warga asing 12,324 dan *outpatient* seramai 321,301 orang.

Setakat ini jumlah terhutang itu Tuan Yang di-Pertua, tahun 2013 bagi warga asing ialah sebanyak RM4.3 juta, 2014 sebanyak RM5.8 juta dan sehingga Oktober 2015 sebanyak RM5 juta.

#### ■1020

Paling banyak ialah di Lahad Datu dan Hospital Lahad Datu, Hospital Pakar Likas dan juga Hospital Tawau. Ini semua yang paling banyak. Ini Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut jangkaan memang akan meningkat kerana sekarang ini *outpatient* kita caj RM23. Untuk warga asing, kita akan naikkan kepada RM40 pada tahun hadapan Tuan Yang di-Pertua. Untuk *inpatient*, sekarang kelas ketiga kita masuk RM76, kelas kedua RM96 dan kelas pertama RM208. *Charges* yang dikenakan dalam wad itu kita cuma kenakan 30 peratus daripada total jumlah caj yang dikenakan dalam hospital, 30 peratus sekarang.

Mulai tahun hadapan, kelas ketiga masuk kena bayar RM600, ini untuk warga asing, kelas kedua RM900 dan kelas pertama RM2,100, untuk warga asing ya bukan warga tempatan. Kita akan *full charge* – kita akan kenakan *full charge* Tuan Yang di-Pertua untuk semua sekali. Makna dengan kaedah ini, saya yakin tunggakan akan bertambah-tambah lagilah. Makna kalau mereka datang tanpa tidak boleh bayar dan sebagainya demi kemanusiaan, kita bagi juga Tuan

Yang di-Pertua. Ini masalah yang saya ingat susah, belum dapat penyelesaian lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan terutama sekali tahniah kepada kerajaan kerana akhirnya telah menaikkan bayaran yang dikenakan pada warga asing bermula tahun depan. Soalan saya begini Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu adalah bayaran RM40 bagi mereka mendapat khidmat untuk *outpatient treatment* dan juga bagaimana kaedah kerajaan untuk memastikan mereka ini jika dimasukkan ke wad membayar dahulu? Ini kerana kalau tidak hutang tertunggak ini akan bertambah-tambah dan akhirnya kita juga yang akan rugi.

Keduanya, bagaimana kerajaan memantau RM40 ini dibandingkan dengan kalau di Johor Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak bawa kepada Hospital Sultanah Aminah (HSA). Ini kerana HSA ini, dibanjiri juga oleh warga Singapura yang datang untuk mendapatkan pakej ubatan untuk tiga serangkai ini yang diberi secara bulanan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, warga Singapura dia juga tidak tahu hendak kategori apa, mungkin pendatang tanpa izin jugalah, ataupun dia datang dengan—akan tetapi apa yang saya tekankan ikut arahan yang kita sudah beri kepada semua hospital. Tadi saya tidak sebut SOP nya tentang kutipan hasil. Satu, memastikan pesakit bayaran deposit sebelum masuk wad. Ini SOPlah tetapi mungkin tidak boleh hendak ikut kerana macam-macam masalah diberikan. Memantau dan mengemas kini *charge sheet* setiap hari. Kita tidak tahu berapa dan kalau melebihi deposit, kita akan kutip dalam wad. Kalau patient tidak sedar (*unconscious*), kita akan memastikan waris dikenal pasti untuk membayar depositnya. Kalau gagal membayar, memang kita akan tulis surat-surat ringkas – untuk bertulis mengenai tanggungjawab untuk bayar. Jadi semuanya adalah tuan-tuan mengenai SOP tetapi mungkin tidak boleh kita hendak dipraktikkan.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Jadi ini yang masalah dan saya hendak tekankan tentang hendak beritahu tentang kos kita sebenarnya apabila rakyat lain datang. Ini pun kena pastilah apabila rakyat asing datang, kita kena *charge full* jugalah tentang *outpatient*. Saya hendak beritahu untuk rakyat Malaysia, untuk kencing manis. Kos untuk hendak merawat seorang pesakit kencing manis setahun RM2,600 seorang. Kita ada 2.5 million pesakit kencing manis di Malaysia dan rawatan untuk seorang pesakit darah tinggi kosnya RM1,500 seorang. Kita ada *double the number* daripada kencing manis lebih kurang 4 juta, hampir 5 juta, darah tinggi. Itu kos yang kita terpaksa tanggung untuk pesakit kita. Pesakit yang saya sebut tadi kena bayar *full*, tidak boleh lagi macam biasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan peruntukan itu tadi. Boleh saya tanya apakah langkah kerajaan untuk memberi *priority* kepada warganegara Sabah, Malaysia di hospital sebab ia adalah fakta bahawa banyak hospital *bed* telah diambil alih oleh pendatang asing tanpa izin ini. *I had my own experience* dengan izin, bahawa beberapa *constituent* terpaksa pergi ke *private hospital* kerana tidak dapat layanan di hospital kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ini masalah *humanitarian* Tuan Yang di-Pertua. Masalah *humanitarian*, di mana kalau pesakit memang terdesak dan terpaksa buat rawatan, kita mahu tidak mahu kita masukkan dia ke wad. Jadi memang ada kesesakan di wad di banyak hospital di Sabah dan bukan hanya di Sabah, di mana-manalah. Jadi masalah tadilah masalah perikemanusiaan. Jadi kita kena ambil semua aspek barulah kita – maknanya kita tidak tolak, kita tidak tolak. Pesakit yang perlu masuk dalam wad kita tidak tolak tetapi cuma kadang-kadang keadaan amat sesak di hospital kita Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Patut kita *prioritized* kan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada orang kita.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Ya, setakat ini Tuan Yang di-Pertua saya ambil perhatian tentang pandangan Yang Berhormat. Dalam hal ini, kalau hendak diasingkan memang eloklah tetapi masalah kita masalah kekangan daripada jumlah katil yang ada di hospital kita Tuan Yang di-Pertua.

*[Soalan 3 – YB. Datuk Seri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang) tidak hadir]*

4. **Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan di manakah tapak sekolah menengah baru yang dicadangkan di Upper Moyog, Penampang dan bilakah sekolah menengah tersebut di Upper Moyog, Penampang itu akan dibina.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat untuk makluman Yang Berhormat, cadangan membina sekolah menengah baru di kawasan Upper Moyog iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Kipovo Kampung Babagon, Penampang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sekolah ini mampu untuk memenuhi keperluan pembelajaran dan *enrollment* pelajar di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang membuat penelitian kesesuaian lokasi, tapak dan juga tanah yang diwartakan oleh Jabatan Tanah dan Ukur negeri Sabah untuk pembinaan sekolah tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih dengan jawapan. Boleh minta penjelasan yang lebih mendalam? Tapak sekolah ini belum dimulakan ataupun sekolah ini pun belum dibina, *there is no ground breaking at the moment*, dengan izin. Saya ingin membawa kepada perhatian kementerian bahawa sudah lima dekad sejak penubuhan Malaysia, sekolah menengah di Upper



Moyog tidak pun pernah dibuat dan beribu-ribu murid terpaksa pergi ke Lower Moyog untuk mendapat *continuation* selepas sekolah rendah.

Banyak masalah yang dihadapi mereka lebih-lebih lagi daripada Upper Moyog sebab ia jauh dari kampung mereka sehingga ke Lower Moyog, Kampung Terian, Buayan, Tagudon dan banyak lagi. Soalan saya adalah dengan cadangan sekolah ini adakah pelan untuk membuat asrama dan juga rumah - *I mean* tempat ibadat bagi orang-orang Kristian dari Upper Moyog di sekolah itu? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Penampang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kita di Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberi tumpuan untuk pembinaan sekolah. Untuk maklumat selanjutnya, mungkin ini dapat memberi sedikit lebih penjelasan secara terperinci status sebenarnya sekolah itu. Untuk maklumat Yang Berhormat, saya pasti Yang Berhormat sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan projek ini pada tahun 2012.

■1030

Projek pembinaan sekolah menengah ini sedang menunggu kelulusan permohonan pelan pembangunan daripada Majlis Daerah Penampang yang telah dihantar oleh perunding pada 2 Oktober 2015. Kelulusan ini lazimnya mengambil masa enam bulan dan kelulusan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat telah diperoleh pada 9 Oktober 2015 dan masih menunggu ulasan daripada agensi-agensi yang lain. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyusul rapi perkara ini dan telah memohon kepada Majlis Daerah Penampang agar mempercepatkan kelulusan ini.

Dalam bab asrama dan rumah ibadat akan menjadi keperluan kita selepas selesai pembinaan sekolah menengah. Yang menjadi keutamaan kepada kita pembinaan sekolah menengah kebangsaan itu menjadi keutamaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai tanah. Pengalaman saya di kawasan, banyak sekolah rendah yang dahulunya dibina di zaman British sehingga hari ini. Mungkin pembinaan itu amat penting pada mulanya pada pendidikan anak-anak kita. Akan tetapi, contohnya SK Sungai Tiram semakin ramai murid-murid, oleh sebab masalah tanah, maka sekolah ini tidak dapat dibina.

Jadi saya ingin tahu, bagaimana kementerian menerusi pejabat pendidikan daerah menangani masalah ini supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan cepat supaya anak-anak kita dapat menerima pendidikan yang lebih baik. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran, Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kita di Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin atas keperluan pembinaan sekolah-sekolah baru. Penempatan semula sekolah-sekolah yang mana sekolah kurang murid ke kawasan bandar.

Walau apa pun keperluannya yang paling penting ialah komitmen daripada kerajaan negeri sangat penting kerana bab kuasa tanah berada di kuasa kerajaan negeri.

Akan tetapi, saya harus mengatakan di sini Kerajaan Negeri Sabah memang amat prihatin dan sentiasa memberi kerjasama sepenuhnya. Yang paling penting ialah untuk mengenal pasti tanah, yang pertama. Yang kedua, peruntukan kewangan yang disalurkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia juga memainkan peranan penting untuk kita membuat keputusan yang seterusnya untuk pembinaan sekolah baru.

Kita sentiasa mengambil kira keperluan atau dengan izin *priority* kawasan-kawasan dan lokasi-lokasi dan kita mengambil kira keperluan Yang Berhormat Libaran juga dan kawasan-kawasan lain di Sabah dan juga Sarawak untuk memastikan infrastruktur-infrastruktur sekolah-sekolah rendah, sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia akan sentiasa dijaga baik. Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pelan tindakan yang telah dirangka bagi membasmi gejala penyelewengan rakyat tempatan yang membuat salinan MyKad bagi mengeluarkan sijil kelahiran palsu; dan
- (b) apakah prosedur yang dijalankan jika seseorang warga tempatan yang mempunyai kesulitan kewangan tidak mendaftar anaknya sewaktu lahir dan ingin membuat MyKad.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri mengambil maklum pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang mana merujuk penyalahgunaan salinan MyKad orang lain bagi maksud untuk memaparkan kelahiran bagi anak-anak mereka.

Dalam hal ini perlu ditegaskan sekiranya terdapat cubaan sedemikian, permohonan itu tidak akan diproses dan tidak akan melepasi sistem verifikasi di Jabatan Pendaftaran Negara. Ini ialah kerana, JPN mempunyai sistem yang boleh mengesan pemilik sebenar kad pengenalan tersebut melalui imbasan AFIS atau dengan izin, *Automatic Fingerprint Identification System*.

Mana-mana pihak yang didapati bersalah menggunakan kad pengenalan palsu atau menggunakan kad pengenalan orang lain boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 25(1)(e) Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990 iaitu individu yang terlibat boleh dikenakan hukuman penjara tempoh tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Dalam hal ini, semenjak tahun 2009 sehingga November 2015 sebanyak 1,844 operasi penguatkuasaan telah dijalankan dan dalam tempoh tersebut seramai 835 orang daripadanya telah didakwa di bawah peruntukan ini.

Bagi menjawab soalan (b), setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia wajib untuk dilaporkan dan didaftarkan di JPN. Dalam hal ini, JPN mengenakan undang-undang yang

termaktub di bawah tiga akta yang memberikan tumpuan, peruntukan kepada JPN untuk mendaftarkan apa-apa kelahiran seperti berikut:

- (i) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 bagi Semenanjung Malaysia;
- (ii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11. Tahun 1948) bagi negeri Sabah; dan
- (iii) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab X (No. 6. Tahun 1951) bagi negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi pendaftaran kelahiran dia ada buat dalam tempoh 14 hari mulai pada tarikh kelahiran kanak-kanak. JPN tidak akan mengenakan sebarang bayaran pendaftaran kepada permohonan bagi mengeluarkan sijil kelahiran dan kanak-kanak bertaraf warganegara pula akan dikeluarkan dengan MyKid.

Walau bagaimanapun, bagi pendaftaran yang dibuat melebihi 14 hari daripada tarikh kelahiran, JPN akan mengenakan bayaran sebanyak RM5 sebagai pendaftaran lambat dan bagi pendaftaran lewat kelahiran yang melebihi daripada 42 hari daripada tarikh kelahiran itu, fi sebanyak RM10 akan dikenakan selain denda kompaun yang tidak melebihi RM50.

Bagi golongan kurang bernasib baik seperti orang kelainan upaya (OKU) dan fakir miskin, tidak ada sebarang bayaran akan dikenakan. Pendaftar besar ataupun penguasa pendaftar mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian merujuk kepada kaedah-kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1986.

Kementerian ini juga ingin menyeru agar semua rakyat mengambil berat akan perkara ini bagi memastikan semua kelahiran yang berlaku di Malaysia didaftarkan kerana ia merupakan asas penting dalam menentukan taraf kewarganegaraan negara seseorang. Selain itu, data-data kelahiran ini juga amat penting di dalam merancang agenda pembangunan negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Segala jenis aktiviti pemalsuan MyKad ataupun surat beranak adalah satu kesalahan jenayah dan individu yang terbabit boleh diberkas dan dikenakan hukuman yang berat seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Maka soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi memastikan tidak berlaku pengeluaran sijil kelahiran ataupun surat beranak kepada orang tidak layak atau yang tidak bertanggungjawab di samping apakah langkah proaktif pihak Kementerian Dalam Negeri dalam penggunaan teknologi baru untuk menaik taraf tahap keselamatan yang berkualiti yang terdapat pada MyKad yang menyukarkan ia daripada dipalsukan oleh sindiket pemalsuan kad pengenalan. Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, sebagai satu langkah untuk kita membendung perkara ini ialah yang pertama kita mengadakan pemantauan dan juga operasi bersama Jabatan Imigresen Malaysia dan juga

Polis Diraja Malaysia untuk menentukan ataupun memantau, menyiasat dan juga penemuan sindiket pemalsuan kad pengenalan seperti yang disebutkan.

Soalan yang kedua, Yang Berhormat tadi menyebut tentang ciri-ciri ataupun langkah untuk kita mengetatkan sijil atau MyKad yang baru ini. Pertama, MyKad yang baru itu atau struktur baru yang memiliki ciri keselamatan yang lebih tinggi, yang mempunyai ataupun dibuat daripada bahan polikarbonat dan ketahanannya telah pun diuji di makmal dan juga berkualiti lebih tinggi.

Di samping itu juga, kita ada cip MyKad struktur baru telah melalui beberapa peringkat pengujian termasuklah sebelum proses kemasukan cip ke dalam MyKad. Semua nombor siri cip juga menggunakan nombor yang unik agar tidak mudah untuk dipalsukan.

■1040

Selain itu terdapat juga tulisan laser pada nama kad pengenalan dan gambar kecil atau lebih dikenali sebagai '*ghost image*' yang tidak membolehkan maklumat dipinda dengan mudah dan sekiranya terdapat pindaan tersebut ia akan dapat dikesan dengan mudah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, hanya soalan pendek berkenaan dengan soalan 5(a). Ini merujuk kepada mereka yang menggunakan salinan MyKad untuk menghasilkan sijil kelahiran yang dikatakan palsu. Soalan saya ialah berkenaan dengan keadaan di mana kita mendapati bahawa benar kad itu digunakan untuk menghasilkan sijil kelahiran palsu. Soalan saya, apakah tindakan yang diambil terhadap kanak-kanak yang terlibat dalam keadaan tersebut oleh sebab ia melibatkan sijil kelahiran yang merujuk kepada seorang bayi yang baru dilahirkan? Apakah keadaan dalam kes-kes sedemikian dan apakah tindakan kerajaan khususnya kementerian dalam keadaan tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Pada mulanya, kalau kita tahu ialah permohonan itu menggunakan kad palsu ia pasti akan ditolak. Kita tidak boleh mengambil ataupun mengeluarkan sijil lahir kepada permohonan yang tidak mengikut undang-undang yang sedia ada. Sekian terima kasih.

**6. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Perdana Menteri menyatakan peranan dan pencapaian Perbadanan Tenaga Nuklear Malaysia atau Malaysian Nuclear Power Corporation (MNPC) yang merupakan sebuah entiti di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam memastikan keperluan tenaga negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mah Siew Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Perbadanan Tenaga Nuklear Malaysia (MNPC) telah ditubuhkan pada Januari 2011 dan peranannya adalah untuk melaksanakan siri kajian di bawah Projek Permulaan (*Entry Point Project*) iaitu untuk meneliti kesesuaian penggunaan tenaga nuklear bagi membantu memenuhi permintaan tenaga khususnya tenaga elektrik negara untuk tempoh jangka panjang.

MNPC sebagai sebuah Syarikat Jaminan Terhad (*Company Limited by Guarantee*) di bawah tadbir urus Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab untuk menyelaraskan perancangan dan pelaksanaan kajian program pembangunan kuasa nuklear. Penubuhannya adalah berdasarkan garis panduan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) yang telah mengesyorkan supaya sebuah organisasi pelaksanaan program tenaga nuklear ditubuhkan oleh mana-mana negara yang mengkaji untuk menggunakan tenaga nuklear. Syor ini terkandung dalam dokumen siri IAEA, '*Milestones in the Development of a National Infrastructure for Nuclear Power*', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kajian yang dilaksanakan oleh MNPC mengenai tenaga nuklear meliputi beberapa aspek utama, kajian perundangan dan kawal selia, kajian kemungkinan dan kajian pendapat umum. Manfaat siri kajian ini adalah untuk digunakan bagi memastikan semua aspek persediaan telah diambil kira secara terperinci dan komprehensif sekiranya penajaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan negara pada masa depan. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekiranya kajian *feasibility study*, kajian penerimaan masyarakat dan kajian mengenai tapak telah pun selesai, bilakah perundangan yang baru ini akan dibentangkan? Apakah persiapan yang dibuat? Apakah jenis reaktor yang akan dibina pada masa akan datang yang mungkin masa pembinaannya singkat dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa soalan dan izinkan saya untuk menjawab yang pertama. Kerajaan mencadangkan satu rang undang-undang tenaga atom yang baru dan hasratnya adalah untuk tahun depan. Ini bertujuan untuk mengawal aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga atom dan selain memastikan keselamatan bahan radioaktif, bahan nuklear dan kemudahan yang berkaitan. Rang undang-undang ini lebih komprehensif dan merangkumi semua aspek keselamatan dan menggantikan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang sudah 30 tahun.

Saya hendak menegaskan bahawa rang undang-undang baru ini tetap diperlukan tidak kira sama ada kerajaan membuat keputusan untuk menggunakan tenaga nuklear kerana bidang-bidang lain yang akan juga dikawal selia oleh rang undang-undang baru ini termasuk kesihatan dan perubatan, industri, pertanian dan alam sekitar.

Saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan apakah sebabnya kita memerlukan rang undang-undang ini. Ini kerana rang undang-undang ini juga akan meningkatkan hak negara kita dalam hubungan dengan negara-negara jiran yang juga sedang membangunkan program tenaga nuklear. Daripada 10 buah negara ASEAN, lebih daripada lapan buah negara telah menyatakan hasrat untuk mengadakan tenaga nuklear. Dengan adanya rang undang-undang baru ini melalui peruntukan yang berasaskan triti dan konvensyen, ini juga akan memastikan keselamatan dan juga perlindungan liabiliti bagi loji-loji jana kuasa yang akan dibina di negara-negara jiran. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga atas ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya kira penerimaan terhadap keperluan tenaga nuklear ini masih menghadapi persepsi negatif daripada masyarakat setempat. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, selain daripada kajian-kajian yang dibuat, apakah lagi usaha-usaha penerangan dan juga penyebaran maklumat yang dijalankan oleh pihak kementerian ataupun kerajaan bagi menjawab segala persepsi buruk yang timbul tentang loji nuklear ini? Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita masih dalam peringkat kajian. Akan tetapi saya juga hendak memberitahu walaupun terdapat persepsi buruk, itu satu proses yang untuk memberikan *knowledge* dan pendidikan. Pada masa kini, 31 buah negara di dunia sudah menggunakan nuklear sebanyak 438 buah stesen nuklear dan 16 buah negara dalam pelaksanaan.

Selepas insiden Fukushima pada tahun 2011, Jepun telah menutup kesemua reaktor nuklear mereka. Akan tetapi baru-baru ini, dengan *headline 'Japan restarted first nuclear power plants'* dan pada bulan lalu, *'Japan fired up second nuclear power plants'*. So, ini bermakna mereka juga memerlukannya. Saya juga hendak memberikan contoh, UAE sebuah negara pengeluar minyak yang terbesar. Akan tetapi UAE, negara yang kaya dengan rizab minyak telah membina sebuah loji tenaga nuklear. Argentina juga akan membina loji nuklearnya dan baru-baru ini, United Kindgom juga telah mengumumkan akan membina sebuah loji nuklear di Hinkley Point. So, ini ialah kemajuan apabila teknologi nuklear bertambah baik.

Saya tidak bermaksud bahawa kita hendak mengikut apa yang mereka telah lakukan tetapi kita hendak meneruskan kajian dan itu adalah fungsi MNPC iaitu menyediakan strategi yang fleksibel supaya apabila sampai waktunya, Malaysia mempunyai pilihan untuk menggunakannya, *we are ready with the option*. Saya juga hendak memberikan jaminan bahawa kita akan mengkaji semua fakta dan kita mahukan satu keputusan yang tepat dan bukannya cepat. Terima kasih.

#### ■1050

7. **Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan untuk mengkaji semula syarat-syarat permohonan bantuan sara hidup nelayan supaya golongan nelayan-nelayan kecil tidak tercicir daripada menikmati bantuan tersebut.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Nogeh anak Gumbek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Merbok, yang begitu prihatin dengan kebajikan masyarakat nelayan. Tuan Yang di-Pertua, penerima elaun sara hidup nelayan adalah terdiri daripada nelayan laut dan juga nelayan darat. Bagi nelayan laut, terdapat dua kategori iaitu pemilik *vessel* individu dan pekerja di atas *vessel* yang tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut.

Bagi pemilik *vesse/* atas nama individu, nelayan itu mestilah memiliki MyKad dan berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan dan memiliki lesen *vesse/* perikanan individu Zon 'A', Zon 'B' dan Zon 'C' yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia atau lesen *vesse/* yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Sabah atau Lembaga Pelabuhan dan Dermaga Negeri Sabah dan lesen menangkap ikan dari Jabatan Perikanan Sabah dan menangkap ikan di laut sekurang-kurangnya 120 hari setahun.

Bagi pekerja di atas *vesse/* perikanan, mereka haruslah warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas pada tarikh memohon dan memiliki kad pendaftaran nelayan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia dan didaftarkan sebagai pekerja *vesse/* oleh pemilik *vesse/* individu dan syarikat dan menangkap ikan di laut sekurang-kurangnya 120 hari setahun.

Syarat-syarat yang ditetapkan ini adalah bagi memastikan hanya nelayan tulen yang benar-benar ke laut menangkap ikan sahaja menikmati bantuan elaun sara hidup nelayan. Bermula Januari hingga Oktober 2015, secara puratanya seramai 50,742 orang nelayan telah menerima elaun sara hidup yang melibatkan peruntukan sebanyak lebih dari RM101 juta.

Bagi nelayan darat, penerimaan elaun sara hidup adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut. Memiliki MyKad. Bayaran elaun sara hidup bulanan ini hanya dicarumkan kepada nelayan darat turun sahaja. Definisi nelayan turun adalah seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun;
- (iii) Terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan di perairan sungai termasuk tasik, bekas lombong, empangan dan lain-lain perairan umum dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan tidak kurang daripada 25 hari setiap bulan dan sekurang-kurangnya 25% jumlah pendapatan adalah daripada penangkapan ikan dan tiada pekerjaan yang memberikan pendapatan yang tetap;
- (iv) Mempunyai lesen perkakas atau *vesse/* menangkap ikan atau berdaftar secara pentadbiran di Jabatan Perikanan Malaysia bagi Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian bagi Sarawak dan Jabatan Perikanan Sabah bagi Sabah; dan
- (v) Mendapat juga pengesahan daripada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung atau pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli atau ketua badan-badan komuniti nelayan kawasan yang ditubuhkan di bawah penyeliaan Jabatan Perikanan Malaysia bagi Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian bagi Sarawak dan Jabatan Perikanan Sabah bagi Sabah.

Sehingga Oktober 2015, seramai 3,481 orang nelayan darat telah menerima bantuan sebanyak RM200 sebulan melibatkan peruntukan sebanyak RM6.9 juta.

Berdasarkan kepada syarat sedia ada bagi nelayan laut dan nelayan darat seperti yang saya sebutkan tadi, ia sudah memadai untuk melayakkan golongan nelayan-nelayan kecil untuk menerima bantuan elaun sara hidup yang diberikan oleh kerajaan. Kementerian Pertanian dan

Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa mengemas kini senarai penerima dari semasa ke semasa dan mengadakan pemantauan di setiap peringkat bagi mengelakkan keciciran penerima elaun sara hidup ini. Sekian, terima kasih.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin menyentuh mengenai projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tanjung Dawai, Merbok, Kedah. Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tanjung Dawai telah diluluskan di atas tapak seluas 25,000 ekar yang asalnya merupakan kawasan paya bakau. Projek tersebut telah dimulakan pada 15 Mac 2013 yang melibatkan peruntukan sebanyak lebih kurang RM48 juta.

Soalan saya, apakah kriteria Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam memilih bakal pemilik ataupun keluarga yang terlibat dalam projek penempatan semula ini? Adakah pemuliharaan rumah PSN Tanjung Dawai ini akan dikenakan sebarang bayaran? Sila nyatakan anggaran kos yang dirasakan sesuai oleh LKIM atau Kementerian Kewangan Malaysia kepada penerima rumah PSN Tanjung Dawai. Soalan yang terakhir, bilakah projek ini dijangka siap sepenuhnya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Mengenai projek Penempatan Semula Nelayan Tanjung Dawai di Merbok, antara kriteria Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam pemilihan peserta PSN ini adalah nelayan tulen sepenuh masa, warganegara Malaysia, tidak mempunyai tanah sendiri dan kita mengutamakan nelayan miskin tegar ataupun yang berpendapatan rendah.

Adakah peserta PSN Tanjung Dawai dikenakan sebarang bayaran? Kaedah pemilikan rumah PSN di Tanjung Dawai akan dibincangkan dan diputuskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Projek Khas Perumahan Nelayan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Bilakah PSN Tanjung Dawai ini dijangka siap sepenuhnya? Status sehingga Oktober 2015 adalah 62% dan dijangka siap pada 31 Mac 2016. Sekian, terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Selain daripada elaun sara hidup untuk nelayan ini, ada atau tidak daripada pihak kementerian untuk merancang satu industri hiliran kepada nelayan-nelayan terutamanya ialah pada waktu musim tengkujuh. Boleh kita letakkan di kawasan-kawasan yang tertentu supaya nelayan ini dapat bekerja terutamanya pada musim tengkujuh industri hiliran sama ada berkaitan dengan perikanan ataupun sebagainya. Apa yang pentingnya ialah untuk menambahkan pendapatan mereka. Ini kerana hanya anggaran RM200 sebulan itu mungkin saya rasa tidak berapa mencukupi. Mungkin hanya sekadar untuk memberi rokok dan cerut sahaja. Terima kasih.

**Tuan Nogeh anak Gumbek:** Terima kasih Yang Berhormat. Itu adalah satu cadangan yang baik. Buat masa ini, kita juga menggalakkan ahli-ahli persatuan nelayan untuk menolong membaiki di bawah skim pembaikan rumah ataupun di projek membina rumah dan proses



pendaftaran semula untuk kerja sementara sewaktu tidak dapat pergi ke laut untuk membuat kerja-kerja pembaikan rumah dan sebagainya. Kita akan mengambil cadangan itu untuk membuat pengusaha-pengusaha yang lain supaya mereka ini mendapat pekerjaan lain di waktu mereka tidak dapat pergi ke laut. Sekian, terima kasih.

■1100

8. **Dato' Dr. Nik Mazlan bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan kemajuan dan perbelanjaan terkini daripada kerajaan mengenai pembinaan Lebuh raya Lingkaran Tengah "*Central-Spine*" bagi menghubungkan bandar Kota Bharu dan Kuala Lumpur. Adakah Kerajaan Persekutuan akan menanggung sepenuhnya kos pembinaan termasuk Lebuh raya Kota Bharu ke Kuala Krai.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum projek membina dan menaik taraf Jalan Central Spine ialah antara projek berkeutamaan tinggi yang menjadi komitmen kerajaan untuk diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek ini telah dipecahkan kepada dua fasa pembinaan iaitu melibatkan laluan Simpang Pelangai, Bentong ke Kuala Krai, Kelantan sepanjang 390 kilometer dan laluan Kota Bharu ke Kuala Krai sepanjang 61.5 kilometer. Keseluruhan kos projek ini dianggarkan sebanyak RM8.4 bilion.

Sehingga kini kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM967 juta iaitu RM819 juta untuk laluan Bentong ke Kuala Krai dan RM148 juta untuk laluan Kota Bharu ke Kuala Krai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek membina jalan baru dan menaik taraf jalan *Central Spine* melibatkan laluan Jalan Persekutuan 8 atau FT8 dari Bentong ke Raub seterusnya ke Lipis, Gua Musang dan ke Kuala Krai telah diluluskan secara berperingkat mulai Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pelaksanaan projek bernilai RM6.6 bilion ini telah dipecahkan kepada enam pakej pembinaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini keutamaan kerajaan ialah untuk membina Pakej 3 terlebih dahulu iaitu melibatkan skop laluan jalan antara Merapoh ke Kampung Relong di Lipis, Pahang. Ini kerana laluan tersebut telah dikenal pasti sebagai kawasan yang kerap berlaku kemalangan ataupun lebih kita kenali sebagai *black spot area* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua setakat ini 37.4 kilometer jalan baharu atau hampir 10% daripada jarak keseluruhan projek telah siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas iaitu melibatkan laluan dari Kampung Kubang Rusa ke Felda Chegar Perah 2 seterusnya ke Kampung Kechur, Kuala Lipis. Ia telah berhasil memendekkan masa perjalanan daripada 90 minit kepada tempoh 20 minit sahaja. Manakala sub pakej 3 lain yang kini sedang dibina ialah melibatkan laluan Kampung Kechur ke Kampung Seberang Jelai sepanjang 3.85 kilometer dan laluan Merapoh ke Kampung Kubang Rusa sepanjang 14 kilometer yang dijangka akan siap masing-masing pada bulan Oktober 2016 dan Mac 2018. Di samping itu sebahagian laluan pakej 5 iaitu Raub ke Bentong iaitu dari Kampung Asap ke Kampung Sertik sepanjang 38.5 kilometer baharu sahaja dimulakan

pada bulan November 2015 ini. Pakej-pakej lain Jalan *Central Spine* akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu dari tempoh 2016 hingga 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek membina dan menaik taraf jalan Kota Bharu ke Kuala Krai pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan telah memutuskan projek tersebut akan dibuat secara berperingkat kerana ia melibatkan kos yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM1.8 bilion. Pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada tiga fasa seperti berikut:

- (i) Pakej 1 dari Wakaf Siku ke Kadok sepanjang 11.4 kilometer;
- (ii) Pakej 2 dari Kadok ke Bukit Tinggi, Machang sepanjang 28.9 kilometer;  
dan
- (iii) Pakej 3 dari Bukit Tiu, Machang ke Kuala Krai sepanjang 21.2 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan telah meluluskan dua pakej pembinaan untuk projek membina jalan Kota Bharu ke Kuala Krai iaitu fasa 1, Pakej 1B Pasir Hor ke Kadok. Projek ini telah dimulakan pada bulan April 2014. Kemajuan semasa di tapak 35% dan dijangka siap pada bulan April 2017. Fasa 2 Pakej 2A, Kadok ke Ketereh projek ini telah dimulakan pada bulan April 2015. Kemajuan semasa ditapak 6% dan dijangka siap pada bulan April 2018.

Manakala baki jajaran Jalan Kota Bharu ke Kuala Krai yang lain akan dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas tertakluk kepada peruntukan yang bakal diterima daripada agensi pusat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop untuk Pakej 3 di atas iaitu Bukit Tiu, Machang ke Kuala Krai didapati selari dengan jajaran Lebuhraya Rakyat yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu pembinaan laluan baharu dari Bukit Tiu, Machang ke Dusun Damar, Kuala Krai sepanjang 30 kilometer.

Kementerian ini dimaklumkan bahawa kerajaan negeri hanya berhasrat untuk melaksanakan projek itu untuk jarak setakat 10 kilometer sahaja manakala baki 20 kilometer lagi akan diserahkan kepada Kerajaan Pusat. Cadangan itu sedang dalam pertimbangan oleh agensi pusat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan yang cukup baik dan indah dan memberikan khabar gembira kepada kita di Kelantan khususnya kalau kita wakil rakyat balik ke Kelantan ini memang letih kalau dengan kereta disebabkan oleh tidak ada *highway*. Untuk pengetahuan semua salah sebuah negeri yang tidak mempunyai *highway* (lebuhraya) ialah Kelantan. Mungkin lambat lagilah Kelantan hendak merasai *highway* ini. Soalan saya ialah yang cukup menarik ialah yang 10 kilometer itu yang hendak ditanggung oleh kerajaan negeri, soalan saya bolehkah Kerajaan Pusat ambil semua sekali? Ini kerana tanggungjawab membina lebuhraya ini ialah tanggungjawab Kerajaan Pusat.

Saya rasa kerajaan negeri mampu tetapi tiada kerajaan negeri di mana-mana negeri pun yang membina lebuhraya sendiri. Bolehkah dalam perundingan ini kita minta pihak Kerajaan Pusat *take over* semua pembangunan lebuhraya ini. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Yang Berhormat Pasir Puteh saya ingin memaklumkan Yang Berhormat ya, sebenarnya perancangan ataupun pengumuman mengenai pelaksanaan 30 kilometer ini dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan ya. Negeri Kelantan yang menawar diri untuk melaksanakan projek ini. Hanya selepas kegagalan oleh kontraktor yang dilantik dan juga kekangan kewangan maka daripada itu Kerajaan Negeri Kelantan telah cuba membincangkan perkara ini dengan Kerajaan Pusat.

Seperti yang saya nyatakan pada jawapan saya Yang Berhormat, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, Kerajaan Pusat mendengar, mendengar dan malah meneliti, cuma daripada segi keputusan, kita tidak ada keputusan lagi daripada agensi pusat Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga Kerajaan Pusat tidak pernah menganaktirikan Kelantan. Malah dalam ucapan bajet baru-baru ini, pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi keutamaan kepada pembinaan Jalan *Central Spine* ini dan juga secara spesifiknya menyebut mengenai projek Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai Yang Berhormat. Jadi tidak ada soal negeri Kelantan dipinggirkan dalam perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga terima kasih atas kesungguhan Kerajaan Pusat menyempurnakan Jalan *Central Spine* terutamanya dengan memberikan keutamaan untuk memulakannya juga sebelah Kota Bharu ke Kuala Krai. Adakah Yang Berhormat sedar bahawasanya pihak kerajaan negeri ada membuat kutipan dengan orang ramai dan mungkin wang yang diperoleh itu sedang lagi dikutip.

Maka apakah kerajaan— adakah kementerian Yang Berhormat bercadang sekiranya ada keupayaan Yang Berhormat akan memberi peluang untuk kerajaan negeri menyempurnakan hasratnya itu. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, dalam pelaksanaan fasa 1, fasa 2 lebuhraya yang berkenaan, maksud saya yang dari Kota Bharu ke Kuala Krai, saya mendapati kementerian telah memecah-pecahkan projek itu kepada pakej yang terlalu kecil sehinggakan setiap satu pakej tidak boleh hendak cover satu kawasan Parlimen pun.

■1110

Sebagai contoh pakej 2A yang Yang Berhormat sebutkan tadi daripada Pasir Hor ke Kabuk dan Kadok ke Ketereh itu hanya tidak sampai satu DUN pun dia punya panjang. Dari segi pembinaan, tidakkah Yang Berhormat merasakan pecahan kecil ini menyebabkan kos yang lebih tinggi kerana terlibat dengan *mobilization cost* dan sebagainya yang *repetitive* yang menyebabkan pelaksanaan tidak efisien. Tidakkah Yang Berhormat bercadang supaya pakej 2A yang sedang berjalan ini boleh diberikan kepada kontraktor yang berprestasi tinggi untuk melaksanakan sekurang-kurangnya dia siap dalam satu kawasan Parlimen.

Juga Yang Berhormat saya ingin bertanya tentang reka bentuk lebuhraya ini. Saya ada membangkitkan dalam ucapan Rancangan Malaysia Kesebelas dan saya juga ada bertemu dengan pegawai kementerian di mana lebuhraya ini yang melalui kawasan-kawasan padat penduduk tetapi tidak mempunyai persimpangan yang mencukupi terutama sekali bagi kawasan Kolej Matrikulasi Pasir Puteh, Kampung Banggol Saman di mana PR1MA sedang bercadang

membina 1,000 rumah dan SPNB telah membina 1,000 rumah dan kolej matrikulasi telah belanja lebih RM200 juta telah pun siap diduduki tetapi di dalam reka bentuknya tidak mempunyai jalan keluar masuk ke lebuhraya berkenaan sedangkan jalan itu lalu di tepi projek berkenaan dan saya telah membangkitkan perkara ini. Adakah Kementerian Yang Berhormat telah membuat kajian dan bersedia untuk mengubah suai reka bentuk bagi mengambil kira keperluan penduduk setempat. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Ketereh di atas soalan tambahan. Untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat tersebut saya ingin juga menyatakan di sini bahawasanya kerajaan sudah tentu di peringkat kementerian kita mengalu-alukan hasrat Kerajaan Negeri Kelantan untuk melaksanakan 30 kilometer jajaran lebuhraya rakyat yang digelar oleh mereka itu. Namun, memang ada permintaan juga daripada Kerajaan Negeri Kelantan supaya 20 kilometer daripada 30 kilometer itu dapat dijalankan atau dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan setakat ini telah menyatakan hasrat untuk menyelesaikan 10 kilometer tersebut. Setakat ini tidak ada permintaan untuk Kerajaan Pusat mengambil alih keseluruhan 30 kilometer tetapi kita masih menanti keputusan daripada agensi pusat.

Mengenai persoalan Yang Berhormat Ketereh kepada pakej-pakej yang dibahagikan secara kecil tersebut, kita akan mengambil maklum Yang Berhormat. Dalam soal ini Yang Berhormat sebenarnya perancangan kepada pelaksanaan lebuhraya ataupun jalan-jalan ini akan melalui beberapa fasa perbincangan terutama sekali dalam makmal *value management* yang dianggotai oleh banyak pihak termasuklah wakil daripada kerajaan negeri dan sebaiknya bagi membincangkan apa yang terbaik dari segi pelaksanaan, namun apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu kita akan mengambil maklum dan soal mengenai kepadatan penduduk, pembinaan persimpangan itu juga terutama sekali yang merentasi Kolej Matrikulasi Pasir Puteh, Yang Berhormat kita juga akan mengambil maklum dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketereh itu memang dalam pertimbangan kementerian ini. *Insyallah* perkara ini kan disampaikan. Namun pada masa yang sama saya juga ingin menyatakan bahawa keutamaan kerajaan terutama sekali Kementerian Kerja Raya adalah untuk memastikan bahawa rangkaian jalan penghubung terutama sekali di negeri Kelantan ini dapat diperbaiki dan juga dibina supaya apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi akan menjadi satu realiti iaitu jalan perhubungan yang baik untuk rakyat terutama sekali di negeri Kelantan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kementerian akan menimbang untuk menambah bilangan '*trip shuttle train*' JB-Singapura memandangkan sambutan orang awam terhadap '*shuttle train*' tersebut amat menggalakkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkhidmatan

*shuttle train* Johor Bahru-Singapore telah mula beroperasi pada 1 Julai 2015. Perkhidmatan yang dinamakan sebagai *shuttle* Tebrau ini disediakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan mampu membawa penumpang dari JB Sentral ke Woodlands Train Checkpoints dalam masa hanya lima minit.

Perkhidmatan ini sangat popular terutamanya penduduk di Johor yang bekerja atau belajar di Singapura yang inginkan kelebihan untuk menyeberangi sempadan dengan cepat. Setiap trip boleh membawa kira-kira 320 penumpang. Pada masa ini bilangan perkhidmatan *shuttle train* Johor Bahru ke Singapore ini adalah 14 trip sehari iaitu 7 trip sehalu. Memandangkan permintaan yang tinggi kerajaan Malaysia telah pun mencadangkan untuk menambah bilangan trip bagi perkhidmatan ini.

Cadangan ini secara dasarnya dipersetujui oleh Singapura dan pada awal Oktober 2015 yang lalu KTMB telah diberikan kebenaran oleh pihak [Immigration & Checkpoints Authority of Singapore](#) (ICA) untuk menambah bilangan perkhidmatan *shuttle train* kepada 22 trip iaitu 11 trip sehalu sehari. Cadangan ini sekarang sedang menunggu kelulusan selanjutnya oleh pihak Kementerian Pengangkutan Singapura. Pada masa yang sama ketika ini KTMB sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menyediakan jadual yang bersesuaian dan bercadang untuk melaksanakan jadual baru ini bagi perkhidmatan *shuttle train* ini. Pelaksanaan perkhidmatan ini akan dimulakan sebaik sahaja kelulusan diterima oleh pihak Kementerian Pengangkutan Singapura. Jawapan ini *straight forward* dan tidak perlu soalan tambahan.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan *shuttle train* itu amat berkesan untuk sebanyak sedikit melegakan kesesakan lalu lintas di Tambak Johor. Walau bagaimanapun, kini masih ada dua masalah teknik. Yang pertama ialah perkhidmatan pengangkutan awam daripada kawasan perumahan ke JB Sentral amat berkurangan dan tidak berkesan.

Yang kedua ialah tambang daripada Singapura balik ke JB adalah SGD5 adalah agak mahal sedikit. Jadi saya hendak tanya apakah usaha kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan bas yang lebih berkesan menepati masa dan mungkin tempat-tempat letak kereta yang berhampiran dengan JB Sentral. Sekian terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai memenuhi kehendak Yang Berhormat supaya semuanya dipendekkan, saya ingin menjawab bawah kerajaan akan memberi pertimbangan kepada cadangan Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun berminat juga hendak bertanya tentang soalan ini walaupun menteri tidak bagi tanya soalan tambahan tadi. Selain daripada cadangan pihak kementerian untuk menambah bilangan trip adakah kementerian mempunyai cadangan untuk menyediakan perkhidmatan 24 jam ataupun mengawal atau melanjutkan lagi waktu operasi memandangkan terdapat ramai rakyat Johor khususnya yang bekerja di sana memerlukan perkhidmatan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sekarang ini kita ada tujuh trip ataupun 14 trip, tujuh sehalu kita ada 14, sekarang kita naikkan kepada 22. Daripada 22 atau 11 trip sehalu ini kita tengok dahulu. Kalau sekiranya ada permintaan yang lebih tinggi dan juga mendesak kita akan memberikan pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

■1120

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua boleh minta soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri berkaitan dengan *shuttle fare* dan yang berkaitan. Bolehkah minta penjelasan, kenapakah *fare* KLIA1 ataupun KLIA2 ke Sentral telah dinaikkan dan bukankah ini akan membebankan orang terlebih lagi daripada *Borneo*, Sabah dan Sarawak yang akan datang ke Kuala Lumpur dari Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat tanya fasal KLIA ini tidak termasuk soalan ini – ini soalan tambahan. Jadi saya bagi tahu kepada Yang Berhormat, sebenarnya kita ada *detail* tentang perkara ini. Walaupun dia ada kenaikan sedikit ini hanya untuk Lembah Kelang sahaja dan kita ada *detail* berhubung dengan kenaikan tersebut. Saya akan bagi tahu kepada Yang Berhormat jawapan bertulis sebab dia ini lari daripada soalan yang asal iaitu berhubung dengan *shuttle train*, *Shuttle Tebrau* ini. Terima kasih Yang Berhormat.

10. **Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapa banyak tanah hutan simpanan kekal yang telah digunakan untuk kegiatan ekonomi. Mohon taburan ikut negeri dan apakah pendirian kementerian tentang isu ini.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 2014 sehingga kini kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia adalah seluas 5.8 hektar iaitu 44% daripada jumlah keluasan tanah Semenanjung Malaysia. Sebanyak 85% daripadanya telah pun diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 dan diurus dengan konsep pengurusan hutan secara berkekal ataupun *Sustainable Forest Management (SFM)* untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Di mana HSK ini telah dikategorikan sebagai dua kategori utama iaitu hutan pengeluaran 61% dan hutan perlindungan bakinya 39%. Hanya kawasan hutan pengeluaran sahaja yang dibenarkan untuk tujuan 'pengusahasilan' dan pengawalan terhadap pembukaan kawasan hutan ini adalah melalui pelaksanaan catuan tebaran tahunan (CTT) yang ditetapkan di semua negeri pada setiap rancangan Malaysia lima tahun.

Pada tahun lepas seluas 34,069 hektar kawasan HSK telah dibuka untuk 'diusahasil' dan menjana pendapatan berjumlah lebih kurang RM375 juta di Semenanjung Malaysia. Melalui

kutipan hasil meliputi royalti hasil kayu balak dan keluaran hutan lain, premium ses dan sumber lain seperti bayaran kompaun dan ganti rugi. Soalan daripada Yang Berhormat Kuala Kedah, menjurus kepada hutan yang digunakan untuk kegiatan ekonomi.

Oleh sebab kegiatan ekonomi merupakan satu sektor yang sangat luas saya hanya menjurus kepada jawapan hutan yang menjurus kepada hasil ekonomi daripada sumber hutan itu sendiri. Bagi yang lain-lain, tidak ada data yang lengkap daripada kerajaan negeri tetapi saya mempunyai butiran status pematuhan catuan tebangannya tahunan untuk negeri-negeri bagi tempoh RMKe-10 tahun 2011 hingga tahun 2015 dan saya akan jawab butiran tersebut secara bertulis.

Selanjutnya untuk menjamin sumber bekalan kayu kepada industri secara berterusan serta memelihara kepelbagaian biologi, sumber-sumber genetik dan kestabilan alam sekitar. Pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia komited untuk mengekalkan sijil pengurusan hutan secara berkekalan di bawah Skim Persijilan Kayu Malaysia. Untuk memastikan sumber hutan terus menyumbang kepada sumber ekonomi negara. Sekian terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hutan satu anugerah Ilahi yang besar, banyak kebaikan tetapi juga bila disalah uruskan kita dapat banyak masalah banjir dan juga penurunan kualiti udara. Soalan saya ialah bolehkah kita adakan satu rang undang-undang dan satu badan lembaga misalannya yang akan membuat pengawasan yang lebih ketat dan secara lebih telus tentang penggunaan hutan terutamanya hutan simpanan kekal. Jadi kerana kita selalu dengar balak dan lagi terpulang kepada isu kebijaksanaan negeri juga penggunaan hutan. Itu saya rasa satu benda yang berpotensi, merosakkan hutan kita. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang saya sebut tadi mungkin Yang Berhormat Kuala Kedah sedia maklum kita telah pun sedia ada Akta Perhutanan Negara 1984. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama kita juga dahulu ada Majlis Hutan Negara. Oleh sebab, Majlis Hutan Negara ini tidak ada ataupun tidak termaktub dalam perlembagaan ataupun tidak ada undang-undang yang khusus maka Majlis Hutan Negara telah pun di sekalikan dengan Majlis Tanah Negara kerana Majlis Tanah Negara termaktub dalam perlembagaan ataupun undang-undang yang berkenaan. Itu bagi menjawab segala persoalan yang dikhuatirkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah juga semua rakyat Malaysia.

Majlis tersebut kerap bersidang dan bulan Disember ini akan bersidang sekali lagi di mana itulah di antara usaha-usaha ataupun di antara beberapa perkara yang ditekankan. Supaya anugerah semula jadi yang kita sayangi ini tetap terpelihara. Oleh yang demikian, saya tambah sekali lagi ini adalah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Hutan walaupun di bawah tanggungjawab negeri. Makna kita ada Majlis Hutan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan 74(2), Perlembagaan Persekutuan Hutan.

Walaupun di bawah kerajaan negeri tetapi kita ada Majlis Hutan yang telah pun disekalikan Majlis Tanah Negara. Selain daripada segala peraturan yang telah pun ditetapkan

sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu beberapa perkara ditekankan tentang kaedah-kaedah penebangan dengan pelaksanaan catuan tebangan tahunan dalam HSK seperti yang saya sebutkan tadi. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kangar.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah hutan simpanan ini dijaga dan berapakah bajet yang telah diberikan untuk menjaga hutan ini terutamanya yang berpotensi menjadi destinasi pelancongan? Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Yang Berhormat boleh ulang tidak? Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kangar ulang balik.

**Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar]:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah hutan simpanan ini dijaga dan berapakah bajet yang telah diberikan untuk menjaga hutan simpanan ini terutamanya yang menjadi destinasi pelancongan?

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat, ringkas sahaja Yang Berhormat. Dalam RMKe-11 ini sejumlah peruntukan iaitu RM100 juta telah pun disediakan untuk program yang besar iaitu *reforest restoration* dan *conservation* di dalam bahasa Inggeris, dengan izin. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat sama ada hutan tersebut dijaga. Sudah tentulah jawapannya ada kerana setiap kerajaan negeri telah pun komited sebagaimana yang pada awal tadi saya sebutkan iaitu setiap kerajaan negeri komited dengan keluasan hutan simpan kekal di Malaysia.

■1130

Seboleh-bolehnya setiap kerajaan negeri mematuhi tentang pematuhan catuan tebangan tahunan untuk negeri-negeri bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sebagainya.

Saya ada butirannya, umpamanya Johor. Tadi ini negeri mana? Negeri Perlis. Negeri Perlis kosong, maknanya pematuhan kosong, penebangan dari tahun 2011, tahun 2012, tahun 2013, tahun 2014 dan sehingga Jun 2015 masih kosong keluasan yang ditebang. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawapan Lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**



**PENERANGAN DARIPADA YANG AMAT BERHORMAT TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(1)(i)**

**PENJELASAN BERKAITAN ISU DANA POLITIK RM2.6 BILION**

**11.31 pg.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membuat penerangan dengan menggunakan Peraturan 14(1)(i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat di Dewan yang mulia ini berhubung dengan isu dana politik RM2.6 bilion yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Dewan ini melalui pertanyaan bagi jawapan lisan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Pertanyaan bagi jawapan bertulis serta semasa perbahasan peringkat dasar dan Jawatankuasa Bajet 2016 pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas Dewan Rakyat yang bermula pada 19 Oktober 2015.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada peraturan mesyuarat, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i) dengan hormatnya Tuan Yang di-Pertua kalau boleh *I stand guided by* Tuan Yang di-Pertua *with this new area*.

Peraturan Mesyuarat 14 dibaca bersama dengan Peraturan 25, Order 25 Tuan Yang di-Pertua dan kalau saya boleh baca 25 *which is this*, "*With the leave of Tuan Yang di-Pertua, a member may make a personal explanation at the time appointed under Standing Order 14 although there is no question before the House; but no controversial matter may be brought forward nor may debate arise upon the explanation. The terms of the proposed statement shall be submitted at least two hours before the commencement of the sitting in full to Tuan Yang di-Pertua when his leave to make it is sought*".

So dua perkara yang timbul Tuan Yang di-Pertua, *and I seek guidance here*, di dalam Peraturan Mesyuarat 25 dan saya baca juga Peraturan Mesyuarat 14. 14 kata, "*it relates to the sequence of speeches in the House. Unless the House otherwise directs, the business of each sitting shall be transacted in the following order*", *and (i) says, "Statements by Ministers"*. So kita ada (i) yang mengatakan *Statements by Ministers* tetapi apa yang berlaku di sini adalah perkataan *donation* yang dikatakan masuk ke dalam akaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Ia seharusnya menjadi satu *personal explanation* seperti mana di putuskan dalam (I) Tuan Yang di-Pertua. *The RM2.6 billion issue relates to the Prime Minister personally* kerana ia dalam *personal account*. *It is he who must come and explain, not the Timbalan Perdana Menteri* kerana kita berhak untuk tanya soalan kepada dia *unless of course it comes under 25*.

*So we want to know all this hype about the Prime Minister coming to Parliament and to explain RM2.6 billion but today he is not here.* Kalau ia *personal*, saya rasa Tuan Yang di-Pertua Peraturan-peraturan Mesyuarat ini digubal untuk tujuan tertentu di mana ia menyatakan *personal explanations* supaya orang yang terlibat dalam perkara itu atau Ahli yang terlibat dalam perkara itu beliau sendiri datang ke sini untuk memberikan *explanations* tersebut so ia dimasukkan dalam *Hansard*.

So saya minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua. *The issue here is whether or not the Ministerial Statement applies to a situation like this, or whether it's a 25 and 14(l)* di mana ia seharusnya menjadi satu *personal explanation* daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Puchong mengenai dengan pendapat Ahli Yang Berhormat Puchong telah kemukakan tadi. Saya sebenarnya Yang Berhormat Puchong dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya membuat tindakan sama ada membenarkan atau tidak, sering kali saya nyatakan bahawa saya telah memikirkan sedalam-dalam kerana saya tidak mahu segala petua yang saya buat itu adalah salah dan saya ditertawakan orang oleh kerana ramai yang memantau dan melihat kita daripada negara luar sekalipun.

Jadi dalam soal ini, saya membenarkan penerangan di bawah 14(i) dan dibaca bersama dengan 25 kerana bagi pendapat saya itu yang dikehendaki semua oleh Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu satu penjelasan. Jadi dalam soal ini saya memikirkan bahawa adalah tidak salah kalau yang memberi penjelasan itu ialah Perdana Menteri. Soal untuk menjawab tidak semestinya Perdana Menteri. Menteri-menteri lain pun boleh menjawab kerana itu adalah Peraturan Mesyuarat kita.

Jadi apabila menimbangkan itu semua maka saya benarkan tidak lain dan tidak bukan yang menjawab itu selain daripada Menteri ialah *the next in line is* Timbalan Perdana Menteri. Jadi bagi saya soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puchong itu tidak berbangkit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya hendak minta panduan susulan daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, *25 expressly refers to personal explanation* dan ia cukup jelas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak hadir di Dewan yang mulia ini. Jadi kita beralih dan saya menurut perintah Tuan Yang di-Pertua kita beralih kepada 14(l) seperti mana disebutkan tadi.

Jadi persoalannya timbul Tuan Yang di-Pertua dan izinkan saya adakah kami dibenarkan untuk tanya soalan berkenaan dengan penjelasan yang akan diberikan ini, oleh sebab kalau penjelasan yang akan diberikan tanpa kita diberi kebenaran untuk tanya soalan dan mendapat penerangan lanjut dan *I think it will be an exercise or it may be an exercise in futility* kerana apa yang penting adalah untuk kita dibenarkan, diberi peluang untuk tanya soalan berkenaan dengan isu ini. So saya minta arahan atau panduan daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita buat sebelum ini, apabila ada penjelasan daripada Menteri ataupun individu, maka kita tidak benarkan perbahasan atau pertanyaan. Itu sebabnya Peraturan

Mesyuarat 14 apabila kita benarkan sama ada penjelasan daripada Menteri ataupun penjelasan daripada individu kita tidak benarkan ada perbahasan. Kalau saya benarkan ada perbahasan, bermakna saya tidak benarkan bahawa ada penjelasan di bawah Peraturan Mesyuarat 14. *That is very clear.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak ada perbahasan, tidak ada *personal explanation*. Tidak ada perbahasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sedikit dengan izin. Tajuk yang sama, sebab Tuan Yang di-Pertua kita kena jelas sama ada ini dibenarkan sebagai di bawah (l) ataupun (i). Adakah Tuan Yang di-Pertua benarkan di bawah 22. Itu yang saya *just* minta pengesahan dahulu, sebab saya dengar tetapi saya masih tak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pemahaman Menteri. Sebagai Menteri?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebagai menteri. Jadi kita tumpu kepada (i). Kalau (i) Tuan Yang di-Pertua ini amalan - *I mean* kita Dewan yang mulia ini mengikut amalan *Westminster* secara umum. *Statements by Ministers* dengan izin, adalah mesti berkaitan dengan bidang kuasa Menteri itu. Bidang kuasa Timbalan Perdana Menteri yang bagi kenyataan Menteri itu di bawah (i) itu, mesti ada berkaitan dengan bidang kuasa dia sendiri.

Isu RM2.6 bilion yang telah dikenal pasti masuk ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri, adakah ini satu tajuk di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri? Siasatan yang umum tahu ada kemungkinan siasatan di bawah polis memang itu di bawah bidang kuasa Menteri yang berkenaan, tetapi juga di ruang awam adalah pengesahan daripada SPRM. Ada siasatan di bawah SPRM juga. SPRM bukan di bawah bidang kuasa Timbalan Perdana Menteri. Jadi bagi saya Tuan Yang di-Pertua kita - *I mean* kalau kita celaru dengan hal ini, satu *statement* daripada seorang Menteri mesti berkaitan dengan kementerian beliau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya saya faham.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dia tidak boleh jawab, dia tidak boleh bagi kenyataan bagi Menteri-menteri lain atau bidang kuasa lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dia juga macam rakan saya Yang Berhormat Puchong kata, dia tidak boleh bagi penjelasan bagi secara peribadi untuk Menteri lain atau orang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi bagi saya ini pendapat saya Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita tahu Tuan Yang di-Pertua telah buat keputusan tetapi saya minta jangan kita lari daripada...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolonglah Ahli Yang Berhormat yang lain duduk pasal saya mendengar. Ahli Yang Berhormat ini *point or order* terpaksa saya

buat *ruling*. Kalau Ahli Yang Berhormat yang lain berdiri saya tidak dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *In fact*, saya hampir habis. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat Subang. Ahli-ahli Yang Berhormat Ada dua perkara di sini.

■1140

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk. Ada dua perkara iaitu perkara penjelasan secara peribadi, penjelasan sebagai Yang Berhormat Menteri. Apa yang menjadi persoalan sangat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *It is a statement*, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *A statement*, yes. Persoalan di sini ialah sama ada saya boleh benarkan Yang Berhormat Menteri sebagai Perdana Menteri ataupun Yang Berhormat Pekan sebagai peribadi. Ada dua. Akan tetapi persoalan di sini yang menjadi hangat ialah oleh kerana Yang Berhormat Pekan itu adalah juga Perdana Menteri, maka saya memilih untuk penjelasan itu dibawa sebagai Yang Berhormat Menteri kerana ada yang mencadangkan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Pekan harus meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Jadi saya memilih yang paling serius sebagai Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sebagai Perdana Menteri. Saya tidak boleh beri dia dua-dua, maka saya memilih satu. Dalam soal menjawab, bagi pihak Yang Berhormat Menteri yang memberi penjelasan, siapa-siapa Yang Berhormat Menteri pun boleh menjawab bagi pihak sebagai Yang Berhormat Menteri kerana itu dibenarkan oleh peraturan mesyuarat.

Tidak semestinya dalam bidang kuasa dia umpamanya Yang Berhormat Menteri Pelancongan, boleh dia menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri yang lain apabila diberi mandat untuk menjawab. Pokoknya dia boleh jawab. Sama ada jawapan itu memenuhi hasrat masing-masing, itu soal kedua.

Jadi sekarang ini saya telah membenarkan bahawa penjelasan perlu diberi sebagai Yang Berhormat Menteri, maka Yang Berhormat Perdana Menteri memilih Timbalan Perdana Menteri untuk memberi penjelasan. Jadi bagi saya tafsiran saya ia tidak melanggar peraturan mesyuarat dan saya sendiri mahu mendengar penjelasan itu. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Hanya sebelum itu Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Hanya untuk rekod Tuan Yang di-Pertua.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya ucapkan terima kasih kepada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. *Just to put a record* Tuan Yang di-Pertua, *just because* kami telah minta beliau untuk letak jawatan. *That does not detract from the position that he can*

*come personally and answer.* Kita hendak Perdana Menteri untuk datang ke Dewan ini untuk jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dia sudah janji tapi dia tidak datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap sikit saja, bagi saya peluang sikit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, sudah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mereka ini Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sikit saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya bagi sama Yang Berhormat Baling, saya bagi sama, nanti, nanti sekejap. Bagi pihak kerajaan saya bagi sama Yang Berhormat Baling, selepas itu saya tidak mahu mendengar apa-apa lagi penjelasan oleh kerana saya sudah buat keputusan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat faham, apabila sudah saya buat keputusan, apa pun hujah dari Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cuma dengar oleh kerana saya dengar penjelasan. Selepas itu saya menimbang sama ada saya terima atau tidak. Keputusan sudah saya buat, tafsiran sudah saya buat, maka Peraturan Mesyuarat 43 berkuat kuasa. Saya dengar Yang Berhormat Baling, selepas itu Yang Berhormat beri penjelasan. Teruskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena duduk, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Pokok Sena, duduk dulu. Ini Yang Berhormat Baling punya *turn*.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya bukan membantah, saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua tapi saya hendak mencadangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Buat-buat batuk berkali-kali]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak mencadangkan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Pokok Sena tidak payah cadang. Dengar Yang Berhormat Baling dulu. Duduk dulu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak mencadangkan penjelasan secara bertulis Yang Berhormat. Penjelasan secara bertulis itu lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Buat-buat batuk berkali-kali]* Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Duduk, duduk, duduk. Saya sengaja *[Buat batuk]*, kerana saya nampak apabila Yang Berhormat Pokok Sena diberi wawancara, dia buat perbandingan di antara saya dengan Tun Zahir. Dia kata sewaktu Tun Zahir dulu, dia tidak payah bersuara tinggi ataupun

*body language or intimidating*, dia batuk pun kita duduk. Itu sebab Yang Berhormat Pokok Sena berdiri saya batuk. [Batuk].

**Semua Ahli:** [Ketawa]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya pun duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain, duduk, duduk. Yang Berhormat Pokok Sena duduk. Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bila Tuan Yang di-Pertua ehem itu saya duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat. [Batuk berkali-kali]

[Dewan riuh][Ketawa]

**Seorang Ahli:** Bagi Hacks.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, Tun Zahir dia tidak batuk macam itu. Lembut batuk dia.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hanya meminta supaya penjelasan itu secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** [Batuk berkali-kali]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menjimatkan masa kita untuk bahas. Ada 6 lagi agenda kita. Itu saja.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Panggil doktor, panggil doktor.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah cuba apa yang harus saya buat untuk mengemudikan Dewan Rakyat. Saya sudah sangka bahawa apabila saya buat begitu, ada Yang Berhormat yang tanya, sakit tekak kah, Yang Berhormat Puchong sudah tanya saya, sakit tekak kah Tuan Yang di-Pertua. Sila, selepas Yang Berhormat Baling, Yang Amat Berhormat beri penjelasan. Sila.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya begini, kalau kita tengok dalam penghujahan sejak sidang Parlimen kita dimulakan, pihak sini khususnya pembangkang tiap-tiap hari mesti ada sebut. Kalau tidak ada boleh *check* dalam *Hansard*, setiap hari ada perkataan 'RM2.6 bilion' disebut. Malah bila masa waktu bajet mereka, "*Mana Pergi RM2.6 bilion*". Jadi persoalan saya sekarang...

[Dewan riuh]

Diamlah, saya sedang berbahas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang lain, tolong senyap. Sila.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa yang saya hendak tanya pada mereka ataupun Tuan Yang di-Pertua, hari ini mereka minta, tengok itu, tengok Yang Berhormat Ampang kah siapa itu, entah ke mana.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi hari ini hendak dengar penjelasan. Jadi kita telah melantik orang nombor dua tertinggi dalam kerajaan yakni

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Mereka ini hendak *politicize* kan perkara ini. Jadi mereka hendak ganggu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...sehingga tidak boleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab. Jadi ini terbukti dan jelas di bawah sana esok dengan rakyat, entah apa lagi helah yang akan bakal mereka buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mereka pergi, hari ini kalaulah mereka tidak mahu dengar, sila keluar. Rakyat di luar sana hendak dengar penjelasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Buat-buat batuk berkali-kali*] Rupanya mahu batuk, sengaja batuk ini ada kesan tapi tekak saya sekarang betul-betul sakit. [*Ketawa*]

**Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat simpati dengan batukan yang cukup bermakna itu. Pada 4 Ogos 2015, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memaklumkan bahawa jumlah RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu bukan daripada 1MDB. Kerajaan telah dinasihatkan oleh Peguam Negara bahawa apa-apa kenyataan tidak wajar diberikan berhubung dengan perkara yang dibangkitkan memandangkan perkara tersebut masih dalam siasatan oleh agensi yang berkaitan.

Namun begitu saya rasa perlu dimaklumkan bahawa SPRM telah pun mengenal pasti penderma dana politik RM2.6 bilion itu. Selain itu, Bank Negara juga telah dimaklumkan mengenai pembukaan akaun bank tersebut. Agensi yang berkaitan hendaklah diberikan kebebasan dalam menjalankan siasatan secara telus dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Apa-apa kenyataan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berhubung dengan perkara yang dibangkitkan boleh dianggap sebagai subjudis yang boleh menjejaskan perjalanan sesuatu siasatan dan juga menimbulkan prejudis oleh orang awam terhadap pihak-pihak dalam siasatan berkenaan.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menjelaskan di sini bahawa dalam sistem demokrasi, amalan menerima dana politik dibenarkan kepada parti-parti politik termasuk pembangkang. Pada masa ini Malaysia masih lagi tidak mempunyai undang-undang yang mengatakan derma atau pembiayaan politik perlu diisytiharkan dan tidak mengharamkan derma untuk kegunaan politik.

Malah realitinya di kebanyakan negara maju juga derma politik diberi secara umum. Janganlah mana-mana pihak menuding jari dan berpura-pura tidak memerlukan dana politik kerana dalam sistem demokrasi, derma politik bukan perkara baru. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyatakan kesediaannya supaya pembiayaan politik dikawal selia sejak tahun 2009 lagi.

Pada tahun 2010, Program Transformasi Kerajaan (GTP) menyarankan cadangan kawal selia terhadap pembiayaan dana politik. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah

menandatangani ikrar integriti pilihan raya oleh *Transparency International Malaysia* pada tahun 2013. Namun saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengawal selia derma atau pembiayaan dana politik tidak menjadi kenyataan kerana cadangan ini ditolak oleh parti pembangkang.

**Seorang Ahli:** Mana ada.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sehingga kini tidak ada undang-undang khusus dalam negara untuk menguruskan pemberian pembiayaan dana politik. Memandangkan isu derma ini telah mendapat perhatian umum dan pelbagai reaksi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun ini sekali lagi mengetengahkan semula cadangan asal untuk mengawal selia pemberian dana politik dengan menubuhkan Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik yang akan mengambil kira pandangan semua pihak. Sekian.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak ada. Saya tidak benarkan Yang Berhormat. Sudah dibuat *statement*, saya tidak benarkan sama ada penjelasan atau apa kerana kalau saya benarkan bermakna saya melanggar Peraturan Mesyuarat 14 sendiri dan juga Peraturan Mesyuarat 25. Terima kasih.

■1150

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, dinyatakan bahawa jawapan akan diberikan kemudian. Itulah sebabnya saya nak minta penjelasan kerana ini ialah ekor daripada soalan yang saya kemukakan kepada pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bolehkah saya minta dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua bahawa minta jalan supaya saya boleh buat soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh saya benarkan Yang Berhormat kerana kenyataan itu di bawah Peraturan Mesyuarat 14. Kalau saya benarkan bermakna saya sendiri langgar peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya, tadi Yang Berhormat Bagan Datok dia rela tetapi terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Bagan Datok rela tetapi terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi dia sudah tunjuk terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya minta satu saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh saya benarkan Yang Berhormat. Silakan Setiausaha.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat 36(12) Tuan Yang di-Pertua di mana kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi



menyatakan bahawa tidak ada undang-undang yang menyekat ataupun *apply* kepada dana yang diterima sebagai *public donation*. Itu tidak begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua, semua parti politik ditubuhkan melalui undang-undang iaitu undang-undang pertubuhan *in particular Societies Act 1966*. Cukup jelas dalam peruntukan ini khususnya seksyen 26 dan seksyen 27 bahawa adalah keperluan undang-undang untuk semua akaun ataupun semua wang yang diterima, *they have to be declared and those account should be made available for public audit and to be audited by the Registrar and also by the members of the society*.

Jadi bagaimana boleh dikatakan bahawa tidak ada undang-undang yang terpakai kepada wang ataupun dana yang diterima khususnya melalui *donation*. Boleh saya dapat? Itu satu perkara yang kemungkinan mengelirukan Dewan, Tuan Yang di-Pertua. *It's quiet clear, Societies Act very clear, if the donation account must be made. I think that is significant* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih Yang Berhormat, kalau saya ingatkan balik, kalau umpamanya *ruling* saya ini tidak diterima dengan begitu baik dengan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Puchong itu, buat usul persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43 dan buat alasan-alasan tertentu supaya masuk dalam rekod. Terima kasih. Fasal Ahli-ahli Yang Berhormat harus ingat juga Peraturan Mesyuarat 15. Itu sebab mengapa saya kata kita buat penambahbaikan. *We have done our job*. Jadi sebelum itu apa yang kita ada, terpaksa kita ikut Ahli-ahli Yang Berhormat.

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.53 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Usul Yang Berhormat Menteri di Perdana Menteri, (D.R. 32/2015) Rang Undang-undang Kewangan 2015, (D.R. 28/2015) Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015, (D.R. 38/2015) Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015, (D.R. 33/2015) Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 dan (D.R. 36/2015) Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di Nombor 1 hingga Nombor 6 dan usul-usul Menteri Kewangan di Nombor 16, 17 dan 18 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang tidak ditetapkan."

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)**

#### **MERUJUK YANG BERHORMAT LEMBAH PANTAI KEPADA JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN**

11.54 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

**"Bahawa** Majlis mengambil maklum berkenaan peristiwa pencerobohan bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013 oleh kumpulan yang dikenal pasti sebagai pengikut Jamalul Kiram III bagi merampas wilayah di Pantai Timur Sabah.

**Bahawa** pencerobohan kumpulan tersebut ternyata telah mencabar kedaulatan negara dan telah mengakibatkan kehilangan nyawa anggota keselamatan negara.

**Bahawa** sebagaimana yang telah dilaporkan di laman media sosial dan gambar yang dimuat naik oleh Puteri Jacel Kiram pada 9 November 2015, Yang Berhormat Lembah Pantai telah menghadiri pertemuan bersama dengan Puteri Jacel Kiram yang merupakan anak kepada Jamalul Kiram III.

**Bahawa** Yang Berhormat Lembah Pantai sedia maklum bahawa Puteri Jacel Kiram menentang kedudukan Sabah sebagai sebahagian daripada negara Malaysia dan sehingga kini masih menuntut negeri Sabah adalah milik Kesultanan Sulu.

**Bahawa** pertemuan Yang Berhormat Lembah Pantai dan Puteri Jacel Kiram tersebut menimbulkan prasangka negatif dan tidak sensitif terhadap peristiwa pencerobohan Lahad Datu yang telah mencabar kedaulatan negara.

**Bahawa** pertemuan Yang Berhormat Lembah Pantai bersama dengan anak kepada dalang pencerobohan negara telah dilihat bertentangan dengan angkat sumpah sebagai Ahli Parlimen dan sumpah setia beliau kepada Malaysia yang telah berikrar untuk menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaannya.

**Dan bahawa** tindakan Yang Berhormat Lembah Pantai tersebut merupakan suatu penghinaan kepada Majlis Mesyuarat yang turut mencemarkan nama baik dan prestij Dewan Rakyat.

**Maka** inilah dipersetujui Yang Berhormat Lembah Pantai hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan."

Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Sabah, saya menyokong. [*Tepuk*]

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Duduk dulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini usul yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi terbuka untuk dibahas. Akan tetapi sebelum saya memanggil pembahas, saya ingatkan kembali bahawa saya mahu perbahasan yang berkualiti. Untuk itu, saya sendiri memilih nama-nama yang akan berbahas. Ada lima orang pembahas daripada pembangkang yang saya pilih, ada juga lima orang pembahas daripada penyokong kerajaan sebelum Menteri menjawab.

Jadi yang saya akan panggil terutamanya Yang Berhormat Lembah Pantai sendiri, saya bagi 10 minit. Selepas itu giliran daripada kerajaan. Ini nama-nama daripada pembangkang yang saya pilih iaitu selepas Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Subang 5 minit, Yang Berhormat Penampang 5 minit, Yang Berhormat Puchong 5 minit, Yang Berhormat Kota Bharu 5 minit. Bermakna setiap parti telah mempunyai wakil. Daripada...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 42, kalau Tuan Yang di-Pertua bercakap tidak ada siapa yang boleh bercakap. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Lembah Pantai, duduk dulu Yang Berhormat.

Daripada Barisan Nasional, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Silam dan Yang Berhormat Putatan. Jadi sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Lembah Pantai, 10 minit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon budi bicara Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ambil masa 5 minit. Kemudian saya memberikan 5 minit untuk Yang Berhormat Sepang bagi bercakap juga, saya mohon. [*Dewan riuh*] Kenapa Tuan Yang di-Pertua? Saya pada asalnya telah memohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang ataupun Yang Berhormat Subang?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Sepang, tambahan daripada parti AMANAH.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi bermakna Yang Berhormat mengambil 5 minit, lepas itu yang 5 minit lagi diberi kepada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebut Subang atau Sepang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila 5 minit.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

11.59 pg.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pada awalnya telah memohon di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(l) sama seperti Yang Berhormat

daripada Bagan Datok tadi, Peraturan Mesyuarat 25 dan juga Peraturan Mesyuarat 26(1)(d) untuk membuat sesi penerangan sendiri tetapi saya akur dengan nasihat Tuan Yang di-Pertua memberi jawapan yang akan dibahaskan dalam Dewan Rakyat supaya tidak ada persoalan yang berbangkit selepas ini. Tuan Yang di-Pertua...

■1200

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat, nanti dahulu. Duduk dahulu Yang Berhormat. Saya menasihatkan jangan berbuat begitu memandangkan ada usul saya terima daripada kerajaan. Jadi, kalau saya benarkan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 14 sedangkan usul itu ada dan urusan kerajaan mesti ikut peraturan 15. Maka, ia akan bercanggah. So, ada dua *academic*. Itu sebab saya kata mesti biar usul itu, jangan penerangan sendiri kerana ini adalah peluang Yang Berhormat untuk memberi penjelasan. Kalau nanti apabila diundi, dirujuk kepada Jawatankuasa, jadi itu lagi lebih peluang yang lebih cerah untuk Yang Berhormat kerana Yang Berhormat boleh memanggil orang-orang yang berkenaan sebagai saksi bahawa tidak ada apa-apa dan sedemikianya. Sila Yang Berhormat, 5 minit.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya tentunya amat terkesan mendepani usul ini yang mengandungi dakwaan yang begitu berat dan juga tidak berasas. [*Dewan riuh*] Namun, saya terpanggil...

**Seorang Ahli:** Sudah lah itu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Dalam menjelaskan konteks dan perihal sebenar dan dalam usaha untuk membersihkan nama saya yang dicalarkan setiap hari Tuan Yang di-Pertua dalam media arus perdana menerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya juga mahu agar kemelut ini selesai segera *insya-Allah* demi memajukan penyelesaian kepada semua isu negara yang mendesak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan mengingatkan kita semua bahawa dua tahun lalu pada 12 Februari 2013 pencerobohan haram bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu berlaku yang merupakan serangan terhadap sempadan dan kedaulatan kita. Serangan ini tentunya telah mengakibatkan kehilangan nyawa perajurit-perajurit negara termasuk mencederakan ramai yang lain dengan parah khususnya pegawai keselamatan Malaysia daripada Polis Diraja Malaysia. [*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap Ahli Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Dan dari Rejimen Askar Melayu Diraja Malaysia dan juga orang awam yang terkorban dalam mempertahankan negara yang kita cintai. Saya juga turut bersedih atas pemergian wira-wira negara kita termasuk ... [*Dewan riuh*] Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap Ahli Yang Berhormat.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Termasuk bahaya lanjut yang terus dihadapi oleh mereka yang mempertahankan sempadan di Sabah termasuklah yang berdekatan terus dengan Kampung Tanduo.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya jelaskan sebelum ini termasuk juga kepada pihak polis, saya ke Filipina pada 9 dan 10 November 2015 atas jemputan kerajaan negara tersebut dan salah satu daripada acara yang saya hadiri adalah sebuah majlis makan malam terbuka yang diatur oleh tuan rumah. Tuan rumah yang saya maksudkan Majlis Hal Ehwal Filipina dan Institut Demokrasi Asia, *Council of Philippine Affairs and The Asian Institute Democracy*, pejabat Datuk Bandar Manila, Joseph Estrada dan juga pejabat Naib Presiden Filipina, Jejomar Binay dalam mendukung kumpulan kerja penahanan tanpa bicara Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu desakan dengan izin, *United Nations Working Group on Arbitrary Detention* agar mantan ketua pembangkang dan mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh Datuk Seri Anwar dibebaskan dengan serta-merta.

Lawatan ini seperti yang saya sebutkan melibatkan perbincangan. Antaranya peluang ruang demokrasi dengan mempertahankan prinsip kedaulatan undang-undang, urus tadbir negara yang baik dan tentunya secara khusus dukungan keputusan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi lawatan dua hari ini pihak penganjur mengelola sesi foto secara berkumpulan. Saya telah tentunya bergambar dengan semua yang hadir dengan program sebagai tanda dukungan terhadap laporan kumpulan kerja penahanan tanpa bicara. Jacel Kiram merupakan salah seorang daripada 15 orang tetamu dalam majlis makan malam terbuka yang dijemput oleh penganjur program. Saya ulangi, Majlis Hal Ehwal Filipina dan Institut Demokrasi Asia.

Tetamu lain Tuan Yang di-Pertua termasuklah kalau dilihat dari gambar asal mantan Gabenor dan Ahli Kongres Batangas Hermilando Mandanas, Ahli Kongres Regina Reyes, Ahli Kongres Filipina juga Silvestre Bello, Dekan Undang-undang Amading Valdez, mantan Setiausaha Kabinet Romy Nery, bekas Timbalan Ketua Setiausaha Negara Kementerian Undang-undang Wencie Andanar dan juga *staff* pejabat Naib Presiden Filipina dan Datuk Bandar Manila, termasuk juga tentunya Jacel Kiram yang dimaklumkan kepada saya merupakan calon pilihan raya Kongres Filipina di bawah tiket *United Nationalist Alliance* dan juga tiket Naib Presiden Filipina Jejomar Binay.

Yang Berhormat Batu beredar seketika lebih awal dan beliau tidak ada kena mengena dengan penganjur. *[Dewan riuh]* Gambar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Lembah Pantai duduk. Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat, duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau seseorang Ahli Yang Berhormat itu hendak dibawa kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ia merupakan satu tuduhan yang amat serius. Maka, itu Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sebagai Ahli Dewan Rakyat harus beri tumpuan kepada perbahasan kerana ini hal yang serius. Lain kali Ahli Yang Berhormat sendiri

yang kena. Ambil serius dan begitu juga apabila nanti berbahas sebelah sini jangan juga bising kerana apabila bising, saya dengar, saya akan keluarkan Ahli Yang Berhormat tonton di luar sana pasal ada juga CCTV. Jadi, bising pun saya tidak dengar. Biar orang berbahas sahaja dalam sini. Sila teruskan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Gambar yang dimuat naik di laman media sosial peribadi Jacel Kiram bukanlah oleh saya seperti didakwa oleh mana-mana pihak. Saya tegaskan saya merupakan salah seorang jemputan dan saya tidak pernah merancang pertemuan mahupun berkenalan dengan Jacel Kiram. Saya juga tidak pernah memohon untuk bertemu dengan dia sebelum majlis makan malam terbuka pada 9 November 2015. Semua hadirin yang hadir turut dipinta mengambil foto oleh penganjur yang menyediakan pelekat '*Bebaskan Datuk Sri Anwar serta-merta*' sejurus tamat setiap acara. Foto berkumpulan Tuan Yang di-Pertua.

Saya berasa amat kesal dan memohon maaf terutamanya kepada semua keluarga.  
[*Dewan riuh*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya serius.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya berasa amat kesal dan memohon maaf.

**Seorang Ahli:** Masa cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang suara tadi itu yang akan saya beri keluar dahulu. Sila teruskan, teruskan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya berasa amat kesal dan memohon maaf terutamanya kepada kesemua keluarga mangsa tragedi Lahad Datu, rakyat Sabah dan seterusnya kepada kesemua rakyat Malaysia yang terkesan dan marah akibat gambar tersebut. Tujuh tahun yang lepas saya telah berikrar akan mempertahankan negara yang kita cintai ini, Perlembagaan Persekutuan dan rakyat terhadap sebarang anasir-anasir buruk dari luar mahupun dalam negeri..[*Tepuk*] dan saya telah pun berusaha sedaya paya Tuan Yang di-Pertua dan setakat dengan terbatas dengan kebolehan saya untuk menjalankan amanah yang telah diberikan oleh rakyat kepada saya.

Apa yang kita pelajari daripada insiden Lahad Datu dan untuk kita terus memandangi ke arah masa depan negara yang selamat. Ingin saya tegaskan Tuan Yang di-Pertua keinginan dan kesediaan saya sebagai Ahli Parlimen untuk bekerjasama dengan kerajaan untuk memamatkan keselamatan rakyat Sabah yang hari ini masih lagi terkesan dan sempadan rakyat Sabah dan kedaulatan negara kita tidak dicabul oleh mana-mana anasir luar seperti sebelumnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Oleh itu, *point of order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum perbahasan kita ini diteruskan saya ingin merujuk Tuan Yang di-Pertua kepada Perkara 36(2) dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang berbunyi "*Tidak boleh disebutkan*

*apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah kira-kira pada timbangan pengerusi harus merosakkan kepentingan pihak yang berbicara itu”.*

Saya difahamkan bahawa kes yang berkaitan dengan Yang Berhormat Lembah Pantai telah berada di mahkamah apabila Yang Berhormat Lembah Pantai memasukkan satu saman sivil di Mahkamah Tinggi dengan menyaman Ketua Polis Negara dan Yang Berhormat Bera.

■1210

Jadi perkara ini jelas satu perkara yang sedang dalam pertimbangan mahkamah dan oleh itu saya ingin mendapat satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, sama ada isu ini ataupun usul ini wajar dibincangkan dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Bharu. Saya juga telah menimbang perkara itu sama ada ia menjejaskan apa kes nanti yang dibawa oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Akan tetapi apabila saya menimbang usul yang dibawa oleh Kerajaan, saya baca usul bagi saya adalah elok untuk Yang Berhormat Lembah Pantai memberi penjelasan yang sejelas-jelas dapat membawa saksi-saksi tertentu seperti mana yang dia tadi pertahankan diri.

Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat ini mengandungi Ahli-ahli yang semua berfikiran waras. Jadi bagi saya sudah saya juga timbang itu perkara itu. Jadi saya ucap terima kasih kepada Usul dan sekarang saya menjemput kepada Yang Berhormat Johor Bahru, 5 minit dan Ahli Yang Berhormat selepas ini saya perlu untuk diganti kerana saya terpaksa pergi ke kamar kecil.

Jadi saya pesan bahawa nanti kalau Yang Berhormat Timbalan saya ganti sama sekali jangan lari daripada hal ini adalah serius mengenai dengan suara yang dirujuk kepada Jawatankuasa Kebebasan dan Hak. Sila Yang Berhormat Johor Bahru.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak silap saya Yang Berhormat Tenom yang hendak bercakap dahulu, Yang Berhormat Tenom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Tenom.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat Tenom.

12.11 tgh.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat apa yang telah dibahas oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi saya menganggapnya satu kepura-puraan, satu lakonan beliau dalam soal ini, isu ini, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum baru-baru ini gambar Yang Berhormat Lembah Pantai dengan Princess Jacel Kiram telah menjadi *viral* di laman-laman media sosial. Jelas bahawa keluarga mantan Ketua Pembangkang ini memang tidak ada semangat patriotik dan cintakan

negara. Tanpa segan silu mereka sanggup meletakkan kepentingan politik, peribadi melebihi kedaulatan negara Malaysia. Maka amat bersesuaian jika kita ibaratkan mereka ini sebagai petualang bangsa dan juga mengkhianati negara kita. *[Tepuk]*

Tindakan Yang Berhormat Lembah Pantai yang begitu ceria bergambar dengan Princess Jacel Kiram malah membawa usaha menuntut kebebasan bapa beliau menunjukkan beliau langsung tidak ada sedikit pun rasa simpati pada keluarga perajurit yang terkorban dalam mempertahankan kedaulatan negara di Lahad Datu dan juga negeri Sabah keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa mereka juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tenom, duduk dahulu Yang Berhormat Tenom. Saya ingatkan kembali kepada Ahli Yang Berhormat soal ini adalah soal serius jadi kalaupun berhujah ambil ingatan juga kepada Peraturan Mesyuarat 36 di mana kalau berhujah menyakitkan hati kah, apakah, sinis kah, sindiran kah oleh itu berhujah dengan berhemah. Sila teruskan Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun terkilan, tergugat apabila perbuatan Yang Berhormat Lembah Pantai ini. Tuan Yang di-Pertua, sedarkah Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa mereka juga turut kehilangan bapa dan juga suami. Sedarkah Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa bapa dan suami mereka turut terkorban di tangan Tentera Sulu Sultan Jamalul Kiram III iaitu bapa kepada kenalan baik beliau Jacel Kiram.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Adakah begitu penting politik peribadi keluarga mantan Ketua Pembangkang ini sehingga sanggup Yang Berhormat Lembah Pantai pergi ke luar negara bersekongkol dengan musuh dan menuduh kononnya bahawa Kerajaan Malaysia ini kejam...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tidak berperikemanusiaan tanpa mengambil kira bahawa Kesultanan Sulu ini jauh lebih kejam dan juga sama. *[Dewan riuh]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sangkaan jahat saya sudah jelaskan tetapi diulangi dakwaan yang berunsur jahat, kenalan baik, kalau kena serang pun *stick to the fact*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat seorang, seorang. Saya tidak dengar.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Peraturan Mesyuarat 36(6) Tuan Yang di-Pertua. Saya jelaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Subang sila duduk. Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan mesyuarat...



**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya telah jelaskan tadi dalam perbahasan saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Lembah Pantai sedang mengemukakan peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak dengar Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya jelaskan sedikit sebelum Yang Berhormat Subang. Saya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan penerangan saya tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat 36(6) jelas apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tenom itu adalah sangkaan jahat dan dakwaan yang liar. Tidak boleh saya terima di sini kalau mahu serang ikut fakta silakan...*[Dewan riuh]* tetapi adapun dia memang buat begitu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat... Yang Berhormat lain.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya minta Ahli Parlimen Tenom tarik balik. Kalau hendak marah okey tetapi gunakan fakta. Jangan buat dakwaan jahat terhadap saya. *[Dewan riuh]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya tak tarik balik.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Tenom sila jelaskan apa perkataan yang dikeluarkan tadi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya tidak ada perkataan saya cuma bercakap Yang Berhormat Lembah Pantai bersekongkol dengan musuh negara. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Dakwaan liar ada juga saya menyatakan bahawa beliau tidak mengambil kira bahawa Kesultanan Sulu ini adalah telah mencerooboh negeri Sabah dan membunuh pejuang-pejuang negara kita. Salahkah saya cakap?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya sedang mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Tenom.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tadi dia sebut petualang dengan pengkhianat. Pengkhianat bangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya sedang mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Lembah Pantai sila duduk. Kalau berdegil-degil boleh keluar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini isu sensitif.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung. Pernahkah Yang Berhormat Lembah Pantai memikirkan tentang apakah perasaan anak-anak?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Mencelah*] Mana boleh menyambung sekarang kita sedang mendapatkan penjelasan...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Arwah Koperal Salam Tugiran yang lehernya diputus kelar oleh Penceroboh Kiram...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tenom ya.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat lain sila duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom. Perkataan yang dikeluarkan..

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Nanti dahulu Yang Berhormat Tanjong Karang, saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lembah Pantai saya hendak buat *ruling*. Yang Berhormat Tenom telah mengeluarkan perkataan, Yang Berhormat Lembah Pantai berpura-pura bersekongkol...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, berpura-pura bersekongkol.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya ulang dia rakan baik, Jacel Kiram.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [*Bangun*] *Standing order...*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya ingin menyambung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sedang buat *ruling* Yang Berhormat kenapa tidak faham. Okey, sekali lagi siapa bangun sebelum saya buat *ruling* saya minta Bentara keluarkan. Tidak kira siapa.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom sila duduk. Sebab itu saya dengar tadi Tuan Yang di-Pertua buat nasihat petua kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, jangan mengeluarkan perkataan-perkataan yang menyakit-nyakitkan hati.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, dan Yang Berhormat Tenom duduk dahulu. Cukuplah sekadar kalau kita mengatakan bahawa Yang Berhormat Lembah Pantai telah bergambar dengan anak atau Puteri Jacel Kiram yang telah dianggap sebagai musuh negara di mana tidak merujuk kepada Yang Berhormat Lembah Pantai bersekongkol atau menjadi petualang kepada negara. *[Dewan riuh]*

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Tarik balik.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, gambar menceritakan pelbagai cerita. Ramai orang beranggapan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat kena faham usul ini pun timbul kerana perasaan sakit hati rakyat negeri Sabah terhadap gambar yang telah dikeluarkan oleh media baru atau *diviralkan* oleh *Facebook* dan sebagainya. Jadi kita faham sebab itu usul ini diterima, dibahaskan dan diterima oleh Yang Berhormat Tuan Speaker untuk kita bahaskan.

Oleh sebab itu Tuan Speaker beritahu tadi Yang Berhormat Lembah Pantai ada peluang. Tadi sudah membela diri, memberikan penjelasan. Sekiranya semua bersetuju majoriti hendak dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sekali lagi peluang yang sangat besar, Yang Berhormat Lembah Pantai boleh membawa siapa sahaja menjadi saksi untuk membela diri. Jadi perkataan atau hati-hati tetapi gambar tersebut telah menyebabkan ramai rakyat negara ini Sabah khususnya telah sakit hati. Jadi teruskan Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanjong Karang sekejap satu sahaja.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** *[Bangun]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Apakah perasaan isteri arwah Sarjan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta apakah *ruling* yang dibuat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya sudah nasihatkan, saya sudah nasihatkan. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Subang saya sudah nasihatkan supaya Yang Berhormat Tenom berhati-hati mengeluarkan perkataan itu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tetapi tadi perkataan yang telah disebut...

## ■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu saya sudah jelaskan Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang, saya sudah jelaskan bahawa oleh sebab perbuatan bergambar itu telah menyakit-nyakitkan hati. Okey?

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Tenom.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu bukan isu dia Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti, nanti Yang Berhormat Subang tak payah berdialog dengan saya Yang Berhormat. Kalau gambar itu tidak menyakit-nyakitkan hati, tak ada usul hari ini. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tetapi itu isu yang dibangkit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Subang, saya tak benarkan lagi, Yang Berhormat Subang. *Ruling* sudah dibuat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Isu berbangkit mengenai Lembah Pantai, ialah perkataan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baik, sila Yang Berhormat Tenom.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ialah perkataan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, sila duduk. Okey, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bukan dia tarik balik perkataan bersekongkol.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, sila duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekali lagi Yang Berhormat Subang, okey.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekali lagi Yang Berhormat Subang, saya..

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, saya minta jalan dengan baik. Saya tanya Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tenom setuju atau tidak dengan saya bahawa bergambar itu tak salah. Itu kita tidak, bagi saya bergambar memang tidak salah. Akan tetapi yang menimbulkan isunya ialah apabila ada pelekat membebaskan Anwar Ibrahim dan kita kena faham akta dalam negara kita bahawa kita tahu Anwar Ibrahim ini bukannya tahanan politik. Dia telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah.

Oleh sebab itulah... [*Dewan riuh*] Oleh sebab itulah, dalam angkat sumpah kita, dalam angkat sumpah kita, kita menghormati Perlembagaan dan tidak ada mana-mana pihak, mana-mana pihak sekali pun, kalau cuba hendak membuat satu-satu perkara sampai keluar negara yang bertentangan dengan undang-undang negara kita, adakah ini satu perbuatan yang boleh dilakukan oleh Ahli Parlimen? Jadi saya hendak tanya, bersetuju ataupun tidak bahawa tindakan pelekat yang dibuat itu memang bertentangan dengan undang-undang di dalam negara kita?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tenom sila gulung.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tak apa, ada rakan-rakan lain lagi yang akan sambung Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Tenom boleh tambahan? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tenom, Sepanggar boleh tambah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepanggar, kalau Yang Berhormat Tenom benarkan celahan, tidak banyak perkara Yang Berhormat Tenom boleh bawa.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Boleh saya, sikit, sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya benarkan satu minit sahaja.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Tenom, boleh ya?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Okey.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Tenom, apakah Yang Berhormat Tenom bersetuju kes ini amat serius bagi rakyat negeri Sabah sehingga ia dirujuk ke Dewan Undangan Negeri dan semua wakil rakyat telah bersetuju supaya Yang Berhormat Lembah Pantai ini diharamkan memasuki negeri Sabah. Ini menunjukkan betapa seriusnya, betapa marahnya rakyat negeri Sabah tentang perbuatan Yang Berhormat Lembah Pantai ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, saya amat setuju daripada pandangan Yang Berhormat Tanjung Karang dan juga Yang Berhormat Sepanggar tadi, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, jangan kita jadi hipokrit seperti pembangkang yang mendabik dada mengatakan kononnya mereka memperjuangkan negara atas nama demokrasi. [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Apa yang dikata hipokrit?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Eh dengarlah.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Dengarlah Tuan Yang di-Pertua, dia menghina terlalu lebih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat..

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang lebih Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Dengarlah, dengarlah, dengarlah. [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Seputeh.

**Seorang Ahli:** Dengarlah, apa masalah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Macam ini tidak boleh bahas. Semua hendak tarik balik, tidak payah bahas!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Semua hendak tarik balik, tidak payah bahas.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kita guna kesempatan ini cakap apa dia hendak cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tak perlulah saya bagi nama kepada Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ahli pembangkang cakap apa pun boleh. Kita cakap sikit, tarik balik.

**Beberapa Ahli:** Tarik balik, tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat, Yang Berhormat..

**Beberapa Ahli:** Tarik balik, tarik balik...*[Dewan riuh]*

**Seorang Ahli:** Apa Pantai Remis? Apa lagi? Apa mahu tarik balik? *[Dewan riuh]*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya pohon tarik balik perkataan hipokrit.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, yang lain diam Yang Berhormat, sila duduk. *[Dewan riuh]* Saya sebut nama-nama ya, saya sebut nama-nama. Ampang, Subang, Kapar, Seputeh, Rasah, belakang sana, Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jaga hatilah warga waris anggota keluarga keselamatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain-lain duduk, yang lain-lain duduk. Sekali lagi, sekali lagi, Baling, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jaga hati... *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Baling, apa cerita ini? *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dengarlah ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apa bising-bising?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bising sebab anggota keselamatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk, Yang Berhormat Baling...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Apa? Apa? Tarik balik, tarik balik. Cakap pasal fakta, cakap pasal fakta. *You* pun bangang! Tak payahlah cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat!

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Belum habis layan dia Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila gulung Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, saya gulung, saya gulung. Sebab pedas telinga dia orang. Ya, padan muka! Lain kali, buat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat!

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom..

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya sambung sedikit sahaja lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh bangun.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, tarik balik 'hipokrit'. [*Dewan riuh*]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Dengar dulu.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Permatang Pauh sila duduk. Yang Berhormat Parit Buntar, sila duduk Yang Berhormat Parit Buntar. Semua saya tahu, semua minta peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** ...36, mengatakan sesuatu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar, sila duduk. Saya tahu...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Perkataan hipokrit itu terlalu berat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat..

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Belum ada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila duduk. [*Dewan riuh*]

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Pembangkang memang selalu hipokrit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa hipokrit, hipokrit?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Memang putar belit! Memang putar belit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar sila duduk. Sekali lagi Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Parit Buntar sila duduk.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Penipu sahaja.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** 36, saya harap kita hormat yang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bentara.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya dulu kena waktu saya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ampang, sila duduk. Sekali lagi Yang Berhormat Ampang sila duduk. Semalam Yang Berhormat dan biasanya hari-hari semua menuduh kerajaan. *[Dewan riu]* Saya dengar, nanti. Saya tidak memihak, Yang Berhormat Kapar semalam menuduh kerajaan menipu. Menuduh kerajaan menipu rakyat, saya diam sahaja. Perkataan-perkataan ini sudah menjadi kebiasaan. *[Dewan riu]* Hipokrit! Sebab itulah saya kata, Yang Berhormat Tenom duduk.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** *[Duduk]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]* Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ya...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar, saya tak benarkan lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini sebab ada bangkangan. Kalau tidak ada bangkangan, soal penipu rakyat ditarik sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, semalam Yang Berhormat Menteri minta Yang Berhormat Kapar tarik balik, Yang Berhormat Kapar pun tak hendak tarik balik Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang minta tarik balik. *[Dewan riu]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Balik, balik, duduk. Kita mewakili anggota keselamatan warisi yang meninggal dunia. Siapa hendak jaga dia?

**Seorang Ahli:** Yang ini lain, isunya lain, tak boleh disamakan. Tuan Yang di-Pertua samakan..



**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada siapa hendak membantu? Ini hendak tarik balik, tarik balik. Siapa hendak jaga hati waris dia yang meninggalkan dunia itu?

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Pembangkang pun hari-hari cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk dulu, Yang Berhormat Tenom sila habiskan ucapan.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Okey, saya habiskan sedikit. Sakit telinga bukan? Sedap tak? Rasa oren bukan? Saya ingin menyambung Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama *working hand in blog* dengan izin, dengan musuh negara seperti Keluarga Kesultanan Kiram yang terang-terang menuntut negeri Sabah sebagai hak keluarga mereka seolah-olah negeri Sabah ini barang mainan yang boleh dijual beli, ditawarkan harga malah dicuri sewenang-wenangnya. Ini bukan perkara lama, seperti kata Yang Berhormat Seputeh.

Ini bukan barang lama, ini bukan perkara lama. Ini perkara yang menjadi kerisauan kepada rakyat Sabah. Kerisauan kepada penduduk-penduduk yang terlibat hari ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab beri ruang kepada rakan-rakan yang lain, saya ambil satu sikit, pesanan daripada arwah pejuang-pejuang kita. Saya ambil;

*“Wahai isteri ku, maafkan abang seandainya abang tersalah cakap mahupun terkasar perbuatan. Jagalah dan didiklah anak-anak kita menjadi orang-orang yang berguna”.* Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, *“Oh, Malaysia ku. Maafkan aku andainya aku gugur di medan perang. Demi Allah, aku telah berusaha sedaya upaya”.* Itulah ungkapan-ungkapan terakhir pejuang-pejuang kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya dulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I go first?*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, okey, *alright.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Puchong dulu, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, nampaknya laluan diberikan. Okey, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Subang, beri laluan kepada Yang Berhormat Puchong?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** No, dia ambil tempat dulu. Saya *turn around.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, okey, sila, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima minit ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibawa terhadap Lembah Pantai ini adalah... *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, ada masalah dengan mereka di situ? *[Sambil menuding jari ke satu sudut]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sebenarnya dua-dua ada masalah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tetapi kalau boleh saya teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang tak ada masalah Speaker sahaja. *[Ketawa]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya rujuk kepada usul yang dibawa. Usul yang dibawa ini dengan cukup jelas Tuan Yang di-Pertua merujuk kepada apa yang disebut sebagai suatu penghinaan kepada Majlis Mesyuarat.

Saya bangkit sebagai Ahli Parlimen dan merujuk kepada peraturan mesyuarat kerana Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebut berulang kali, isu berkenaan dengan penghinaan mahkamah ini cukup jelas. Ia tertera dalam akta yang terlibat dalam perkara ini iaitu *the Houses of Parliament Privileges and Powers Act*.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa kalaulah perkara itu sedemikian, apa yang perlu dilakukan adalah untuk usul ini dengan cukup jelas merujuk kepada apa yang disebut sebagai penghinaan. Akan tetapi kalau kita lihat kepada senarai apa yang tersebut di situ, ia tidak dinyatakan di situ. Oleh itu kepada saya, usul ini memang di luar peraturan. *It is out of the scope of the standing order* dan seharusnya tidak dibahaskan sama sekali dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana disebutkan oleh pihak sana bahawa kononnya pembangkang hipokrit.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua membenarkan jadi saya akan teruskan dari situ.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tuduhan dibuat terhadap kami dalam pembangkang, kami berani masukkan satu usul atau permintaan di bawah Peraturan Mesyuarat 14 supaya kami diberikan peluang untuk memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Itu apabila satu tohmahan yang serius dikeluarkan terhadap pihak kami kerana kita ada penjelasan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi.

Beliau memberi satu penjelasan apa sebenarnya yang berlaku. Beliau dijemput menghadiri satu upacara di mana di situ ada jemputan yang lain dan jemputan-jemputan yang lain tersebut itu ada sesi bergambar dan sebagainya. Bukan satu keadaan di mana beliau berniat untuk pergi ke situ untuk jumpa orang-orang tertentu. *It was a general function*. Itu adalah penjelasan yang kami berikan.

Ini perlu dilihat dengan perbezaan dengan pihak dari sana. Daripada sana kita ada isu berkenaan dengan RM2.6 bilion. Bukan macam kami. Apabila kita ada dibawa tuduhan terhadap kita, kita sedia untuk datang di sini untuk jawab. *[Tepuk]* Akan tetapi *disgraceful conduct on part of the Prime Minister...*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tengok! Politik lagi! Tengok! Politik lagi! *If you want to talk, you talk about... Why are you talking about politics? [Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...menyatakan beliau akan datang sini dan memberi penjelasan. Akan tetapi hari ini ... berikan penjelasan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Come onlah! Sudahlah! Disgrace apa? You are worse than disgrace. [Dewan riuh]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Duduk, duduk. Biar Yang Berhormat Puchong cakap.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...apa kena mengena ...*you got nothing...*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bahawa Yang Berhormat Menteri akan membuat satu kenyataan. Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan yang kosong *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa kena mengena? Blah lah! *This is not ...for politics* lah. Ini untuk membela rakyat lah Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Baling, ini adalah masalah dengan Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudah lah Yang Berhormat Puchong.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Lima minit sudah habis.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Roti canai...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan cabar sini. Jangan cabar Barisan Nasional.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya cabar Yang Berhormat Baling sekarang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *If you want to talk, you talk. If you want to protect, you protect. [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...saya bangkit ...siapa sebenarnya hipokrit..

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua. *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You stop talking about...* *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Untuk Yang Amat Berhormat Bagan Datok, Yang Amat Berhormat Bagan Datok dah jawab. *Who are you to answer for* Yang Berhormat Lembah Pantai. *[Dewan riuh]*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Baling!

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *Shut uplah! Get out!*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...*Who are you to answer...*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, *can you shut up?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat. Sila duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Mana boleh macam ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk. Ya, Yang Berhormat Puchong, silakan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya berikan ruang kepada Yang Berhormat Baling. *Stand up and give explanation and do it properly. Properly. I want to hear you.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Okay, I want to ask you a question. Why are you representing* Yang Berhormat Lembah Pantai *now?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dengan izin, dengan izin.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You said just now – Nantilah, I tanya soalan you hendak jawab. Tunggulah sekejap.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, silakan, silakan. Saya hendak dengar kerana *you* emosi sangat *time* menjawab. *Please.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You* cakap tadi Yang Berhormat Lembah Pantai pergi ke sana hanya bergambar. Tidak ada apa-apa muslihat. Akan tetapi *you* cakap tadi, wakil Yang Berhormat Lembah Pantai. Pada masa yang sama, di situ kata tolong lepaskan Anwar, bebaskan Datuk Seri Anwar. Itulah yang kami marah, satu. Kedua, sekejap, kedua, kenapa – *no*. Kenapa ... *[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Hold on, hold on, hold on.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Diam, diam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Silakan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan saya. Soalan saya. *Why I was mad. [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Betul. *Alright. Enough question. Sit down.* Sudah. Saya dengar soalan. Saya hendak jawab sekarang. *Sit down,* Yang Berhormat Baling. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No, no.* Kenapa saya marah. *You* kata kenapa Yang Amat Berhormat Bagan Datoh wakil Yang Amat Berhormat Pekan tadi. Itu ...*you said.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Alright.* Yang Berhormat Baling, *you ask for a..., you're going to get it now.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Why can't to answer.* [Dewan riuh]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no,* duduk. Saya sudah dengar soalan kamu. Saya sudah dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *So* Yang Berhormat Bagan Datok jawab... [Dewan riuh]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Alright.* Duduk, duduk. Kalau berani duduk dan bagi saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, cukup jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, masa dibenarkan lima minit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, saya akan habiskan. Saya akan habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu minit sahaja.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *I just make my point. This is an abuse of Parliamentary due process* kerana disebut jelas, ini bukan berkenaan dengan Sabah menurut Ahli Parlimen Baling. Ini berkenaan dengan Anwar Ibrahim. [Dewan riuh] [Disorak]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No, no, no.* Saya jawab cukup jelas. [Dewan riuh]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Sit down. Sit now!*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Cannot!*

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.* Tuan Yang di-Pertua, *point of order.* [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab itu saya kata kenapa Yang Berhormat Puchong boleh jawab bagi pihak Yang Berhormat Lembah Pantai?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong. Sekejap. Sekejap. Duduk Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Baling kena halau, Yang Berhormat Baling.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling. Ya, duduk. Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling. Okey, *cool down*. Sabar. Ada *floor* kita nanti. Ada *floor* Yang Berhormat, ada *floor* Barisan Nasional, berucap ya.

Okey, sila. Gulung terus.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Baling, *don't you understand simple English?* Soalan saya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tengok ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Sit down.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You* suruh saya diam. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riuh*] Apa masalah dia?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *You* kalau tidak berani hendak dengar, kalau tidak berani hendak .... [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bayangkan kalau ...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ... *What is this* Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...*mislead this* Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jawapan saya kepada Yang Berhormat Baling cukup senang. Yang Berhormat Baling, tanya kenapa saya berdiri dan mewakili Yang Berhormat Lembah Pantai. Tidakkah Yang Berhormat Baling nampak perbezaan. Di sini Yang Berhormat Lembah Pantai juga berdiri. Berdiri untuk membela diri sendiri. *Where's your Prime Minister?* [*Dewan riuh*] [*Disorak*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Let me* jawab. Duduk. [*Dewan riuh*] ...*Let me answer.*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...*This is the answer...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jemput Yang Berhormat Limbang.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling keluar. Yang Berhormat Baling keluar. Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Limbang. Ada, Yang Berhormat Limbang? Ya.

**12.37 tgh.**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Marilah kita imbas kembali kepada sejarah perang di antara negara China – Korea dengan empayar Jepun dalam tahun 30-an. Walaupun sudah melebihi 70 tahun lebih peperangan berlalu namun penderitaan yang ditanggung oleh rakyat di negara China dan Korea masih dirasai. Sehingga hari ini rakyat di negara China dan Korea masih lagi terasa, terguris perasaan sehinggakan mereka membuat protes hinggakan menolak lawatan Perdana Menteri Jepun dan ahli-ahli politiknya untuk melawat Yasukuni Shrine untuk mengingati tentera-tentera mereka yang terkorban dalam peperangan dunia kedua.

Apalah bezanya dengan kita ini. Perkara yang sudah lama berlaku pun masih terasa, inikan pula yang tidak sampai setengah abad. Kekejaman komunis di negara kita juga telah pun menyinggung hati dan perasaan orang kita. Banyak. Polis kita, tentera kita, keluarga dan waris-waris yang masih hidup sehingga hari ini. Ini bukan soal negara Filipina tetapi ini soal pencerobohan angkatan seseorang yang mengaku, yang menyerang perwira-perwira di negara kita, menceroboh negara kita di negeri Sabah.

Pada Februari 2013, Sultan Jamalul Kiram III bertindak bersama pengikutnya meneruskan tuntutan itu dengan cara yang lebih drastik. Menceroboh Sabah dan melakukan kekacauan dan kekejaman yang melanggar peraturan antarabangsa. Anda bayangkanlah cara mereka. Mereka memotong, mengerat-ngerat mayat dan jenazah anggota keselamatan kita yang telah pun meninggal dunia. Mata dicungkil. Apakah perbuatan ini perbuatan kejam? Tidak hairanlah apabila perkara ini ditimbulkan akan mengguris hati dan perasaan orang.

Tuan Yang di-Pertua, insiden pencerobohan bersenjata di Lahad Datu Sabah oleh sekumpulan penceroboh yang didakwa sebagai Tentera Diraja Kesultanan Sulu pada 12 Februari 2013 di Kampung Tanduo, Felda Sahabat telah menggugat keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia di negeri Sabah khususnya. Insiden tersebut turut mengorbankan wira-wira negara dalam usaha mempertahankan kedaulatan Sabah dan amnya negara kita yang tercalar akibat kepada tuntutan waris Sultan Sulu terhadap negeri Sabah, kononnya merupakan hak kedaulatan mereka.

Kubur-kubur perwira negara masih lagi kuning dan darah yang mengalir masih panas. Tindakan Ahli Parlimen kita yang telah berjumpa dengan anak kepada ketua penceroboh, Allahyarham Jamalul Kiram III ini iaitu Puteri Jacel Kiram baru-baru ini telah menimbulkan tanda tanya banyak pihak malah menimbulkan kemarahan dan mengguris hati rakyat jelata khususnya rakyat di negeri Sabah. Kita pun tahu pengorbanan nyawa...

**■1240**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Simpang Renggam bangun.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Limbang, boleh?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *Because I have five minutes only. Half minutes please.*

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Kalau hari ini gambar tidak terbongkar, kita masih tidak tahu ada satu perjumpaan antara dua pihak ini. *We are still in the dark*, dengan izin. Jadi saya juga ditanya oleh rakyat, dia dilihat kemungkinan ada agenda tersembunyi antara dua pihak ini iaitu *I help you, you help me. You* membantu saya melepaskan Datuk Seri Anwar dan saya membantu *you* menuntut Sabah. Jadi nampaknya agenda tersembunyi. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** Tarik balik! Tarik balik! Tarik balik! *[Dewan riuh]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini sudah melampau ini.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Adakah ini... Sultan Sulu ada *connection* dengan Najib kalau dia boleh mempengaruhi Najib?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Itu tafsiran. Tafsiran itu adalah masing-masing dan apa yang *transpire* itu hanyalah kata orang Sarawak batang tubuh sendirilah yang tahu dan Allah sahaja yang tahu.

Tuan Yang di-Pertua, pengorbanan nyawa perajurit kita, pengorbanan harta, wang negara untuk mempertahankan kedaulatan negara kita begitu banyak sekali walaupun ianya merupakan dengan izin *just a very short, small Malaysian war* dan apatah lagi selepas itu kita berbelanja, ESSCOM ditubuhkan dan sebagainya. Memang kesan daripada *small war* ini untuk mempertahankan dan memastikan ianya tidak berulang kembali. *Wallahu 'alam* sama ada mereka hendak masuk lagi sekali. Kita tidak tahu. Tindakan ini sangat tidak berperasaan, seolah-olah begitu. Ia soal maruah, keselamatan, perasaan keluarga yang terkorban dan sepatutnya kita Ahli-ahli Parlimen tidak kira sebelah sana, sebelah sini, sebagai yang berpayung di bawah Yang di-Pertuan Agong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Limbang, gulung.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Perlu lebih sensitif. *Insyallah*. Lebih sensitif dan peka terhadap perkara ini. Kita tanya di manakah semangat patriotisme kita jika kita betul-betul ingin memartabatkan negara kita. Jika sekiranya niat untuk berbaik-baik dan berdamai. Kita menyentuh tentang Angkatan Tentera Diraja Sulu ini. Mereka sepatutnya hadir kepada kita dan bukannya kita yang datang kepada mereka. Kita takut ini boleh menimbulkan tafsiran. Mungkin ada sesuatu agenda tersembunyi yang dilakukan dan kita tidak boleh hendak halang tafsiran-tafsiran. Apakah mungkin ada kompromi dalam memperoleh kesepakatan atau sesuatu agenda. *Wallahu 'alam*. Jadi kita perlu belajar daripada sejarah. Tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tanah tumpah darah kita.



Maka dengan ini saya berpandangan bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mulia ini perlu sensitif dan dalam masa yang sama memastikan agar perkara seperti ini tidak dipandang remeh dan ringan. Bukannya menjadi bahan cerita di kedai kopi ataupun menjadi jolokan mata.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Saya pergi Sabah, tembak-tembaklah. Beginilah begitu-begitu. Tidak mahulah. Kita tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Ini telah diviralkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang. Selepas Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang kena tiga minit, ya Yang Berhormat Subang. Seorang lagi saya panggil daripada sebelah kanan saya selama tiga minit selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

**12.45 tgh.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mana boleh tiga minit. Tadi Speaker...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, telah diputuskan tadi masa kecoh berapa banyak kita ambil masa.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Speaker tidak sebut sesiapa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau ikut masa, Yang Berhormat. Sila, sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya pohon daripada AMANAH satu, Tuan Yang di-Pertua untuk berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang Tan Sri sebut tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Subang berucap. Sila. Yang lain duduk, yang lain duduk. Sila, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tadi sebagai panduan perbahasan. Tuan Yang di-Pertua tidak sebut kita mesti berhenti pukul 1. Dia hanya selaraskan kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang berminat untuk berucap atau tidak? Sila, sila. Sila teruskan ucapan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu saya hendak ingatkanlah, itu yang berlaku. Jadi tidak adil kalau kita sekarang hadkan kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak adil kepada semua pihak. Baik sana pun atau sini pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, sila berucap.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, kalau dua tiga minit ini memang tidak adil kepada apa-apa isu. Kita tidak ambil perkara ini serius. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata ambil perkara ini serius dan Tan Sri pun ingatkan tetapi ini bukan caranya. Inilah perkara yang sangat serius di mana kita akan rujuk Yang Berhormat Lembah Pantai kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua kaji semula. Saya minta dan saya merayu sekarang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Subang berucap.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya merayu secara sopan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, saya sudah bagi masa kepada Yang Berhormat Subang. Saya sudah panggil Yang Berhormat Subang. Sila berucap.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi prosedur apa ini? *Come on. Do the proper thing.* Ini Dewan yang mulia, Dewan Rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, kalau Yang Berhormat Subang hendak berucap, sila berucap. Kalau tidak mahu bahas, Yang Berhormat boleh duduk. Silalah. Sila. Saya sudah jemput.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Subang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup, cukup, Yang Berhormat Klang. Sila, Yang Berhormat Subang. Sila, sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tiga minit tadi? Okey, saya bagi *point* saya dalam tiga minit tetapi saya masih merekodkan inilah cara yang memang tidak adil kepada semua. Satu, usul ini adalah berkaitan dengan satu perkara yang berlaku di Filipina, di negara lain. Bagi saya, Yang Berhormat Menteri yang bawa usul ini tidak faham skop penghinaan kepada Parlimen. Kalau kita hendak faham apa skop penghinaan Parlimen, kita baca apa dia *Erskine May, Chapter 8, contempt*, adalah berkaitan dengan perjalanan Parlimen. *It must happen with the conduct of proceeding in Parliament*, dengan izin. *It must going to be concern with* tingkah laku Ahli Parlimen ataupun orang awam yang mengganggu prosedur di Parlimen, itulah dia.

Jadi apabila kita nampak fakta yang disebut di sini, tidak ada kena mengena. Kalau kita mula, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mula dengan *precedent* ini, *whatever conduct* dengan izin, *any of you* dan semua di sana pun terlibat, sana. *You* buat sesuatu di luar, itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya mahu ingatkan sekarang. *This is the precedent we are setting today*, dengan izin. Jangan buat itu.

Yang Berhormat Menteri, saya ingatkan. Katakan Yang Berhormat, *your court in a compromise situation* di luar. Tidak tahu apa jadi. Itu boleh jadi bahan rujukan di sini. Apa-apa tingkah laku di luar, *whatever conduct* di luar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri faham dengan lebih mendalam apa skop ini. Apa yang *precedent* yang kita buat pada hari ini. *We are setting a terrible precedent*, dengan izin.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sekejap sahaja saya mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ringkas ya. Bersetujukah Yang Berhormat Subang dengan pendirian Yang Berhormat Subang bahawa tentang ini satu *precedent* yang buruk. Bersetujukah Yang Berhormat Subang bahawa sebenarnya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, kemudian disahkan oleh Yang Berhormat Baling bahawa ini tidak ada kena mengena dengan sentimen rakyat Sabah ataupun patriotisme. Ini sebenarnya hanyalah satu isu politik yang dibawa oleh UMNO untuk mengelak daripada kontroversi Perdana Menteri dengan skandal-skandal beliau. Setujukah Yang Berhormat Subang? [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tengok! Siapa yang main politik sekarang? Sudah. Yang Berhormat Pandan hendak masuk pula sudah. Yang Berhormat Pandan sudah elok-elok diam tadi, Yang Berhormat Pandan hendak cari gaduh pula.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang. Sikit, sikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sikit ya. Sila ringkas.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Relax, relax.* Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling. Okey.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak payah, Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandanlah kaki politik yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling ini buang masa, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling dibaling keluar, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil, duduk ya Yang Berhormat Bukit Katil.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya masuk sedikit, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang tidak banyak masa, Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** 20 saat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya minta Yang Berhormat Subang. Saya setuju dengan pandangan mengatakan bahawa kes satu *bad precedent* dengan izin. Isu gambar. Bila gambar Yang Berhormat Lembah Pantai dikeluarkan, terus diviralkan di dalam media sosial. Gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bergambar dengan Sultan Kiram dalam Perhimpunan Agung UMNO berlaku di sini. Kenapa Yang Amat Berhormat Pekan tidak dirujuk kepada jawatankuasa ini? Ini yang berlaku di sini. Apa pandangan Yang Berhormat Subang? Ini bukan politik, betul ada gambar. Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta yang disebut oleh Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Pandan dan Yang Berhormat Bukit Katil dimasukkan ke dalam ucapan saya. Saya setuju dengan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kedudukan sekarang. Kita pada hari ini kita buat satu rujukan. Kita buat usul untuk rujuk seorang Ahli Yang Berhormat kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk sesuatu yang berlaku di luar dan yang tidak ada kena mengena dengan perjalanan Parlimen.

#### ■1250

Saya minta sekali lagi fikir mendalam apa yang kita buat hari ini, skop yang kita buka hari ini. Jadi dengan ini apa-apa *personal conduct*, secara peribadi, mana kapasiti, rasmi atau apa-apa sekarang boleh menjadi bahan rujukan dalam Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, gulung Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini memang tidak salah melanggar amalan Parlimen yang kita mengikut sistem Parlimen.

Satu lagi poin yang kedua, fakta telah disebut dengan jelas oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Dengan jelas, bukan sahaja di Dewan ini sudah disebut beberapa kali di ruang awam. Tidak ada seorang pun yang dapat menafikan dan mencabar kesahihan fakta-fakta yang disebut itu. Jadi apa isu lagi? *Nobody can challenge those facts. Nobody has denied the facts* dengan izin. Jadi apa lagi hendak usul di sini? Jadi isu ini Tuan Yang di-Pertua ialah hanya satu penganiayaan, satu gangguan, *is just harassment* dengan izin of Yang Berhormat Lembah Pantai. Apa tujuannya? Memang tujuan berniat jahat. Apabila kita dengar pengesahan daripada...  
[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Daripada Yang Berhormat Tanjong Karang, daripada Yang Berhormat Baling kita dengar apa mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila gulung.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...tentang sebab ada placard "Bebas Anwar". Tidak kena mengena dengan isu Sabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu yang telah disahkan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk Yang Berhormat. Cukup, masa cukup.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi saya rumuskan. Saya kata usul ini tidak patut diteruskan sebab fakta telah disebut, fakta tidak dicabar, tidak boleh dinafikan dan tidak ada asas lagi untuk usul ini. Tidak apa hendak siasat. Mungkin Yang Berhormat Menteri akan jawab selepas ini, “*Oh, apa takut pergi siasat sana?*”. Tidak ada apa lagi untuk siasat sebab *it is already said without challenge*. Sana siapa yang boleh cabar? Tentu tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk Yang Berhormat, cukup.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi saya minta – saya membantah usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Putatan ada tiga minit. Ya, kalau minat berucap, terus. Kalau tidak orang lain. Sila, tiga minit.

#### 12.52 tgh.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut nasihat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kena belajar laju macam Yang Berhormat Lanang berucap.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya diberi 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiga minit Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jangan cakap politik dalam Dewan ini. Politik kita ikut nasihat Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan sumpah kita di Parlimen ini iaitu – ada yang lupa saya pasti ingatkan. Saya sebut nama dari mana setelah dipilih atau dilantik sebagai seorang Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah atau berikrar – ini sumpah ya. Bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang sedemikian dengan segala upaya bahawa saya akan menyumpah taat setia yang sebenar kepada Malaysia...

**Seorang Ahli:** Angkat tangan, angkat tangan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:**...Dan – ini bukan angkat sumpah. Kau jangan kacau. Dan akan memelihara [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Perlembagaan. Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang antara ahli kita pergi ke luar negara berjumpa dengan... [*Dewan riuh*] Berjumpa dengan pemimpin yang rata-rata...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau pergi luar negara, ambil dari Arab RM2.6 bilion tidak bersalah. [*Dewan riuh*]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Mengarahkan menyerang negara kita, yang mencero boh di Sabah di Kampung Tanduo...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Putatan, setengah minit penjelasan boleh? *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Tiga minit habis.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Apa istilah yang paling sesuai dalam bahasa Melayu ini saya tidak berapa pasti...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Putatan, setengah minit boleh?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang saya tahu – sekejap, sekejap.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Boleh? Setengah minit sahaja. *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang saya tahu istilah pengkhianat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Eh, *shut up*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Keduanya...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ada Tuan Yang di-Pertua di sini, jangan kacau.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Penderhaka. Saya tidak tahu apa istilah yang terbaik, istilah yang baik daripada itu. Kalau dalam bahasa Inggeris, *traitor*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bergambar dengan Netanyahu, *shake hands* dengan Netanyahu...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kalau betul...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Apa tindakan untuk itu? *Shake hands with the Zionist leader*. *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Minta bantuan negara asing...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Perdana Menteri *shake hands* dengan Netanyahu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Untuk membebaskan seorang pemimpin di penjara...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu tidak pergi sana. Ini dia pergi sana. Masuk rumah orang, makan dekat rumah orang dan ambil gambar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** ...Bukan jumpa dengan musuh negara.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apalah *you* Yang Berhormat Subang bodohlah. *[Dewan riuh]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat Simpang Renggam saya setuju. *You give me, I give you back. You help me, I help you.* Saya setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan. Satu minit, gulung.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akur. Kalau betul-betul minta bantuan dengan pemimpin kerajaan negara asing patut berjumpa dengan ketua negaranya bukan musuhnya.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** *RM2.6 billion* ada jumpa dengan ketua negara kah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang penting kalau jumpa dengan presidennya...

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Putatan, *RM2.6 billion donation* tidak ada jumpa ketua negara? *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu tidak ada kena mengena dengan pengganas. Kalau pengganas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Guna akal sikit. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan, sila duduk masa sudah cukup.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat, cukup. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi telah beri giliran bukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri. Saya sudah beri peluang tiga-tiga Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua kata lima orang. Tuan Yang di-Pertua *over rule* Tuan Yang di-Pertua punya *ruling*.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Sebut semua nama Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sebut siapa yang bangun setelah saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri bangun tidak dengar cakap saya, sila keluar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak cakap tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Penampang dan Yang Berhormat Kota Bharu sila duduk. Ya, Yang Berhormat Menteri.

12.56 tgh.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 107 laporan polis telah dibuat terhadap Yang Berhormat Lembah Pantai. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Lembah Pantai telah dipanggil untuk disoal siasat...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Itu laporan polis kaki UMNO lah. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dewan Undangan Negeri – Dewan Undangan Negeri Sabah...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tarik balik, tarik balik. Tarik balik hei Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Taiping bangun, tarik balik Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Baling, ini berkaitan dengan UMNO lah. Ini berkaitan dengan UMNO. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Duduklah Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Baling, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat sila bagi kerjasama Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Telah meluluskan usul khas di bawah Peraturan Tetap...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Baling, minta mencelah. Minta mencelah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Untuk mengharamkan serta-merta kemasukan Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada celahan. Boleh celahan atau tidak dibenarkan?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tidak boleh. Kita hendak mengundi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada celahan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Lembah Pantai... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada celahan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini soalan yang serius takkan tidak ada pencelahan?



**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri kena tahu, Yang Berhormat Bagan Datok telah beritahu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini soalan yang serius takkan tidak ada pencelahan? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** *Mic, mic* Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tiga perkara – tiga isu ya. Menuntut sebarang peraturan yang terpakai atas tindakan perilaku yang diterima sebagai *unparliamentarily*, sama ada berlakunya pelanggaran ke atas peraturan tersebut. Sekiranya berlaku, sama ada perlunya suatu hukuman dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Fakta tidak dipertikaikan. Apa nak kisah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam kes ini...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Just a bullying tactic here.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Usul yang dibawa oleh kerajaan ialah untuk membawa Yang Berhormat Lembah Pantai ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Using a majority to bullying.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Merupakan platform yang terbaik untuk Yang Berhormat Lembah Pantai untuk menjelaskan tindakan beliau.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Three hundred police reports won't make a difference.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Apa yang berlaku...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Timbalan Perdana Menteri sudah sebut...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 1MDB lagi banyak *report!*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku hari ini menunjukkan bahawa...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 1MDB lagi banyak *report!*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Adalah lebih baik jikalau Yang Berhormat Lembah Pantai membela diri dalam Jawatankuasa Hak dan Kebebasan...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Penjelasan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai ini boleh diteliti dan dihakimi oleh Jawatankuasa yang bukan sahaja terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan tetapi juga dianggotai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang. Daripada terus berdolak-dalik, Yang Berhormat Lembah Pantai seharusnya melaksanakan hak beliau untuk didengari dan mengambil peluang ini dan memberikan penjelasan sepenuhnya termasuk membawa saksi, contohnya Joseph Estrada, contohnya Puteri Jacel Kiram.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *She is there to hear. What is there to investigate? We have all the facts. Yang Berhormat Lembah Pantai has presented all the facts unlike Prime Minister who run from this Dewan.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ini hak dia. Bukan di dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, sila habiskan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jawatankuasa Hak dan Kebebasan selepas selesai mendengar dan meneliti daripada segi merit...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *No point investigating. Just using the majority.*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Kepadanya, akan membentangkan laporan kepada Dewan. Jadi, berertinya, Tuan Yang di-Pertua...

■1300

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, sila habiskan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kemungkinan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Hari ini Menteri yang mencemarkan imej Dewan yang mulia ini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan Yang Berhormat Lembah Pantai boleh diberi peluang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Hari ini mereka yang buat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Diberi peluang mengemukakan saksinya, dan bukanlah semata-mata untuk menghukum beliau.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini tidak adillah Yang Berhormat Menteri. Ini satu ketidakadilan, Yang Berhormat Menteri. Kena berlaku adil.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Juga, kita boleh membuat kesimpulan bahawa kemungkinan Jawatankuasa akan... *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita undilah, undilah.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri sila duduk.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan, kita memohon supaya sekali lagi Yang Berhormat Lembah Pantai dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan saya mohon mencadang.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri disahkan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 1 hendaklah disetujui.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Belah bahagi.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagi]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Sila duduk ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

■ 1310

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Setelah kita mengadakan belah bahagian tadi, maka ini adalah keputusan belah bahagian. Yang tidak bersetuju dengan usul seramai 77... *[Tepuk]* Yang bersetuju dengan usul seramai 105... *[Tepuk]*

Maka dengan yang demikian, usul untuk merujuk Yang Berhormat Lembah Pantai kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan adalah dipersetujui. Terima kasih.

*[Usul disetujukan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehinggalam jam 2.30 petang.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.12 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]***

■ 1430

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2015**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2015 yang dicadangkan adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah pencukaian yang diumumkan dalam Bajet 2016 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini mempunyai 59 fasal yang dibahagikan kepada tujuh bab seperti berikut:

### **Bab I – Permulaan.**

Dalam bab permulaan, terdapat dua fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2015.

Fasal 2 menerangkan tujuan rang Undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

### **Bab II – Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.**

Bab II yang terdiri daripada dua bahagian dan 30 fasal iaitu fasal 3 hingga fasal 32 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan menyediakan peruntukan kecualian dan peralihan seperti berikut:

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Subperenggan 4(a)(i) dan (ii), perenggan 10(a), (b) dan (c) berkenaan dengan perenggan 39(1)(o) dan (p) Akta Cukai Pendapatan 1967, seksyen 17, perenggan 25(a) dan (e), perenggan 28(a) dan seksyen 29 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Seksyen 5, 6, 7, 8, 9, dan 11, perenggan 12(a), (b), (c) dan (d) berkenaan dengan perenggan 46(1)(n) Akta Cukai Pendapatan 1967, seksyen 13, 14, 16, 18, 22, dan 24, perenggan 25(b), (c) dan (d), perenggan 26(a), seksyen 27 dan perenggan 28(c) berkuat kuasa bagi tahun-tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Subperenggan 4(a)(iii), perenggan 4(b), seksyen 15, 19, 20, 21 dan 23 dan perenggan 26(b), (c) dan (d), dan Bahagian II mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Perenggan 28(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016, 2017 dan 2018.

Perenggan 10(c) berkenaan dengan perenggan 39(1)(q) Akta Cukai Pendapatan 1967 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2016.

Perenggan 12(d) berkenaan dengan perenggan 46(1)(o) Akta Cukai Pendapatan 1967 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2020.

Tarikh kuat kuasa bagi fasal 16 dan fasal 18 akan disyorkan untuk dipinda...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Perkara 13, kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Bentara, tolong semak kuorum.

*[Bentara mengira bilangan Ahli di dalam Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Disebabkan kuorum tidak mencukupi 26 orang, saya minta bentara untuk membunyikan loceng selama dua minit.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*[Loceng dibunyikan selama dua minit]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, pada ketika ini kuorum telah mencukupi, mesyuarat boleh diteruskan. Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tarikh kuat kuasa bagi fasal 16 dan 18 akan disyorkan untuk dipinda di peringkat jawatankuasa.

Fasal 16 berkenaan dengan perenggan baru 83(1B) Akta Cukai Pendapatan 1976 disyorkan berkuat kuasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun-tahun berikutnya.

Fasal 18 berkenaan dengan perenggan baru 107C(7A) Akta Cukai Pendapatan 1967 pula disyorkan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 2 seperti berikut.

Memasukkan takrif cukai input dan cukai output ke dalam subseksyen 2(1) yang berkaitan dengan pelaksanaan GST.

Memasukkan tarif sukuk ke dalam subseksyen 2(1).

Meminda subseksyen 2(8) untuk mengemas kini kaedah yang diguna pakai oleh Suruhanjaya Sekuriti untuk memantau penerbitan instrumen sekuriti yang kini boleh dibuat jika diluluskan atau yang dibenarkan oleh, atau diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

#### ■1440

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 6(1)(i) untuk memperuntukkan kadar cukai ke atas mana-mana kadar cukai ke atas mana-mana pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit amanah (REIT) kepada pemegang unit yang merupakan individu, pelabur institusi dan lain-lain pelabur bukan syarikat pemastautin di dalam Jadual 1, Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tempoh mulai tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2019. Selain itu, fasal ini turut memperuntukkan kadar yang terpakai untuk syarikat bukan pemastautin yang melabur dalam REIT berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 24 dalam perenggan 24(1)(b) dan perenggan 24(1)(c) serta memasukkan subseksyen 24(1A) yang baru. Pindaan-pindaan ini bertujuan menjelaskan bahawa apa-apa pendapatan perniagaan berasaskan perkhidmatan yang diterima secara pendahuluan dalam tempoh masa semasa akan dikenakan

cukai dalam tempoh semasa tersebut walaupun pendapatan itu melibatkan perkhidmatan pada masa akan datang.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 25(1) bagi menetapkan bahawa apa-apa pendapatan kasar daripada penggajian yang diterima dalam mana-mana tahun taksiran adalah di cukai dalam tahun ia diterima.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 33(5) bagi memperuntukkan bahawa tuntutan faedah hendaklah dimaklumkan kepada LHDN dalam tempoh 12 bulan selepas tamatnya tahun taksiran faedah tersebut kena dibayar.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 34(7A) susulan kemasukan subseksyen baru 24(1A) bagi memperuntukkan bahawa jika apa-apa jumlah yang telah diterima dan di cukai mengikut seksyen 24(1A) dibayar balik dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran, amaun itu hendaklah dipotong daripada pendapatan kasar bagi seseorang yang berkaitan itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 39 seperti berikut:

- (i) memasukkan perenggan baru, 39(1)(o) bagi memperuntukkan bahawa apa-apa amaun cukai input berkenaan dengan GST yang telah dibayar atau kena dibayar oleh seseorang yang sepatutnya didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 adalah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 kerana orang tersebut berhak di bawah akta itu untuk menuntut pulang balik daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Peruntukan ini meliputi orang yang telah berdaftar atau orang yang sepatutnya berdaftar tetapi gagal berbuat demikian;
- (ii) memasukkan perenggan baru 39(1)(p) bagi memperuntukkan bahawa apa-apa amaun cukai output GST yang telah dibayar atau kena dibayar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang ditanggung oleh seseorang yang berdaftar atau sepatutnya berdaftar di bawah akta itu adalah tidak dibenarkan sebagai potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (iii) memasukkan perenggan baru 39(1)(q) bagi memperuntukkan bahawa untuk perkhidmatan yang dijalankan atau dibenarkan di Malaysia oleh penghibur awam sekiranya cukai pegangan atas bayaran fi perkhidmatan penghibur awam tersebut tidak diremitkan seperti yang tertakluk di bawah seksyen 109A bayaran fi tersebut tidak dibenarkan potongan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 45A dengan menaikkan amaun pelepasan daripada RM3,000 kepada RM4,000 bagi isteri yang mempunyai suami tidak berpendapatan.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 46 seperti berikut:

- (i) meminda perenggan (1)(f) bagi menaikkan amaun pelepasan maksimum daripada RM5,000 kepada RM7,000 ke atas fi yang dibelanjakan bagi apa-apa kursus pengajian dalam Malaysia sehingga ke peringkat tinggi tertakluk kepada syarat sedia ada;
- (ii) memasukkan perenggan baru (1)(n) bagi membenarkan pelepasan cukai maksimum sebanyak RM250 yang dibuat oleh pembayar cukai individu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan
- (iii) memasukkan perenggan baru (1)(o) bagi membenarkan pembayar cukai individu menuntut perlepasan maksimum sebanyak RM1,500 bagi setiap ibu atau bapa. Antara syarat-syaratnya adalah ibu dan bapa itu menetap di Malaysia, berumur 60 tahun ke atas dan masing-masing tidak berpendapatan melebihi RM2,000 sebulan.

Fasal 13 bertujuan untuk meminda seksyen 47(1A) dan subseksyen 47(3) untuk menaikkan amaun pelepasan isteri atau amaun pelepasan alumni untuk bekas isteri daripada RM3,000 kepada RM4,000.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda seksyen 48 seperti berikut:

- (i) meminda perenggan (2)(a) bagi menaikkan amaun pelepasan ke atas kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun yang belum berkahwin daripada RM1,000 kepada RM2,000; dan
- (ii) meminda sub perenggan (3)(a) dan sub perenggan (3)(a)(ii) bagi menaikkan amaun pelepasan ke atas anak berumur melebihi 18 tahun yang belum berkahwin dan melanjutkan pelajaran di peringkat *Treasury* daripada RM6,000 kepada RM8,000. Bagi anak kurang upaya, pelepasan ini adalah dalam bentuk pelepasan tambahan iaitu menjadikan jumlah keseluruhan daripada RM12,000 kepada RM14,000.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda subseksyen 60i(1) supaya peruntukan tersebut hanya terpakai bagi suatu syarikat yang menubuhkan pengantara bertujuan khas bagi pengeluaran sukuk sahaja. Sementara itu fasal ini juga bertujuan untuk meminda subseksyen 60i(4) berikutan kemasukan tarif "sukuk" dalam seksyen 2 dan juga untuk meminda takrif Pengantara Bertujuan Khas (SPV).

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 83(1B) bagi memperuntukkan pengemukaan borang e-senarai dan maklumat pekerja oleh majikan syarikat sahaja melalui medium elektronik.

Fasal 17 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 91(6) bagi memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membuat pentaksiran dan pentaksiran yang dikurangkan pada bila-bila masa berhubung dengan pelarasan yang dibuat ke atas cukai input yang dibayar atau yang akan dibayar di bawah Akta Cukai dan Perkhidmatan 2014. Pentaksiran ini dibuat bagi tempoh asas bagi tahun taksiran yang berhubung dengan pelarasan itu atau bagi tempoh asas yang mana LHDN mengetahui mengenai pelarasan itu.

Fasal 18 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 107C(7A) bagi memperuntukkan bahawa mengemukakan anggaran atau anggaran cukai tersemak yang kena dibayar oleh syarikat adalah melalui medium elektronik sahaja.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda seksyen 112 seperti berikut:-

- (i) meminda subseksyen 112(1) yang mana kegagalan untuk mengemukakan suatu borang retan menurut subseksyen 77(1) atau 77A(1) bagi mana-mana satu tahun taksiran hendaklah menjadi suatu kesalahan;
- (ii) memasukkan subseksyen baru 112(1A) bagi memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mengemukakan borang nyata cukai pendapatan atau borang retan di bawah subseksyen 77(1) atau 77A(1) bagi dua tahun taksiran atau lebih adalah suatu kesalahan jenayah di bawah peruntukan baharu dan apabila disabitkan oleh mahkamah. Denda boleh dikenakan tidak kurang daripada RM1,000 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama enam bulan atau kedua-duanya dan penalti khas sebanyak tiga kali ganda amaun cukai yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai pembayar cukai seperti yang ditentukan oleh LHDN; dan
- (iii) meminda subseksyen 112(2) dan subseksyen 112(3) yang berbangkit daripada kemasukan subseksyen baru 112(1A).

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan subseksyen-subseksyen baru 120(1)(h) untuk memperuntukkan bahawa kegagalan untuk mengemukakan butiran yang betul sebagaimana yang dikehendaki oleh LHDN di bawah perenggan 77(4)(b) atau 77A(3)(b) adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen itu jika disabitkan oleh mahkamah.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda subseksyen 125(1) dengan memasukkan perkataan 112(1A) bagi memperuntukkan bahawa penalti khas yang dikenakan di bawah subseksyen 77(1) atau 77A(1) merupakan denda yang dikenakan semasa sabitan.

Fasal 22 bertujuan untuk menggantikan subseksyen 152A(1) bagi memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau golongan yang diwajibkan mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan di bawah akta secara medium elektronik atau penghantaran elektronik.

#### ■1450

Fasal 23 bertujuan untuk meminda subseksyen-subseksyen 154(1)(c) bagi memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi menjalankan atau membantu sebarang perjanjian multilateral antarabangsa dalam konteks kerjasama percukaian.

Fasal 24 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut. Meminda Bahagian I Jadual 1 bagi memperuntukkan kadar cukai baharu untuk pembayar cukai individu pemastautin pada kadar seperti berikut. Kadar 25% bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM400,000 hingga RM600,000. Kadar 26% bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai



melebihi RM600,000 hingga RM1 juta dan kadar 28% bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai melebihi RM1 juta.

Meminda perenggan 1A Jadual 1 untuk memperuntukkan suatu kadar cukai 28% yang dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi pembayar cukai individu yang bukan pemastautin.

Meminda Bahagian X Jadual 1 untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai ke atas apa-apa pendapatan yang diagihkan oleh suatu unit *writ* kepada pemegang unit yang bukan merupakan syarikat pemastautin ditetapkan pada kadar 28% bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 25 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut. Memasukkan perenggan baru 2E ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa perbelanjaan loji atau bangunan yang layak yang dilakukan oleh seseorang tidak termasuk apa-apa amaun cukai input atau cukai output GST yang telah dibayar atau kena dibayar oleh seseorang yang sepatutnya berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Peruntukan ini meliputi orang yang telah berdaftar atau orang yang sepatutnya berdaftar tetapi gagal berbuat demikian.

Memasukkan perenggan baru 16B ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa elaun bangunan industri di bawah perenggan 12 dan perenggan 16 jadual itu hendaklah dibenarkan kepada seseorang yang memiliki bangunan di bawah perenggan 37A, 37B, 37C, 37E, 37F, 37G, 37H, 42A dan 42B Jadual 3 dan menggunakannya bagi tujuan perniagaan sebagai bangunan industri.

Meminda perenggan 19A(3) Jadual 3 untuk menjelaskan bahawa jumlah perbelanjaan loji yang layak daripada nilai aset kecil hanya terpakai bagi syarikat pemastautin dan diperbadankan di Malaysia yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta.

Untuk memasukkan perenggan baharu 61B ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa bagi keadaan penggantian sebahagian daripada sesuatu aset, elaun modal boleh dikira secara berasingan untuk sebahagian aset yang digantikan tersebut. Layanan pengasingan elaun modal ini terpakai bagi pelupusan sebahagian aset sedia ada dan perolehan sebahagian aset yang baru.

Memasukkan perenggan baru 67D ke dalam Jadual 3 untuk memperuntukkan bahawa untuk bekalan GST bercampur, GST "*mixed supply*". Apa-apa pelarasan terhadap perbelanjaan yang layak bagi sesuatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dilakukan ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada penghujung tempoh pelarasan iaitu selepas 5 tahun atau 10 tahun sebagaimana yang dibenarkan di dalam akta itu. Namun begitu, bagi kes pelupusan sesuatu aset, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dilakukan.

Fasal 26 bertujuan untuk meminda Jadual 6 seperti berikut. Memasukkan perenggan baru 25D ke dalam Jadual 6 untuk memperuntukkan pengecualian cukai ke atas gratuiti yang diterima berikutan persaraan daripada sesuatu penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis

atau penamatan sesuatu kontrak penggajian selain yang diperuntukkan di bawah perenggan 25, 25A, 25B atau 30A jadual itu. Pengecualian cukai ini adalah sebanyak RM1,000 bagi setiap genap masa tahun perkhidmatan.

Meminda subperenggan 33A(b) dan 35(b) dan perenggan 33B Jadual 6 untuk menggantikan perkataan "*Islamic securities*" dengan perkataan "*sukuk*" selaras dengan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Ini terpakai ke atas sukuk yang diluluskan atau dibenarkan atau diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 27 bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 3A ke dalam Jadual 7 berikutan dengan pemotongan subseksyen 25(4). Pindaan ini memperjelaskan kaedah pembahagian kredit cukai bilateral bagi pendapatan yang diterima dalam sesuatu tempoh asas yang bertindih.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda Jadual 7A seperti berikut. Memasukkan perenggan baru 1D ke dalam Jadual 7A bagi memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun pelaburan semula adalah tidak termasuk apa-apa amaun cukai input atau cukai output GST yang telah dibayar atau kena dibayar oleh seseorang yang sepatutnya berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Peruntukan ini meliputi orang yang telah berdaftar atau orang yang sepatutnya berdaftar tetapi gagal berbuat demikian.

Untuk bekalan GST bercampur, GST "*mixed supply*", apa-apa pelarasan terhadap perbelanjaan yang layak bagi sesuatu aset disebabkan oleh apa-apa pelarasan yang dikehendaki dilakukan ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah dibuat hanya pada penghujung tempoh pelarasan iaitu selepas 5 tahun atau 10 tahun sebagaimana yang dibenarkan di bawah akta itu. Namun begitu, bagi kes pelupusan sesuatu aset, pelarasan hendaklah dibuat dalam tahun taksiran pelupusan itu dilakukan.

Memasukkan perenggan baru 2B ke dalam Jadual 7A untuk memperuntukkan tempoh lanjutan khas sehingga tahun taksiran 2014 bagi elaun pelaburan semula untuk syarikat yang telah membuat tuntutan elaun pelaburan semula ke tahap maksimum sebelum itu iaitu bagi tempoh 15 tahun taksiran berturut-turut. Lanjutan ini diberikan dengan syarat bahawa tuntutan itu tamat sama pada mana-mana tahun sebelum tahun taksiran 2015, tahun 2016 atau tahun 2017.

Meminda perenggan 9 Jadual 7A untuk memasukkan takrifan bagi tujuan elaun pelaburan semula atau istilah "*automating*", "*ceased to be used*", "*diversifying*", "*expanding*", "*machinery*", "*modernizing*" dan "*plant*". Pada masa yang sama meminda takrif "*disposed of*" dan "*simple*".

Fasal 29 bertujuan untuk meminda Jadual 7B untuk memasukkan perenggan baru 1A ke dalam Jadual 7B bagi memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang tempoh pelarasan iaitu selepas 5 tahun atau 10 tahun sebagaimana yang dibenarkan di bawah akta tersebut. Layanan ini selaras dengan layanan fasal 28.

Fasal 30 hingga fasal 32 mengandungi peruntukkan pengecualian dan peralihan mengenai baki kredit cukai bagi seksyen 108 dan amaun lebihan baki kredit seksyen 108. Peruntukkan ini membolehkan LHDN mengenakan cukai ke atas syarikat yang terkurang amaun seksyen 108.

### **Bab III – Pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.**

Bab ketiga yang terdiri daripada enam fasal iaitu fasal 33 hingga fasal 38 adalah bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 seperti berikut.

Fasal 33 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 34, perenggan 35(a), fasal 36 dan fasal 37 dan perenggan 38(a) dan 38(c) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Perenggan 35(b) dan 38(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2016 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 34 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) bagi memasukkan tarif cukai input dan cukai output berhubung GST berikutan pindaan kepada subseksyen 18(1) Jadual Pertama dan kemasukan perenggan 1A dan 13A ke dalam Jadual Pertama dan perenggan 2B dan 45A ke dalam Jadual Kedua, berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda seksyen 18 seperti berikut. Memasukkan perenggan-perenggan baru 18(1)(p) dan 18(1)(q) berhubung layanan cukai input dan cukai output GST. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 berhubung layanan bagi GST.

#### ■1500

Memasukkan subseksyen baharu 18(1)(a) untuk menjelaskan orang yang boleh dikenakan cukai dikehendaki untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh LHDN untuk mewajarkan tuntutan orang itu bagi potongan dalam menghasilkan pendapatan larasannya.

Notis dikeluarkan oleh LHDN mengikut subseksyen 34 dan potongan yang dituntut oleh orang itu tidak boleh dibenarkan jika orang yang boleh dikenakan cukai gagal untuk mengemukakan maklumat yang dikehendaki dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau tempoh lain yang dibenarkan.

Fasal 36 bertujuan untuk memasukkan subseksyen 39(6) yang memperuntukkan kuasa untuk LHDN membuat pengiraan pendapatan larasan orang yang boleh dikenakan cukai berkenaan, apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan GST yang telah diselaraskan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 37 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama seperti berikut, memasukkan perenggan baharu 1A yang memperuntukkan bahawa perbelanjaan cari gali yang layak adalah tidak termasuk amaun cukai input atau cukai output GST tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memasukkan perenggan baharu 13A berhubung pelarasan ke atas perbelanjaan cari gali yang layak bagi pembekalan GST bercampur (*GST mixed supply*). Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Fasal 38 bertujuan untuk meminda Jadual 2 seperti berikut, memasukkan perenggan baharu 2B berhubung layanan GST berkenaan perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun modal. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memasukkan perenggan baharu 40A berhubung pengasingan/pengiraan elaun modal bagi penggantian sebahagian aset. Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Memasukkan perenggan baharu 45A berhubung pelarasan ke atas perbelanjaan elaun modal yang layak bagi pembekalan GST bercampur (*GST mixed supply*). Layanan ini selaras dengan pindaan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab IV. Pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1967. Bab IV yang terdiri daripada lima fasal iaitu fasal 39 hingga fasal 43 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 seperti berikut.

Fasal 39 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Fasal 40 dan fasal 42 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya. Fasal 41 dan fasal 43 berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 40 bertujuan untuk meminda subseksyen 21 untuk memasukkan tarif cukai input dan cukai output yang berbangkit daripada pindaan kepada perenggan 6 dan perenggan 7 Jadual 2 berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 41 bertujuan untuk meminda seksyen 29 dengan memasukkan subseksyen baharu 29(5) yang menjelaskan bahawa LHDN diberi kuasa untuk mengenakan penalti tambahan di bawah seksyen itu berkenaan dengan apa-apa cukai tambahan yang kena dibayar bagi suatu tahun taksiran dalam hal borang nyata cukai keuntungan harta tanah tidak dikemukakan oleh pembayar cukai.

Fasal 42 bertujuan untuk meminda Jadual 2 seperti berikut. Memasukkan sub-sub perenggan baharu 6(1)(e) untuk menjelaskan bahawa cukai input GST boleh menjadi sebahagian kos sampingan kepada pemerolehan atau pelupusan suatu aset bagi tujuan pengiraan CKHD jika amaun tersebut tidak layak dituntut daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Memasukkan subperenggan baharu 7(d) atau 7(e) yang menjelaskan layanan cukai input dan cukai output GST yang tidak diambil kira bagi tujuan pengiraan CKHD. Cukai input GST tidak diambil kira jika pelupus sepatutnya layak menuntut kredit cukai input daripada Jabatan Kastam. Cukai output GST pula tidak diambil kira jika pelupus sepatutnya berdaftar di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Fasal 43 bertujuan untuk meminda perenggan 2 Jadual 4 bagi menjelaskan bahawa seseorang yang melupuskan sebahagian aset yang boleh dikenakan cukai boleh menuntut pengecualian sebanyak RM10,000 yang ditentukan mengikut formula yang diperuntukkan di bawah perenggan itu atau 10% daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai daripada pelupusan itu mengikut mana yang lebih tinggi.

Bab V yang terdiri daripada tiga fasal iaitu fasal 44 hingga fasal 46 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 seperti berikut, fasal 44 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 45 dan 46 berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Fasal 45 dan 46 bertujuan untuk meminda seksyen 22 dan 22A untuk meluaskan pemakaian peruntukan bagi

pertukaran maklumat kepada perkiraan bantuan pentadbiran bersama, *mutual administrative assistance agreement* dengan izin.

Bab VI yang terdiri daripada 10 fasal iaitu fasal 47 hingga fasal 56 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut, fasal 47 bertujuan menyatakan tarikh permulaan kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut iaitu pada 1 Januari 2016.

Fasal 48 bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4) bagi meluaskan masa pembekalan perkhidmatan diimport bagi memberi kemudahan kepada peniaga untuk mengakaun GST ke atas pembekalan perkhidmatan diimport berdasarkan amalan perniagaan masing-masing. Melalui pindaan ini peniaga boleh mengekalkan GST sama ada berdasarkan tarikh pembayaran dibuat atau tarikh invoice.

Fasal 49 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baharu subseksyen 41(8), (9), (10) dan (11) bagi membolehkan penalti dikenakan ke atas peniaga yang lewat menghantar borang *return* dan seterusnya memastikan peniaga membayar cukai dalam tempoh waktu yang ditetapkan.

Penalti yang dicadangkan adalah berdasarkan peratusan yang ditetapkan mengikut tempoh kelewatan seperti berikut, penalti sebanyak 5% daripada amaun cukai kena bayar bagi tempoh 30 hari pertama. Penalti tambahan sebanyak 10% daripada amaun cukai kena bayar bagi tempoh 30 hari yang kedua dan penalti tambahan sebanyak 10% daripada amaun cukai kena bayar bagi tempoh 30 hari yang ketiga dengan penalti maksimum sebanyak 25%.

Selain itu peruntukan baharu ini juga menetapkan bahawa proses pendakwaan boleh dimulakan selepas tempoh 90 hari selepas tarikh mula penalti dikenakan. Namun begitu proses pendakwaan tidak akan diambil jika peniaga telah membayar amaun cukai GST yang tertunggak dan penalti yang dikenakan.

Fasal 50 bertujuan untuk meminda subseksyen 43(1) dan 43(8) untuk memberi kuasa kepada JKDM untuk menilai dan mendapatkan semula amaun penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baharu 41(8).

Fasal 51 bertujuan untuk menambah peruntukan subseksyen 51(1)(a) bagi membolehkan pengenalan penalti di bawah subseksyen 41(8) dihentikan apabila JKDM membenarkan pembayaran cukai termasuk penalti secara ansuran mengikut tarikh kelulusan yang diberi. Melalui peruntukan baharu ini ia dapat mengelakkan peniaga dari menanggung beban tambahan setelah bersetuju untuk membayar cukai yang tertunggak.

Fasal 52 bertujuan untuk meminda sub perenggan 69(5)(c)(ii) dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan *venture* dengan *venture operator*. Pindaan ini dibuat bagi membolehkan pengendali usaha menuntut cukai input ke atas pembekalan bercukai yang diperolehnya.

Fasal 53 bertujuan untuk meminda subseksyen 71 bagi menyelaraskan layanan GST ke atas semua transaksi yang dibuat di bawah Skim Penggudangan. Melalui skim ini secara asasnya GST akan digantung ke atas barang import yang didepositkan ke dalam gudang,

pembekalan barang yang dibuat antara gudang dan pembekalan barang yang dibuat di dalam gudang kecuali barang terakhir yang dipindahkan sebelum peringkat *duty*.

Fasal 54 bertujuan untuk meminda subseksyen 86(2) untuk memperuntukkan bahawa apa-apa pelupusan hendaklah disokong oleh perakuan yang dinyatakan di bawah subseksyen 105(2) dan bukan subseksyen 112(1).

Fasal 55 bertujuan untuk meminda perenggan 94(b) bagi menghalang orang yang tidak diberi kuasa dari mengutip sebarang cukai dan penalti.

Fasal 56 bertujuan untuk meminda subseksyen 122 untuk membolehkan mahkamah memerintahkan mana-mana orang yang didapati bersalah untuk membayar penalti yang dikenakan di bawah subseksyen baharu 41(8).

#### ■1510

Bab VII yang terdiri daripada tiga fasal iaitu Fasal 57 hingga 59 adalah bertujuan untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 seperti berikut:-

Fasal 57 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut; Fasal 58 dan 59 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2015 dan tahun-tahun taksiran berikutnya;

Fasal 58 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) untuk memasukkan takrif cukai input dan cukai output yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 29P dan 29Q berhubung dengan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014;

Fasal 59 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru seperti berikut:-

- a) Memasukkan seksyen baru 29P yang memperuntukkan bahawa perbelanjaan yang layak bagi tujuan elaun cukai pelaburan adalah tidak termasuk amaun cukai input atau cukai output GST tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Layanan ini selaras dengan pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967;
- b) Memasukkan seksyen baru 29Q berhubung pelarasan ke atas perbelanjaan model yang layak bagi tujuan elaun cukai pelaburan bagi pembekalan GST bercampur, GST *mix supply*, layanan ini selaras dengan pindaan Akta Cukai Pendapatan 1967.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [ Dato' Noriah binti Kasnon ]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1960, Akta Cukai Barang dan

Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, oleh kerana akta ini melibatkan pindaan kepada beberapa akta yang sedia ada Peraturan Mesyuarat 38(1) terpakai, saya ingin hadkan masa tidak melebihi 15 minit bagi setiap orang. Yang Berhormat Beruas.

### 3.12 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Saya ingin menarik perhatian pihak kerajaan tentang masalah timbul selepas GST dilaksanakan terutamanya tentang interpretasi atau tafsiran Seksyen 188 Akta GST yang telah ditafsir oleh Ketua Pengarah Kastam bahawa ia terpakai juga untuk bangunan bukan kediaman yang *which attract* dengan izin GST, di mana perjanjian untuk membeli bangunan berkenaan telah dibuat sebelum 1 April 2015 iaitu tarikh GST berkuat kuasa.

Ini telah menimbulkan banyak masalah terutamanya mereka yang mendapat pinjaman bank. Saya bagi satu contoh di mana sebuah bangunan bernilai RM1 juta satu kedai, seseorang pembeli itu telah pun memperuntukkan RM100 ribu sebagai wang deposit dan mendapat 90% pinjaman daripada bank akan terpaksa membayar RM60,000 lagi GST yang dikenakan dan jumlah itu tidak ada dalam bajet pembeli tersebut dan ia akan menyebabkan dengan izin *default of payment*. Ini telah menimbulkan banyak masalah dan saya berharap kerajaan dapat melonggarkan tafsiran Seksyen 188 Akta GST ini iaitu *progressive or periodic supply* bangunan seperti demikian dikecualikan daripada dikenakan cukai GST.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu GST akan menguntungkan pihak pemaju kalau keseluruhan 6% dikenakan ke atas pembeli bangunan berkenaan kerana pemaju akan mendapat keuntungan daripada dengan izin *input tax* yang akan dikembalikan daripada pihak kerajaan. Jadi GST tidak haruslah menguntungkan pihak pemaju kerana ia merupakan satu cukai yang patut dibayar kepada kerajaan.

Apa yang berlaku sekarang ialah biasanya satu kompromi dibuat di antara pihak penjual dan pembeli iaitu pihak pemaju biasanya akan bersetuju untuk membayar 3% daripada GST dan pembeli pula membayar jumlah 3% GST kerana pihak pemaju akan mendapat balik *input tax* yang dikembalikan. Masalah yang akan timbul ialah sama ada apakah kos pihak pemaju dalam keadaan tersebut apabila mereka membayar cukai, adakah bayaran 3% yang mereka bersetuju untuk *contribute* dengan izin, juga akan dianggap sebagai kos mendirikan bangunan dan sebelum dijual kepada pembeli?

Begitu juga apakah kos pihak pembeli bangunan berkenaan apabila mereka menjual bangunan ini dalam masa lima tahun iaitu dengan adanya keuntungan di mana ada cukai keuntungan tanah (RPGT). Bagaimanakah kita akan mengira jumlah kos bangunan berkenaan? Saya berharap masalah ini dapat diselesaikan kerana sudah akan berlakunya banyak dengan izin, *misunderstanding* dalam hal ini. Ini kerana dalam bacaan saya Seksyen 188 ini kita boleh

membacanya untuk *exclude* dengan izin pembinaan bangunan dan ia dihadkan kepada unit *progressive and periodic supply* untuk jualan barangan biasa. Oleh yang demikian saya memohon kalau boleh kerajaan memansuhkan pemakaian GST ini ke atas bangunan yang akan atau sedang dibina untuk perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani sebelum 1 April 2015. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

### 3.17 ptg

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya mengambil bahagian. Saya yakin melalui pindaan ini ianya dapat kita melaksanakan dalam usaha untuk menjadikan dan memelihara kebajikan dan membawa kesejahteraan kepada rakyat. Jadi layanan cukai kepada individu ini sudah diumumkan dalam Bajet 2016 dan dalam Bajet 2016 juga pelepasan cukai akan diberikan kepada anak-anak yang menyara ibu bapa walaupun tidak tinggal sekali. Ini dilihat sebagai satu langkah yang bagus dalam usaha untuk membantu rakyat dan seterusnya mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan.

Cumanya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian kalau kementerian boleh menyatakan bawah adakah kementerian bercadang untuk memberikan pelepasan cukai yang lebih tinggi kepada anak-anak yang menyara ibu bapa dan mereka ini tinggal bersekali dengan mereka? Seterusnya saya juga ingin bertanya sama ada pihak kementerian boleh mempertimbangkan agar terdapat satu pelepasan cukai khas kepada OKU ataupun kepada anak-anak yang menjaga ibu bapa yang kurang keupayaan ataupun OKU. Contohnya macam di Singapura dia ada melaksanakan pelepasan cukai yang dikenali sebagai *parent relief* di mana anak-anak yang menyara ibu bapa dan tinggal bersama mereka dapat menikmati kadar pelepasan cukai *parent relief* sebanyak 9,000 dolar.

Dalam waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua saya juga hendak teruskan kepada apa yang dinyatakan mengenai potongan cukai kepada individu yang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi untuk mendapatkan kemahiran ataupun kelulusan. Saya kira ini adalah satu langkah yang patut dipuji kepada dalam usaha kita hendak menjadikan negara kita ini sebagai satu masyarakat yang berilmu. Ini adalah satu langkah yang tepat sekali.

### ■1520

*Insya-Allah* dalam tahun 2020 kita akan menjadi satu negara maju. Di samping itu saya juga hendak menyambut baik pindaan yang dibuat kepada struktur cukai agar ianya menjadi lebih kompetitif dan juga progresif. Satu daripadanya adalah yang mengenakan cukai kepada mereka yang berpendapatan RM600,000 hingga RM1 juta. Jadinya ada peningkatan dekat situ daripada 25% ke 26%. Sementara yang berpendapatan RM1 juta ke atas, kadar cukai dia naik 28%.

Selain daripada itu ada satu lagi pindaan. Pindaan yang dibuat kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan. Satu sistem dan mekanisme yang lebih telus dan efisien yang



dihasilkan ini kita harapkan juga dapat memastikan cukai barang dan perkhidmatan atau GST ini dapat berjalan dengan lebih sempurna. Cumanya sering kali kita terdengar beberapa sungutan daripada pengusaha PKS yang membuat aduan terhadap sistem ini yang dikatakan rumit dan juga *complicated* terutamanya dalam istilah *input tax* dan juga *output tax*.

Jadinya yang demikian saya hendak minta bantuan penjelasan daripada pihak kementerian untuk menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk membantu peniaga-peniaga PKS ini apabila mereka menghadapi masalah-masalah seperti yang saya nyatakan itu tadi. Jadi saya harap dapat penjelasan sedikit sebanyak daripada pihak kementerian mengenai perkara ini dan dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

### 3.21 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang berikan ruang untuk saya juga terlibat dalam perbincangan Rang Undang-undang Kewangan 2015. Seperti yang disebut tadi bahawa ini adalah untuk melaksanakan beberapa proses perubahan cukai yang diumumkan oleh Menteri Kewangan di dalam belanjawan baru-baru ini.

Cuma saya hendak minta supaya pertimbangan kepada pihak kerajaan, walaupun telah pun diumumkan pelepasan-pelepasan diumumkan tadi seperti disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong dan sebagainya itu baik. Akan tetapi masih ada juga ruang untuk kerajaan mengurangkan cukai pendapatan kepada individu itu sendiri. Ini kerana bagi saya bahawa semua orang yang membayar cukai ini akan mendapat pelepasan kepada menjaga ibu ataupun ayah kerana sebahagian daripada mereka yang sudah tidak ada ibu dan ayah. Juga anak-anak yang sudah tidak lagi belajar ataupun sama dengan mereka.

Jadi bermakna bahawa pelepasan-pelepasan itu tidak memberikan apa-apa kesan kepada untuk meninggalkan lebih pendapatan di dalam poket mereka untuk berbelanja dan untuk menanggung kehidupan yang makin menyempit dalam kehidupan kita ini. Sepatutnya kita harus meninggalkan lebih pendapatan. Makna, patutnya cukai pendapatan itu harus dikurangkan kepada cukai pendapatan individu bersama dengan caruman KWSP untuk individu juga harus dikurangkan supaya lebih pendapatan itu lebih banyak ada di dalam poket masyarakat kita khususnya golongan pekerja untuk melangsungkan kehidupan yang sangat menyempit sekarang ini.

Kedua, ingin saya mendapatkan penjelasan berapa ramai orang yang dikenal pasti ataupun diambil tindakan oleh pihak kerajaan khususnya oleh LHDN dalam kes-kes cuba mengelak dan melarikan pelarian daripada cukai. Berapa penalti yang telah pun dikenakan ke atas mereka-mereka yang cuba untuk mengelak daripada membayar cukai atas pendapatan yang diperolehi oleh mereka.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, sejauh mana pihak LHDN melihat isu RM2.6 bilion yang walaupun diperjelaskan tadi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bagi saya penjelasan itu tidak menjelaskan apa-apa kepada Dewan ini. Satu penjelasan yang tidak menjelaskan apa-apa dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana penjelasannya yang tidak menjelaskan apa-apa terus meninggalkan di dalam pemikiran masyarakat Malaysia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 38(1) tidak membenarkan Yang Berhormat membahaskan perkara yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang yang dipinda.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ada kaitan, ada kaitan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ikut peraturan Yang Berhormat ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soal percukaian, soal cukai pendapatan. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Datok kerana dia tidak jelas apa-apa, jadi orang terus berfikir sesuatu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik. Saya hendak dapatkan penjelasan daripada LHDN.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Boleh mohon celah sedikit?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Berkenaan dengan percukaian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab kalau kita lihat semua, kesemua pendapatan untuk individu, syarikat dan NGO pun dikenakan cukai. Kenapa RM2.6 bilion tidak dikenakan cukai pendapatan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada dalam pindaan Yang Berhormat.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini berkaitan dengan apa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat tidak berkaitan dengan pindaan. Yang Berhormat, Yang Berhormat itu menegur Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Buat kenyataan menegur Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi kena ikut Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Betul, betul, betul. Saya hendak tanya sejauh mana LHDN membuat siasatan ke atas isu RM2.6 bilion ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baca Peraturan Mesyuarat 38(1) Yang Berhormat. Buka Peraturan Mesyuarat 38(1).

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini sebab bagi saya bahawa isu ini sangat penting berkaitan dengan pendapatan yang hilang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pendapatan yang hilang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 38(1) hendak saya baca Yang Berhormat Peraturan Mesyuarat 38(1) perkara-perkara yang dipinda sahaja boleh dibahas pada peringkat ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak saya tanya berkaitan dengan pindaan-pindaan percukaian pendapatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sahaja Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 38(1) *clear*.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya tanya satu *simple* sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sejauh mana RM2.6 bilion itu telah pun dicukaikan ataupun tidak, ataupun diberikan pelepasan? Ini sebab kalau hendak dikatakan *donation* saya hendak merujuk kepada kes Allahyarham Datuk Harun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat kalau tidak, saya suruh duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Almarhum Raja Azlan Shah telah pun mendapati Datuk Harun bersalah kerana menerima dana politik untuk UMNO daripada... Bank pada waktu itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak berkaitan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi ini yang saya katakan bahawa kalau itu dianggap sebagai satu kesalahan bermakna bahawa itu merupakan perkara yang *dihiddenkan*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan berdegil Yang Berhormat!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi sepatutnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nanti esok Yang Berhormat buat *statement* lagi *condemn* Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sepatutnya dana itu harus dicukaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya dapati bahawa kalau tidak dicukaikan bermakna kerajaan telah kehilangan hampir RM1 bilion cukai yang sepatutnya diperoleh kerana mengelak daripada cukai boleh didenda hampir 100% mengikut Akta Cukai

Pendapatan. Jadi sebab itu saya mohon penjelasan kerana berasaskan kepada kertas penghakiman Almarhum Raja Azlan Shah ini mendapati bahawa dana kepada parti politik adalah satu kesalahan yang dianggap sebagai rasuah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak berkaitan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri. Ada lagi? Tidak nampak Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Gerik.

### 3.28 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita akan membahaskan untuk meluluskan Rang Undang-undang Kewangan 2015 ekoran daripada yang ada ini daripada akta tahun 1967 iaitu Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, 1990, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan Akta Penggalakkan Pelaburan 1986. Dalam ini yang paling *clear* bila dalam bajet yang baru, Yang Amat Berhormat telah membenteng perkara-perkara baru dan diselaraskan. Maka kita perlulah menjadikan Akta Kewangan 2015 ini diselaraskan supaya memudahkan cara kita membayar cukai pendapatan sama ada individu, syarikat dan juga perkaranya.

Cuma yang saya hendak bertanya ialah dalam undang-undang yang baru kalau kita tidak mengisytiharkan cukai, tidak mengisi borang dia akan kena denda. Kalau kita potong gaji tiap-tiap bulan macam mana kedudukannya kalau kita tidak mengisi borang cukai pendapatan. Saya berharap dalam cukai pendapatan ini yang kita tengok dalam Bajet 2015 untuk isteri ditambah keuntungan kita daripada RM3,000 kepada RM4,000, yuran pengajian daripada RM5,000 kepada RM7,000 sebanyak RM2,000 untung. Anak di bawah 18 tahun RM1,000 kepada RM2,000. Manakala anak yang berumur 18 tahun daripada ini pengajian tinggi daripada RM6,000 kepada RM8,000. Kalau ada anak OKU dinaikkan daripada RM12,000 kepada RM14,000. Pelepasan ibu bapa seperti yang telah dinyatakan dan yang lain-lain.

#### ■1530

Saya berharap dengan adanya kelulusan Akta Cukai Pendapatan Tahun 2015 ini menjadikan sistem kewangan negara, kaedah, proses pentadbiran akan lagi kemas kini dan saya percaya dalam Akta Petroleum, GST dan sebagainya lebih memberi kesempurnaan dan boleh menambah pendapatan negara dan diharapkan dengan pendapatan yang bertambah walaupun kita tahu sasaran tahun hadapan cukai pendapatan cuma RM400 juta dengan disusun semula yang baru ini dijangkakan boleh meningkat lebih tinggi lagi dan boleh kita bawa peruntukan tambahan tadi ke kawasan luar bandar. Dengan ini saya menyokong akta tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya.

**3.31 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya akan berbahas secara ringkas tetapi terus kepada isunya. Rang Undang-undang Kewangan 2015 ini adalah pada dasarnya adalah berkaitan dengan isu perkara cukai, cukai GST dan juga cukai pendapatan. Apa yang kita lihat dalam dokumen ini adalah satu *attempt* daripada kerajaan untuk kemas kini atau memastikan setiap duit, setiap ringgit dapat *collected* dengan penuh.

Jadi pada peringkat Jawatankuasa nanti saya akan bincang secara lebih mendalam mengenai isu-isu tentang spesifik klausa-klausa. Akan tetapi pada dasarnya saya hendak bahas sedikit sahaja tentang perkara GST. Kita semua tahu isu tentang GST ini tidak habislah. Saya hendak komen bahawa GST ini pada kadar 6% telah menyebabkan satu situasi di mana *consumer confident level*, dengan izin telah menurun secara mendadak dan ini pula mula menjejaskan keadaan ekonomi negara.

Dalam keadaan ekonomi kita tidak aktif, saya rasa kerajaan perlulah mengkaji semula kalau boleh tahun depan cuba turunkan kadar GST ini kalau boleh bagi *zero* lah, sifar, *zero rated* kepada semua benda sebab yang penting bagi ekonomi kita ialah memastikan ada kerancakan ekonomi. *Circulation of money and consumer confident* tersangat penting dengan izin. Saya rasa kita tahu RM39 bilion akan *collected* tahun depan daripada GST. Sebenarnya kalau kita mengamalkan sistem *government procurement* cantik ataupun baik sekali, kita boleh jimat RM30 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri formula saya macam mana kalau kita lupuskan GST, kita lupuskan RM39 bilion ini, kita boleh tambah balik dengan cara jimat RM30 bilion setahun. Semua kita di Dewan ini hendak tahu, semua kita selalu setiap tahun kita tanya apakah jumlah ketirisan ataupun *corruption* dan *wastage* yang dialami oleh ekonomi kita khususnya yang dialami oleh kerajaan dalam pentadbirannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkiraan saya ialah macam ini. Saya rasa jumlahnya RM30 bilion setahun. Ini adalah satu pemikiran konservatif, ini berdasarkan formula di mana kita tahu bajet kita setiap tahun lebih kurang RM250 bilion. RM250 bilion adalah perbelanjaan kerajaan. Daripada RM250 bilion ini, berapakah yang ada elemen *government procurement*? Pada pemikiran saya yang kita tahu tidak ada *government procurement* adalah satu; pembayaran balik kepada bank-bank. Hutang negara itu kita kena bayar RM30 bilion *no issue regarding government procurement*, dia kena bayar. Tidak ada isu tentang ketirisan bayar bank, rasuah atau apa, tidak ada, *clean*. RM30 bilion adalah *clean*.

Kita juga tahu emolument lebih kurang RM70 bilion. Maknanya gaji yang kita bayar kepada pekerja-pekerja awam tidak ada isu ketirisan, tidak ada isu tentang *over payment* ataupun *government procurement*. Satu perkara lagi yang kita tahu tidak ada *government procurement element* adalah tentang bayaran lebih kurang RM30 bilion juga di mana kita ada geran kepada *direct cash transfer* kepada rakyat iaitu isu tentang BR1M ataupun subsidi-subsidi. Tidak ada isu ketirisan.

Jadi yang lain itu semua ada. Sama ada geran kepada sesiapa pun ataupun kepada apa-apa *body*, badan. Kalau kita bagi RM10 bilion geran kepada seseorang, dia akan ambil RM10 bilion itu beli benda. Apabila dia beli benda, ada isu *government procurement*, ada isu *wastage*. Jadi pada fikiran saya kalau buat satu perkiraan yang senang, saya sudah kata RM70 bilion emolumen, RM30 bilion bayar hutang kepada bank, itu RM100 bilion semuanya tambah lagi RM20 bilion *cash transfer* RM120 bilion. Bajet kita lebih kurang setiap tahun RM250 bilion. Kadang-kadang RM220 bilion, kadang-kadang RM280 bilion. Kita fikir yang *flat average*.

Jadi kita ambil RM250 bilion tolak RM120 bilion *balancenya* RM130 bilion, betul tak? RM130 bilion ini *is through subject to* dengan izin, *still subject to issue of wastage corruption, mismanagement, all the human values that always reduce our budget*. Katakan kalau kita pandai guna satu kadar yang konservatif sekali bahawa 25% daripada penggunaan kerajaan atau perbelanjaan kerajaan terkena isu tentang *wastage* maka jumlahnya adalah RM30 bilion setahun, RM32 bilion *be specific*.

Jadi apa yang saya hendak kata dengan kesimpulan saya ialah kalau kita *zero rated* GST untuk menyelamatkan ekonomi kita, boleh beri...

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Boleh minta penjelasan sedikit tak?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Nanti. Saya *complete* dahulu. Saya mesti bagi. Kalau kita *for go GST next year* untuk memastikan ekonomi kita rancak, memastikan rakyat kita tidak susah, bawa balik *consumer confident*, kita tahu ringgit sudah jatuh teruk. Apa lagi dengan GST. Kalau buat itu tetapi kita jimat RM30 bilion setahun daripada mengamalkan sistem *procurement* yang baik sekali, *we can save the economy without hurting the people* dengan izin. Ya silakan.

**Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kelana Jaya saya minta sedikit penjelasan supaya kita tidak keliru. Penjelasan atau pun *simplify* yang dibuat perkiraan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi boleh mengelirukan sebab ia sengaja meletakkan angka 25% penjimatan atas pengurusan *procurement* kerajaan.

Jadi 25% ini datang dari mana? Apakah itu satu angka yang diletakkan sendiri oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sebab Laporan Audit tidak dapat membuktikan ketirisan yang sedemikian berlaku. Ini yang minta penjelasan Yang Berhormat Kelana Jaya 25% itu apakah datang daripada pakar-pakar ataupun merupakan suatu angka yang diletakkan sendiri oleh Yang Berhormat Kelana Jaya?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Yang Berhormat Jelebu. Ya memang itu angka saya. Saya kata satu konservatif *estimate*. Jadi apa yang saya hendak tanya kepada menteri adalah senang. Apakah *estimate* kerajaan sendiri, sebab setiap tahun AG *report* keluar memang teruk, *screwdriver* RM400, komputer RM24,000 sebiji. Kita semua sudah baca, setiap tahun kita baca. Jadi saya hendak tanya setahu saya mengikut formula yang saya buat itu tadi memang isu yang tidak ada *government procurement* adalah cuma lebih kurang RM130 bilion. Lain semua ada.

Jadi saya hendak menteri kalau boleh beritahu kita apakah jumlah ketirisan, jumlah *corruption* ataupun apa yang telah berlaku kepada *government* punya *estimate* kalau boleh bagi kepada kita di Dewan yang mulia ini.

Baik Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi satu isu tentang cukai pendapatan. Ini adalah sangat aneh sekali sebab di Malaysia kita lihat cukai pendapatan individu adalah lebih kurang saya ada datanya di sini adalah lebih kurang RM30 bilion setahun. Padahal cukai pendapatan korporat atau *corporate income tax* adalah RM70 bilion setahun. Cukai pendapatan semua pekerja di Malaysia 11 juta orang pekerja kita bayar cuma RM30 bilion atau RM35 bilion setahun. Padahal korporat kita berapa yang aktif, lebih kurang 200,000 yang kecil besar tetapi mereka bayar RM70 bilion setahun.

Apa yang aneh sekali maknanya kalau you bayar *income tax* maknanya syarikat-syarikat korporat lebih besar daripada semua 11 juta orang pekerja kita. Keuntungan mereka terlalu banyak. Di semua negara barat sama ada Australia, Jepun, Singapura ataupun UK, Amerika, mana-mana di dunia Barat.

#### ■1540

Kita tahu jumlah *corporate tax* adalah jauh lebih kecil daripada jumlah pendapatan individu. Ini bermakna di negara kita, kita sedang mempraktikkan, *we practice an incredible economic system* dengan izin, *that punish us, the workers*. Saya adalah seorang peguam korporat. Saya bukannya dari NGO, *trade union*, bukan. Tapi bila saya nampak data daripada cukai pendapatan kita saya rasa memang sakit hatilah. Maknanya kita, *we are under paying our workers. That is why we are stucked in the middle income tax*. Itu sajarah perbahasan saya. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi cadangan yang lebih baik macam mana kita hendak menyelesaikan isu *disparity of corporate tax* dengan *individual income tax*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 3.41 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih atas boleh dikatakan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Mengenai Yang Berhormat Beruas, telah dibangkitkan isu mengenai GST bagi bangunan bukan kediaman. Okey, bagi bangunan bukan kediaman, kita haruslah melihat bahawa dia ada dua kategori; satu bangunan kediaman dan bangunan bukan kediaman. Untuk bangunan kediaman yang telah di *sign*, sebenarnya pemaju kebanyakan akan menanggung kos kerana harga tidak dapat ditukar terutamanya selepas 1 April 2015 kerana masa selepas 1 April 2015 daripada segi pembinaan rumah-rumah kediaman tersebut kos tidak dapat dituntut daripada segi input cukai.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun]

**Datuk Chua Tee Yong:** Maka dia akan menjadi kos kepada pemaju dan sekarang saya beralih kepada bangunan bukan kediaman.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dengan izin, bagi bangunan kediaman dikecualikan daripada GST. Sebab itu saya tidak tanya bangunan kediaman.

**Datuk Chua Tee Yong:** Bukan, saya hendak beritahu, walaupun dikecualikan daripada GST, barang yang dibeli itu mempunyai GST. Dia cuma tidak boleh *charge* kepada orang yang membeli. Maka daripada segi itu pemaju ada melibatkan kos untuk pemaju itu sendiri terutamanya untuk rumah yang dibina dan diberi selepas 1 April 2015. Faham ya. Untuk bangunan bukan kediaman pula, memang daripada segi kementerian, kita melihat bahawa mengikut dasar sekarang, memang daripada segi walaupun *agreement* telah *disign* sebelum 1 April 2015, mereka perlulah dari segi menanggung kos tersebut.

Pada masa sekarang kita belum lagi melihat sama ada ini akan dikecualikan kerana kebanyakan yang membina walau tidak dibajet dalam, boleh dikatakan oleh pembeli tetapi ada juga yang berbincang dengan pihak pemaju daripada segi untuk bagaimana menanggung kos ini. Kita tidak sebenarnya terlibat kerana kita hendak memberi terutamanya kelonggaran dan juga pilihan terutama di antara pemaju dengan pembeli untuk *negotiate* lah dari segi penambahan kos ini.

Dari segi isu untuk...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh jawab penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Biasanya kompromi boleh dicapai, itu satu perkara yang mungkin berita baik. Akan tetapi masalahnya ialah kerana isu ini ramai pembeli tidak hendak beli. Jadi pihak pemaju akan *profit* dengan izin wang yang telah dibayar untuk membeli bangunan berkenaan. Jadi itu sudah menjadi satu isu yang akan dibawa ke mahkamah dan menyebabkan banyak masalah. Saya sarankan kepada kerajaan, sebenarnya dari segi pembelian hartanah sedemikian sudah ada *double taxation* kerana semasa, sebelum ada GST pihak kementerian pun sudah mengenakan cukai ke atas jual beli iaitu cukai setem sampai RM100 ribu, *one percent* dari *second, more than RM100 thousand to RM500 thousand, two percent* dan RM500 ribu ke atas *three percent*. Jadi kalau bangunan itu yang bukan kediaman biasanya satu hingga berapa juta ringgit kerana pun sudah mengenakan cukai *about three percent*.

Jadi kalau tambah lagi sembilan *percent*. Jadi siapa beli bangunan akan kerugian melainkan ada kenaikan harga bangunan itu pada masa depan. Jadi ini tidak sihat dan harap *double taxation* ini tidak adil. Jadi saya harap bangunan sedemikian kalau boleh dikecualikan kerana kerajaan memang sudah mendapat cukai daripada setem yang dikenakan.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kebanyakan yang membeli bangunan-bangunan komersial ini juga terdiri daripada syarikat yang ada kalau dikatakan beberapa juta, maka kalau mereka dalam perniagaan, sebenarnya GST yang dibayar itu menjadikan cukai input untuk peniaga tersebut. Maka saya melihat daripada segi kes ini mungkin kalau ada maklumat tambahan kita boleh lihat tetapi daripada segi kebanyakannya yang membeli komersial, dia bertujuan untuk menyewa dan membuat *business* dan kebanyakan yang



membeli beberapa buah bangunan itu akan didaftarkan di bawah GST. Maka daripada cukai yang dibayar itu, dia boleh *claim* secara input tax.

Okey, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong di mana terutamanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Lagi satu penjelasan. Isu kedua yang saya bangkitkan, bayaran GST ini menjadi kos kepada siapa. Pembeli ataupun pemaju kerana apabila mereka menjual bangunan kemudian, bolehkah pembeli menuntut enam peratus? Akan tetapi memandangkan ada kompromi setiap orang bayar setengah-setengah, tiga peratus, tiga peratus, adakah penjual atau *I mean* pemaju boleh menuntut tiga peratus sebagai kos *before paying income tax* ataupun pembeli semasa dia menjual dalam 5 tahun yang akan datang boleh menuntut *at that cost, tiga peratus* atau enam peratus. Boleh dapat penjelasan.

**Datuk Chua Tee Yong:** Daripada segi soalan tambahan yang diberi itu terutamanya dari segi tiga peratus, tiga peratus yang dikongsi itu yang saya difahamkan terutamanya daripada segi pembeli apabila dia membeli dan dia berdaftar memang dia menjadi cukai input. Apabila dia menjadi cukai input, dia sudah diambil balik daripada JKDM atau Jabatan Kastam Diraja Malaysia pada tahun yang dia membeli dan juga memfail GST *return* dia. Untuk pemaju yang membayar GST *on behalf of the* pelanggan, dia tidak boleh menuntut dari segi potongan kerana cukai itu patut dibayar oleh pelanggan. Okey. Pelepasan cukai untuk anak...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Sorry. So, it's the cost. GST will be* pembeli boleh menuntut GST enam peratus *as that cost in future*.

**Datuk Chua Tee Yong:** Bukan, kalau dia berdaftar, ini macam berdialog lah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *I know. I got...*

**Datuk Chua Tee Yong:** Kalau berdaftar, saya sudah cakap, kalau berdaftar, seseorang itu yang mendaftar dia patut menuntut cukai input tersebut pada masa mereka membelanjakan atau mendapat invois tersebut. Akan tetapi kalau dia tidak menuntut cukai input itu, dia tidak boleh menjadi kos dalam kiraan *business* dia atau apa. Dia patut menuntut dalam tarikh yang dia membuat pembelian tersebut terutamanya apabila invois diterima. Okey. Pelepasan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Sorry, not as a business, as a property. A real property* punya *in tax*, cukai keuntungan hartanah. *So*, kalau seseorang individu membeli sesuatu kedai, bangunan perniagaan, masa dia beli, dia membayar enam peratus. Masa dia jual, bolehkah dia menuntut enam peratus sebagai kos pembelian juga. *Less than duty you can but GST*. Tapi apa yang berlaku sekarang kalau pemaju membayar setengah, dia membayar setengah, apakah keadaan sebenar supaya rakyat tahu keadaan sebenar supaya kita boleh menasihatkan rakyat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Yang Berhormat, sebenarnya saya sudah cakap, kalau dia beli satu, *let say* rumah kedai RM1 juta dan lepas itu dikenakan GST enam peratus dan orang itu berdaftar iaitu RM60 ribu, maka pada tarikh dia buat dia punya *filing*, bukan masa dia jual, itu menjadi cukai input kalau dia orang yang mendaftar terutamanya yang membuat perniagaan. Dia

bukan tunggu sampai bila dia jual. Tidak faham? Tidak apa nanti *I get the officer to explain to you*. Okey. Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya mengenai pelarasan cukai untuk anak yang menjaga ibu bapa OKU. Sebenarnya telah ada pelepasan iaitu untuk penjagaan ibu bapa RM5,000 dan pembelian alat OKU sebanyak RM5,000.

Memang dari Bajet 2016 ini merupakan salah satu langkah yang baru untuk melihat daripada segi menambah baik atau menggalakkan dan mengukuhkan institusi kekeluargaan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong di mana kita memberi RM1,500 untuk boleh dikatakan *tax deduction* untuk ibu dan RM1,500 untuk bapa.

#### ■1550

Selain itu juga bertanya mengenai langkah kerajaan dalam membantu PKS dalam mengurangkan beban mereka ekoran dari segi pelaksanaan GST terutamanya dalam memastikan lebih banyak PKS atau syarikat-syarikat boleh memenuhi dan juga membuatkan dari segi GST *return* pada tarikh yang ditetapkan. Kerajaan, nombor satu, telah mengurangkan kadar cukai pendapatan bagi PKS dari 20% kepada 19%. Selain itu, terdapat juga latihan-latihan yang diberi dan juga klinik-klinik GST telah ditubuhkan di cawangan-cawangan kastam untuk memberi bimbingan kepada mereka yang mungkin ingin mendapat lebih banyak maklumat terutamanya apabila mereka ingin membuat *return* atau cukai GST. Selain itu kerajaan juga melihat dari segi PKS, kita mendapat dari segi *failing*. Sehingga sekarang kebanyakan yang membuat dari segi *compliance* telah memenuhi anggaran 90% daripada mereka telah dapat memberi borang GST pada masa yang ditetapkan.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena mengenai pengurangan terutamanya cukai pendapatan. Sebenarnya dalam Bajet 2015, terdapat pengurangan cukai pendapatan untuk individu sebanyak 1% hingga 3% yang dilaksanakan untuk tahun 2015 di mana tahun yang pendapatan mereka menerima tahun 2015. Di mana anggaran penjimatan tersebut adalah di antara RM300 hingga RM7,200. Dari segi pengurangan KWSP untuk memastikan lebih ramai mendapat dana untuk berbelanja.

Kita berpendapat bahawa dari menurut kajian KWSP, sebenarnya sehingga sekarang hanya 33 peratus daripada ahli yang memenuhi dana mencukupi dari segi amaun yang ditetapkan iaitu sebanyak RM196,800. Maka pada masa sekarang kita tidak menggalakkan pengurangan pencaruman KWSP kerana ia hanya menyelesaikan dari segi masalah pada masa singkat sahaja.

Mengenai Yang Berhormat Gerik yang menanyakan bahawa sama ada seseorang atau individu itu perlu mengisi borang walaupun PCV telah dilaksanakan. Bagi individu yang hanya menerima pendapatan penggajian dan telah mematuhi potongan cukai bulanan, individu tersebut boleh tidak mengemukakan borang cukai pendapatan tetapi dengan memilih dari segi PCV itu merupakan *final tax* mereka. Ini boleh dibincangkan dengan pihak majikan dan ini dilaksanakan mulai tahun taksiran 2014.

Daripada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat tersebut meminta maklumat jumlah ketirisan amaun kerajaan. Kalau betul-betul amaun itu kita

dapat kira maka itu bukan ketirisan *because we will not know what is the amount. If you know, you have solved the problem.* Maka saya melihat dari segi pertanyaan itu sedikit janggal. Dari segi mengurangkan kadar GST, sebenarnya saya melihat...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Chua Tee Yong:** Sebenarnya saya melihat terutamanya daripada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengatakan bajet yang ingin dikemukakan agar kadar 0% dikenakan. Beliau telah membuat beberapa *calculation* dan sebagainya. Saya haraplah Yang Berhormat juga boleh melihat *alternative budget* Pakatan Harapan di mana dalam bajet tersebut telah tertera petroleum *income tax* sebanyak RM20 bilion tetapi pada masa sekarang kerajaan hanya dapat memungut RM9 bilion sahaja. Maka saya melihat dari segi kiraan-kiraan yang dikemukakan oleh Pakatan Harapan juga mempunyai kesalahannya tersendiri. Maka dari segi isu-isu yang dibangkitkan...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Chua Tee Yong:** Okey, boleh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada timbalan menteri. Saya tertarik sangat dengan jawapan daripada timbalan menteri tadi tentang isu tidak tahu berapa ketirisan ataupun tidak ada anggaran ketirisan. Kita semua tahu tiap-tiap tahun, kalau tidak tahu *black hole* itu berapa susahlah nak jadi kerajaan. Tentang isu Pakatan Harapan punya *alternative budget*, timbalan menteri kena faham kita ini adalah bajet anggaran. Kita *projected* tanpa kerajaan. Kalau kita kerajaan senanglah kita buat tetapi nombor kita tentang Petronas.

Kebiasaannya kerajaan caj RM26 bilion dividen setahun, kita tahu. Kita anggar dalam polisi kita ialah memastikan Petronas tidak terlalu tertekan. Jadi kita buat RM20 bilion, anggaran yang lebih rendah. Apa yang teruk sekali dalam kerajaan ialah RM16 bilion sahaja yang kerajaan minta. Maksudnya kerajaan secara terus terang berkata Petronas, keadaan ekonomi ataupun keadaan *financial*, kewangan Petronas adalah terlalu teruk sangat sampai RM16 bilion. Itu sahaja.

**Datuk Chua Tee Yong:** Yang Berhormat Kelana Jaya, saya bukan kata dividen Petronas, saya kata petroleum *income tax*. Petroleum *income tax* yang dibentangkan oleh Bajet 2016 adalah sebanyak hanya RM9 bilion tetapi dalam Pakatan Harapan, *propose federal revenue* petroleum *income tax* adalah sebanyak RM20 bilion. Ia punya kelainan bukan RM1 bilion, RM11 bilion. Maka ini jelas menunjukkan bahawa dari segi bajet Pakatan Harapan ini tidak boleh *balance* kerana ada RM11 bilion dari segi kelainannya. Okey, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

### **Fasal 3 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Chua Tee Yong:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 3 dalam teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda dengan memotong dalam subfasal (2) perkataan “16, 18” dengan memasukkan selepas subfasal (6), subfasal (7) yang menyatakan bahawa seksyen 16 berkuat kuasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun-tahun yang berikutnya. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa peruntukan yang mewajibkan majikan mengemukakan maklumat pekerja secara elektronik adalah berdasarkan tahun kalendar mulai tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun-tahun yang berikutnya.

Pindaan juga memasukkan subfasal (8) yang menyatakan bahawa seksyen 18 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Pindaan ini bertujuan untuk menyatakan bahawa peruntukan yang mewajibkan pembayar cukai syarikat mengemukakan anggaran cukai secara elektronik akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2018 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 3 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[**Fasal-fasal 4 hingga 32** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

■1600

### **Fasal 33 dan 34 – Pindaan:**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa subfasal 33(1) dalam teks bahasa Inggeris rang undang-undang dipinda. Pindaan dibuat dengan menggantikan perkataan “33(a)” dengan perkataan “38(a)”. Pindaan ini bertujuan untuk membetulkan rujukan silang dalam subfasal tersebut.

Pindaan juga dibuat di bawah subfasal 34(b) dengan menggantikan perkataan “*option*” kepada perkataan “*natural gas*”. Pindaan ini bertujuan untuk menyatakan kedudukan tarif *output tax* dalam Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 adalah selepas takrif *natural gas*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti mana yang dicadangkan sebagaimana yang dinyatakan dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 33 dan 34 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Fasal 35 hingga 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PINDAAN) 2015**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[22 Oktober 2015]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri untuk menyambung jawapan.

**4.04 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 serta memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang diutarakan berkenaan dengan rang undang-undang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan itu ialah Yang Berhormat Kuala Selangor, Lenggong, Kota Tinggi, Gerik, Jerantut, Tanah Merah, Sekijang, Tasek Gelugor, Sepang, Jasin, Labuan, Parit Sulong, Beruas, Bagan Serai dan Bintulu.

Sebahagian daripada perkara-perkara yang dibangkitkan adalah mempunyai soalan yang sama. Jadi, pertama kempen kesedaran dan penyelidikan awam untuk PIDM telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, Lenggong, Kota Tinggi, Gerik, Jerantut, Tanah Merah, Sekijang, dan Tasik Gelugor. PIDM perlu meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM sistem insurans deposit, peranan takaful dan insurans.

Saya sangat bersetuju bahawa program kesedaran awam yang berkesan adalah penting untuk membina keyakinan awam terhadap sistem insurans deposit dan meningkatkan kesedaran awam tentang manfaat dan hak perlindungan sistem insurans deposit. Semenjak 2011, PIDM telah mewajibkan bank ahli melalui peraturan-peraturan PIDM untuk memaklumkan kepada pelanggan dan ahli tentang perlindungan PIDM dan sistem insurans deposit termasuk skop dan hak-hak perlindungan.

Sebagai contoh maklumat berkenaan perlu dimaklumkan kepada pelanggan ketika pembukaan akaun deposit baru. Seperti yang tertera dalam rancangan korporat PIDM, inisiatif kesedaran awam ini juga telah diperluaskan kepada anggota penanggung insurans. Anggota penanggung insurans juga akan dikehendaki untuk memberi maklumat tentang manfaat takaful insurans yang dilindungi di bawah sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans kepada pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Selangor, Sepang, Jasin dan Jerantut menanya pertanyaan tentang skop anggota penerima deposit PIDM. Semua bank komersial dan Bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Penglibatan Kewangan Islam 2013, wajib menjadi institusi anggota PIDM. Keseluruhannya ialah sebanyak 43 bank, 11 takaful dan 32 *insurance companies*.

Kemudian, soalan Yang Berhormat Kuala Selangor, Gerik, Jerantut juga mencadangkan bahawa PIDM perlu mempertingkatkan Program Tanggungjawab Sosial Korporat dan Responsibility. Tanggungjawab Sosial Korporat Responsibility (CSR) merupakan bahagian penting dalam operasi urusan PIDM. Inisiatif CSR PIDM menumpukan kepada aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta memelihara dan melestarikan alam sekitar. Banyak program CSR telah dilakukan oleh PIDM termasuk program biasiswa kepada pelajar dan juga *public talk* dan sebagainya.

Kemudian Yang Berhormat Lenggong dan Jasin juga bertanyakan jika institusi kewangan menjadi tidak berdaya maju, bagaimanakah proses tuntutan oleh pendeposit dilaksanakan?

Sekiranya salah satu bank ahli PIDM gagal, PIDM akan membayar kepada pendeposit wang simpanan mereka secara automatik sehingga had yang dilindungi iaitu *our bank* RM250,000, *insurance companies* maksimum RM500,000.

Pendeposit tidak perlu mengambil apa-apa tindakan undang-undang untuk mendapatkan kembali wang simpanan mereka yang dilindungi oleh PIDM. Bagi amaun deposit yang tidak diinsuranskan sebagai contoh amaun yang melebihi had perlu perlindungan RM250,000, pendeposit bolehlah berdaftar dengan *liquidator* bank ahli untuk mendapatkan semula amaun yang melebihi amaun yang diinsuranskan. Proses yang sama terpakai bagi pemilik polisi insurans dan sijil takaful sekiranya anggota penanggungan insurans gagal.

Soalan seterusnya ialah Yang Berhormat Labuan. Apakah kadar kegagalan bank? Atau syarikat insurans di Malaysia berbanding dengan negara lain. Pada masa ini masih tidak ada bank atau syarikat insurans yang telah gagal di Malaysia semenjak penubuhan PIDM pada 2005. Soalan seterusnya, Yang Berhormat Lenggong sejauh manakah penyelarasan yang dibuat oleh Akta PIDM dengan Akta Perkhidmatan Kewangan. Penyelarasan yang dibuat antara Akta PIDM dengan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam tidak melibatkan pertukaran kaedah perbankan konvensional kepada sistem perbankan Islam.

Seterusnya, Yang Berhormat Lenggong, Setiawangsa, Jasin, Jerantut dan Bagan Serai. Faktor tidak berdaya maju. Apakah faktor atau ciri bagi memutuskan sesuatu institusi berada dalam keadaan tidak berdaya maju? Bank Negara Malaysia sebagai pengawal selia utama institusi kewangan akan menentukan sama ada sesebuah institusi kewangan berada dalam keadaan berdaya maju atau tidak berdasarkan kriteria yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. PIDM hanya boleh menggunakan kuasa resolusi dan campur tangan ke atas institusi anggota berkenaan selepas menerima notis tidak berdaya maju sesebuah institut anggota dari Bank Negara Malaysia.

Seterusnya, hak perlindungan deposit. Yang Berhormat Setiawangsa, Jasin, Labuan dan Jerantut.

#### ■1610

Sekiranya seorang pendeposit mempunyai yang lebih daripada RM250,000, adakah PIDM hanya akan membayar RM250,000 dan apa yang terjadi kepada wang lebihan?

Seperti saya sebut tadi dalam situasi penggulungan, bagi amaun deposit di bank ahli yang melebihi had perlindungan, pendeposit boleh mendaftar dengan *liquidator* bank ahli untuk mendapat semula amaun yang melebihi amaun yang diinsuranskan.

Had perlindungan ini ditetapkan pada RM250,000 kerana kajian yang dijalankan dengan pihak bank ahli PIDM menunjukkan bahawa 99% jumlah pendeposit akan dilindungi sepenuhnya oleh PIDM pada had tersebut. PIDM daripada semasa ke semasa membuat kajian semula sistem perlindungan PIDM termasuk had perlindungan untuk memastikan bahawa ia relevan dan mempunyai objektif dan sah awam.

Kemudian, Yang Berhormat Sepang. Apakah isu-isu yang biasa dibangkitkan mengenai peranan PIDM apabila PIDM berperanan untuk mentadbir dua sistem insurans konvensional dan

Islam sedangkan kita tahu ada perbezaan dan operasi sistem insurans konvensional dan sistem insurans Islam.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, adalah penting untuk memberi penekanan di sini bahawa peranan PIDM bukan untuk membiayai kerugian sesebuah bank atau syarikat insurans, peranan PIDM adalah untuk menjaga kepentingan dan perlindungan orang awam iaitu pendeposit dan pemilik polisi insurans dan sijil takaful. PIDM mentadbir urus sistem perlindungan iaitu:

- (i) Sistem insurans deposit melindungi pendeposit daripada kehilangan deposit mereka; dan
- (ii) Sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans melindungi pemilik polisi insurans dan sijil takaful daripada kehilangan manfaat insurans atau takaful mereka.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, kesemua fi yang dibayar oleh para peserta PIDM ini disimpan dalam akaun yang berasingan iaitu, kalau bank konvensional kalau dana untuk insurans deposit konvensional dia akan masuk dalam dana insurans konvensional, dan kalau dia adalah insurans deposit Islam, dia akan masuk dalam deposit Islam. Kemudian kalau dia ada perlindungan insurans am, dia akan masuk dalam dana insurans am. Kalau dia ada dana perlindungan insurans hayat, dia akan masuk dalam insurans hayat dan kalau dia ada dana perlindungan takaful am, dia akan masuk dalam takaful am. Begitu juga kalau dia ada dana perlindungan takaful keluarga, dia akan masuk dalam takaful keluarga. Bermakna setiap *fund* yang ditadbir oleh PIDM ini berasingan mengikut sistem yang dijalankan oleh ahli-ahli PIDM.

Kemudian Yang Berhormat Sepang juga merujuk kenapa tidak mempunyai dua badan untuk mengawal sistem insurans yang berlainan ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, konsep PIDM ini macam EPF. Baru-baru ini kita buat EPF Conventional dan EPF Islamic, begitu juga PIDM. Jadi institusi mentadbir *still* masih satu institusi untuk mengurangkan *unnecessary cost* untuk mentadbir dana-dana ini.

Seterusnya Yang Berhormat Sepang juga mengatakan bahawa apabila PIDM membuat bayaran ganti rugi, apakah aspek yang dilihat ataupun adakah wujud perkiraan yang berbeza antara sistem konvensional dengan sistem Islam. PIDM melindungi deposit Islam dan konvensional yang layak secara berasingan bagi setiap pendeposit dan pemilik polisi insurans dan sijil takaful. Sebagai contoh sekiranya seorang mempunyai deposit Islam dan konvensional di bank ahli yang sama, kedua-dua deposit tersebut akan masing-masing dilindungi sebanyak RM250,000. Pembayaran yang dibuat akan berasaskan rekod polisi anggota termasuk pengiraan wang yang perlu dibayar.

Kemudian Yang Berhormat Sepang juga bertanya mengenai istilah Islam dan juga dalam akta PIDM akan dipinda dengan memotong perkataan, "*atas apa-apa asas termasuk penjagaan ataupun perkongsian keuntungan*". Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, *profit-sharing investment account* ataupun akaun pelaburan yang diterima oleh bank ahli PIDM tidak tertakluk



di bawah perlindungan PIDM kerana Bank Negara Malaysia tidak lagi menganggap akaun pelaburan sebagai deposit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan yang berkaitan dengan akaun *profit-sharing* ini tidak dicover oleh PIDM, ini bermakna seolah-olah bagi saya tidak mengiktiraf *Islamic banking industry* (IBI) ini. Jadi adakah ini satu apabila perbankan Islam – kita tahu perbankan Islam ini antara perbezaan fundamental dengan perbankan konvensional ini dari segi definisi *loan* itu.

Bagi bank konvensional, *loan* itu kita tahulah sedangkan dalam perbankan Islam ini *loan* itu *Qardhul Hasan* sahaja, yang lain cuma *naturenya* dalam bentuk *profit-sharing*. Jadi kalau kita tidak benarkan akaun pelaburan dikawal oleh akta ini, seolah-olah kita tidak mengiktiraf produk-produk yang dibawa oleh perbankan Islam. Jadi apakah mekanisme untuk memastikan akaun-akaun pelaburan ini juga patut dilindungi pendeposit-pendeposit itu. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya Yang Berhormat Sepang, konsep PIDM ini adalah untuk kita *insured* pendeposit, jadi kalau bukan sahaja di bank Islam tetapi malah di bank konvensional juga. Kalau bank konvensional ini ada akaun pelaburan maka mereka itu tidak *cover* juga, bukan sahaja bank Islam tetapi juga bank konvensional.

Apa yang PIDM buat ialah untuk pastikan bahawa deposit pelanggan-pelanggan yang diletak sebagai deposit bukan sebagai pelaburan kerana pelaburan ini dia menyebabkan ada *risk*, ada untung dan ada rugi.

Jadi PIDM dia tidak *insure* untung atau rugi, dia *insure* cuma deposit. Kalau kita letak deposit kalau dia *term* dia sebagai deposit maka dia akan *insured*. Saya bagi contoh, dari konteks konvensional *is very clear*, *investment* dia tidak *cover* fasal dia ada elemen untung atau rugi. Akan tetapi kalau deposit, *fix deposit* dalam bank dia akan *cover up to RM250,000*.

Dalam sistem perbankan Islam, dia juga ada dua perbezaan. Kalau kita ada dalam konsep musyarakah iaitu untuk perkongsian untung dan rugi. Kemudian konsep mudarabah konsep untung dan penanggungungan rugi, kemudian wakalah perwakilan dia ada dia punya *detailed term* tetapi kalau dalam *Islamic banking* tetapi kalau disimpan duit dalam *Wadiah* ataupun *Qadr* ataupun *Tawarruq*, yang ini dia *cover* sebab dia *consider* sebagai deposit. Dia lebih kepada *term*.

Saya faham maksud Yang Berhormat Sepang tadi tetapi dalam konteks Bank Negara, kalau sesuatu akaun itu dianggap sebagai pelaburan, maknanya ada untung dan rugi, maka dia tidak *cover* dia punya dalam konteks PIDM.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya ingin mencadangkanlah supaya diperluaskan peranan PIDM ini untuk juga *cover* aspek pelaburan ini. Ini kerana apabila kita mengadakan urusan dengan bank ini hakikatnya di sana ada duit-duit kita yang dipegang oleh bank. Jadi apabila dipegang oleh bank kalau ada apa-apa berlaku pun pada bank itu sudah tentulah sebagai *customer* bank kita mengharapkan ada satu jaminan.

Jadi kalau kita hanya mengehendkan jaminan itu dalam bentuk tadi, dalam bentuk yang dikatakan deposit sahaja tanpa melibatkan pelaburan, jadi seolah-olah kita macam lepas tanganlah. Akan tetapi saya sedialah mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh cadangkan cara lain kah, macam manakah. Pokoknya, isunya adalah duit yang dipegang oleh bank ini selamat.

Sebagai tambahan, saya juga tanya macam mana pula dengan institusi-institusi yang juga menyimpan wang orang ramai seperti Tabung Haji yang bukan bank. Adakah dia juga wajib *discover* oleh akta ini.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, dari segi akaun pelaburan ini sebenarnya kalau akaun pelaburan ini walaupun dia tidak *discover* oleh PIDM tetapi dari proses kalau sesuatu institusi itu pergi ke *liquidation* jadi Bank Negara akan pastikan bahawa mereka-mereka yang mempunyai pelaburan dia mendapat hak mereka, tetapi mengikut dia punya *risk balance of the distribution* itu bergantung kepada aset yang tinggal. Akan tetapi mereka masih ada lagi hak dan lepas hak mereka baru boleh pergi ke *shareholders*.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Sepang tadi sama ada Tabung Haji ataupun EPF tidak masuk dalam PIDM, buat masa ini PIDM cuma dia *cover* kepada 86 *members* iaitu 43 buah bank, 11 takaful dan 32 *insurance company*. EPF dan juga Tabung Haji dan KWAP dan sebagainya tidak masuk dalam konteks PIDM ini.

#### ■1620

Seterusnya, Yang Berhormat Sepang juga mengatakan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, isu tentang perbankan Islam perlu di bawah ke mana? Satu mahkamah, Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil? Jadi isu tentang perbankan Islam akan dibawa ke mahkamah, sebenarnya akan dibawa kepada Mahkamah Sivil.

Namun Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan dengan jelasnya bahawa mahkamah yang mendengar apa-apa perkara berkenaan dengan perniagaan kewangan Islam hendaklah mengambil kira mana-mana keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia yang telah disiarkan atau merujukkan persoalan itu kepada Majlis Penasihat Syariah untuk mendapatkan keputusan Majlis Penasihat Syariah. Keputusan Majlis Penasihat Syariah ini adalah *consider binding* kepada Mahkamah Sivil.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta maaf, minta maaf Yang Berhormat Menteri. Tentang yang kata *binding* itu, sebenarnya tak betul. Mahkamah tidak terikat pun. Mahkamah Sivil ini tidak terikat dengan apa yang disarankan itu. Boleh jadi dalam bentuk *persuasive* sahaja Yang Berhormat Menteri. Jadi yang saya bangkitkan tadi ialah *conflicting issue*

ini sebab kalau kita cakap pasal perbankan kita setuju, memang sepatutnya pergi kepada Mahkamah Sivil.

Akan tetapi ia melibatkan perbankan Islam ini, insurans Islam ini, jadi timbul isu ini. Memang sekarang ini memang saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri ia dibawa ke Mahkamah Sivil. Jadi persoalan yang saya tanya ialah adakah sudah sampai masanya kita memikirkan kita meluaskan peranan Mahkamah Syariah ini sebab kita 121A itu? Jadi adakah pihak Yang Berhormat Menteri merasakan sudah sampai masanya perbankan Islam ini sewajarnya diputuskan oleh hakim-hakim dari Mahkamah Syariah ini ataupun macam mana *stand* daripada pihak kerajaan?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Buat masa ini Yang Berhormat Sepang, Bank Negara berpandangan bahawa dia masih tidak lagi mencadangkan Mahkamah Syariah melihat isu perbankan ini kerana mungkin mereka mempunyai ada banyak perkara-perkara yang tidak dapat dipenuhi, jadi saya ambil maklumlah. Sebenarnya kalau daripada konsep memang saya setuju tetapi saya ingat mungkin *implementation timing*, kita memikirkan masa yang sesuai dan juga kepakaran yang sesuai di peringkat Mahkamah Syariah.

Seterusnya, saya ingat Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Akta PIDM ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[**Fasal-fasal 1 hingga 96** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]***

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, songkok tertinggal kah?

**4.26 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Itulah, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila bantu, songkok Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah mendapat sedikit pertanyaan di luar sana. Saya percaya bukanlah diatitkan oleh DAP atau pembangkang tetapi menyebabkan tergendala saya masuk tadi dan ketinggalanlah apa yang patut tertinggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara. Pengisytiharan kawasan keselamatan kuasa khas pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah melalui evolusi yang sangat mencabar dalam memelihara kedaulatan dan keselamatan negara serta ketenteraman awam. Landskap keselamatan ini semakin kompleks dan dinamik melibatkan ancaman-ancaman dari pelaku negara (*state actor*) dan pelaku bukan negara (*non-state actor*) yang berupaya menjejaskan keselamatan serta kedaulatan negara.

Jika dahulu negara berhadapan dengan ancaman penjajahan oleh kuasa asing, keganasan komunis, pemisahan wilayah, insiden 13 Mei 1969 dan sebagainya. Mutakhir ini kita berhadapan pula dengan gelombang ancaman keselamatan negara yang bersifat multidimensi dari dalam dan luar negara seperti kerapuhan perpaduan nasional, cabaran terhadap sistem demokrasi negara, serangan terhadap sistem ekonomi, ancaman siber, ancaman keselamatan maritim, ancaman keganasan, ancaman jenayah rentas sempadan dan lain-lain lagi.

Bentuk-bentuk ancaman yang kompleks dan dinamik ini memerlukan negara memperkukuhkan mekanisme dan sistem dalam penggubalan dasar-dasar keselamatan, perkongsian maklumat perisikan dan tindak balas segera yang bersepadu oleh pasukan keselamatan ke atas sesuatu insiden ancaman keselamatan yang di luar kemampuan sesebuah agensi. Ini kerana insiden keselamatan negara boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa dapat dijangka seperti insiden keganasan yang berlaku di Perancis baru-baru ini.

Oleh yang demikian, bagi memastikan keselamatan rakyat dan keselamatan negara, kerajaan memutuskan supaya mekanisme dan sistem pengurusan keselamatan negara perlu

diberi anjakan paradigma atau ditransformasikan supaya mampu menghadapi sebarang bentuk ancaman pada masa kini dan akan datang.

Hasrat tersebut hanya boleh direalisasikan menerusi transformasi terhadap Majlis Keselamatan Negara yang merupakan agensi peneraju dalam hal ehwal keselamatan negara. Keputusan ini sejajar dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 Oktober 2015 yang lalu di Dewan yang mulia ini bahawa peranan dan fungsi MKN perlu diperkukuhkan supaya menjadi lebih efisien dan berkesan dalam menggubal dan menyelaras dasar serta strategi keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, berikutan pemansuhan Ordinan Darurat 1931 dan Akta Darurat 1939, pada tahun 2011, kewujudan MKN pada masa kini adalah secara pentadbiran berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri 1971.

#### ■1630

Sehubungan dengan itu. Semua arahan MKN ini merupakan arahan yang dilaksanakan secara pentadbiran sahaja dan menjejaskan keberkesanan menangani ancaman-ancaman keselamatan negara. Pendekatan mewujudkan MKN secara formal melalui suatu perundangan bukanlah sesuatu yang baru. Beberapa buah negara seperti Amerika Syarikat 1947, Jerman 1969, India 1998, Jepun 2013, Pakistan 2004, Filipina 1986, Rusia 1992, Thailand 2006, United Kingdom 2010 dan Vietnam 1992 telah memperoleh undang-undang berkaitan penubuhan *National Security Council* yang menjelaskan antara lain dari segi keahlian, fungsi dan juga kuasa penubuhan *National Security Council*. Rang Undang-undang MKN 2015 mengekalkan tugas, tanggungjawab dan peranan MKN sebelum ini dan menambah baik serta memperkasakan peranan MKN dan agensi-agensi berkaitan dalam menghadapi ancaman keselamatan negara masa kini dan juga mendatang.

Rang undang-undang ini tidak bercanggah dengan kuasa kerajaan negeri kerana isu-isu berkaitan keselamatan negara, pertahanan dan hal ehwal luar negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Senarai 1, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan, Perkara 74 dan Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan 1957.

Tuan Yang di-Pertua, belum sempat pun Dewan yang mulia ini membahaskan Rang Undang-undang MKN 2015 media sosial, tokoh-tokoh berpengaruh dan individu tertentu telah membahaskan dan membuat penghakiman bahawa Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 memberikan kuasa berlebihan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengisytiharkan darurat. *[Disampuk]* Memberikan kuasa berlebihan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengisytiharkan darurat tanpa diperkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan bermotifkan politik semata-mata.

Kegagalan media sosial, tokoh dan individu tersebut melihat secara objektif dan memahami perwujudan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 secara menyeluruh dan hanya melihat dalam konteks yang sempit yang telah mempengaruhi minda dan persepsi rakyat ke atas suatu perkara yang tidak tepat dan benar.

Malah sudah ada kumpulan yang menyerahkan memorandum membantah rang undang-undang ini. Peruntukan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 Tuan Yang di-Pertua, adalah meliputi elemen-elemen utama yang membutuhkannya seperti berikut:

Bahagian I – Fasal 1 dan 2, memperkatakan mengenai perkara permulaan.

Bahagian II – Fasal 3 hingga 14, memperuntukkan mengenai penubuhan Majlis Keselamatan Negara, fungsi, kuasa, keanggotaan, tatacara mesyuarat dan sebagainya. Bahagian ini juga menyatakan bahawa ketua pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis dan bertindak sebagai setiausaha Majlis.

Bahagian III – Fasal 15 hingga 17, memperuntukkan mengenai pelantikan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, kewajipan dan kuasanya serta kewajipan Entiti Kerajaan mengenai penyebaran maklumat dan risikan

Bahagian IV – Fasal 18 hingga 21, memperuntukkan mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan, perintah eksekutif Majlis serta pelantikan Pengarah Operasi dan kewajipannya.

Bahagian V – Fasal 22 hingga 36, memperkatakan mengenai kuasa khas Pengarah Operasi dan Pasukan Keselamatan yang dikerah tugas ke kawasan keselamatan.

Bahagian VI – Fasal 37 hingga 42, memperuntukkan perkara-perkara am.

Bahagian VII – Fasal 43 dan 44, memperuntukkan mengenai kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara pengisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan di dalam kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubung dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ramai yang minat? *[Disampuk]* Senarai yang saya terima daripada sebelah kiri saya ada tiga orang daripada PKR, dua orang daripada Amanah, lima orang daripada DAP. Ini yang telah disenaraikan oleh...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak percaya kepada ketua *whip* masing-masing kah? *[Dewan riuh]* Oleh sebab ditandatangani oleh ketua *whip* masing-masing.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nampak sangat tidak sepakat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum menerima senarai daripada parti PAS. PAS tidak berminat?

**Seorang Ahli:** Saya hendak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada Yang Berhormat Pasir Puteh. Barisan Nasional satu, dua, tiga, empat dan lima. Bermakna...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima, tujuh, 12. PAS satu, 13, 18. Lebih kurang 20 orang.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Mohon Amanah satu lagi ditambah sebab tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau 20 orang 10 minit jadi...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Mohon dari Yang Berhormat Kuala Krai. *[Dewan riuh]* ... tiga cukup.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Pokok Sena seorang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** 10 minit ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah rang undang-undang yang sangat penting. Ini akan transformasikan dan ikut perkataan Yang Berhormat Menteri. Transformasikan sistem perundangan kita dan Dewan Rakyat bagi 10 minit, mana boleh. Inilah maksud kita...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tunggulah Yang Berhormat. Apabila saya bagi kelonggaran jadi macam inilah.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya 10 minit seorang bukan 10 minit mewakili parti. Kalau ada lima orang sudah 50 minit mewakili parti masing-masing. Jadi kalau 30 minit satu orang, kalau lima orang mewakili parti masing-masing, 150 minit. Jadi kenalah faham.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kita bukan sahaja mewakili parti, kita mewakili rakyat. *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pertama panjang. Bukan saya hendak bagi Yang Berhormat Bagan Yang Berhormat pertama.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Puchong dari DAP. Saya akan susuli kemudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Puchong 15 minit. Cukup ya Yang Berhormat?

**4.37 ptg.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mungkin saya akan pohon untuk lanjutan masa nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong sudah keluarkan beg dia. *[Ketawa]* Ini beg yang selalu bawa ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Agung ini. Sila, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Betul itu. Ini sebenarnya beg Yang Berhormat Bukit Gelugor, Mr. Karpal Singh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang cukup serius. Sebagai permulaan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini dan saya rasa ianya perlu ditegaskan bahawa kami dalam DAP, kami memang menyokong segala usaha yang dibuat untuk memastikan keselamatan dalam negara ini. Itu adalah satu perkara yang perlu ditegaskan.

Akan tetapi perkara pokok yang berbangkit di sini adalah berkenaan dengan hak-hak yang akan terjejas sekiranya *bill* ini diluluskan. Sekiranya kita lihat – Tuan Yang di-Pertua, apa yang terkandung dalam *bill* ini memberikan kuasa yang cukup luas kepada seorang individu iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam perkara mengisytiharkan sesuatu kawasan itu sebagai dinyatakan sebagai *security area*. Sekiranya saya boleh dibenarkan untuk merujuk kepada seksyen 18 dalam *bill* ini. Apa yang dinyatakan di situ cukup jelas. Saya baca dengan izin 18(1)... *[Membaca petikan]*

*“Where the Council advises the Prime Minister that the security in any area in Malaysia is seriously disturbed or threatened by any person, matter or thing which causes or is likely to cause serious harm to the people, or serious harm to the territories, economy, national key infrastructure of Malaysia or any other interest of Malaysia, and requires immediate national response, the Prime Minister may, if he considers it to be necessary in the interest of national security, declare in writing the area as a security area.”*

■1640

Selepas itu dinyatakan secara terperinci apakah yang diperlukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pada melaksanakan tugas-tugas atau kuasa-kuasa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menarik dalam peruntukan ini adalah berkenaan dengan *security area*. *Security area* ini kalau kita lihat dalam seksyen 2, *interpretation*, dinyatakan di situ, *“Security area means any area declared by Prime Minister under section 18”*. So, sudah cukup jelas bahawa ia terhad kepada apa yang dinyatakan dalam seksyen 18. So, *we have to look back to section 18*.

Dalam seksyen 18 ini, apa yang cukup jelas adalah bahawa ia menjurus kepada apa yang disebut sebagai di mana, *“The security in any area seriously disturbed or threatened by any person”*. Kemudian dinyatakan, *“Matter or thing which causes or is likely to cause serious harm to the people, or serious harm to the territories, economy, national key infrastructure of Malaysia or any other interest of Malaysia”*.



Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak petik daripada Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan di mana dinyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua... *[Membaca petikan]*

*“(1) If an Act of Parliament recites that action has been taken or threatened by any substantial body of person, whether inside or outside the Federation- that any provision of that law designed to stop or prevent that action is valid notwithstanding that it is inconsistent with any of the provision of Article 5, 9, 10, or 13...” and so forth.*

Jadi, cukup jelas bahawa sekiranya ada satu rang undang-undang yang merujuk kepada keadaan-keadaan seperti mana dinyatakan dalam Artikel 149 iaitu termasuk *substantial body of person causing substantial number of citizen to fear, organized violence against persons or property* dan sebagainya.

Ini cukup jelas merujuk kepada keadaan sama seperti mana yang dirujuk dalam seksyen 18 kerana seksyen 18 itu merujuk juga kepada keadaan di mana *security in any area in Malaysia is seriously disturbed or threatened by any person*. Jadi ia ini cukup jelas bahawa undang-undang yang sekarang dibentangkan melalui rang undang-undang ini adalah satu perkara yang termasuk dalam Artikel 149 Perlembagaan Persekutuan.

*If that be the case, Tuan Yang di-Pertua, then quite clearly this act or this bill is unconstitutional* kerana kalau kita lihat kepada skema di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Persekutuan mempunyai peruntukan-peruntukan khusus dan khas yang membuat peruntukan berkenaan dengan keadaan di mana ada wujudnya satu keadaan *emergency*.

Saya baca Artikel 150, *Proclamation of emergency* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya baca apa yang tertera di sini... *[Membaca petikan]*

*“150.(1) If the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that a grave emergency exists whereby the security, or the economic life, or public order in the Federation or any part thereof is threatened, he may issue a Proclamation of Emergency making therein a declaration to that effect.*

Selepas itu kalau kita lihat subseksyen 2 Artikel 150, cukup jelas menyatakan masa yang kuasa itu boleh dikuatkuasakan dan seterusnya kita ada (2A), (2B), (2C) dan sebagainya yang menetapkan butir-butir atau ciri-ciri dalam mana Yang di-Pertuan Agong akan melaksanakan undang-undang tersebut.

Jadi perkara yang berbangkit adalah, apabila lihat kepada seksyen 18, bukankah perkara-perkara seperti mana yang dirujuk di dalam Artikel 150 cukup jelas kuasa itu diberikan melalui Perlembagaan Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dilaksanakan? Jadi, ia menjadi satu keadaan di mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diberi kuasa untuk membuat satu keputusan sama ada perlu atau tidak satu keadaan yang dikatakan darurat perlu diisytiharkan. Ini adalah kuasa yang diberikan khususnya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Di dalam Perlembagaan Persekutuan ada disenaraikan di situ apakah perkara-perkara perlu diambil kira oleh Seri Paduka Baginda sebelum membuat pengisytiharan tersebut dan selepas daripada itu cara dalam mana kuasa-kuasa itu akan dilaksanakan. Cukup jelas. *It is a*

*provision in the constitution which is clearly reserve, dengan izin, power to declare an emergency in this country to Yang di-Pertuan Agong.*

Kalau kita lihat kepada seksyen 18, seksyen 18 rang undang-undang ini membuat perkara yang sama tetapi memberikan kuasa itu kepada Perdana Menteri. Saya berhujah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Puchong...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sebentar, sebentar. Saya berhujah Tuan Yang di-Pertua, bahawa *clearly if we look at section 18, "it is an attempt to remove the powers that are clearly vested in the Yang di-Pertuan Agong under Artikel 150 into the hands of Prime Minister". [Tepuk]* Kalau itu menjadi keadaannya, *of course subject to what the Minister says, it is quite clearly something that unconstitutional* dan ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam keadaan tersebut, Artikel 4 Perlembagaan Persekutuan terpakai di mana cukup nyata dan jelas dinyatakan, saya baca... *[Membaca petikan]*

*"The supreme law of the Federation*

*This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void."*

So, ia bermaksud bahawa rang Undang-undang ini memang tidak boleh berkuasa walaupun ia akan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. *[Tepuk]* Yang Berhormat Subang, sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puchong telah jelaskan dengan cukup bernas bahawa macam mana rang undang-undang ini sekarang cuba merampas kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong kepada institusi kerajaan di bawah Perkara 150 Perlembagaan.

Saya tadi dengar dan kita semua dengar tadi dalam pembentangan oleh Yang Berhormat Menteri, contoh yang diberi dalam ucapan sebagai satu justifikasi bahawa negara kita perlu undang-undang ini ialah apa yang baru berlaku di Perancis. Di sebut inilah contohnya, so dia suruh kita kena sedia. Tadi disebut.

Apa yang saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Puchong, contoh itu memang tidak boleh pakai sebab apa yang berlaku di Perancis selepas serangan *terrorist* itu, Presiden Perancis mengisytiharkan darurat, *emergency*. Mereka gunakan undang-undang darurat mereka dan isytiharkan.

Jadi apa yang saya minta pandangan Yang Berhormat Puchong ialah inilah satu cara untuk membelakangkan kuasa, bukan sahaja kuasa Agong dan Perkara 150 dan 151 tetapi contoh Perancis ini tidak boleh dipakai untuk satu justifikasi. Sila beri pandangan.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya amat terkejutlah di atas pendedahan Yang Berhormat Puchong bahawasanya ini merupakan satu *power grab* kuasa-kuasa Seri Paduka

Yang di-Pertuan Agong yang hendak diambil alih oleh orang-orang tertentu. Saya hendak memulakan dengan satu kata-kata, Daulat Tuanku. *[Tepuk]*

Kedua, saya mengingatkan Yang Berhormat Puchong, saya ingat *it is only a power grab* sebab di dalam Perlembagaan kita hanya tiga Menteri saja disebut iaitu yang pertama jawatan Perdana Menteri, kedua *The Minister of Home Affairs*, ketiga *Finance Minister*. Bermakna kalau tiga kuasa itu diberikan kepada satu orang, *it is already being very all powerfull*. Makna, tiga. Sekarang ini kuasa Agong pun nak diambil, bermakna – *real power grab, power tends to corrupt and absolute power corrupt absolutely*.

Akan tetapi hanya saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong sedar tidak, ada tak dalam dunia ini suatu kerajaan yang memerintah sedemikian sama ada komunis atau sebaliknya, dia boleh kekal berkuasa dalam dunia, akhirnya jatuh dan pemimpin seperti itu disembelih oleh rakyat? Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Puchong...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya akan bagi, saya akan bagi. Biar saya jawab kerana ini isu yang penting. Saya rasa kita kena faham *the magnitude of the problem before us*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mendengar apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Subang dan memang betul apa yang beliau katakan. Ini saranan yang penting. Sebagai jawapan, saya hendak bagi tahu, saya hendak memberi penjelasan, bahawa sebenarnya kuasa-kuasa – saya setuju apa yang disebut oleh Menteri bahawa ada anasir-anasir yang kita lihat dalam dunia yang baru ini di mana perlunya untuk kita mempunyai kuasa supaya kita bertindak dan sebagainya.

#### ■1650

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa itu sudah ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita sebagai Ahli-ahli Parlimen apabila kita menggubal peruntukan-peruntukan khususnya peruntukan yang berkenaan Perlembagaan, itu perlu diberikan *top priority* kerana *the Constitution is supreme*. Jadi apakah kita di sini membahaskan undang-undang yang cuba mengambil atau angkat daripada peruntukan jelas kuasa-kuasa diberikan untuk kita menangani masalah ini. *Quite clear...*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *...we as Members of Parliament, we have Constitution, Parliament is constituted to this Constitution. It is law of supreme* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jadi keadaannya kita lihat bagaimana terdapat satu percubaan untuk mengambil alih kuasa, itu satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada dua Yang Berhormat yang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Nombor dua...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just one* – nombor dua yang kita kena ingat, ini bukan sahaja kuasa yang diberikan kepada sesiapa Tuan Yang di-Pertua. Ini kuasa yang diberikan khususnya kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa apabila mereka yang menggubal Perlembagaan Persekutuan, mereka ini *they are wiser*. Mereka tahu bahawa bila perlu memberikan kuasa yang sebesar itu, kuasa itu tidak seharusnya diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia seharusnya diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong. Pada saya, itu perkara yang cukup penting dan kita sebagai Ahli Parlimen, kita perlu menghormati apa yang digubal oleh mereka yang telah menggubal Perlembagaan Persekutuan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya tertarik dengan mukadimah daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa tujuan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ialah untuk keselamatan negara dan keselamatan rakyat.

Dalam Dewan ini, kita telah menggubal beberapa undang-undang seperti POTA, SOSMA dan kita juga ada *Sedition Act*. So, saya hendak mengatakan di sini bahawa *we have enough security laws* untuk menjamin kepentingan rakyat dan juga negara. Soalnya Yang Berhormat ialah, adakah pindaan ini untuk menjamin kepentingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan UMNO. Ini soalnya. Ini kerana kita ada SOSMA, POTA dan *Sedition Act*. SOSMA itu dikatakan untuk *terrorist* tetapi *legitimate opposition* pun kena tangkap. *So this amendment here*, adakah tujuannya untuk *power grant* untuk kepentingan Yang Amat Berhormat Pekan dan juga untuk menjamin UMNO, Barisan Nasional. Minta pandangan.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya bagi kepada Yang Berhormat Penampang dahulu, selepas itu Yang Berhormat Bukit Gelugor. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puchong, saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Puchong. Ketika penubuhan Malaysia tahun 1963, Sabah, Sarawak dan Singapura pada waktu itu bersetuju untuk menubuhkan Malaysia dengan spesifik bahawa segala *emergency* ialah kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bersetuju kah Yang Berhormat Puchong? Sepatutnya Ahli Parlimen dari Sabah dan Barisan Nasional tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya masukkan apa yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Penampang dalam ucapan saya. Saya beri kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Puchong. Soalan ialah berkenaan dengan apa yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat Puchong

berkenaan dengan isu bahawa kuasa ini sudah ada dalam Perlembagaan Persekutuan, dalam kuasa Yang di-Pertuan Agong. Dengan izin, *That formula has worked all this while. Worked well with the 1970 emergency popular Malaysian it has worked well.*

Jadi memandangkan keadaan tersebut, saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong, adakah rang undang-undang yang dicadangkan ini *in reality* dengan izin, *nothing more these guys to promote dictatorship on the part of the Prime Minister. Is that why we have this been?*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab dua perkara yang khusus tetapi saya rasa mereka menjurus kepada isu asas yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya 15 minit sudah berlalu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya akan gulung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, persoalannya berbangkit dalam hal ini apabila *differences with constitution* dengan izin membuat keputusan supaya kuasa-kuasa khusus dan besar ini diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong. Ia dibuat seperti mana yang saya sebut tadi, supaya ia tidak diberikan kepada seorang sahaja iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua dapat lihat bahawa negara ini mempunyai sejarah yang cukup jelas. Apabila dalam tahun 60-an, apabila kita mempunyai Perdana Menteri yang pertama, beliau mengatakan di dalam Dewan yang mulia ini semasa itu bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri, *'The ISA will not be used against political dissidents'*. Akan tetapi kita lihat bagaimana ia digunakan terhadap ahli-ahli politik, disalahgunakan, itu yang pertama.

Kemudian kita ada Ahli Parlimen Pekan yang semasa itu menjadi Perdana Menteri datang ke sini membentangkan SOSMA yang dikatakan hanya digunakan terhadap *terrorist. It is only for terrorist and terrorist activities*, dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Rengas pada masa itu. Akan tetapi kita lihat di mana ia disalahgunakan, *it's complete abuse. The question, can you trust this government, can you trust the leadership of a Prime Minister* untuk kita berikan kuasa sebesar ini kepada dia. Itu adalah sebab atas mana kepada saya cukup jelas dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa kuasa yang sangat kuat ini harus diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Saya di sini Tuan Yang di-Pertua, masa tidak mengizinkan. Saya hanya ingin membangkitkan satu perkara lain sekiranya dibenarkan. Ia berkisar kepada *regulations*, ia berkaitan. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat seperti mana yang saya sebut tadi bahawa kita ada seksyen 18. Ini bermakna ia tidak berhenti di situ. *Section 18 will be read together with section 42 dan section 42* dengan izin menyatakan berkenaan dengan *regulations*. Apa yang dinyatakan di sini, *'The Prime Minister may make regulations for the purpose of getting out or giving effect provision to this act'. A genre provision, Prime Minister may make regulations, any regulations for the purpose or giving effect for the provision of this act.* Satu rang undang-undang yang membenarkan kuasa yang sangat besar, pertama.

Kemudiannya memberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kuasa yang paling luas untuk membuat apa-apa sahaja kaedah yang dia mahu untuk melaksanakan peruntukan undang-undang. *What kind of law is this?* Kita sebagai Ahli Parlimen, kita datang ke sini, diminta supaya memberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *absolute power*,

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh lakukan apa sahaja yang beliau hendak. Apabila kita lihat subseksyen (2) ada. Subseksyen (2) menyatakan perkara a, b c dan d. Apa yang dikatakan boleh beliau menggubal kaedah-kaedahnya. Akan tetapi *is it without prejudice to generality of subsection (1)*. Kita semua tahu *when is without prejudice, it's mean basically absolute power to do anything you want in respect of making regulations for the enforcement of this act*. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya menentang dengan sepenuhnya rang undang-undang sebegini. Ia hanya memberikan kuasa mutlak kepada seorang dan ia mengambil alih kuasa yang seharusnya terjamin yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan, *We as Member of Parliament cannot support such a bill, we most opposite!* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**4.58 ptg.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa berdepan dengan peguam-peguam yang dianggap hebat, ini faktalah ini. Dengar baik-baik apa yang saya cuba hendak terangkan. Pertama, kita mesti merujuk kepada apa tujuan undang-undang ini diadakan terlebih dahulu. Tujuan utamanya adalah untuk memberikan kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara untuk menangani isu-isu keselamatan negara. Itu sangat penting.

Jadi kita dalam perkara ini, kita boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai kawasan keselamatan. Jadi, terdapat kemungkinan banyak ancaman-ancaman keselamatan terhadap yang disebutkan. Kepada rakyat, wilayah, infrastruktur utama, ekonomi negara dan sebagainya. Dengan adanya akta ini juga, ia dapat memberikan kuasa yang khas kepada pasukan keselamatan. Majlis Keselamatan Negara (MKN) kuasa Kerajaan Pusat untuk mempertimbangkan perkara berkaitan dengan keselamatan. Jadi, kita lihatlah keperluan akta ini iaitu mewujudkan MKN ini secara perundangan seperti dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, telah diguna pakai di semua kebanyakan negara seperti US, Ireland, Thailand, Filipina, Jepun dan sebagainya.

■1700

Sudah diguna pakai seluas-luasnya di seluruh negara. Jadi, apa yang kita cuba buat adalah transformasi, bukan reformasi. Tidak sama reformasi dengan transformasi.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Setiu, orang Terengganu Yang Berhormat Setiu. Satu soalan mudah sahaja boleh? Boleh? Sekejap sahaja.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, nanti. Saya belum sentuh lagi pun tentang undang-undang itu sendiri.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tiga minit lagi saya tanya balik. Boleh?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Boleh, boleh. Nanti saya sudah teruskan dengan setiap akta ini, fasal-fasal, barulah saya beri peluang okey.

Jadi bila bil ini dibentangkan di Parlimen, belum bentang pun sudah ada suara-suara sumbang sebenarnya. Sudah ada suara-suara sumbang, ada mereka yang tidak prihatin dengan keselamatan negara, maka merekalah akan mengatakan bermacam-macam-macam. Ada yang mengatakan terlalu banyak kuasa diberikan kepada Perdana Menteri, mengatakan... *[Disampuk]* Dengarlah dahulu. Belum habis bercakap pun sudah hendak bisung-bising. *[Disampuk]* Dengar dahulu. Terlalu banyak kuasa yang diberikan, dia kata menjadi diktator. Ini tidak benar sama sekali. Ada juga suara-suara sumbang mengatakan kuasa berlebihan kepada Perdana Menteri ini membahayakan kebebasan awam. Orang awam tidak buat salah di tempat-tempat begini biasanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, tidak payah responslah orang lain. Yang Berhormat yang lain sila diam ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi, saya terus kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ampang.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cuba kita bezakan. Kita tidak mengambil kuasa mana-mana, tidak mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong sekalipun. Tidak mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana fasal 18 jelas...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, celah sedikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Belum...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *You* kata tidak ada ambil daripada kuasa mana-mana.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak ambil kuasa. Nanti saya jelaskan!

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelum ini, kuasa ini di bawah...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya belum lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekarang ini Perdana Menteri tidak percaya Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cubalah betul-betul dahulu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Speaker sedang bercakap. Kedua-dua Yang Berhormat, entah berapa kali, seribu kalikah, jutaan kali agaknya. Faham tidak peraturan mesyuarat? Kalau yang sedang berucap tidak beralah dan duduk, bermakna yang hendak mencelah itu tidak dibenarkan. Janganlah terus berucap. Sila Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada yang dirujuk oleh Yang Berhormat Puchong sebentar tadi, fasal 18. Kalau mengikut fasal 18 ini, Majlis menasihati Perdana Menteri. Bukan bermaknanya berlakunya sesuatu, terus Perdana Menteri membuat satu pengisytiharan. Bermakna dia mendapat nasihat daripada Majlis terlebih dahulu dan kita kena rujuk balik kepada fasal 17. Fasal 17 mengatakan bahawa entiti kerajaan hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Majlis. Bermakna dia ada peringkat-peringkat dia, bukan maknanya terus.

Kalau kita lihat kepada 150, di mana terus kalau difikirkan bahawa ia mengancam keselamatan negara, terus boleh isytihar darurat. Akan tetapi di sini ada nasihat-nasihat dahulu, ada risikan-risikan, ada maklumat-maklumat tertentu, ada ancaman-ancaman dari luar dan sebagainya. Juga dinyatakan dalam 18 jelas Perdana Menteri "boleh", maknanya bukan semestinya dibuat. Boleh membuat...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Setakat boleh sahajalah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau dirujuk kepada risikan dan maklumat yang dirujuk kepada Majlis...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Pandan bangun Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Pandan bangun.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti saya habiskan dahulu

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tiga minit sudah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum lagi Yang Berhormat. Belum lagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sabar, sabar. Saya hendak habiskan. Ini mungkin Yang Berhormat Pandan tidak faham ini, susah ini. Jadi, kemudian dinyatakan juga



dalam 18 mengatakan jika difikirkan perlu. Kalau tidak perlu, tidak perlu diisytiharkan. Senang sahaja. Maknanya bukan dia kata hendaklah mengisytiharkan kalau berlaku sesuatu. Itu kuasa penuh. Ini dia kata "*boleh*", "*may*" itu sahaja. Apa masalah dia? Tidak ada masalah besar dan dia pun...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Hendak tanya. Hendak tanya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Melalui nasihat. Dia tidak terus membuat pengisytiharan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Hendak tanya. Hendak tanya. Bolehkah Perdana Menteri mencuri wang RM2.6 *billion*? Bolehkah? Bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat. Yang Berhormat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, berapa minit lagi saya ada?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kita memberikan kuasa. Kita memberikan kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat! Yang Berhormat Bukit Mertajam. Yang Berhormat ini tidak faham peraturan. Selagi Yang Berhormat mengacau, mengganggu, saya minta Yang Berhormat sila keluar. Sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Berapa minit lagi saya ada? Kemudian, kita lihat juga satu lagi perkara 8. Perkara 8 ini, maknanya bukan kuasa penuh. Masa hendak mesyuarat pun, maknanya tidak semestinya Perdana Menteri sendiri yang mempengerusikan mesyuarat. Dia boleh memberi kuasa kepada timbalannya ataupun ahli-ahlinya. *[Disampuk]* Kalau Perdana Menteri tidak ada dalam negeri, dia boleh beri kuasa kepada orang lain untuk mempengerusikan mesyuarat. Jadi di sini maknanya ada *check and balances* dia dalam undang-undang kita.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Boleh? Boleh celah? Boleh celah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa yang paling utama sekali saya hendak sentuh fasal peruntukan Perlembagaan Persekutuan...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tarikh dan tempat mesyuarat itu cuma Perdana Menteri yang tetapkan, orang lain tidak boleh tetapkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti. Biarkan saya habiskan dahulu 150...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat yang lain duduk ya. Yang Berhormat yang berdiri duduk Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu pun duduk.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tanya satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, duduk sekejap. *[Disampuk]* Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Belum, belum, belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya belum beri peluang lagi sebab saya hendak terangkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiu, adakah sebarang pencelahan dibenarkan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Setakat ini saya tidak beri lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak bagi.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak habiskan dahulu. Kalau tidak, tidak sempat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey. Jangan ada Yang Berhormat bangun kerana Yang Berhormat Setiu tidak membenarkan pencelahan. Sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi, berkenaan dengan perkara Perlembagaan 149, 150. Kita harus lihat bahawa dalam perkara 150 terutamanya, apa yang dinyatakan adalah berkenaan dengan *emergency*. Bermaknanya dia sebut "*grave emergency*", satu darurat yang besar. Berbeza dengan kalau kita lihat dalam undang-undang kita di sini, 18(1), dia mengatakan bahawa jika Malaysia diganggu atau diancam dengan *serious*. Tidak cerita fasal *emergency*. Berbeza sama sekali. Disebut *seriously disturbs or threaten*, berbeza. Bermakna 149 tidak terpakai langsung. Tidak bertentangan langsung dengan 149. Ini kerana jelas dengan 18(1), hanya menyentuh berkenaan dengan satu *threaten* yang *serious*. Itu sahaja. Dia tidak sebut *emergency*, langsung tidak ada. Jadi, bukan darurat. Hanya kepada kawasan-kawasan tertentu,

keselamatan. Kawasan keselamatan, jelas. Saya rasa ramai yang tidak faham ini masalah-masalah...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kemudian saya teruskan dengan satu lagi peruntukan yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, sila duduk. Saya sudah minta kepastian daripada Yang Berhormat Setiu, dia tidak benarkan pencelahan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak sempat sebab ada satu dua perkara lagi saya hendak ini. Nanti Menteri jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tidak apa. Kalau dia tidak benar, tidak apa.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Berkenan dengan ada juga suara sumbang mengatakan dengan maknanya tangkapan dibuat oleh pihak keselamatan dalam tentera, pihak polis dan sebagainya. Kalau kita lihat bawah fasal 25, tangkapan memanglah daripada tentera dan pihak keselamatan. Akan tetapi masalah dalam 36, ia hendaklah dirujuk kepada balai polis berdekatan. Bermaknanya perkara ini biasa. Dalam undang-undang kita biasa pun ada, tangkapan oleh orang-orang awam dirujuk kepada pihak polis yang berdekatan. Jadi, tidak ada bertentangan langsung dengan mana-mana undang-undang yang kita ada sekarang. Jadi itu sahaja setakat ini, minta Menteri menjawab. Terima kasih. Saya menyokong undang-undang yang diadakan.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1710

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat tidak boleh macam itu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua dia kata dia tiga, satu pun habislah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Memang betul pun. Satu pun tidak rakyat tidak faham. Apa dia punya poin?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi sudah DAP, AMANAH, Yang Berhormat Parit Buntar.

5.10 ptg.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita setelah meneliti...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Kapar tidak jadi budak baik ini kenapa?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia marah nama dia tidak senarai, itu dia marah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ini tengok Yang Berhormat Lenggong ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya nampak, saya nampak *lawyer* kita di atas itu Puan Ambiga pun ada tengok telatah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya betul, itu yang kita minta.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Agak, saya malu tengok telatah Yang Berhormat Kapar dalam Dewan hari ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Satu poin, satu poin dia dekat atas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Kapar duduk.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Masalahnya tidak beres Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila Yang Berhormat Parit Buntar, sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ulang balik apa yang disebut oleh rakan saya sebelum ini daripada Puchong, perkataan terakhirnya bahawa kami daripada AMANAH memang tidak boleh menerima rang undang-undang ini. Ini kerana kami merasakan kalau kami menerima undang-undang ini, dan ini termasuk juga rakan-rakan sebelah sana, maka ini bermakna kita derhaka kepada Yang di-Pertuan Agong.

**Beberapa Ahli:** Ya! *[Tepuk]*

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini cukup jelas kalau disebut tadi dengan kuasa-kuasa yang ada di dalam rang undang-undang ini. Saya pun "*dok*" tunggu tadi Yang Berhormat Setiu "*kot-kot*" ada poin yang saya boleh ambil hendak belajar, tidak ada apa, kosong. *[Ketawa]* Tidak ada hujah apa pun. *[Ketawa]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalah tidak faham ini.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sebab tidak ada poin.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Parit Buntar tidak faham. Saya sudah beritahu sudah, Yang Berhormat Parit Buntar tidak faham ini.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Okey, okey terima kasih. Sahajalah petang-petang ini mengantuk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ha, memang sahaja, memang tidak faham pun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** petang-petang ini mengantuk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Atau buat-buat tidak faham?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Petang-petang mengantuk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ataupun tidak cerdas? Kurang cerdaslah, okey.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *[Ketawa]* Saya tidak hendak buat apa-apa, jadi tidak apa. Petang-petang ini memang mengantuklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak, keamanan itu biarlah amanah.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, biar-biarlah. Baik Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua seperti yang kita sedia maklum penggubalan akta ini telah memberikan satu kuasa untuk menjaga keselamatan negara di bawah MKN. Sebelumnya Yang di-Pertuan Agong memiliki kuasa ini mengikut Perkara 150. Akan tetapi, hari ini dengan adanya rang undang-undang ini kuasa Yang di-Pertuan Agong itu telah dirampas, telah diambil sehingga kita membelakangkan Perlembagaan Persekutuan yang telah pun memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong.

Satu lagi saya ingin jelaskan juga yang tidak disebut oleh rakan saya, kita ada di dalam rang undang-undang ini tentang apa yang dinamakan sebagai keselamatan, pasukan keselamatan. Disebut di sini bahawa pasukan keselamatan termasuk PDRM, ATM, Maritim dan semua ini Tuan Yang di-Pertua duduk di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong. Ini bermakna semua Angkatan Tentera Malaysia yang duduk di bawah kuasa Yang di-Pertuan Agong telah juga diambil kuasa itu oleh Perdana Menteri melalui Majlis Keselamatan Negara ini.

Jadi bagi pihak kami, kami merasakan bahawa kuasa yang diambil daripada Yang di-Pertuan Agong ini telah juga memberikan satu ruang yang mana mengikut atau mengambil kira banyak peristiwa yang berlaku selama ini. Maka, kami merasakan kalaulah Perdana Menteri itu diberi kuasa yang begitu besar...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Maka tidak ada di sana satu syak dan ragu-ragu kemungkinan Perdana Menteri boleh menjadi seorang yang diktator dalam mentadbir negara ini. *[Tepuk]*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Gopeng, Yang Berhormat Gopeng hendak celah itu.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Siapa dia?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, dipersilakan Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih. Memandangkan rang undang-undang ini memberi kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara untuk mengarah, menyelia, mengawal entiti kerajaan termasuk pasukan keselamatan di mana Angkatan Tentera Malaysia termasuk dalam

entiti kerajaan. Di bawah Perlembagaan Persekutuan Perkara 41 di mana jelas menyatakan Yang di-Pertuan Agong adalah pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Bukankah ini satu cabulan kepada kuasa Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Itu mempertegaskan lagi poin saya Tuan Yang di-Pertua bahawa...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar, dua yang bangun...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pokok Sena, Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiga bangun.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Okey, lepas Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Saya hendak minta penjelasan dua perkara. Perkara pertama adalah tadi *so called* penerangan daripada Yang Berhormat Setiu tentang *check and balance* bahawasanya oleh sebab Perdana Menteri boleh mendelegasikan kuasanya melalui akta ini maka itu adalah *check and balance*. Adakah itu makna *check and balance* sebenarnya? sebab kuasa sebenar masih berada di tangan Perdana Menteri. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Buntar ini adalah kuasa mutlak, mungkin boleh menjadikan beliau seorang diktator.

Kita sudah lihat, beliau gagal melaksanakan satu *leadership* (kepemimpinan) yang amanah. *There is no* akauntabiliti *leadership* seperti tadi. Kes sendiri tuduhan terhadap satu kes jenayah amat berat RM2.6 bilion pun tidak berani jawab, maka kita tidak ada kepercayaan bahawa jika kita memberikan kuasa yang begitu tinggi kepada beliau tidak akan berlaku salah guna kuasa.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Setuju dengan saya Yang Berhormat Parit Buntar bahawa Ketua Parlimen ini adalah Yang di-Pertuan Agong. Ketua Parlimen ini adalah Yang di-Pertuan Agong. Bermakna bahawa kalau kita bersetuju menerima dan meluluskan rang undang-undang ini bermakna bahawa kita telah membuang kuasa Ketua Parlimen yang diberikan oleh Perlembagaan untuk menentu dan mengisytiharkan darurat. Bermakna bahawa kita Ahli Parlimen buang kuasa ketua kita.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Parit Buntar boleh tambah sikit tidak?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini celah lebih daripada berucap ini macam mana? *[Ketawa]* Okey, okey bagi Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai, Kuala Krai. Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Pemusatan kuasa ini jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar tinggal lima minit lagi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, pemusatan usaha terhadap pemusatan kuasa ini jelas terbayang dalam rang undang-undang ini. Untuk mendapatkan kuasa ini sepatutnya pihak berkenaan meminda Perlembagaan 150, batalkan ambil kuasa itu di bawah Perdana Menteri. Akan tetapi, meminda Perlembagaan ini tidak akan menjadi popular. Lagi pun...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Lagipun mereka tidak ada majoriti 2/3. Jadi mereka menggunakan saluran rang undang-undang ini untuk *circumvent* masalah itu tetapi akhirnya mereka mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong. Apakah Yang Berhormat Parit Buntar setuju? kalau boleh pihak kerajaan tarik balik rang undang-undang ini.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Parit Buntar boleh tambah sikit, 150.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Okey, saya bagi satu sahaja lagi lepas itu saya akan teruskan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman semua sebelum tahun 1983 Parlimen kuasa untuk mengisytiharkan darurat ialah di Parlimen, sebelum 1983. Selepas 1983 dihantar kepada Yang di-Pertuan Agong dan saya rasa kita kalau hendak pulih sebenarnya pulihkan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong dan pulihkan kuasa kepada Parlimen.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, itu poin yang daripada awal kita berhujah yang kita tidak dengar lagi sebelah sana. Bahawa isunya ialah memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri. Ini saya sebut antaranya seksyen 18 memberi kuasa penuh kepada Perdana Menteri sebagai Pengerusi MKN. Betul dia ada Majlis dia, tetapi akhirnya dia sebagai Pengerusi MKN juga yang putus.

Seksyen 15 kuasa melantik Ketua Pengarah juga ada di tangan Perdana Menteri dan yang tadi disebut seksyen 42 memberikan kuasa penuh kepada Perdana Menteri untuk membuat peraturan. Kalau ini bukan diktator apa lagi? Jadi ini yang persoalannya. Kita tidak boleh memberi kepercayaan dengan kuasa besar yang telah diberikan dalam rang undang-undang ini sehingga peluang untuk Perdana Menteri menyalah guna kuasa itu amatlah luas.

Saya juga ingin menyebut dalam konteks *basic human right*, kita jangan lupa ada di dalam rang undang-undang menyebut bahawa kuasa mengetepikan inkues. Kalau seorang

anggota keselamatan terbunuh, terkorban di kawasan yang digazetkan sebagai kawasan keselamatan, majistret tidak boleh, kalau dituntut oleh majistret kepada majistret boleh tolak inkues ini. Kalau kita hendak tahu kenapa dia mati dan sebagainya tidak ada kuasa di situ. Begitu juga dengan orang yang mati dalam kawasan itu juga tidak ada inkues, orang awam. Ini adalah satu pencabulan kepada hak asasi manusia yang *very principal*. [Tepuk]

Jadi perkara-perkara ini Tuan Yang di-Pertua saya tidak tahu apa yang ada di dalam fikiran sebelah sana, rakan-rakan kita. Akan tetapi sebagai rakyat Malaysia yang berdaulat, yang meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara ini tiba-tiba kita ambil kuasa dia, tidak ada inkues, kemudian Perdana Menteri diberi kuasa yang begitu besar. Saya mewakili rakyat Parit Buntar dan parti AMANAH tidak boleh dan tidak mungkin menerima rang undang-undang ini, saya minta Menteri tarik balik rang undang-undang ini supaya tidak memalukan negara ini. Sekian, terima kasih

■1720

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong.

5.20 ptg.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang yang kita bincangkan hari ini. Banyak perkara yang dibangkitkan tadi, saya percaya ia lebih kepada persepsi tetapi tidak pada fakta yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa rang undang-undang ini penting dan perlu dilakukan mengambil kira keadaan semasa yang telah berubah. Ancaman keselamatan hari ini bukan seperti dahulu. Kita menghadapi keadaan di mana perkara-perkara yang di luar jangkaan itu boleh berlaku. Ancaman *terrorist* yang dahulunya tidak pernah ada dalam negara kita, hari ini ada. Sebab itu kita tidak lagi boleh terikat dengan peraturan yang lama untuk menghadapi keadaan perubahan yang berlaku pada hari ini. Sebab itulah saya menyokong...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap Yang Berhormat Pandan, saya tidak ada masa. Sebentar lagi waktu Yang Berhormat Pandan, cakap banyak-banyak.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Dua minit, dua minit. Dua minit sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dahulu, belum lagi. Sekejap. Jadi kita tidak lagi boleh terikat dengan peraturan yang lama untuk menghadapi keadaan yang sudah begitu berubah hari ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya tidak dapat berbahas, boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?



**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, kita lihat rang undang-undang ini kalau disebut berkaitan dengan perkara 150 dalam Perlembagaan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tentang keadaan berubah Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau dalam Perlembagaan Persekutuan, untuk kuasa-kuasa mengisytiharkan darurat pada pandangan saya, saya minta Menteri tolong jelaskan, itu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, tidak sabar Yang Berhormat Menteri hendak jawab. Nanti sekejap lagi.

Itu pandangan saya, saya nampak bawah kuasa isytihar darurat masih lagi di bawah Yang di-Pertuan Agong tidak disentuh sama sekali. Yang mereka merepek ini pakai undang-undang, penasihatnya di atas itu. Kenapa tidak cerita benda betul? Kuasa 150 isytihar darurat tetap di bawah Yang di-Pertuan Agong. Saya hendak bagi tahu kepada rakan di sini dan di atas sana. *[Sambil menunjukkan ke arah galeri pelawat] [Tepuk]*

Tidak ada. Ini kerana yang hanya ada ialah perkara seksyen 18 Rang Undang-undang MKN iaitu mengisytiharkan kawasan keselamatan sahaja. Ada beza. Yang Berhormat nanti Yang Berhormat teranglah kepada pakar undang-undang ini supaya yang sini faham, yang atas sana pun faham, pakar undang-undang di atas sana itu, supaya faham beza antara darurat dan kawasan keselamatan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *This is unparliamentary.*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Mana boleh cakap dengan orang yang duduk di *gallery*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam jangan berdegil-degil Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia cerita tidak ada cerita lain, RM2.6 bilion sahaja. Tak perlu, tak perlu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, ini darurat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru pun sama, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Peraturan mana pakai ini? Kalau saya tak beri, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bentara, bentara.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Duduk, duduk. Tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekali lagi saya cakap terus terang saya tidak teragak-agak, jangan uji kesabaran saya. Sesiapa yang mengganggu tanpa kebenaran pembahas tidak mengalah, saya akan minta keluar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dengar itu. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam saya bagi amaran terakhir.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, dibangkitkan tadi kita pusatkan kuasa sepenuhnya kepada Perdana Menteri. Memang Perdana Menteri pengerusi kepada Majlis ini. Akan tetapi keanggotaannya diberi kepada Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri yang berkaitan termasuklah Ketua Setiausaha Negara termasuklah juga ketua angkatan tentera dan polis.

Apakah Yang Berhormat tidak percaya kepada polis, tidak percaya kepada pihak bertindak. Saya hendak tanya, kerana Perdana Menteri akan melaksanakan tanggungjawab berasaskan kepada nasihat anggota Majlis? Betul Yang Berhormat Menteri? Nanti jawab Yang Berhormat Menteri. Ini sahaja.

Sebab itu soal hendak mengisytiharkan kawasan keselamatan ia mestilah berasaskan kepada laporan-laporan yang dikemukakan oleh agensi keselamatan yang ada kredibiliti. Itu sebab dimasukkan angkatan tentera, polis dalam jawatankuasa ini. Sebab itu tidak timbul soal bahawa kuasa sepenuhnya dipusatkan kepada Perdana Menteri. Faham tidak Yang Berhormat Batu Gajah sebab terjenguk tengok saya. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Lenggong hendak saya cakap?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tanya faham ke tidak, bukan saya tanya hendak jawab tidak hendak jawab.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Tak faham, tak faham.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Boleh mencelah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lenggong duduk sekejap. Yang Berhormat Lenggong benarkan pencilahan atau tidak?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi jangan ada yang bangun kerana Yang Berhormat Lenggong tidak membenarkan pencilahan. Sila.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Nanti bagi. Kalau tidak faham lagi tanya Ahli yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita cuba lihat pada pandangan saya perlu ada perubahan. Apabila berlaku keadaan di mana pengisytiharan kawasan-kawasan keselamatan perlu dibuat umpamanya kejadian bencana yang berlaku akhir 2014 awal 2015 yang lalu, bagaimana

sukarnya penyelarasan dibuat antara agensi. Timbul antara isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan sini kerana apa? Dia kata kenapa Perdana Menteri tidak isytiharkan darurat? Isytiharlah darurat, keadaan sudah teruk, orang sudah jadi begini tidak isytihar darurat. Yang dibangkitkan, ini juga.

Oleh kerana perkara itu dibangkit, sebab itulah peraturan dan perkara-perkara yang tidak boleh kita buat ketika itu dipinda di dalam rang undang-undang ini. Betul tidak Yang Berhormat Menteri? Sekejap lagi jawab Yang Berhormat Menteri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita hari ini semangat untuk meminda rang undang-undang ini bukan hanya hendak jaga hak kebebasan suatu pihak sahaja kerana semangatnya hendak jaga rakyat secara keseluruhan. Itu yang terkandung dalam rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Padang Serai.

#### 5.26 ptg.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita menghadapi suatu rang undang-undang yang akan membawa kepada impak yang amat drastik kepada hak dan kebebasan semua rakyat Malaysia. Rang undang-undang ini mempunyai impak yang begitu besar, tetapi kita menerima rang undang-undang ini pada hari Isnin, hari ini hari Khamis dan perdebatan mula lebih kurang pukul 4.30 petang dan perlu dihabiskan hari ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang dibuat setiap kali oleh pihak kerajaan. Apabila ada Rang Undang-undang yang begitu serius dan penting seperti ini melibatkan isu Perlembagaan, ia dijalankan dengan cara *hurry-burry* seperti ini. Tidak ada peluang untuk rakyat melihat kepada apakah fasal-fasal yang ada di dalam rang undang-undang ini, tidak ada peluang bagi *civil society* untuk memberi pendapat mereka, tidak ada peluang untuk kita *study bill* ini. Kenapa setiap kali ia dibuat seperti ini? Ini yang dipanggil dengan izin *legislation by ambush*.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kita terpaksa juga oleh kerana mereka ada majoriti dan masa Dewan sepenuhnya dikawal, kita terpaksa juga *debate*. Sejak mulanya perdebatan ini, saya belum dengar terutamanya daripada Yang Berhormat Menteri apakah ancaman yang ada pada masa ini yang membolehkan atau menjustifikasikan rang undang-undang ini dibawa. Apakah ancaman sekarang? Tidak ada. Adakah disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri, Paris. Apa kena mengena Paris dengan kita? Adakah disebabkan ada serangan di Paris maka kesemua hak asasi rakyat yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan ini perlu dibuang sahaja seperti itu?

Tuan Yang di-Pertua, ancaman *terrorist* seperti ini adalah lebih serius kepada negara-negara barat dan mereka sendiri tidak mempunyai undang-undang seperti ini. Kita pula hendak membawa undang-undang seperti ini. National Security Council ini disebut oleh Yang Berhormat

Menteri tadi ada di UK, US dan beberapa negara itu disebut. Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara seperti itu ia tidak berfungsi seperti dalam rang undang-undang ini.

■1730

*National Security Council* di UK hanya untuk memberi nasihat kepada Perdana Menteri dan untuk *coordinate* antara agensi-agensi menyelaraskan sama seperti NSC di United States ia hanya menjadi satu *all agencies* untuk menyelaras. Ini bukan, ini adalah sesuatu yang memberi kuasa yang begitu drastik kepada *Director of Operations* yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini. Kuasa itu *of course* datang akhirnya daripada Perdana Menteri, itu masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, biar kita lihat apakah kesan ke atas rakyat jika rang undang-undang ini dibenarkan ataupun diluluskan oleh Dewan ini, apakah kesannya ke atas rakyat biasa? Maknanya di kawasan yang dinyatakan sebagai *security area* itu. Perdana Menteri boleh mengisytiharkan kawasan itu *security area*, apa yang berlaku? Maknanya sesiapa pun di dalam kawasan tersebut boleh dipindah daripada rumah mereka di *resettle* di tempat lain.

Perintah berkurung boleh dijalankan, jalan boleh disekat, tangkapan boleh dibuat tanpa waran untuk apa-apa kesalahan. Pihak berkuasa boleh masuk dan mengambil apa-apa kenderaan, boleh masuk ke dalam rumah sesiapa, apa lagi? Pihak berkuasa ataupun pasukan keselamatan boleh mengambil milik tanah, bangunan dan rumah rakyat. Apa lagi? Boleh mengambil – boleh *demand resources* daripada semua rakyat yang ada di dalam kawasan *security area* tersebut.

Apa lagi? Boleh menggunakan kuasa fizikal, *physical force* dan termasuk *bet and bodily harm* jika mereka rasa ia perlu. Itu yang paling teruk iaitu pasukan keselamatan mempunyai kuasa untuk menggunakan *bet leave force* di dalam kawasan tersebut. Apa lagi? Tidak ada inkues di dalam kawasan tersebut, *no inquest*, tidak ada siasatan mahkamah di dalam mana-mana kes yang melibatkan pembunuhan yang dilakukan oleh pasukan keselamatan.

Apa lagi? Tiada tindakan mahkamah jika salah laku atau *abuse of power* oleh mereka, oleh pihak pasukan keselamatan kerana ada *bar* daripada kes di bawah ke mahkamah. Semuanya ini adalah rahsia, semuanya ini adalah rahsia kerana ada *secrecy provision*, mengapa tindakan-tindakan seperti ini dijalankan. Akhir sekali juga Tuan Yang di-Pertua kesan ke atas rakyat di kawasan tersebut adalah tidak ada *limit* kepada kawasan yang mana boleh diisytiharkan sebagai *security area*.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Mungkin satu negeri, mungkin separuh Malaysia, mungkin seluruh negara boleh dilakukan seperti ini. Ya baca rang undang-undang serius begitu serius. Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat saya hendak bertanya Yang Berhormat Padang Serai setuju tidak dengan saya. Ini

nampaknya tindakan seolah-olah *desperado, desperation* untuk mengekalkan kuasa pada pandangan saya. Pemerintahan hendak kekal kuasa buat undang-undang yang seperti ini. Saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Padang Serai bersetuju dengan saya, hendak kekal kuasa boleh *you just accord prudent and good governance, fair and judge*. Saya rasa barulah boleh kekal kuasa kalau buat macam ini saya tidak tahulah tidak ada dalam sejarah dunia moden kuasa yang macam ini boleh kekal selama-lamanya. Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi mana Yang Berhormat Padang Serai? Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Tadi kita dengar pihak-pihak kerajaan mengambil contoh pengisytiharan darurat di Perancis diisytiharkan oleh *Mr. President*. Perancis pun ada Perdana Menteri bukan? Akan tetapi Perdana Menteri tidak mengisytiharkan darurat. Jadi dengan pengenalan rang undang-undang ini seolah-olah saya lihat ada usaha-usahakan hendak jadikan Malaysia sebagai *President* sebagai republik. Apa pandangan Yang Berhormat Padang Serai? Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai ada dua minit lagi Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai. Kalau kita lihat seksyen 17(2) *from direction any by the council, any government entity of any person shall immediately make available any information or intelligence in its of possession which release the national security to the council through the Director General*.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Padang Serai, baru-baru ini ada satu kes di mana Khairuddin dia dikatakan adalah seorang bekas pimpinan UMNO dikatakan *fight or threat to the financial security of Malaysia*. Kalau akta ini diluluskan maka dia boleh di saman. Rumah dia boleh diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan. Semua maklumat boleh diangkat daripada rumahnya tanpa ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis sebenarnya Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya hendak minta pandangan Tun Mahathir bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir punya rumah pun boleh diisytiharkan kawasan keselamatan dan semuanya akan diangkat oleh kerajaan. Minta pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kita lihat bahawa sebelum ini pun apabila Akta SOSMA dibawa, ia telah digunakan ke atas mereka yang mengkritik 1MDB. Oleh sebab itu kita percaya bahawa dan kita tahu bahawa undang-undang seperti ini jika diluluskan boleh membawa kesan yang paling amat buruk ke atas rakyat.

Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat menyatakan bahawa ia boleh *concentrate power* terhadap *Prime Minister*. Jika kita lihat fasal 18(1) ia menyatakan *when the council advises the Prime Minister that the security in any area in Malaysia seriously disturbed*. Kalau kita lihat kepada *council* ini adalah jelas bahawa *Chairman* ataupun Pengerusi *council* tersebut adalah Perdana Menteri sendiri.

Jadi bermakna Perdana Menteri apabila berada di dalam *council* akan menyatakan bahawa saya akan membuat keputusan selepas *meeting* ini, saya akan memberi nasihat kepada Perdana Menteri. Kemudian beliau akan memberi nasihat kepada diri beliau sendiri bahawa *security area* perlu dijalankan ataupun perlu diisytiharkan. Inilah *the ridiculousness* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua rang undang-undang ini. Bermakna rang undang-undang ini bukan serius untuk menangani masalah *security* di negara kita ataupun masalah rakyat di negara kita.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Akan tetapi ia adalah berpura-pura ataupun adalah sesuatu berpura-pura untuk memberi kuasa ataupun *concentrate* kuasa pada pihak Perdana Menteri. Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *I'm obliged*. Saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Padang Serai. Persoalannya Yang Berhormat Padang Serai saya hendak minta Yang Berhormat Padang Serai supaya lihat kepada seksyen 2 khususnya apa yang dimaksudkan oleh Tuan Yang di-Pertua perkataan *security forces*.

Tadi Yang Berhormat Padang Serai menyatakan *it is* satu undang-undang yang sangat *draconian* yang membenarkan kuasa kepada satu individu dan bagaimana besarnya kuasa ini. Adakah Yang Berhormat Padang Serai tahu bahawa menurut seksyen 2, *security forces* Tuan Yang di-Pertua dalam (c) menyatakan ini, "*It also includes any force which is a visiting force for the purposes of Part 1 of the Visiting Force Act 1960.*"

Kalau kita lihat kepada akta itu Tuan Yang di-Pertua, *this is what it says, visiting force for the purposes of this act means anybody contingent or detachment of the forces of a country to which that provision applies being a body contingent or detachment for the time being law if present in Malaysia, pursuant to any treaty, agreement or arrangement with the government of Malaysia*.

Maknanya ianya bukan sahaja memberikan kuasa kepada Perdana Menteri tetapi juga memberikan kelonggaran supaya *forces from other countries who are here can actually get*

*themselves involved. This is even more over concern to another.* Adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua sebab itu keperluan bahawa *security forces* ini merangkumi *armed forces* dan sebagainya tidak perlu. *Policing action* ada, pihak polis ada, jika kuasa seperti ini perlu digunakan hanya di dalam keadaan di mana ada pengisytiharan *emergency*. Kalau kita lihat kesemua fasal di dalam rang undang-undang ini fasal-fasal seperti ini setiap satu, hampir setiap satu melanggar hak asasi ataupun *fundamental liberties* yang terkandung di dalam Perkara 5 hingga Perkara 13 di dalam Perlembagaan Persekutuan. Bermakna apa? Tuan Yang di-Pertua, bermakna bahawa rang undang-undang ini tidak boleh dibawa seperti ini *this is unconstitutional*.

#### ■1740

ia hanya boleh dibawa jika perlu pun di bawah fasal 149 ataupun fasal 150. Tidak boleh melalui rang undang-undang seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, kita di Dewan Rakyat ini kalau kita sudah tahu bahawa rang undang-undang ini jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, bagaimanakah kita boleh meluluskannya?

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini adalah satu *irresponsible action*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Apabila kita meluluskan rang undang-undang ini pada hari ini, ia adalah satu perkara yang kita lakukan walaupun tahu ia menentang undang-undang yang menjadi asas negara kita iaitu Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya habiskan ingin saya merujuk kepada ucapan Yang di-Pertuan Agong yang pertama dalam tahun 1959 kepada negara dan kepada Parlimen kerana kalau kita lihat kepada undang-undang seperti ini, undang-undang POTA sebelum ini, undang-undang SOSMA, Akta Hasutan kita lihat bahawa hak asasi kebebasan rakyat negara ini telah dirampas oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional. [Tepuk]

Saya hendak baca apa yang dinyatakan oleh Yang di-Pertuan Agong yang pertama. Beliau menyatakan bahawa, *“the Federal Constitution is a charter of our firm fate in the concept and tradition of Parliamentary democracy and finally and most important of all a charter of our common believe that certain fundamental liberties are essential for dignity and self respect of man. These fundamental liberties are return into our constitution. They include the liberty equality of person under the law and the basic freedom of speech and freedom of worship.”* Juga yang paling penting Yang di-Pertuan Agong yang pertama juga menyatakan, *“we urge you to conduct your affairs in such a way that the Parliament of Federation of Malaysia will be a shining beckon of democracy at its brightest and best.* [Tepuk] Ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya habiskan. Ini adalah visi kita apabila negara ini mula-mula merdeka. Visi yang dinyatakan bukan oleh saya, bukan oleh pembangkang tetapi oleh Yang di-Pertuan Agong yang pertama sendiri. Apakah telah terjadi kepada visi ini pada hari ini? Pada tahun 2015 rakan-rakan kita daripada sebelah sana tergamak untuk membawa rang undang-undang seperti ini yang akan menjerumuskan negara ke arah *dictatorship*. [Tepuk]

Saya minta supaya *bill* ini ditarik balik dengan segera dan supaya tidak ada lagi *bills* seperti ini dibawa. Terima kasih. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Permatang Pauh.

#### 5.42 ptg.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daulat Tuanku. [Tepuk] Saya hendak tanya kerana apa yang telah dibentangkan ini memandangkan sudah pun ada wujud undang-undang yang mencukupi bagi menangani isu-isu keselamatan negara. Mengapakah kita perlukan undang-undang baru ini? Apakah sekarang ini hendak memusatkan kuasa itu terhadap Perdana Menteri? Kalau kita melihat Perdana Menteri yang ada ini, kalau ada kuasa katanya bagaimana dilihat bahawa persoalan yang kita tujukan tidak dijawab.

Kalau kita mempunyai tempat-tempat macam *Public Accounts Committee* telah ditukarkan orangnya ataupun dibuangkan Timbalan Perdana Menteri. Ini menunjukkan bahawa kalaulah ada undang-undang macam ini memusatkan kuasa kepada Perdana Menteri, ini adalah satu langkah yang tidak wajar dan menjadikan kita negara yang *diconquer* oleh seseorang yang boleh membawa kepada menjadi diktator.

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua bagaimana perlindungan hak-hak yang dijamin terhadap seorang warganegara biasa berkenaan dengan penangkapan, penggeledahan dan penyitaan harta benda yang akan digantung di dalam kawasan keselamatan. Juga kawasan keselamatan ini dikatakan hadnya enam bulan tetapi ini adalah hanya satu *illusion*, satu khayalan dengan izin semata-mata kerana Perdana Menteri boleh tanpa apa-apa perundingan melanjutkan tempoh pengisytiharan seberapa kali yang dikehendaki, seberapa lama. Berapa lama yang boleh diisytiharkan satu tempat itu menjadi tempat yang dikatakan *security* atau tempat yang mesti dikawal sebegitu sekali?

Akhirnya sebab saya janji bahawa ini sekejap sahaja. Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua melindungi Ahli-ahli Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasanya dari apa-apa jenis tindakan prosiding sivil dan jenayah. Oleh yang demikian menyebabkan mereka langsung tidak dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka. Apakah mereka kebal? Apakah mereka



tidak boleh dihadapkan kepada pengadilan? Ini yang menjadi soalnya. Saya mohon pihak yang bertanggungjawab kerajaan yang sepatutnya prihatin kepada...

**Beberapa Ahli:***[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gopeng ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang di bawah Perlembagaan Persekutuan Perkara 8 di mana semua rakyat dijamin kesamarataan di bawah sisi undang-undang. Perkara tersebut mengatakan semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang. Jadi peruntukan rang undang-undang ini memang saya rasa bercanggah dengan Perlembagaan. Apakah pendapat Yang Berhormat Permatang Pauh?

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Memang betul. Jadi saya mohon bahawa kerajaan pihak yang berwajib tolonglah tarik balik dan adakan perbincangan dengan mereka ataupun rakyat sekali semuanya untuk mendapatkan undang-undang yang sepatutnya memberikan kita keadilan.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu silakan.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Permatang pauh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita menyoalkan kenapa terlalu tergesa-gesa dibentangkan akta ini kerana sebelum daripada ini Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong mestilah berpuas hati bahawasanya situasi darurat wujud. Ini adalah sebagai *second opinion* untuk memastikan tidak ada salah guna kuasa dan untuk memastikan *check and balance*.

Satu lagi saya hendak tanya Yang Berhormat Permatang Pauh setelah Peguam Negara, pegawai kanan Special Branch, pegawai SPRM dan Timbalan Perdana Menteri dilucutkan jawatan mereka, adakah ini pula satu daripada usaha kerajaan untuk mengambil kuasa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong? Kalau ini adalah satu perancangan yang ada satu agenda di sebaliknya di manakah rakyat akan dapat berpayung dan meminta teduh apabila dihadapkan dengan kerajaan yang begitu rakus dan zalim? Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak susurkan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu sebentar tadi kuasa Raja-raja Melayu.

Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh setuju bahawa ada kemungkinan ini adalah reaksi kerajaan ataupun khususnya Perdana Menteri terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh

Majlis Raja-raja berkaitan dengan isu 1MDB baru-baru ini menyebabkan seolah-olah Perdana Menteri mungkin hilang kawalan terhadap Majlis Raja-raja sehingga terpaksa membuat satu undang-undang yang *overwrite* dengan izin, mengatasi segala kuasa dan Perlembagaan bagi memuaskan nafsu serakah Yang Berhormat Pekan? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Itulah salah satu daripada persoalannya. Kenapa undang-undang ini perlu *dirush* begini sekali Tuan Yang di-Pertua. Kenapakah sekarang? Kenapakah dalam erti kata urutan *order papers* itu ia dinaikkan? Kenapakah? Oleh sebab ini adalah persoalan-persoalannya. Saya akhiri rang undang-undang ini. Malaysia tidak memerlukan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua sebab ini merupakan satu percubaan terang-terangan, sudah terang lagi bersuluh, bukan suluh lagi terang. Menteri pun saja hendak memutar belitkan bagi saya *confuse* pula.

Jadi Malaysia tidak memerlukan rang undang-undang yang buas sebegini yang merupakan satu percubaan terang-terangan oleh Perdana Menteri untuk merebut kuasa lebih, memusatkan kuasa dalam dirinya. Perkara ini bertentangan dengan semua prinsip demokrasi Tuan Yang di-Pertua dan menjejaskan kedaulatan undang-undang negara Malaysia yang tercinta ini. Ia akan mengubah Malaysia selama-lamanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

■1750

5.50 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut bersama hendak membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015.

Kalau kita lihat dari segi sejarah tadi diceritakan Agong pertama, tapi tahun 1969 berlaku Peristiwa 13 Mei, rusuhan kaum. Maka pada 23 Februari 1971, Jemaah Menteri bersetuju dengan penubuhan MKN untuk mengambil alih peranan MAGERAN. MKN dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertanggungjawab menggubal dan menyelaraskan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan dengan keselamatan negara.

Hari ini kita bukan hendak berbincang fasal hendak penubuhan Majlis Keselamatan Negara tetapi hendak menguatkan lagi Majlis Keselamatan Negara dengan menambah beberapa fasal pembaikan kerana pada 15 September 2011, pemansuhan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No. 7 1971 dan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 yang memberi kuasa kepada Perdana Menteri sebagai Pengarah Gerakan Negara yang meneraju EMKN untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengukuhkan keselamatan negara sudah dimansuhkan.

Bermakna, pada hari ini kita membincangkan perkara-perkara baru. Peristiwa macam Kiram menyerang di Sabah, bencana banjir, tidak kita suruh kerajaan isytiharkan darurat.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [*Bangun*]

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya di sempadan, orang bunuh binatang-binatang, pemburu haram dan pelbagai lagi perkara-perkara baru...

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...Yang mana tak boleh pihak-pihak tertentu untuk membuat pengisytiharan-pengisytiharan yang berkaitan.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Gerik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya tak hendak benarkan pencelahan daripada siapa-siapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tidak berani dari tadi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kerana pada saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Seorang pun tidak berani nak bagi pencelahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah macam itu Yang Berhormat. Duduk saja Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Bukan kita takutlah. Tidak ada takut langsung. Setakat Yang Berhormat Pandan, tak ada hairan kita. Ini kita hendak bicarakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan, sudahlah Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Takut tapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pembangkang hendak cari jalan untuk mengadakan tidak ada kuasa kepada negara.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bagi laluanlah Yang Berhormat Gerik sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan, tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Relaxlah*, jangan marah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sanggup bersekongkol dengan orang yang hendak menjatuhkan negara kita.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Lumut boleh, Lumut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat yang lain duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini setengah-setengah NGO bercakap soal keadilan sosial, hak asasi manusia tetapi kita kena sedar, dalam negara kita ini pelbagai bangsa, kaum...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduk.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kita kena sedar benda-benda ini.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Lumut boleh, Lumut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Supaya apa berlaku pergaduhan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Lebih baik kita mencegah daripada ia berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi, duduklah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kalau berlaku, tidak berguna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut, duduk Yang Berhormat Lumut.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini India, Melayu, Cina dimainkan sentimen perkauman. Ini antara salah satu daripada kita hendak menjaga negara kita supaya jadi lebih baik, lebih baik lagi.

Saya hendak tanya satu persoalan, apakah perbezaan antara pengisytiharan darurat seperti yang dibangkitkan oleh pembangkang di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958, Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962 Sabah, Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1952 Sarawak dan Pengisytiharan Kawasan Keselamatan di bawah Rang Undang-undang MKN yang kita hendak luluskan pada hari ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tidak apalah, saya bukan orang undang-undang. Saya hendak membahas kali ini. Yang Berhormat Puchong duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik, sebentar Yang Berhormat Gerik, *point of order.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, P.M.36(12). Oleh kerana Yang Berhormat Gerik tadi kata dia hendak tanya satu soalan, so saya hendak jawab sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bolehlah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ada bagi tidak, Yang Berhormat Gerik? Kalau tidak hendak jawab, jangan tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu mencelah Yang Berhormat. Biarlah Yang Berhormat Menteri yang jawab. Ya, teruskan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya tidak payah komenlah. Yang Berhormat Puchong orang yang pandai-pandai. Gerik apa dia? Bekas cikgu saja.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gerik kata bahas. Ini bukan bahas, ini ucapan. Ini perbahasan, perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gopeng, duduk Yang Berhormat Gopeng.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Jenis pengisytiharan...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini *Standard 6* pun boleh baca tekslah. Balik boleh baca tekslah. Ini ucapan, bukan perbahasan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ini saya nak cerita. Pengisytiharan Darurat di bawah Artikel 150 Perlembagaan Persekutuan, diisytihar oleh Yang di-Pertuan Agong. Mana kita derhaka pada Yang di-Pertuan Agong? Undang-undang ini turut berjalan. Satu darurat besar sedang berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kestabilan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam, tiada had masa. Ini Agong punya kuasa. Tengok yang nombor dua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah *Public Ordinan*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei, pergi ambil teks dia bawa larilah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pembangkang cerita apa benda pun depa tak nak terima. Bila kena untuk kebaikan, puji meleleh. Dulu Tun Dr. Mahathir apa yang depa tak kata, 'Maha Firaun', hari ini puji melambung.

Ini di dalam yang ini, di bawah Yang Berhormat Menteri, ketenteraman awam di mana-mana kawasan di Malaysia terganggu atau terancam dengan serius, satu bulan. Yang ketiga, pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah Sekuriti Sabah, Yang di-Pertuan Agong, kita tidak kacau. Ketenteraman awam di mana-mana kawasan di Sabah terganggu atau terancam, tiada had masa.

Seterusnya, pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah Sekuriti Sarawak 1962, Yang di-Pertuan Agong. Mana yang kita hendak tarik kuasa Yang di-Pertuan Agongnya? Hanya menipu rakyat semata-mata. *Viral* sebelum kita bentang dalam Parlimen. Cerita tidak betul. Ini apa ceritanya pembangkang ini. Jadi yang di Sarawak pun sama, Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita belakangkan kuasa Agong.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah *Internal Security* 1960, Yang di-Pertuan Agong juga. Ketenteraman awam di mana-mana.

Ini yang akhir sekali, pengisytiharan kawasan keselamatan di bawah Rang Undang-undang MKN, ini baru kita hendak bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu pun ada jawatankuasa. Bukan Perdana Menteri seorang, mesti ada dinasihati seperti mana yang rakan-rakan sebelum ini telah sebutkan.

Satu lagi, apakah perbezaan antara kawasan keselamatan dalam rang undang-undang ini dengan ESSZONE di Sabah? Jawapannya, kawasan keselamatan yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Rang Undang-undang MKN berkuat kuasa bagi tempoh enam bulan sahaja seperti kata Ketua Pembangkang tadi tetapi boleh diperbaharui jika diperlukan. Manakala ESSZONE, had la ni, ditambah itu.

**Beberapa Ahli:** ESSZONE.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ha, ESSZONE.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Gerik, siapa tulis teks itu Yang Berhormat Gerik? Siapa tulis teks?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Diwujudkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam Sabah 1962 dan tidak mempunyai had masa.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terang-teranglah. Malulah, Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ESSZONE pun ESSZONE lah.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Apa salahnya kita luluskan saja pada hari ini? Tidak payah hendak bagi pembangkang berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sebab, depa berbahas pun tak akan lulus juga, tak akan sokong. Lebih baik berhenti perbincangan di pihak pembangkang. Kita luluskan Akta Majlis Keselamatan Negara. Dengan ini, saya menyokong akta ini. Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Ingat baru hendak bertanya. Saya baru mahu bertanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**7.59 mlm.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan kesempatan untuk membahaskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Satu rang undang-undang yang mempunyai kesan dan impak yang amat besar kepada negara, juga kepada perlembagaan dan juga masa depan negara yang kita cintai.

Saya hanya rumuskan lima perkara saja, Tuan Yang di-Pertua. Lima perkara Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara yang mempunyai impak negatif seperti yang telah pun dinyatakan dengan panjang lebar oleh rakan-rakan saya. Kami di pihak pembangkang menentang dengan sekeras-kerasnya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara kerana

ia mencabuli hak perlembagaan khususnya kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

■1800

Ia amat jelas Tuan Yang di-Pertua kerana dengan memberikan kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan sebagai satu kawasan keselamatan dengan kuasa-kuasa yang hampir sama dengan satu pengisytiharan darurat. Ini tidak lain tidak bukan seperti satu pengisytiharan darurat tetapi namanya hanya berbeza sahaja. Itulah kita boleh lihat dalam semua fasal yang termaktub dalam rang undang-undang ini, 44 fasal nyata memberikan kuasa, hanya nama tidak disebut sahaja.

Kedua, ia juga mencabuli hak asasi manusia kerana kita lihat daripada segi aspek kuasa yang diberikan oleh pasukan keselamatan termasuk bukan sahaja untuk memindahkan orang tetapi ditempatkan semula. Kita lihat fasal 22 Tuan Yang di-Pertua, di mana dinyatakan Pengarah Operasi boleh melalui perintah bertulis menahan masuk mana-mana orang ke kawasan keselamatan atau mana-mana bahagian kawasan keselamatan bagi satu tempoh sebagaimana ia dinyatakan. Fasal 22(2), Pengarah Operasi boleh melalui perintah bertulis membenarkan mana-mana orang atau kumpulan orang dari kawasan keselamatan atau mana-mana bahagian kawasan keselamatan dan menempatkan semula orang itu atau kumpulan orang itu ke satu kawasan seperti mana yang ditentukan oleh Pengarah Operasi. Dipindahkan begitu sahaja.

Kalau ia dilakukan, boleh pindah dari Sabah ke Sarawak ataupun Sarawak ke Semenanjung. Ini adalah satu kuasa yang amat luas dan saya rasa ini tidak lain tidak bukan macam kuasa yang diberikan di bawah pengisytiharan darurat tetapi diberikan secara mutlak kepada Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh seorang iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di samping itu, semua kuasa yang diberikan ia juga diberikan perlindungan penuh di bawah akta ini, tidak perlu ada sebarang saluran untuk menuntut keadilan. Itulah sebabnya kita pergi ke peringkat ketiga melanggar kedaulatan undang-undang. Tidak ada *rule of law* di bawah Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara, tidak ada *rule of law*. Inkues semua peruntukan di bawah perundangan digantung begitu sahaja.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, ia juga mencabuli hak-hak dan kuasa negeri kerana sungguhpun saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa keselamatan negara adalah di bawah Kerajaan Persekutuan tetapi sekurang-kurangnya tanyalah kerajaan negeri. Saya bukan sebut sebagai Ketua Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya juga nak tanya tentang Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, Johor jugalah. Adakah Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dirundingkan sebelum sesuatu kawasan keselamatan diisytiharkan oleh Majlis Keselamatan Negara di mana tidak ada wakil langsung daripada kerajaan negeri.

Itulah sebabnya sekiranya kita menghormati hak-hak semua kerajaan negeri, sepatutnya kena dapat persetujuan daripada kerajaan negeri yang terbabit kerana sememangnya kalau ada sesuatu keadaan yang akan mencabar dan juga amat bahaya, tentulah kerajaan negeri juga

akan memberikan pertimbangan bahawa kita perlu jalankan sesuatu keadaan untuk mengawal keselamatan. Akan tetapi di sini tidak ada langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Ini menimbulkan kemungkinan besar bahawa kuasa negeri mungkin akan dicerobohi oleh Kerajaan Persekutuan. Apakah yang akan menahan suatu perintah bukan sahaja dalam aspek mengisytiharkan kawasan keselamatan di sesuatu negeri dan juga mengerahkan semua entiti kerajaan negeri untuk mengikut arahan dan perintah yang dikeluarkan.

Apakah jaminan bahawa kuasa negeri tidak akan diambil alih begitu sahaja. Di sini saya ingin cadangkan bahawa sekurang-kurangnya kerana isu-isu yang saya bangkit dan ini pergi ke perkara kelima iaitu hak demokrasi dicabuli sama sekali memberikan kuasa kepada seorang pemimpin iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menentukan segala-galanya.

Ini bukan lagi demokrasi, itu autokrasi Tuan Yang di-Pertua. Itulah sebabnya saya cadangkan kalau tidak boleh ditarik balik, tentu kita harap ia boleh ditarik balik tetapi sekiranya tidak ditarik balik, saya cadangkan ia ditangguhkan. Saya ingin cadangkan sekurang-kurangnya kita rujuk dan serahkan kepada Jawatankuasa Pilihan di bawah Peraturan Mesyuarat 54(1) supaya kita boleh dapat pandangan. Pandangan bukan sahaja daripada orang awam tetapi penting juga dapat pandangan daripada kerajaan negeri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, adakah kerajaan negeri dirujuk dan dirundingkan sebelum rang undang-undang ini dibentangkan kerana saya sebagai Ketua Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya tidak tahu langsung. Saya tidak dimaklumkan langsung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin tanya melalui Yang Berhormat Bagan. Kalau Yang Berhormat Bagan mengatakan bahawa sebagai ketua kerajaan negeri tidak di *consult* untuk akta ini. Setujukah dengan saya berkemungkinan besar juga Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja pun tidak di *consult* oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional ini ketika buat rang undang-undang ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini saya rasa Yang Berhormat Menteri kena jawablah. Ini Yang Berhormat Menteri kena jawab kerana sesuatu perkara yang saya rasa ini tentu akan diserahkan kepada Majlis Raja-Raja dan sebagainya. Akan tetapi di sini saya hendak tanya adakah kerajaan-kerajaan negeri dirundingkan? Adakah negeri Sabah dirundingkan? Adakah negeri Sarawak dirundingkan? Sehingga sekarang saya tidak lihat seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sabah dan Sarawak bangun membahaskan rang undang-undang ini. Adakah mereka setuju bahawa hak-hak kerajaan negeri dan Kerajaan Negeri Sarawak dibenarkan dihakis begitu sahaja. Ini satu perkara penting kerana untuk Sabah ia melibatkan *20 points agreement*, untuk Sarawak *18 points agreement*. Adakah mereka dirundingkan, itu perkara penting.



Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dari Sabah, adakah bila-bila tanpa pengetahuan Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak, tiba-tiba sesuatu kawasan diisytiharkan kawasan keselamatan. Ini ada kesan yang amat serius sekali.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Penampang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bagan. Setujukah Yang Berhormat Bagan bahawa ini adalah mungkin satu cara Kerajaan Pusat mengambil alih ataupun mengambil balik apa yang mereka hilang sejak pemansuhan *Emergency Ordinance* iaitu *territorial waters* di Sabah. *The Territorial Sea Act until today does not apply* di Sabah dan besar kemungkinan dengan undang-undang ini mereka akan menggunakan kuasa mereka untuk mengambil alih balik *the nautical miles that belong to Sabah especially on the north one. Thank you.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Inilah kebimbangan yang disuarakan tadi oleh Yang Berhormat Penampang yang saya rasa juga berkongsi bersama oleh rakyat Sabah dan Sarawak. Tadi Yang Berhormat Menteri menimbulkan tentang satu tragedi serangan di Paris tetapi susulan daripada serangan itu, mereka mengisytiharkan darurat. Kalau keadaan serius seperti ini perlu diisytiharkan darurat, ini kita setuju. Kita pun adalah setia kepada negara tetapi mengapa perlu kita ada satu akta seperti ini kalau tidak lain tidak bukan ialah untuk memastikan *constitution of powers in the hands of one person.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya boleh gulung Yang Berhormat.

■1810

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa ini lari daripada kuasa yang diberikan di bawah Parlimen. Saya hendak gulung, sekejap. Saya rasa apa yang disebut tadi dan kita ada bersama dengan kita pada hari ini dalam...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sila.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Kebelakangan ini, seruan dan aduan yang lantang diluahkan oleh Ketua Menteri Sarawak mengenai penghakisan kuasa-kuasa autonomi atau kuasa-kuasa- *special rights of Sarawak* yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional selama 53 tahun ini. Hari ini merupakan satu lagi contoh penghakisan *special rights Sarawak*. Adakah Yang Berhormat Bagan setuju dengan saya dalam saranan kita kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Sarawak, Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah, daripada Barisan Nasional untuk bersama-sama dengan kita, Pembangkang di sini, untuk menolak rang undang-undang yang begitu zalim, yang menghakis kuasa-kuasa dan hak keistimewaan Sabah dan Sarawak? Adakah Yang Berhormat Bagan setuju?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa ini adalah satu serangan ke atas hak istimewa Sabah dan Sarawak. Saya sekali lagi menyatakan, kalau kita hendak lawan penganas janganlah kita mengambil kesempatan untuk mengganas hak Perlembagaan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150. Janganlah kita mengganas ke atas hak asasi manusia, janganlah kita mengganas ke atas hak dan juga prinsip kedaulatan undang-undang *of law*, janganlah kita mengganas hak, mengikis dan menghakis kuasa-kuasa negeri, dan janganlah kita mengganas ke atas hak demokrasi.

Saya sekali lagi minta bahawa ia ditarik balik. Kalau tidak sekurang-kurangnya dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan. Saya dengan sekeras kerasnya menentang rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**6.12 ptg**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya berbahas mengenai satu akta yang sebenarnya telah pun dibahaskan oleh rakan-rakan tadi bercanggah dengan Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian. Semasa pagi tadi apabila Parlimen ini membawa satu usul melalui Menteri untuk merujuk Ahli Parlimen Lembah Pantai ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya hendak bacakan antara lain, dia mengatakan dalam Usul itu bahawa pertemuan Yang Berhormat Lembah Pantai bersama dengan anak kepala dalang pencerobohan negara telah dilihat bertentangan dengan angkat sumpah sebagai Ahli Parlimen, dan sumpah setia beliau pada Malaysia yang telah berikrar dan menumpukan taat setia yang sebenar pada Malaysia, memelihara, melindungi, mempertahankan Perlembagaan.

Oh, cantik Usul ini. Tadi kita lihat Ahli-ahli Parlimen Sabah dan Sarawak Usul Sabah begitu lantang "Jangan langgar Perlembagaan". Waktu pagi bercakap jangan langgar Perlembagaan, waktu petang mereka yang langgar Perlembagaan. Apa punya Perlembagaan ini... [*Dewan riuh*][*Tepuk*] *Unless you are clown, then you will do this kind of work...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Unless, unless, unless.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Not necessary to said that.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey... [*Dewan riuh*]  
*Don't do that ya.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Unless you want to entertain lah, unless you are entertainer, unless you are entertainer you are going to have this kind of law. Anywhere, anywhere* saya ingin menyatakan bahawa, apabila kita sebagai seorang khususnya pengamal undang-undang, apabila kita melihat *bill* ini, perkara pertama yang kita akan tanya diri kita *under which provision of the Constitution this bill is going to be legislated.*

Saya tadi sebelum Yang Berhormat Puchong berbahas, di luar tadi, kita buat *press conference*, saya mengatakan Yang Berhormat, *they just* langgar *Article* 149. So, jelas bahawa Yang Berhormat Puchong, sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai, dan juga Ahli-ahli Parlimen yang lain daripada Pakatan Harapan, dan juga pembangkang di sini faham bahawa, undang-undang ini secara jelas mengambil kuasa yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertuan Agong.

Saya, kalau ada celahan, saya hanya benarkan daripada BN, dari sini saya tidak akan benarkan sebab apa sini semua sudah faham. Yang BN tidak faham, sila tanya. Khususnya Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Setiu, tolong bangun, tanyalah soalan sebab saya kasihan. Saya kasihan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Gerik, hendak berbahas ini bukan setakat kita ambil teks baca yang orang tulis. Kita kena baca Perlembagaan, kita kena faham Perlembagaan [*Tepuk*]

Tadi dikatakan bahawa kononnya, kita ini bukan *emergency*. Betul. Cuba baca Artikel 150. Artikel 150 menceritakan bahawa kuasa Yang di-Pertuan Agong ini untuk membuat undang-undang seperti ini dalam keadaan, walaupun *emergency* belum berlaku. Dalam keadaan- saya ingin baca. Tengok Artikel 150, subartikel 2. Saya baca dalam Bahasa Melayu lah, tidak apa. Proklamasi Darurat, di bawah fasal 1 boleh dikeluarkan sebelum sebenarnya berlaku kejadian yang mengancam keselamatan dan kehidupan ekonomi, ketenteraman awam dalam Persekutuan dan mana-mana bahagiannya jika Yang di-Pertuan Agong- bukan Perdana Menteri, bukan *Council*, jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa kejadian sedemikian hampir benar berlaku.

Maknanya apa? Maknanya kuasa yang seperti ini, yang kita hendak buat undang-undang ini hanya *is reserve slowly to* Yang di-Pertuan Agong. Bukan orang lain. Ada *reason* kenapa hari itu. Artikel 149, 150- memperuntukkan peruntukan-peruntukan antaranya untuk mengambil tindakan drastik. *Any constitution in the world must have that kind of law* iaitu *special provision on emergency*. Kadang-kadang *emergency* memerlukan satu keadaan yang berlainan daripada keadaan biasa. Dalam ruang lingkup Perlembagaan, kuasa itu setelah secara *deliberated* oleh *famous of the constitution to be given to* Yang di-Pertuan Agong. Kenapa hal ini, Parlimen ini melalui kita hendak ambil kuasa itu yang berikan kepada Yang di-Pertuan Agong? Kami, Pakatan Harapan tidak akan sama sekali redha dan beri kebenaran itu [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Pakatan Harapan- PAS tidak masuk ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak tahulah, tetapi saya cakap pasal Harapan dan juga pembangkang tetapi saya percaya PAS pun juga akan bersama dengan kita dalam hal ini kecuali Barisan Nasional. Tidak dengar pula teriakan-teriakan Yang Berhormat Baling. Pagi tadi jadi hero... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ingin teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling baru masuk Yang Berhormat.

*[Yang Berhormat Baling mengambil tempat di dalam Dewan]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Akan tetapi tidak apalah, bagi dia *chance* dahulu. Saya hendak terangkan Artikel 150 subartikel 8 pula. Tadi saya kata saya...

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa seru-seru nama saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, Yang Berhormat Baling hendak tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling minta jalan. Bagi jalan.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa seru-seru nama saya ini? Hendak cakap pasal apa? Hendak cakap pasal pagi tadi, okey saya cakap. Hendak cakap pasal pagi tadi saya cakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya soalan lah.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya boleh jelaskan. Duduk, duduk. Sudah beri saya laluan, berilah saya laluan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apalah, *wasting time, wasting time*.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak boleh, tidak boleh. Tuan Yang di-Pertua tidak boleh, saya kena jelaskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak bagi laluan, nampak sangat pengecut. Kenapakah jadi pengecut? Kalau *gentlemen*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak apalah saya pengecut, *you* berani, *you* berani.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, kalau *gentlemen*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Panggillah saya pengecut.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau sudah seru nama orang lepas itu tidak bagi cakap nampak sangat pembangkang *double standard*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah duduk dah, sambung lah ya.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia tidak hendak tanya, dia hendak tanya pasal pagi tadi.

**Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak bagi penjelasan, takut sebab saya akan cakap benar yang bersandarkan... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Faham?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya bacakan Artikel 150. Saya katakan tadi, Artikel 150 subartikel 2 menyatakan kuasa untuk Yang di-Pertuan Agong. Untuk menyatakan bahawa betapa Yang di-Pertuan Agong itu adalah satu-satunya pihak yang mempunyai kuasa yang begitu besar, Artikel 150 subartikel 8 menyatakan maksud puas hati, *satisfied* itu dalam Artikel 2 ditulis ialah yang berbentuk muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar dan dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

■1820

Ini menunjukkan, *the whole Article 149, the whole Article 150, dan regulation-regulation* yang hendak dibuat di bawah *Article 151* itu adalah secara jelas *mereservedkan* kuasa itu kepada Yang di-Pertuan Agong. Jadi hari ini kita melihat, kuasa itu telah cuba diambil melalui pintu belakang.

Jadi saya ingin menyatakan bahawa, kalau kita teruskan bil ini untuk dijadikan undang-undang, saya percaya akan berlakunya satu himpunan besar-besaran untuk kita hantar memorandum ke depan Istana Yang di-Pertuan Agong untuk kita membantah kuasa diambil daripada Yang di-Pertuan Agong dan diberikan kepada *Prime Ministers [Tepuk]* Akan tetapi, kita tidak tahulah nanti apabila kita hendak buat perhimpunan di depan istana, dia akan cakap istana itu *security area* dan semua pula ditangkap [*Ketawa*]

Saya ingin menyatakan bahawa, artikel ini *very draconian*. Kita lihat kepada seksyen 3, apa dia kata, "*Majlis hendaklah menjadi pihak berkuasa pusat bagi Kerajaan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan dengan keselamatan negara*". Maknanya *the soul interpreted of the soul* yang mendefinisikan keselamatan negara ini adalah "*Majlis*" yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Mana boleh kita beri kuasa ini kepada Perdana Menteri seorang dan mana boleh kita beri kuasa ini dalam keadaan Perlembagaan memperuntukkan orang lain yang sepatutnya diberi kuasa itu.

Jadi saya mengatakan bahawa kalau kita lihat secara keseluruhannya apatah lagi apabila sesuatu kawasan yang telah diisytiharkan sebagai *security area*, walaupun tadi saya ada dengar daripada Barisan Nasional berkata antaranya, kita hendak buat akta ini kita hendak memastikan kalau sekiranya kita ada kejadian di Sulu itu, kita boleh isytiharkan sebagai *security area*.

Walaupun mungkin jaminan itu ada rasionalnya, tetapi pertamanya kita kena ingat, *we have constitution as the highest law of the land*. Kita bukan macam negara England yang Parlimen inilah yang *the highest authority, the highest law*. Kita dalam Malaysia, *promote Federal Constitution as the highest law of the land, the supreme law*. *The supreme law* bermakna segala tindak-tanduk, segala undang-undang yang dibuat oleh Eksekutif, oleh Parlimen, *subject to Federal Constitution*. Kalau *Federal Constitution* tidak membenarkan, kita tidak boleh buat walau kita punya *intention noble* sekalipun, suci sekali mana pun kita tidak boleh langgar Perlembagaan *because* Perlembagaan menjamin hak yang telah kita rasai.

Oleh sebab itulah, saya hendak kata tadi, kalau sekiranya kita hendak buat undang-undang ini di bawah *Article 149*, seperti mana dibuat untuk undang-undang POTA, POCA dan

juga SOSMA. Kalau kita lihat kepada undang-undang SOSMA sebagai contoh di *pre-amble* itu menyatakan bahawa berdasarkan Artikel 149 maka kami buat undang-undang sebegini. Maka, apabila undang-undang ini dibuat ataupun digubal di bawah *Article* 149. Perlembagaan membenarkan untuk kita langgar artikel-artikel yang melindungi hak asasi manusia. *Artikel* 149 membenarkan kita langgar Artikel 5, kita benarkan langgar Artikel 10 yang menjamin kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun, kebebasan berpersatuan.

Dia benarkan juga untuk kita langgar Artikel 9 yang dikatakan *freedom of movement*. Akan tetapi dalam akta atau rang undang-undang yang kita hendak luluskan ini, tidak adapun satu peruntukan yang menyatakan kalau langgar perlembagaan apa jadi. Bermakna *Article* 149 ini, undang-undang kita buat ini dia bukan sahaja bercanggah dengan 149, dia bukan sahaja bercanggah dengan 150 malahan kalau dilaksanakan, boleh diambil tindakan untuk dicabar di bawah artikel-artikel yang menjadi *fundamental rights* di bawah Artikel 5, hingga Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan.

Oleh sebab itulah, kalau hendak buat undang-undang tengok Perlembagaan Persekutuan dahulu...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya, memang saya pandai pun dalam hal ini. Dalam hal inilah memang saya pandai, tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bukan saya hendak bangga tetapi dalam hal ini, dalam hal ini kita belajar. Yang Berhormat Lenggong kalau rasa saya cakap tidak betul, bangun betulkan apa yang saya cakap. Sila bangun. Tidak boleh bangun, takut hendak bangun... [*Merujuk kepada Yang Berhormat Lenggong*].

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau saya bercakap saya pun jadi bodoh juga. Itu yang bercakap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak betulkan juga, kalau kita lihat kepada *procedures*, kita tengok seksyen 11, "*Procedures*" – "*subject to this Act, the Council may determine its own procedures*". Maknanya dia tentukan. Dia hendak masuk macam mana, dia hendak tangkap orang macam mana, di samping ada akta ini, dia juga boleh menentukan prosedur. Kalau dia menggunakan *torture, torturelah*- boleh, sebab dia ada kuasa dan diberikan kuasa.

Tadi sahabat saya Yang Berhormat Padang Serai mengatakan, kalau sekiranya berlaku kematian, dia boleh *dispense with inquest*. Saya ingin baca cadangan seksyen itu. Kalau sekiranya ini untuk rakan-rakan Angkatan Tentera yang akan menjadi pegawai-pegawai ataupun pihak yang menguatkuasakan undang-undang ini. Dalam cadangan yang dikemukakan dalam rang undang-undang ini menyatakan, mana-mana *armed forces* yang terlibat untuk operate ataupun untuk menguatkuasakan undang-undang ini kalau sekiranya dia meninggal tidak perlu ada inkues.

Bayangkan, kalau kita ada abang yang di angkatan tentera, kita ada saudara-mara. Tiba-tiba, kematiannya kematian yang misteri. Kematian dia mungkin langgar arahan. Kematian dia, mungkin kerana dia tidak setuju buat apa yang disuruh, tiba-tiba dia mati. Kita minta inkues. Rang undang-undang ini kata, tidak perlu inkues. Lihat, bagaimana hatta kepada pegawai-pegawai yang akan digunakan untuk *enforce* undang-undang ini pun tidak ada jaminan nyawa mereka- mati sia-sia ataupun kematian mereka yang terlibat dengan yang menyebabkan kematian itu dipertanggungjawabkan.

Maknanya seolah-olah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi saya menyatakan, kalau inilah undang-undang yang kita buat, kita tidak boleh bagi jaminan sendiri kepada pegawai tentera yang akan melaksanakan arahan-arahan itu pun, jadi macam manakah kita boleh berbangga satu undang-undang yang seperti ini diluluskan di Parlimen ini? Jadi saya mengharapkan sangatlah...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Sepang, sedikit penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tentang 35 tadi ya. Ini Fasal 35 menyentuh berkenaan dengan kuasa majistret tadi. Bukankah kita lihat- koroner. Bukankah kita lihat bahawa kuasa ini kuasa budi bicara- boleh meneruskan dan boleh tidak meneruskan. Cuba kita baca betul-betul, Fasal 35 itu- boleh. Perkataan "*boleh*" digunakan. Bermakna dia boleh dan juga tidak payah ada. Apa pendapat Yang Berhormat Sepang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Setiu. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah tanyalah, Yang Berhormat Sepang. Masa sudah habislah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Tidak tanyalah. Saya kata saya hendak jawab apa yang Yang Berhormat Setiu kata. Yang Berhormat Setiu, cuba Yang Berhormat Setiu bayangkan kalau Yang Berhormat Setiu sendiri ada abang yang jadi angkatan tentera. Berlakunya kematian, Majistret kata *we dispense with*, kita tidak mahu apa pun. Apa perasaan Yang Berhormat Setiu kecuali Yang Berhormat Setiu tidak ada perasaan. Itu terpaksa kita akui, okeylah.

Akan tetapi, bagi saya, sudah tentu ini akan mendatangkan ketakutan dan ini mungkin tidak diketahui oleh keluarga-keluarga angkatan tentera. Jadi hari ini kita hendak beritahu, kalau sekiranya mereka terlibat dan sampai kematian kemungkinan besar kematian mereka tidak akan terbela kalau tidak ada inkues yang akan dibuat. Sebab itulah kita, saya hendak ulang sekali lagi

kalau akta ini dilulus, kalau kita benarkan bermakna kita telah, dengan izin, dengan izin merogol bersiri, merogol berturut-turut perlembagaan ini.

Sebelum ini kita telah melalui SOSMA, POTA, melalui POCA *our nation is still bleeding*. Masih lagi berdarah. Tiba-tiba kita tambah lagi luka itu dengan kita memperkenalkan akta yang mengambil kuasa Yang di-Pertuan Agong, dan merampas hak asasi yang dijamin oleh perlembagaan...

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, satu, satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh sebab *you* pembangkang, saya tidak bagi tetapi tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bolehlah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh tumpang nanti Yang Berhormat Bukit Gelugor Yang Berhormat.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

#### 6.29 ptg.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang membahas rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kita ada mendengar banyak perbincangan dari kedua-dua pihak, dan sepatutnya pada tahap sekarang sudah jelas bahawa rang undang-undang ini merupakan satu dengan izin, *abuse of process*. Ia merupakan, dengan izin, *an exception of powers of the* Yang di-Pertuan Agong. Ia merupakan, dengan izin sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, *an attempt a dictatorship by the Prime Minister*.

#### ■1830

Kenapakah kita perlu undang-undang sebegini bila kita sudah ada undang-undang yang sedia ada yang membolehkan ancaman ini ditangani? Di luar Tuan Yang di-Pertua, ada ramai badan yang membantah rang undang-undang ini, bukan sahaja kita.

Badan Peguam, NGO-NGO lain, mereka di luar hantar memorandum. Orang-orang ini ialah orang-orang lemah. Mereka tahu akibat dan *consequences* undang-undang, dengan izin, *draconian* seperti ini. Saya diberi satu *quote* Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Pengarah Tanah dan Galian, Wilayah Persekutuan melawan Sri Lempah Enterprise Sdn. Bhd. Apa yang dinyatakan di sana Tuan Yang di-Pertua oleh Raja Azlan Shah yang merupakan *Chief Justice*



pada masa tersebut, beliau menyatakan seperti ini, saya *quote*, “*Unfettered discretion is a contradiction in terms. Every legal power must have legal limits. Otherwise there is dictatorship*”.

Itu Raja Azlan Shah sendiri mahu cakap macam itu. So daripada segi itu saya ingin membahaskan Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh berkenaan dengan *constitutionality of rang undang-undang* ini. Itu saya ingat sudah dibahaskan dengan amat mendalam oleh rakan-rakan saya. Akan tetapi apa yang perlu ditekankan di sini, selanjutnya Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan *the light of judicial review on the exercise of power of the Council*.

Kalau saya membawa peraturan Tuan Yang di-Pertua kepada seksyen 38, rang undang-undang tersebut, saya membaca daripada petikan versi Inggeris, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, “*Protection against suits and legal proceedings. No action, suit and prosecution or any other proceeding shall lie or be brought, instituted or maintained in any court against the Council, any committee, any member of the Council or committee, the Director of Operations, or any member of the Security Forces or personnel of other Government Entities in respect of any act, neglect or default done or omitted by it or him in good faith, in such capacity*”.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa rang undang-undang ini mencadangkan agar ataupun mengecualikan *review* mahkamah terhadap tindakan-tindakan *council members*. Ini satu perkara yang amat serius Tuan Yang di-Pertua oleh sebab dalam undang-undang asal, undang-undang yang kita ada sekarang iaitu Perlembagaan Persekutuan, Artikel 150 yang sudah dibahaskan tadi. *Even under Article 150*, dengan izin, *it's constitutionality can be challenged*.

Ada banyak kes Tuan Yang di-Pertua, di mana *constitutionality* ataupun undang-undang yang digubal di bawah akta-akta darurat ataupun *proclamation of emergency* dicabar di mahkamah. Kes Teh Cheng Poh dan sebagainya. Sekiranya undang-undang atau rang undang-undang ini diluluskan Tuan Yang di-Pertua, maka mahkamah tidak akan mempunyai kuasa untuk *review* keputusan-keputusan Perdana Menteri. Adakah itu satu perkara yang kita boleh terima Tuan Yang di-Pertua? Baik Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin membawa Yang Berhormat kepada satu tragedi yang berlaku pada 12 Disember 1948 yang dikenali sebagai Tragedi Batang Kali di mana Tentera British membunuh 24 orang tanpa senjata semasa darurat akibat ancaman komunis.

Sehingga hari ini, ahli keluarga mangsa masih mengalami kesukaran untuk menegakkan keadilan kerana mahkamah British ketika itu memutuskan bahawa *inquest* tidak diperlukan. Adakah sekarang kerajaan kita menghala, menuju ke era sebegitu apabila *inquest* tidak dibenarkan dalam kes dan ataupun apabila rang undang-undang ini dibenarkan? Kita sepatutnya maju ke depan tetapi sekarang kita tengok dalam kejadian sebegini, kita buat seolah-olah kita undur ke belakang. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Memang saya bersetuju kepada apa yang dicadangkan. Memang kita perlu mempunyai *inquest*. Sekiranya kita tidak ada proses *inquest*, maka itu boleh menyebabkan

ketidakadilan. *Whenever discretion is given* Tuan Yang di-Pertua, *that discretion can be abused*. Jadi sekiranya, *just a minute, just a minute...*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *[Bangun]*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sekiranya Tuan Yang di-Pertua, sesuatu *inquest* itu tidak diadakan, itu tidak boleh dipersoalkan oleh mahkamah. Itu yang perlu ditekankan di sini. Tiada siapa boleh mempersoalkan keputusan *council* tersebut. Ini ialah satu perkara yang mengambil keluar kuasa mahkamah. Tadi rakan saya Yang Berhormat Setiu ada menyentuh tentang, dan berhujah berkenaan *check and balance*. Apa *check and balance*, apa *check and balance*? *What check and balance have we got in this draft, in this bill when the powers of the court is excluded?* Adakah Perdana Menteri akan *check and balance himself*? *[Ketawa]* Siapa akan *check and balance the Prime Minister*?... *[Dewan riuh]*

Dalam *composition* Tuan Yang di-Pertua, sekiranya saya boleh membawa perhatian Dewan kepada *membership of the council* di bawah seksyen 6, *now* dinyatakan di sana Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "*The Council shall consist of the following members. Prime Minister, Deputy Prime Minister, Minister charged with defence, Minister charged for home affairs, Minister charged with multimedia and communication*". Macam mana dia boleh jadi penting? *[Ketawa]* *What does he have to do with national security? But he is one of the Members. Chief Secretary to the Government, Chief of Defence Forces, and of course Keabab IGP*. Itu nama Twitter dia, KBAB.

Akan tetapi apa yang penting di sini Tuan Yang di-Pertua semua Ahli di dalam *council* tersebut adalah *subordinates to the Prime Minister*. Itu perlu ditekankan. Kalau *subordinates kepada Prime Minister*, mana *subordinates* berani dalam negara ini, dalam Barisan Nasional untuk mempersoalkan ketuanya? *Which subordinates in the Barisan Nasional dare question the Prime Minister?*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, macai, macai.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *None of you do... [Dewan riuh]* *None of this Barisan Nasional members dare question the Prime Minister. That is the reality of it.*

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Itu realitinya Tuan Yang di-Pertua. Itu realiti rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini akan memberi kuasa kepada *Prime Minister* dan lain-lain *member* di dalam kerajaan yang tidak akan berani menyoalnya termasuk mahkamah yang di mana kuasa itu diambil keluar. Itu satu tragedi. Bukan sahaja ini merupakan satu *affront to the monarchy, it is an insult to the* Yang di-Pertuan Agong *with the dative of respect. Who is the Prime Minister to remove the* Yang di-Pertuan Agong's *power?*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih. Saya hendak tumpang satu soalan dalam perbahasan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Okey, bulan lepas Majlis Raja-Raja Melayu telah bertitah bahawa isu 1MDB kena diselesaikan dengan segera. Jadi soalan saya, adakah akta ini..

**Seorang Ahli:** Tak relevanlah. Mana relevan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, dengar, dengar, dengar dulu, sabar. Ya, adakah akta ini satu *reaction* atau respons daripada Barisan Nasional kepada Titah Majlis Raja-Raja Melayu itu? Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu bangun Yang Berhormat, hendak bagi?

■1840

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sekejap, sekejap, saya akan bagi, saya akan bagi.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Dari tadi tidak sedar, duduk. Duduk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Penjelasan, ini penjelasan, bukan soalan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *Times up*, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Segambut, duduk.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya akan bagi. Sekejap.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Faham sikit penjelasan kah apa.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju mungkin itu- kemungkinan oleh cadangan rakan saya Yang Berhormat Segambut, tetapi itu bukan dalam pengetahuan saya Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa yang penting *is* itu spekulasi orang ramai.

*Why you introduce a bill like this, any normal person, any reasonable person*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *will start asking questions. Is this to do with 1MDB? Is this another attempt of abuse a part from POTA dan sebagainya?* Ya, saya bagi Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu saya ada menyentuh tentang Yang Berhormat Setiu, saya bagi dia jalan untuk penjelasan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akan tetapi saya tidak menjawablah ini kerana pihak Yang Berhormat Menteri menjawab... [*Dewan riuh*] Untuk apa? *Check and balance*. Kalau saya hendak jawab *check and balance*. Saya tidak bercerita fasal di mahkamah, dengar dulu. Saya tidak bercerita fasal *check and balance* di mahkamah dan sebagainya.

Saya bercerita fasal tindakan, tindakan maknanya tidak di terus mengisytiharkan kawasan keselamatan dan sebagainya. Itu maksud saya *check and balance*. Ia mula daripada risikan, daripada maklumat kepada Majlis terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, nasihat daripada Majlis. Itu maksud saya *check and balance*. Makna ia tidak terus kuasa mutlak,

tidak ada. Itu jawapan saya kepada soalan tadi... *[Disampuk]* Nanti, nanti. Ini soalan saya, ini minta penjelasan tentang fasal 38 tadi.

Fasal 38 kalau mengikut Yang Berhormat Bukit Gelugor kata seolah-olah macam tidak boleh dibawa kepada mahkamah apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh pihak keselamatan atau tentera, kalau mengikut bacaan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Akan tetapi kalau kita baca betul-betul, ia hadkan kepada sekiranya apa-apa perbuatan dia itu dengan *good faith*, suci hati maknanya kalau di luar daripada suci hati- ini yang tidak faham masalah ini. Bercakap pun tidak faham langsung. Saya hendak tanya ini, sekarang ini kalau di luar sekiranya berlaku kecuaiian, boleh atau tidak dibawa ke mahkamah? Itu soalan saya. Makna kalau- bermakna kalau di luar daripada suci hati itu maknanya boleh dibawa ke mahkamah...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Suci hati itu macam mana dengan *check and balance*? Macam mana *check and balance* suci hati?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Segambut tidak boleh bangun Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini bukan peraturan Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Duduklah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Eh, kamu lah duduk. Bodoh betul... *[Dewan riuh]* Siapa yang bangun? Siapa yang mengacau?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Baliklah. Duduk.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya bertanya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Okey.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Selain daripada- kalau tidak suci hati berlakunya kecuaiian dan sebagainya, adakah boleh dibawa tindakan lain?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, masa saya singkat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa singkat Yang Berhormat. Sebenarnya masa sudah habis.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Saya akan menggulung, saya akan menggulung, Tuan Yang di-Pertua.

Ya, poin itu *it is exactly what I am saying*. Kalau kecuaiian, macam mana kecuaiian itu *mala fide*? *[Ketawa]* So, sekiranya kecuaiian, macam mana you hendak persoalkan di mahkamah? *Only if it's in bad faith, in other word mala fide*. Baru kita boleh bawa ke mahkamah. *We all know there are many ways to disguise good faith. Bad faith give good faith*. Itu kebimbangan kami. Sekiranya mahkamah tidak dibenarkan mendengar aduan-aduan, mendengar aduan kenapa tidak ada *inquest* dan sebagainya. Ini akan menyebabkan penyalahgunaan, itu aspek yang saya ingin membahaskan. Dengan itu saya Tuan Yang di-

Pertua, membantah terhadap rang undang-undang ini. Jadi saya pohon agar ia ditarik balik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**6.44 ptg.**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang untuk masuk dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Saya terkejut bila memperhatikan pembentangan oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau saya tidak silap kurang daripada 10 minit, kurang daripada 10 minit untuk membentangkan satu rang undang-undang yang begitu besar impak dan implikasinya. Saya terharu- saya terkejut masa itu. Kenapakah tergesa-gesa membuat undang-undang ini? Tadi Yang Berhormat Padang Serai sudah sebut. Saya setuju apa yang dilakukan oleh kerajaan hari ini sudah dilakukan dahulu tetapi diulang hari ini ialah *legislation*, dengan izin, *legislation by ambush*.

Jadi rakyat Malaysia memperhatikan kita di Dewan yang mulia ini, dunia yang perhatikan kita sekarang. Saya telah menerima panggilan daripada wartawan di beberapa buah negara, diperhatikan. Kita memalukan Dewan yang mulia ini sekarang sekali lagi. Apakah sebab *we are rushing*, dengan izin, *what is the reason?*

Kita dalam sesi-sesi di Dewan ini kita ada bagi dua hari saya ingat untuk rang undang-undang yang tidak begitu penting pun. Ketum dua hari untuk membahas. Akan tetapi di sini, di mana kita ada satu rang undang-undang yang 'mencederakan' Perlembagaan negara kita, kita hendak habis dalam beberapa jam lagi. Kita hadkan semua pada 10 minit. Ini Tuan Yang di-Pertua, ini akan diingat hari ini sebagai satu tanda hitam lagi atas rekod membuat undang-undang oleh Kerajaan Barisan Nasional...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Singkat sahaja, singkat sahaja. Boleh?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Siapa?... Ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Adakah Yang Berhormat Subang setuju, ini juga tanda hitam perjalanan Parlimen di bawah Tuan Yang di-Pertua Dewan?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, betul.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Gopeng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Saya setuju.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak apa, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan keterlaluan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Tidak terkeluar, ini memang tepat-tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Usul kerajaan dengan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua berbeza Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Gopeng malangnya kita belum sampai ke tahap di mana Tuan Yang di-Pertua boleh menentang kerajaan Barisan Nasional. So, dia terpaksa ikut arahan kerajaan Barisan Nasional. So, kalau eksekutif kita salahkan eksekutif. Baik, okey. Saya balik pada tajuk... [Disampuk] Kenaf pun, berapa hari kenaf? Dua hari Tuan Yang di-Pertua kenaf, undang-undang berkaitan dengan kenaf kita bagi dua hari. Akan tetapi untuk satu rang undang-undang di sini yang mana sudah dengar hujahan-hujahan yang terperinci, yang bernas, tentang implikasi besar rang undang-undang ini kita bagi tiga jam. Ini saya tidak fahamlah. Apakah tujuan yang sebaliknya? *What is the intention behind this*, dengan izin?

Saya nampak tadi daripada hujah saya dengar daripada Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Lenggong, dan Yang Berhormat Setiu. Ada kekeliruan sedikit tentang perbahasan di sini. Ada saya nampak gambaran diberikan, kita membantah kewujudan MKN, tidak. Majlis Keselamatan Negara (MKN) sudah wujud sejak bila, tahun 1971 sampai ke sekarang telah berfungsi, ia telah menjalankan tugas. Adakah di mana-mana di sana berkata MKN tidak boleh menjalankan tugas? Tidak. Apakah halangan untuk menjalankan tugas seperti yang dibuat beberapa tahun? 40 lebih tahun. Apakah halangan sekarang? Ini satu. Adakah- ada contoh disebut beberapa buah negara ada MKN. Kita tidak tahu sistem mereka berbeza, sistem *presidential* dan sebagainya. Walaupun mereka ada disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai, Majlis Keselamatan Negara (MKN) di negara ini adalah untuk tujuan penyelarasan agensi-agensi yang berkait dengan keselamatan. Kita tidak ada masalah dengan itu. Kita pun peka tentang kepentingan keselamatan. *We need security*.

*Then*, kalau hendak letak Majlis Keselamatan Negara atas berasaskan satu undang-undang, untuk tujuan penyelarasan sahaja kita tidak ada masalah. Akan tetapi apa yang kita lihat hari ini jauh berbeza Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu ulang apa yang telah dihujahkan oleh rakan-rakan saya. Apa yang jelas daripada rang undang-undang ini kita letak ia- *we are giving it legal basis* dengan izin. Akan tetapi apa yang kita tambahkan dan ini tidak dapat dinafikan. Yang Berhormat Setiu peguam, ada peguam di sana. So, sesiapa peguam yang faham ini tahu, kita sekarang beri badan ini kuasa-kuasa yang teruk, *draconian powers*, dengan izin, *it is essentially* apa yang kita katakan ialah *emergency powers*, ini diberikan. Oleh sebab itu, kita kata kita belakangkan Perlembagaan. Pembuat Perlembagaan Negara Malaysia ini pada tahun 1957 sudah faham perkara ini. Mereka tahu tentang kepentingan isu keselamatan, pada masa itu pun sudah tahu. Oleh sebab itu, kita sudah sebut, kita ada Perkara 150 dan juga kita ada pertambahan 149.

#### ■1850

Kebanyakan negara-negara yang *democratic*, hanya akan ada 150. *That is* satu fasa berkenaan keadaan darurat. Mana-mana negara tahu, kadang-kadang ada keadaan yang memerlukan tindakan yang drastik. So, darurat diisytiharkan dan mesti ada kuasa untuk itu, kita pun ada. Berulang kali saya dengar Menteri sebut beberapa orang pembahas daripada Barisan Nasional sebut kita perlu rang undang-undang ini sebab pencerobohan di Sabah, kebanjiran disebut. Kebanjiran, bayangkan!

Tuan Yang di-Pertua, macam disebut tadi bila serangan *terrorist* ada di Perancis, Presiden Perancis isytiharkan darurat gunakan undang-undang mereka. Itulah cara yang wajar. *Hurricane Katrina* berlaku di Amerika. Mereka isytiharkan darurat di kawasan itu. Itu cara yang sepatutnya *use the proper mechanism* dan untuk itu tidak ada apa halangan Perlembagaan Malaysia.

Pembuat Perlembagaan kita sudah tambah satu lagi perkara 149 dengan kuasa yang lebih teruk. *Giving emergency trial power in a civilians setting*. Itu pun boleh dipakai kalau perlu. Jadi persoalan besar pada masa kuasa-kuasa besar itu ada di bawah 150 dan 149, kenapa sekarang kita mahu memusatkan kuasa dalam tangan Perdana Menteri.

Tadi rakan saya sebut, rang undang-undang ini tindakan derhaka kepada Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja. Saya setuju, saya anggap ini satu tindakan menghina Institusi Raja-Raja. Menghina Yang di-Pertuan Agong. Satu lagi kita kena faham, dan ini *I think*, saya akan minta penjelasan kepada Yang Berhormat Menteri.

Kita belakangkan sebuah institusi lagi yang penting dalam negara kita ialah Jemaah Menteri sendiri, *the Cabinets*. Ini sebab Tuan Yang di-Pertua, katakan kita ada satu situasi seperti yang dihuraikan di sini di seksyen 18 di mana kita tahu situasi ini lebih kurang apa yang dihuraikan di perkara 149 dan perkara 150. Saya tidak perlu ulang sebab sudah dihujahkan. *It is the same description*.

Di keadaan di mana kita pakai 150, dua buah institusi adalah terlibat, *just let me finish a point*. Dua buah institusi terlibat, satu ialah Yang di-Pertuan Agong yang kedua ialah Jemaah Menteri. Ini sebab Jemaah Menteri yang menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk isytiharkan darurat. So, kita ada dua buah institusi penting. Yang di-Pertuan Agong dalam keadaan itu ada hak untuk mendapatkan penjelasan, informasi dan sebagainya. Sekarang apa jadi? Ini Yang Berhormat Menteri kena faham, kenapa *you* membelakangkan Jemaah Menteri itu juga. Ini sebab sekarang semua kuasa ini akan diberi kepada sebuah badan di mana hanya ada lima Menteri, dan tiga orang kakitangan besar yang tidak dipilih oleh rakyat. *Three unelected person will make decision*. Silakan Yang Berhormat Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tentang isu kebelakangan Yang di-Pertuan Agong dan juga Jemaah Menteri di mana kita sudah ada mekanisme di bawah perkara 150.

Soalan yang kita hendak tanya untuk mendapatkan penjelasan daripada Menteri, adakah satu perkara yang hendak diisytiharkan sebagai darurat tetapi mekanisme 150 itu di mana Jemaah Menteri atau Yang di-Pertuan Agong enggan untuk mengisytiharkan supaya kita hendak mengadakan akta ini. Kalau tidak ada perkara ini yang berlaku, tidak ada alasan untuk menukar apa yang kita sudah ada dalam Perlembagaan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya setuju Yang Berhormat Selayang. Saya minta itu dimasukkan dalam ucapan saya. Itulah persoalan bagi kita, bagi rakyat Malaysia yang melihat proses ini. Apakah situasi yang tidak setakat ini tidak boleh ditangani dengan undang-undang yang sedia ada?

Kita tahu, kita ada undang-undang yang telah disebut SOSMA, POTA, POCA. Semua ini telah menghakik hak dan kebebasan rakyat Malaysia. Sekarang yang sangat serius dalam rang undang-undang ini ialah cara di mana sekarang kita belakangkan, hakiskan dan rampas- / rasa itulah perkataan yang sesuai. Kita rampas kuasa Yang di-Pertuan Agong, dan juga kita hakiskan kuasa Jemaah Menteri sendiri.

Apakah sudah jadi sama Ahli Jemaah Menteri? Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya suka kah *you* kurangkan kuasa Jemaah Menteri sendiri? Kalau saya di luar itu perkara mungkin kurang *parliamentary- why are you not standing up*, dengan izin, *to defend the Cabinets instead you are here setting up another body that is taking away your powers*. Ini yang saya tidak faham yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan proses itu.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, silakan. Ringkas ya.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Kita boleh minta Menteri- Menteri di Jemaah Menteri, adakah mereka setuju? Ada ini dibincangkan di Jemaah Menteri sebelum dibentangkan di Dewan ini?

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini yang saya tidak faham. Setuju- macam mana Ahli Jemaah Menteri boleh setuju 'mencederakan' Perlembagaan Malaysia di mana kita sudah angkat sumpah untuk mempertahankan. *How and under what mindset are you*, dengan izin, *you can give away your power to the Prime Minister. What kind of Cabinet are you?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa jenis Kabinet ini yang sedia, rela memberi kuasa kepada seorang Perdana Menteri. Apakah kuasa Perdana Menteri ini? Apa Perdana Menteri sudah bagi sama *you* untuk mendapat konsesi itu. Apakah? Sila jawab itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya sudah bangun. Akan tetapi habis masa Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu point akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan ya. Habiskan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Setiu ada tanya tadi. Dia tanya apa salah peruntukan tentang *inquest* itu? Apakah salah? Kuasa masih ada dengan Majistret? Yang Berhormat Setiu kita kena faham. Sila hormat hak dan kemuliaan anggota tentera kita. Mereka mati, mereka berkorban kepada negara, mereka mahu jawab kenapa...

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Boleh tanya?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Nanti saya habiskan poin itu dulu. Apa yang kita buat di sini, kita bagi hak untuk siasatan itu dibatalkan, satu. Kedua, dalam negara...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bera bangun. hendak bagi Yang Berhormat Bera Yang Berhormat?



**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya jawab Yang Berhormat Setiu sahaja. Untuk di bawah Kanun Tatacara Jenayah mana-mana kematian yang berlaku dalam tahanan polis wajib untuk *inquest*. Itu tidak boleh lari.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Boleh.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** / habiskan point. / akan bagi, saya akan bagi. So, dengan peruntukan seksyen 35 ini kita hakiskan hak itu. Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Subang. Saya cuma hendak tanya ini, *inquest* diperlukan untuk menentukan sebab-sebab kematian terutamanya dalam kes kematian kita hendak menentukan sama ada dia dibunuh atau sebab-sebab lain. Itu sebab ada *inquest*.

Dalam seksyen 35(b), seksyen 35(b) jelas mengatakan bahawa *inquest* itu tidak diperlukan apabila Majistret atau Koroner berpuas hati tentang sebab kematian itu, iaitu terbunuh di dalam kawasan keselamatan dan sebagainya.

Jadi apabila dia sudah berpuas hati, dia sudah tahu sebab kematian, jadi tidak perlu *inquest* lagi. Itu tujuan dia, kenapa *inquest* tidak perlu diadakan lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih atas persoalan itu. Saya cuba jawab. Fahaman saya tentang peruntukan yang sedia ada di Kanun Tatacara Jenayah ada dua. Satu, *in fact* sudah cover sudah meliputi situasi ini di mana-mana Majistret di mana dia puas hati tentang sebabnya kematian itu dan berlaku punca kematian. Dia ada kuasa untuk menafikan *inquest*. Dia sudah ada. Akan tetapi dalam keadaan di mana kematian itu berlaku dalam tahanan di mana dalam keadaan itu wajib di bawah undang-undang yang sedia ada untuk melakukan *inquest*.

Sekarang hak itu telah dibatal oleh peruntukan ini sekarang. Hal itu sangat penting, sebab bila kematian itu berlaku dalam tahanan, itu sangat serius. Jauh lebih serius daripada kematian yang berlaku di jalan raya dan di tempat lain. Ini yang kita kena faham. Ini satu aspek...

#### ■1900

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya habiskan. Kita lihat ini secara keseluruhan. Apabila kita lihat ini secara keseluruhan dengan izin, *this is what we called emergency that lost in a civilian's situation*. Apakah keadaan yang memerlukan ini? *What is the emergency we are facing?* Juga, seperti diterangkan dengan detil oleh rakan-rakan saya, Perkara 149, Perkara 150, semua ada. Apakah masalahnya untuk menggunakan undang-undang itu untuk situasi ini?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya membantah rang undang-undang ini dan saya menyokong dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bagan, sekurang-kurangnya janganlah meluluskan ini secara tergesa-gesa, hormatilah hak rakyat Malaysia, hantar kepada sebuah jawatankuasa pilihan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya tidak akan memanggil semua Yang Berhormat. Walaupun kita hadkan masa 10 minit tetapi ramai yang berucap lebih daripada 10 minit dan ada yang mencecah 15 minit termasuklah Yang Berhormat

Sepang, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Subang. Saya akan bagi Yang Berhormat Kuala Krai iaitu akan mengisi tiga daripada AMANAH, tiga orang daripada DAP dan tiga orang daripada PKR, dan selepas itu Yang Berhormat Menteri

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Temerloh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang daripada Barisan Nasional, Yang Berhormat Tanjong Karang, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Temerloh, PAS satu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

#### 7.01 mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Arau. Kalau mengikut dalam Jawatankuasa MKN ini, posisi macam pembentang rang undang-undang tidak ada pula Yang Berhormat Arau, tidak masuk. Jadi, tidak ada kepentinganlah ya.

Tuan Yang di-Pertua, kita diberikan bayangan bahawa keperluan rang undang-undang ini ialah beberapa isu keselamatan yang timbul di negara kita kebelakangan ini. Mungkin walaupun tidak dirujuk secara khusus tetapi apa yang berlaku di Pantai Timur Sabah pada tahun 2013 menjadi antara pencetus kepada rang undang-undang ini. Apa yang berlaku kita memang amat dukacita dan kita pun telah melihat bagaimana tindakan kerajaan begitu pantas sehingga kita dapat mengawal suasana tanpa adanya kuasa seperti yang ada pada hari ini, yang hendak diluluskan.

Ertinya, apa juga undang-undang yang sedia ada boleh digunakan untuk mengawal suasana yang gawat sedemikian, walaupun pada pandangan saya, kalau kita mengikut rentetan peristiwa di Lahad Datu dan Semporna, kita masih ingat lagi apabila salah seorang menteri mengeluarkan kenyataan ataupun *Facebook* bahawa yang datang itu ialah orang-orang yang *under nourish, malnourish*, orang-orang tua dengan senjata yang usang. Ini bagi saya Tuan Yang di-Pertua, adalah *failed intelligence*. Kegagalan *intelligence* kita untuk mengesan masalah ini sampai Menteri yang ketika itu- Menteri apa masa itu ya?

**Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Menteri Dalam Negeri ketika itu mengeluarkan kenyataan sedemikian yang menyebabkan pegawai-pegawai dan tentera-tentera kita tidak mendapat suatu kesegeraan, terasa perlu bertindak segera kerana apa ada dengan orang-orang tua yang *malnourish*, kurus kering, pakai kain pelekat, turun daripada bot macam biasa dengan senapang patah. Apakah mereka boleh buat? Akan tetapi *when we let our guard down*, dengan izin, ini yang tercetus.

Ertinya, bukan masalah undang-undang, bukan masalah peruntukan undang-undang. Undang-undang ada. Tentera kita bersiap siaga, aset-aset kita ada di Pantai Timur Sabah. Akan

tetapi kerana kita gagal menangani maklumat-maklumat, maka kita berhadapan dengan peristiwa yang begitu dahsyat. Itu di Lahad Datu.

Cerita di Semporna lagi menyedihkan. Kematian tentera ataupun pihak keselamatan kita berlaku di Kampung Air. Masuk ke Kampung Air yang kita pun tahu Kampung Air di Pantai Timur Sabah ini, Tuan Yang di-Pertua pun daripada sebelah situ, masuk itu kalau kita tidak pandai jalan, memang tidak keluar punya. Dengan selok-belok dengan jalan yang atas air, rumah-rumah yang disusun sebegitu rupa, memang kalau kita bukan penginap di situ, masuk memang tidak keluar. Bagaimanakah kita boleh terperangkap sedemikian?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hendak tanya sedikit sahaja. Tadi Yang Berhormat Kuala Krai menyebut bahawa isu yang berlaku sebelum ini bukan gagal kerana faktor lain, antaranya ialah kita gagal kerana mendapat maklumat dan sebagainya. Itu antara perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Krai. Baik.

Sedarkah Yang Berhormat Kuala Krai, antara perkara utama yang ditekankan dalam ini ialah penyelarasan maklumat? Rang undang-undang yang dibuat ini untuk membolehkan Majlis ini mengumpul sumber maklumat daripada agensi-agensi lain. Apakah ia tidak penting? Maknanya, semangat dalam rang undang-undang ini antaranya ialah untuk menyelesaikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tanpa rang undang-undang ini, penyelarasan boleh dibuat. Saya yakin tentera kita siap siaga, boleh mengesan kapal terbang yang di luar *track* dia, cuma reaksi kita lambat, tidak bertindak sehingga akhirnya kita hilang MH370 sampai hari ini. Jadi perkara ini tidak memerlukan satu usaha seperti meminda undang-undang tetapi meletakkan satu cara kerja, SOP bahasa orang sekarang, yang lebih tepat, lebih jitu, kepimpinan yang lebih baik, Menteri yang lebih sensitif, tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh meremehkan suasana, akhirnya kita kehilangan- berapa? Lapan, 10 orang polis kita?

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sepuluh orang, yang terperangkap di rumah air. Ini satu peristiwa yang saya rasa *we could have avoided*, dengan izin, kalau kita lebih peka.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak mengumumkan sesebuah kawasan itu kawasan keselamatan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Stampin, orang Sarawak, sila.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, kawan karib saya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Kuala Krai kerana saya dari Sarawak. Sebelum ini ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ada mengatakan bahawa Ketua Menteri Sarawak sendiri pun mengaku termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak di mana kita khuatir akan kehakisan kuasa Sarawak di mana terbukti selama 55 tahun ini telah dianaktirikan. Jadi, soalan saya, adakah kemungkinan rang undang-undang ini akan menjadi suatu ancaman terhadap Sarawak?

Saya bagi contoh. Sekarang termasuk Kerajaan Sarawak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu itu tidak disentuh oleh Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Ya, dia sama Sarawak ya. Kerajaan Sarawak, oleh sebab hakisan kuasa kita, kita memperjuangkan hak-hak autonomi tertentu, contohnya, *education right*, penggunaan bahasa Inggeris sebagai *official language*. Adakah ia boleh digunakan untuk, dengan izin, *to threatened, to oppressed* Sarawak pada suatu hari nanti apabila *we decided to stand up to protect Sarawak right?* SOSMA contohnya, kononnya ia digunakan atas *terrorist* tetapi akhirnya digunakan ke atas rakyat Malaysia biasa, Matthias Chang, ke atas pemimpin UMNO sendiri, Datuk Khairuddin Abu Hassan sendiri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Even the High Court recently ruled that...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan berucap Yang Berhormat...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *...The charge does not fall under SOSMA. Jadi, I want make a point here. Terbukti under the leadership of Yang Amat Berhormat Pekan, the misused of power can happen under disguise of national security for personal interest. Jadi saya berpendapat demi Sarawak, minta pandangan Yang Berhormat, semua wakil rakyat Sarawak sepatutnya berani mempertahankan Sarawak dan menolak rang undang-undang ini. Terima kasih.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kuala Krai, pandai-pandailah kalau masukkan yang itu. Pasal ia tidak sesuai, tidak disentuh oleh Yang Berhormat.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Terrorist, terrorist.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri akan menjawab tetapi Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *I don't blame you and everybody else for having that kind of feeling.* Kerana itulah yang kita lihat dan kalau sekarang ini Sarawak menganggap anak tiri, dengan undang-undang ini, dua kali anak tiri.

Tuan Yang di-Pertua, hendak mengisytiharkan kawasan keselamatan dan juga perbezaan dengan kawasan darurat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong, pada saya, itu hujah semantik sahaja. Kawasan keselamatan boleh menjadi sebuah daerah, boleh menjadi satu *region* macam ESSCOM, boleh jadi sebuah negeri macam Kelantan, pernah

berlaku, boleh jadi sebuah kawasan kecil seperti di kawasan Chow Kit. Akan tetapi, apa yang berlaku dalam kawasan keselamatan ialah keadaan yang darurat. Jadi janganlah kita bermain semantik, kononnya ini ialah kawasan keselamatan, bukan darurat. Saya tidak boleh terima dan saya yakin pihak Barisan Nasional pun tidak boleh menerima hujah sedemikian. Jadi kita...

•1910

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [*Bangun*]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya hendak sebut ini kerana ia berkaitan dengan definisi darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Negara. Jadi ia sebenarnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Beruas.

7.10 mlm.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kawasan itu pun- terima kasih. Hendak tanya Yang Berhormat Kuala Krai, kalau dalam undang-undang yang ada, dia boleh terus masuk Parlimen juga, kawasan Parlimen, *security area* dan askar-askar boleh masuk dan mengambil alih Parlimen. Sungguhpun di bawah undang-undang ini Parlimen boleh bersidang membatalkan pengisytiharan itu, tetapi kita tahu untuk Parlimen bersidang di bawah peraturan kita 11(3), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk *convince*, dengan izin, di Parlimen. Jadi akan berlaku yang sudah berlaku di negeri Perak, di mana polis masuk mengangkat keluar Speaker sah yang diakui oleh Barisan Nasional juga iaitu masa itu Yang Berhormat Batu Gajah menjadi Speaker. Ini boleh berlaku kepada Parlimen. Betul tidak, setuju tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulunglah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Gulung sudah? Baru hendak mula. Tuan Yang di-Pertua, memang kawasan sekecil kawasan Parlimen boleh ditakrifkan sebagai kawasan keselamatan. Kalau itu berlaku Tuan Yang di-Pertua, kalau ada, kalau misalnya wakil dari Beruas tewas dalam bahasa Indonesia, tidak boleh inkues. Inkues boleh ditolak. Habis sahaja Beruas ataupun Kuala Krai boleh mati dalam kawasan dia akibat daripada peristiwa tersebut. Orang akan tertanya apa punca, *nobody will know*.

Jadi, yang saya hendak tekankan di sini ialah jangan kita berbahas ataupun berbeza kononnya ini perbezaan antara kawasan keselamatan atau kawasan darurat sehingga kita mengatakan ini bukan mencabar Perlembagaan Negara, Perkara 150.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, hendak bagi?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebiasaannya saya tidak berbahas tentang isu hak asasi ataupun isu

perundangan macam ini, kebiasaannya ekonomi dan juga isu-isu kewangan. Akan tetapi bagi saya sebelum kita gulung semua perkara ini, saya hendak tekan pandangan saya bahawa isu ini tersangat penting daripada segi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Sebentar. Saya membuat keputusan tadi selepas Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Tanjong Karang, kemudian Menteri menjawab. Akan tetapi saya ingin memperbetulkan, saya ingin menjemput Yang Berhormat Temerloh kerana wakil AMANAH belum ada...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** PAS. PAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Wakil PAS belum ada yang berucap. Jadi selepas Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Tanjong Karang, kemudian Yang Berhormat Temerloh iaitu PAS dan selepas itu Menteri menjawab.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Saya sambung Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya pandangan yang penting ialah bahawa kalau rang undang-undang ini dilepaskan ataupun diluluskan, impak terhadap ekonomi kita akan lebih teruk. Ini kerana kita tahu isu tentang kejatuhan mata wang, sepatutnya mata wang kita RM3.80 tetapi sekarang RM4.20, jatuh pada hari itu RM4.40. Kejatuhan itu impak oleh sebab 1MDB dan juga *loss of investors' confidence*, dengan izin. *If we approve and pass through this law, the market will react very negatively.* Jadi isu ini bukan sahaja isu hak asasi dan isu perundangan perlembagaan kita, isunya mempunyai impak yang besar sekali terhadap ekonomi. Setuju atau tidak dengan pandangan saya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Memang hampir sebegitulah...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sedikit. Sedikit.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya jawab sedikit sahaja, kemudian kita buka. Impaknya begitulah. Saya khawatir pula kalau nanti oleh sebab dalam rang undang-undang ini, definisi kepada perkara-perkara sekuriti ini terlalu *open ended*, banyak tidak menentu. Jadi kemungkinan kejatuhan ringgit kita pun dianggap sebagai satu ancaman... *[Disampuk]* Darurat pula. Jadi Yang Berhormat Pokok Sena, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang sebenarnya masa Yang Berhormat Kuala Krai pun sudah habis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya. Saya sedikit sahaja. Saya tidak ada peluang untuk hendak berbahas, jadi beri peluang kepada saya. Ini kerana kadang-kadang kawan-kawan BN pun...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada peluang boleh menumpang Yang Berhormat Temerloh, PAS. Hendak menumpang AMANAH ya?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia mana hendak tumpang PAS, dia tumpang AMANAH.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tumpang sesiapa pun boleh. Ini kerana tadi tengok kawan-kawan BN pun bahas tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila, sila, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** ESSCOM dengan Axion. Axion itu sabun pencuci [Ketawa] Maknanya, BN pun tidak bersedia. BN pun tidak *prepare*, tidak tahu apa, tidak baca sungguh ini. Boleh *confuse* ESSCOM dengan Axion, sabun pencuci pinggan mangkuk [Ketawa] [Dewan riuh] Baik. Jadi, saya harap lepas ini Menteri boleh tarik baliklah mungkin.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Harum manis.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Krai. Setuju tidak Yang Berhormat Kuala Krai, saya katakan bahawa rang undang-undang ini menunjukkan satu rampasan kuasa Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja yang lebih dahsyat daripada apa yang berlaku satu ketika dahulu. Satu ketika dahulu, bukan rampas kuasa tetapi mengurangkan imuniti, kekebalan Raja-Raja yang tidak boleh didakwa kalau melakukan kesalahan tetapi itu pun, pada waktu itu Tun Dr. Mahathir meminda perlembagaan. Akan tetapi hari ini, rang undang-undang ini menunjukkan bahawa mengetepikan peruntukan perlembagaan yang masih lagi meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai kuasa mutlak. Jadi maknanya, kita mencetuskan satu krisis perlembagaan yang lebih dahsyat daripada apa yang berlaku sebelum ini. Setuju?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena ini dia macam ada bebas penyokong BN...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak, dia mempelam harum manis. Hijau di luar, oren di dalam.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia ini PAS penyokong AMANAH agaknya. Agaknyalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Oleh sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena dia tidak marah kalau saya bergurau fasal AMANAH pun mengakui.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak. Agaknya, agaknya. Cara tingkah laku itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Agaknya. Tingkah laku. Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita pun meraikan. Ada juga wakil BN yang pro AMANAH.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia mempelam. Hijau di luar, oren di dalam.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi saya amat bersama dengan Yang Berhormat Pokok Sena dalam pengamatan kita bahawa ini adalah lebih teruk daripada mengurangkan imuniti, tetapi mengambil alih satu peranan besar Yang di-Pertuan Agong. Ini saya rasa tidak boleh dimaafkan. Oleh sebab itu saya tengok kenyataan Tun Dr. Mahathir yang dahulu melaksanakan usaha itu pun terkejut, *I thought I have done the worst*, agaknyalah ya, *and this is even worst*, dengan izin.

Jadi untuk menutupnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini agak sangat *draconian*, dengan izin.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya Yang Berhormat Sibu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Boleh tumpang sedikit?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh, boleh.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Terima kasih. Saya mahu mendapatkan pandangan Yang Berhormat Kuala Krai, adakah ini...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun] [Disampuk]* Siapa?

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Belum lagi. Belum lagi. Saya masih...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Belum? Oh, belum lagi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Ini *floor* saya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kuala Krai sudah berhenti, sudah berhenti.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Belum.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah, sudah berhenti.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Duduklah tengok. Duduk.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ada Speaker baru pula ya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Okey. Saya rasa saya mahu mendapatkan pandangan Yang Berhormat Kuala Krai, adakah ini satu bil- rang undang-undang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kuala Krai.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Kuala Krai. Kuala Krai. Jangan kacau. Jangan kacau. Saya rasa ini rang undang-undang yang tidak adil kerana... *[Disampuk]* Jangan bisingslah. Ini undang-undang tidak adil kerana bukan sahaja dia tidak mendapat rundingan dari kerajaan negeri, dalam anggota Majlis ini pun tidak ada wakil negeri. Tengok anggota yang dijadualkan dalam akta ini, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri yang bertanggungjawab



kepada pertahanan, Menteri yang bertanggungjawab hal ehwal dalam negeri, Menteri dalam komunikasi dan multimedia. Ini semua Menteri UMNO. Ini semua Menteri UMNO dan ini semua Menteri dari Semenanjung Malaysia. Tidak ada seorang daripada wakil Sarawak atau Sabah. Lagi tengok, Ketua Setiausaha Negara ini sekarang pun orang Semenanjung. Panglima Angkatan Tentera sekarang pun orang Semenanjung. Ketua Polis Negara juga orang Semenanjung. Adakah akta ini menghormati orang Sarawak? Tidak ada.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Dianaktirikan... [*Dewan riu*]

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Mana boleh meluluskan akta macam ini. Saya harap...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini juga standard Axion. Ini Axionlah ini.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Sekarang saya semua Ahli Parlimen – Anda sekarang boleh balik rumah, jangan undi akta ini. Sila ketepikan akta ini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibu. Ya Yang Berhormat Sibu. Ini bukan pencelahan ini. Sila.

#### ■1920

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Walaupun sudah membaca senarai Ahli-ahli Majlis ini tidak perasan pula tidak ada orang Sabah dan Sarawak. Jadi ini merupakan satu lagi perkara yang harus menimbulkan kesedaran kepada kita bahawa rang undang-undang ini perlu dikaji semula. Untuk sementara ini elok ditarik dahulu, rangka elok-elok, rujuklah kepada semua *stakeholder* dengan izin, termasuk rakyat, termasuk *civil society* dan juga membawa perkara ini kepada Majlis Raja-Raja untuk dipertimbangkan kerana ia isu yang besar. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya mohon membangkang dan minta ditarik balik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, sepuluh minit ya.

#### 7.20 mlm.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ikut perkembangan perbahasan ini, saya lihat bahawa sebelah sana punya hujah dua isu yang mereka tengok yang patut kita timbangkan juga. Pertama tuduhan mereka yang mengatakan bahawa undang-undang ini *contradict* ataupun bercanggah dengan Artikel 150.

Jadi di sini saya pun hendak minta Menteri kalau boleh jelaskan betul-betul apakah perbezaan darurat di bawah 150 dengan kawasan keselamatan yang diberikan tafsiran, pengisytiharan kawasan keselamatan. Apakah bezanya ini? Ini cukup jelas, kalau kita dapati bahawa kawasan keselamatan ini yang kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan ini tidak sama sekali berbeza dengan darurat, maka ia tidak *contradict* pada Artikel 150.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, *wait let me finish first*. Jadi dan kita lihat di sini kawasan keselamatan seperti ESSZONE di Sabah...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah, yes ESSZONE, betul. Okeylah. Baik, dekat Sabah kawasan keselamatan. Ya, ini singkatan dia. Kawasan yang betul faham kawasan *The Eastern Sabah Security Zone*, ini yang susah ini, yang harumanis luar hijau sudah naik oren, hendak cakap banyak susahlah *[Ketawa]* Susahlah. Betulkan dulu. Hendak oren, oren, hendak hijau, hijau *[Ketawa]*

Saya ambil contoh, kalau kita lihat kawasan keselamatan ya, kawasan keselamatan ESSZONE ini diwujudkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam Sabah 1962. Jadi kalau kawasan keselamatan ini boleh diwujudkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang hari ini pun sedang berjalan, adakah ia berbeza? Adakah ia *contradict* dengan Artikel 150 bila mengisytiharkan kawasan sesuatu kawasan keselamatan. Ini cukup jelas.

Jadi kita lihat di Sabah bila diisytiharkan kawasan keselamatan kuasa siapa? Adakah ia perlu mendapatkan persetujuan daripada Yang di-Pertuan Agong? Bagi saya seandainya akta ini diluluskan nanti bahawa ia juga tidak bercanggah dengan kuasa yang telah dibuat oleh Menteri Dalam Negeri mengisytiharkan kawasan di Sabah itu kawasan keselamatan kerana ia mempunyai dua undang-undang yang berbeza.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi ini yang penting. Jadi mesti ada perbezaan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Beruas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas tidak benarkan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau saya- saya akan bagi. Saya bagi *don't worry*, saya bagi. Bagi saya habis dahulu. Saya ada dua isu hendak saya cakap. Satu adakah ia *contradict* dengan 150, dan adakah ia melibatkan kuasa negeri. Dua isu sahaja, ini penting. Saya bersetuju, sebab ini melibatkan Perlembagaan. Jadi kalau kita, kalau Menteri boleh membezakan darurat ini apa akan berlaku? Apa yang kita lihatlah kerana kita pernah mengalami keadaan darurat. Bila waktu darurat kalau seingat sayalah kuasa kerajaan negeri pun sudah tidak ada. Dia sudah tidak ada kuasa-kuasa legislatif tidak ada, eksekutif yang ambil pentadbiran negara. Tidak ada.

Ertinya, Parlimen pun kalau tidak silap saya, pun sudah tidak ada. Adakah ini sama dengan bila kita isytihar kawasan itu kawasan untuk keselamatan, Parlimen tidak boleh bubar, bila kuasa-kuasa legislatif pun sudah tidak ada, apa bezanya. Jadi ini kena betul-betul jelas. Saya hendak tanya mengapa waktu kita menubuhkan ESSZONE dulu, mengapakah tidak timbul soal ini *contradict* dengan Artikel 150? Padahal mengikuti undang-undang yang sama. Jadi kalau ini dapat dijelaskan, saya ingat kita amat jelas bahawa undang-undang ini tidak *contradict* dengan Artikel 150. Ya, Yang Berhormat Beruas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau boleh saya hendak dapat pandangan ataupun penjelasan daripada Menteri. Selain daripada Perkara 150, lagi satu sebenarnya daripada pihak kami saya tidak sempat berhujah ialah ia bercanggah dengan Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Ini kerana dalam Perlembagaan kita, mana-mana peruntukan yang melanggar dengan izin, kebebasan asasi or *fundamental liberty* Perkara 5 dan 13 adalah tidak sah kalau kita luluskan undang-undang pun tidak sah melainkan ia di bawah pengecualian Perkara 149. Kita tahu di bawah Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 ini ada seksyen 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29 dan 30 melanggar Perkara 5 iaitu kebebasan diri dan hak terhadap harta, Perkara 13.

Jelas Perkara 149 menyatakan mana-mana undang-undang yang boleh melanggar Perkara 5 dan 13 mesti ada mukadimah atau *preamble* yang mesti berbunyi, dengan izin, dalam bahasa Inggeris. "*The act must recite that actions has been taken or tighten by any substantial body or persons inside or outside the federation to organize violence to aside this affection against Yang di-Pertuan Agong to promote serial or areas...*" dan seterusnya.

Saya nampak dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 ini, *preamble* mukadimah ini tidak ada. Maksudnya undang-undang ini mencabuli Perkara 5 dan 13 dan tanpa mukadimah ini undang-undang ini secara melalui Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan, ini diisytiharkan tidak sah. Itu pun kalau kita luluskan. Harap Menteri dapat memberi jawapan kepada perkara ini yang begitu jelas di bawah Perkara 149. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, terima kasih. Tidak apalah itu Menteri boleh jawablah. Saya tidak nafikan apa sahaja hujah Yang Berhormat tetapi saya yakin bahawa apabila sebelum sesuatu rang undang-undang dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini, setiap undang-undang ini pasti telah dirujuk ke Pejabat Jabatan Peguam Negara. Mereka juga Jabatan Peguam Negara kita tidak boleh nafikan mereka juga ada pakar-pakar daripada segi undang-undang.

Sekiranya mereka dapati ia bercanggah Yang Berhormat bangkit saya tidak fikir mereka akan setuju untuk bawa ke dalam Parlimen kerana ini amat serius. Ini kerana ia *contradict* ataupun yang didakwa sebagai bercanggah dengan Perlembagaan. Saya bersetuju, kita angkat sumpah. Kita kena menghormati Perlembagaan kita. Kalau betul ia bertentangan dengan Perlembagaan saya pun tidak akan setuju. Akan tetapi kita kena tunggu dulu apa jawapan daripada pihak kerajaan. Akan tetapi sebelah sana saya tengok cara mereka berhujah dia sudah spin seolah-olah kita ini tidak menghormati Majlis Raja-Raja, hendak cuba kaitkan dengan politik dan juga saya amat sedihlah apabila...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh sikit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Daripada mana di belakang tadi bangun tadi. Yang Berhormat Sibuh?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya, boleh...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sibü, tidak bolehlah kita hendak kaitkan...

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Ini memang tidak menghormati rakyat Sarawak dan Sabah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, sabar dahulu, sabar dahulu. Dengarlah dulu. Saya kata ini tidak bolehlah hendak kaitkan mengapa Ketua Polis Negara bukan orang Sabah, Ketua Angkatan Tentera bukan orang Sarawak, ini sudah mainkan sentimen yang amat bahaya kalau hendak menimbulkan semangat yang macam itu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Boleh saya tanya satu?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kita... Nanti saya bagi, tunggu dulu.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi saya hanya hendak bagi tahu tidak baiklah. Kita tidak boleh hendak timbulkan sentimen macam ini. Kita pun pernah juga, bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Bakri Zinin dari Sabah. Jadi janganlah tengok soal kenegerian.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Bolehkah Perdana Menteri dari Sabah dan Sarawak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong Karang ada satu minit lagi.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Perdana Menteri boleh dari Sabah dan Sarawak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, itu sebab Yang Berhormat, dia tidak faham Perlembagaan. Tolong baca Perlembagaan bahawa siapa yang boleh jadi Perdana Menteri. Bukan mesti orang Melayu. Eh, orang Cina dan India pun boleh jadi Perdana Menteri.

#### ■1930

Baca, bahawa mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang mendapat sokongan majoriti dalam Dewan Rakyat, dia mesti boleh jadi Perdana Menteri. Apa pula orang Sabah Sarawak, Apakah salahnya? Cina India pun boleh jadi Perdana Menteri, melainkan negeri Selangor, melainkan negeri Perak. Dia ada sebut, hendak jadi Menteri Besar Perak, Menteri Besar Selangor mesti Melayu dan beragama Islam. Tidakkah itu pun Yang Berhormat tidak faham. Sebab ini yang kita jadi kelam-kabut. Apabila tidak faham hendak mencelah, menimbulkan sentimen-sentimen perkauman, sentimen kenegerian, tidak boleh, ini bahaya.

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü]:** Kalau hari ini...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat yang tidak ada kena mengena duduk dahulu. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Saya hendak bawa kepada isu yang agak spesifik. Tadi kita sebut Esszone yang diurus oleh ESCOM. ESCOM ini dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah. Saya cuma hendak dapat penjelasan daripada Yang

Berhormat Tanjong Karang, kalau undang-undang ini dilaksanakan dan katakanlah Esszone ini diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan dan struktur *command* dia agak berbeza dengan apa yang sekarang. Maksudnya sekarang ini setiap unit keselamatan ini menjalankan tugas mengikut undang-undang masing-masing. Tentera kalau berperang dengan anasir dari luar, polis uruskan ketua kampung, uruskan dengan keselamatan dalam negara. Tentera tidak dilatih untuk tangkap orang atau *handle local*. Akan tetapi, saya ingat kalau undang-undang ini diluluskan, dan sekiranya Esszone ini isytiharkan sebagai kawasan, ia akan berbeza. Adakah ini untuk menjustifikasikan undang-undang ini adakah ini akan mempertingkatkan lagi operasi di Esszone? Kalau itu betul, maksudnya ada keperluan. Kalau tidak, ia akan mewujudkan huru-hara dalam pengurusan kawasan keselamatan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Sila gulung dan habiskan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya baru hendak mukadimah. Tidak apalah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab itu Yang Berhormat jangan bagi celahan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya sebut tadi Yang Berhormat Batu, saya ada sebut bahawa sekiranya RUU ini diluluskan, ia tidak bercanggah dengan *zone* kerana ia mempunyai matlamat untuk menjaga keselamatan. Jadi sudah tentulah mereka akan segi pentadbiran, segi pelaksanaan mesti tidak akan ada percanggahan. Hanya yang kita hendak bincangkan di sini ialah adakah RUU ini bertentangan dengan Artikel 150, itu yang pertama. Tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Bagan, saya pun sedih juga daripada Yang Berhormat Bagan sahabat lama saya. Bagaimana Yang Berhormat boleh mendakwa bahawa mesti besar Ketua Menteri ke kerajaan negeri mesti dimasukkan di dalam jawatankuasa atau dibincang, diketepikan kerana jelas bahawa kuasa-kuasa keselamatan ini ialah kuasa Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan.

Jadi, ini yang telah ditetapkan dalam perlembagaan ini ialah pembahagian kuasa di antara federal dengan *state* juga dalam perlembagaan adalah tidak patut kita hendak ungu-ungkit lagi. Sekali lagi saya hendak kata, kita kata kita menghormati perlembagaan sebab itu saya hendak ulang lagi, kalau betul-betul ia memang bertentangan darurat dan kawasan keselamatan ini sama kesannya, itu saya bersetuju. Memang saya pun bersetuju memang ia *contradict* dengan Artikel 150. Jadi kita tunggu. Bagi saya kita dengar betul-betul daripada kerajaan apa beza darurat dengan kawasan keselamatan. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh. Selepas Yang Berhormat Temerloh Yang Berhormat Menteri sila jawab. Sila.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Azubahillahi minash syaitonir rojim. Bismillahir Rahmanir Rahim.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Pokok Sena, tidak mahu menumpang kah?

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk turut sama berkongsi pandangan dalam kita membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015. Saya mengambil satu pendirian yang serupa dengan rakan-rakan untuk Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini dicadangkan supaya ia tidak wajar disokong oleh semua Ahli Dewan dan selayaknya perlu ditarik balik dan dinilai semula. Di mana kerajaan sewajarnya menggantikan dengan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara yang lain selepas daripada berbincang dengan pihak-pihak yang berautoriti pihak-pihak yang berkepentingan supaya ahli akademik termasuk juga ketua-ketua *whip* daripada parti-parti pembangkang dan agensi-agensi kerajaan terbabit.

Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini yang dicadangkan oleh kerajaan saya kira tidak wajar diteruskan kerana saya melihat sebagaimana yang dibangkitkan oleh rakan-rakan lain turut sama bercanggah dengan perlembagaan. Paling mudah untuk kita lihat ialah kerana dia memberi satu kuasa yang serupa dengan kuasa darurat yang berada di bawah Perkara 150, sebagaimana yang dibincangkan tadi. Saya juga sebagaimana sahabat saya dari Tanjong Karang ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak Menteri. Kuasa darurat ini kita tahu hanya boleh dilaksanakan di bawah Perkara 150 dan saya lihat seksyen-seksyen 18 hingga 36 yang mana berkaitan dengan kawasan keselamatan. Ini adalah berbentuk pentadbiran darurat dan ia memang bercanggah dengan perlembagaan dan kita tahu bahawa darurat adalah satu kuasa yang khusus iaitu satu pengecualian kepada pentadbiran yang normal dan ia boleh dibuat melalui mekanisme yang khusus iaitu melalui kuasa perlembagaan. Maknanya, jika Majlis Keselamatan Negara hendak diberikan kuasa ia boleh dibuat dengan pindaan perlembagaan.

Tetapi itu pun Tuan Yang di-Pertua saya kira ia tidak perlu dilakukan kerana perlembagaan yang sedia ada ini sudah ada mekanisme yang tersendiri dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menubuhkan Majlis Gerakan Negara melalui fasal 1 dan juga fasal 4 Perkara 150 ini. Selain itu, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara ini juga tidak wajar kerana ia memberi kuasa yang terlalu luas yang terlalu besar kepada Majlis Keselamatan Negara tanpa melibatkan Yang di-Pertuan Agong yang merupakan ketua utama negara kita. Contohnya, apa yang disebut di bawah seksyen 4 dan 5 dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa ini termasuk juga untuk mengawal entiti kerajaan yang tentunya melibatkan Angkatan Tentera Malaysia sedangkan Yang di-Pertuan Agong merupakan pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia menurut Perkara 41 Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan Persekutuan ini. Jadi, saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain bahawa RUU ini boleh dianggap sebagai satu penghinaan ataupun satu yang bertentangan dengan perlembagaan dan juga penghinaan kepada Institusi Istana.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu peranan Yang di-Pertuan Agong langsung tidak disebut dalam Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara sebagai pihak yang menaungi keselamatan negara. Bahkan tidak disebut pun dalam peranan yang menentukan keanggotaan Majlis Keselamatan Negara dan juga pelantikan Ketua Pengarah Keselamatan Negara dan juga tidak disebut dalam pengisytiharan dan pentadbiran kawasan keselamatan dalam RUU ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kuasa yang dicadangkan untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan yang disebut dalam seksyen 18 juga terlalu luas. Ia juga boleh meliputi seluruh negeri dan juga beberapa buah negeri atau seumpamanya. Apa yang kita bimbang cuba kita bayangkan jika kuasa itu disalah guna. Dalam waktu keadaan biasa itu tidak apa, tetapi jika berlaku dalam keadaan ia disalahgunakan sehingga mewujudkan pemerintahan ala darurat di kawasan yang begitu luas, maka ini satu perkara yang sangat berisiko.

Jadi, kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan itu tambah-tambah lagi lebih parah apabila diserahkan kepada individu iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukannya kepada kumpulan iaitu Majlis. Jadi, hakikat ini sudah tentulah sebagaimana yang saya sebutkan tadi dia akan mencetus ataupun membuka risiko penyalahgunaan kuasa yang lebih parah pada masa yang akan datang. Jadi kita mengambil langkah awal kebimbangan ini untuk kita pastikan supaya ia tidak berlaku. Masalah yang paling ketara...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Temerloh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bos minta kena bagi ya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Temerloh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Dalam keadaan MKN hari ini yang kita tidak bincang ini pun. Kita sedang lihat negeri yang diperintah oleh yang bukan lain daripada Barisan Nasional, Pengerusi kepada Majlis Keselamatan Negeri itu bukan daripada Menteri Besar ataupun Ketua Menteri.

#### ■1940

Apakah pandangan Yang Berhormat Temerloh kalau ini pula kita luluskan dengan keadaan yang memberikan kuasa penuh pula kepada Perdana Menteri? Minta penjelasan.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya inilah yang kita lahirkan kebimbangan dan rata-rata kawan-kawan pun turut sama mengemukakan perkara ini. Pemusatan kuasa itu adalah suatu yang sangat kita bimbang kerana ini akan terdedah kepada apa yang kita sebutkan tadi sebagai risiko besar kepada salah guna kuasa yang akan lebih parah pada suatu masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling ketara saya sambung ialah kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pengarah Operasi dan Petugas Keselamatan dalam seksyen 22, sehingga seksyen 36, juga terlalu luas dan boleh dianggap sebagai berunsur pentadbiran diktator ataupun kuku besi. Ini yang mana mereka ini boleh menahan, memindahkan orang, membuat perintah

berkurung, mengawal pergerakan dan jalan, menangkap orang yang disyaki yang membuat apa-apa kesalahan di mana-mana sahaja di bawah undang-undang, memeriksa dan juga menyita, menggeledah premis, memeriksa benda berbahaya, menyita kenderaan, mengambil milikan tanah dan juga bangunan, memusnahkan bangunan dan juga menggunakan kekerasan.

Jadi ini adalah satu skop ataupun ruang yang begitu luas yang saya kira tegasnya saya hendak sebut di sini ialah rang undang-undang ini tidak wajar dan dicadangkan supaya ditarik balik dan dikemukakan semula Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara dalam sidang yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuala Nerus. Macam Yang Berhormat Temerloh sudah hendak habis sahaja.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Eh tidak habis lagi itu. Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Dalam Bahagian 4(38) menyebut isu suci hati, cara tindakan, guaman, pendakwaan yang boleh dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati. Macam mana kita hendak ukur suci hati, dalam hati manusia... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini membuka ruang yang sangat besar untuk dimanipulasikan. Macam mana pandangan Yang Berhormat Temerloh.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya ringkasnya saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh boleh gulung.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua saya tegaskan rang undang-undang ini sepatutnya ditarik balik dahulu. Kalaupun hendak dikemukakan semula pada sidang akan datang boleh dikemukakan dan saya beri pandangan sedikit.

Sepatutnya rang undang-undang ini kalau dikemukakan pada masa yang akan datang mestilah mempunyai elemen-elemen, yang pertama ialah keseimbangan antara kepentingan penjagaan keselamatan negara dan juga hak asasi rakyat, itu yang pertama.

Kemudian yang kedua mewujudkan penyelarasan, pentadbiran keselamatan yang cekap, yang berkesan dan juga yang menyeluruh.

Ketiga mengambil kira kedudukan Yang Di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara dan pemerintah tertinggi angkatan tentera.

Keempat tidak mewujudkan mekanisme pentadbiran ala darurat, sebaliknya menggunakan kuasa yang sedia ada pada agensi-agensinya seperti Polis Diraja Malaysia melalui Akta Polis 1977.

Akhirnya mengambil kira hak asasi rakyat sebagaimana termaktub dalam perlembagaan yang mana hak asasi hanya boleh dikecualikan jika ia dibenarkan oleh perlembagaan. Misalnya melalui mekanisme darurat yang kita bincangkan ini di bawah Perkara 150, Perlembagaan Persekutuan.

Jadi itulah apa yang ingin saya kemukakan dalam ruang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**7.44 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Nampaknya kalau saya jawab satu persatu ia akan memakan masa dekat dua jam tetapi untuk tujuan ...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bila saya habis bolehlah berbunyi PR1MA dengarlah dahulu. Kalau sekiranya saya merangkumkan daripada semua perbincangan menyentuh kepada Perkara 149, 150 dan juga seksyen 18 dalam akta yang akan dipersetujukan sebentar lagi iaitu berkait kepada kononnya kita mencuri, *power grab*, dengan izin, daripada Agong.

Saya sebenarnya, sahabat saya daripada Yang Berhormat Gombak saya cukup hormat orang pengamal undang-undang dan saya seronok. Akan tetapi ada juga pengamal undang-undang yang juga bercakap macam pengamal undang-undang macam Yang Berhormat Gombak, saya seronok, Yang Berhormat Lembah Pantai pun saya seronok. Akan tetapi saya hendak bagi tahu di sini bahawa pada hari ini saya hilang sedikit hormat kepada kawan-kawan yang saya hormat kerana dia orang tidak baca undang-undang ini. Dia bercakap macam itu sahaja, semberono tanpa melihat dengan terperinci undang-undang ini.

Walaupun saya sendiri bukanlah pengamal undang-undang tetapi saya baca dan saya terus baca. Saya sedih bila kita lihat kawan-kawan kita bercakap dengan cara berleluasa dan penuh dengan ketidakbetulan. Saya tidak mahu sebut bohong, ketidakbetulan berhubung dengan Perkara 150, 149. Pada hal kita bercakap hari ini ialah Perkara 74(1) Perlembagaan Malaysia iaitu di mana Parlimen boleh membuat undang-undang tertentu mengenai suatu perkara. Kita cakap bahawa Perkara 74(1), kita bukan merampas Perkara 150 dan juga Perkara 149. Hari ini kita bercakap berhubung dengan keselamatan bukan darurat. Wahai rakyat Malaysia yang dikasihi sebab benda ini didengar oleh semua pihak termasuk yang di atas sana, bahawa ini bukan pengisytiharan darurat ini ialah pengisytiharan kawasan keselamatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa sekarang ...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya belum habis lagi. Saya bilang saya habis sudah pasti Yang Berhormat Tuan R. Sivarasa dan Yang Berhormat Puchong saya akan benarkan. Tidak ada masalah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi bukan Sivarasa ya, saya betulkan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Sorry* maaf, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya terpanggil-panggil sebab Yang Berhormat mesra di luar sana.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sivarasa kita bincang di luar.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya di luar sana, saya minta maaf tetapi luar dengan sini pun bezanya dalam tiga empat kaki sahaja ya, kalau mati enam kaki. Okey balik kepada tajuk ini Yang Berhormat, kita bercakap fasal keselamatan.

Pada masa sekarang kita ada Majlis Keselamatan Negara yang ditubuhkan selepas 1971, selepas MAGERAN kita tubuhkan Majlis Keselamatan Negara dan sekarang ini Majlis Keselamatan Negara terpaksa mengeluarkan 24 Arahan Perkhidmatan. Jadi saya sekarang ini mentadbir Arahan 20 iaitu Agensi Pengurusan Bencana Negara, itu Arahan 20 Yang Berhormat. Akan tetapi kita lihat bila kita isytiharkan sesuatu kawasan itu kawasan keselamatan macam ESSZONE.

Tadi Yang Berhormat Kulim sebut EXZON, ZON dia tidak sebut Axion, Yang Berhormat Pokok Sena jangan fitnahkan dia. Dia sebut EXZONE yang ini sebenarnya ESSZONE ini *pronunciation [Ketawa]* Terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat hendak sebut apa pun tidak apa sebab apa kalau kita pergi Filipina macam-macam dia *pronounce*. Macam Yang Berhormat Lembah Pantai baru balik dari Filipina, macam mana dia sebut satu perkataan dia berdasarkan *spelling*. Macam *run* kita kata sini dia kata *ron* sebab apa dia mengikut *spelling* itu. Jadi... *[Disampuk]* Nurul Nurullah juga so kalau Yang Berhormat Gerik sebut EXZONE sebab apa dia memang sebut macam itu, kadang-kadang kita ada juga orang di sesetengah tempat dia *pronounce* macam itu, itu maksudnya ESSZONE, dia tidak kata Axion jangan perkecilkan sahabat saya. Ini sebab apa daripada segi *pronunciation* kadang-kadang kita pelbagai.

Okey, sekarang ini saya hendak ucap terima kasih, ini saya ucap hendak rekod kah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri sebenarnya perkara ini sudah ditimbulkan oleh pembahas tadi. Itu Yang Berhormat Menteri cuba jelaskan. Sila Yang Berhormat Putatan ada.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Boleh tidak abang cakap laju sedikit boleh tidak? *Where are you now? You are ...*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Sekejap sahaja abang, abang Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya lebih merujuk kepada Perkara 6 dia punya Majlis hendaklah yang terdiri daripada anggota-anggota yang berikut. Saya mahu tanya saya tengok di mana yang Sabah punya ini, kata Menteri ada. Kalau sekiranya kawasan itu

*happen to be* di Sabah, dengan izin, dan di Sarawak, mengapa tidak penglibatan orang Sabah ini sebab seolah-olah Sabah ini dipinggirkan. Boleh, ini bukan sensitif tetapi ketara di sini tidak ada.

■1950

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Sebenarnya saya hendak jawab sekejap lagi tetapi kalau Yang Berhormat dengar ucapan daripada Yang Berhormat Batu, kadang-kadang saya tidak setuju banyak dengan ucapan mereka tadi. Akan tetapi Yang Berhormat Batu sebut tadi betul. Kita kena ingat Pengerusi Keselamatan Negeri ialah Menteri Besar ataupun Ketua Menteri. Itu jangan lupa itu. Saya tidak pasti Selangor.

**Seorang Ahli:** Selangor tidak dapat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Selangor kita akan pertimbangkan kemudian setelah bersama dengan Barisan Nasional.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Itu negeri UMNO sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Selangor Yang Berhormat Tanjong Karang apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat kebanyakannya bercakap hanya persepsi dan bukan kebenaran. Macam sesuatu benda itu belum kita dengar lagi tetapi ia kebenaran tidak apa. Contohnya ada satu orang dapat Dato' Seri, kita kata itu bukan persepsi, itu kebenaran tetapi kalau kata dia dapat Tun salah. Dato' Seri, Dato' Seri tetapi saya tidak sebut nama. Yang Berhormat Putrajaya *don't worry*, saya pun cerdik, saya sudah lama dalam politik Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya tidak lama lagi dapat. Menteri, Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia tidak lama lagi dapat Dato' Seri. Saya pun dengar-dengar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Oh ye ke? *Alhamdulillah*, tahniah sesiapa boleh. Ya bukan Yang Berhormat Batu *confirm*. Okey sekejap, sekejap. Saya hendak jawab dahulu, saya hendak ucap terima kasih supaya saya dapat *record* dalam Parlimen ini. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Puchong yang telah bercakap tadi, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu hendak bagi *record* sebab saya mungkin tidak dapat jawab semua. Saya sebut nama supaya mereka puas hati. Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Padang Serai, kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Gerik, bukan Greece, Gerik, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Penampang tadi dia menumpang tadi, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Temerloh, ...

**Beberapa Ahli:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Tanjong Karang. Ada Yang Berhormat Tanjong Karang? Ada lagi yang saya tidak sebut nama?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas. Boleh saya mencelah Perkara 149 kalau boleh dijawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya okey sekejap lagi saya jelaskan tetapi Yang Berhormat supaya pengamal undang-undang yang dijemput ataupun tidak saya rasa mereka juga tidak baca, tidak baca rang undang-undang ini dengan betul kerana kita sebut dengan terang di sini bahawa ini ialah berhubung dengan Perkara 74(1), bukan Perkara 149 ataupun Perkara 150 Yang Berhormat.

Okey saya bagi perbandingan, ini perbandingan kita boleh lihat. Ini perbandingan antara pengisytiharan darurat di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan dengan pengisytiharan kawasan keselamatan kawasan 18 Rang Undang-undang MKN adalah seperti berikut, pertama *threshold* dengan izin. Threshold adalah pra diplomasi darurat dan pengisytiharan kawasan keselamatan adalah berbeza. darurat ialah satu perkara yang lebih besar. Perkara 150 satu darurat besar sedang berlaku atau hampir pernah berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam di dalam Persekutuan atau di dalam mana-mana bahagian yang terancam.

Perkara 18, Fasal 18 keselamatan di dalam mana-mana kawasan di Malaysia diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang, perkara atau benda yang menyebabkan atau berkemungkinan untuk menyebabkan bahaya yang serius kepada orang atau bahaya yang serius kepada wilayah, ekonomi, infrastruktur utama negara atau apa-apa kepentingan Malaysia yang lain dan menghendaki tindak balas negara serta-merta. Kuasa mengisytiharkan Perkara 150 kuasa mengisytiharkannya ialah Yang di-Pertuan Agong tetapi juga kita maklum bahawa di bawah *constitutional* MONAF Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Perkara Fasal 18 Perdana Menteri boleh berbuat demikian atas nasihat Majlis. Tempoh pengisytiharan. Perkara 150 berkuat kuasa sehingga pengisytiharan darurat dibatalkan atau diumumkan oleh Parlimen. Fasal 18, enam bulan daripada tarikh pengisytiharan itu berkuat kuasa, pengisytiharan boleh diperbaharui oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan pada suatu masa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri sekejap.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kesan daripada pengisytiharan Perkara 150. Yang di-Pertuan Agong boleh memasyhurkan apa-apa ordinan yang didapatinya perlu mengikut hal keadaan. Fasal 18, anggota pasukan keselamatan yang ditugaskan akan mempunyai kuasa-kuasa khas sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Bahagian V, Rang Undang-undang ini.

Kuasa eksekutif bagi Perkara 150. Kuasa eksekutif Perlembagaan hendaklah ia meliputi apa-apa perkara dan kuasa perundangan sesuatu negeri dan pemberian arahan kepada sesuatu kerajaan atau sesuatu negeri. Fasal 18 pula, Pengarah Operasi akan dilantik untuk menjadi orang yang bertanggungjawab bagi operasi di dalam kawasan keselamatan.

Perkara 150, Parlimen mempunyai kuasa membuat rang undang-undang mengenai apa-apa perkara kecuali perkara yang menyentuh agama Islam, adat orang Melayu dan Undang-undang Anak Negeri Sabah dan Sarawak. Seksyen 18, Majlis boleh mengeluarkan perintah eksekutif kepada mana-mana entiti kerajaan dan pasukan keselamatan bagi maksud menangani ancaman di dalam kawasan keselamatan.

Jadi ini antara perkara-perkara perbandingan yang saya ingin maklumkan seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Tanjong Karang iaitu perbezaan mengenai Perkara 150 dan juga perkara Fasal 18.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sekejap Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya hendak memaklumkan bahawa undang-undang ini dibuat yang pertama sekali ialah kita sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Majlis Keselamatan Negara kena ada undang-undangnya. Jadi inilah undang-undang yang menentukan hala tuju Majlis Keselamatan Negara.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Keduanya ia bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti penyelidikan, maklumat. Tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat menyebutkan, Yang Berhormat Kuala Krai kalau tidak silap menyebut bahawa maklumat kita tidak tepat dan tidak diselaraskan. Maka melalui rang undang-undang ini maklumat dapat diselaraskan. Jika tidak dapat diselaraskan, kita ada masalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ketiga, yang paling penting. Yang Berhormat Sepang yang ketiga yang paling penting.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Semasa kita membuat pengisytiharan kawasan ESSZONE yang dikuatkuasakan oleh ESSCOM kita lihat ada tiga buah agensi yang menjalankan tugas masing-masing. Tugas utama iaitu KPDNKK dan juga JPJ pun ada undang-undangnya. Akan tetapi kuasa utama sekarang, badan utama yang melaksanakan kuat kuasa undang-undang di ESSCOM yang pertama ialah polis, dia ada undang-undangnya. Kedua, MARITIM di bawah bidang kuasa saya ada undang-undangnya tetapi tentera tidak ada.

Jadi tujuan undang-undang ini dibuat supaya semua pasukan keselamatan mempunyai peraturan dan undang-undang yang sama di kawasan tersebut. Makna kata polis dan tentera kali ini juga mempunyai kuasa yang sama apabila mereka buat rondaan. Tidak bolehlah apabila tentera buat rondaan dia kata saya kena henti sekejap, kena rujuk kepada polis.

Akan tetapi kita lihat tangkapan tanpa waran yang dibuat ini tidak menyalahgunakan kuasa. Yang Berhormat, apabila tentera tangkap, mereka hendaklah menyerahkan kepada polis ataupun balai polis berdekatan. Tidak ada pelanggaran undang-undang tetapi Yang Berhormat telah bercakap benda yang kurang manis kepada *public*. Saya tidak mahu, saya akan jawab dengan Allah Taala di akhirat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya jaga di sini, kita bicara di akhirat nanti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, okey boleh?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak payah emosi. Tidak payah emosi [*Ketawa*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat telah bercakap tidak benar kepada rakyat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, tunggu sekejap. Tidak benar kepada rakyat kononnya kita cuba mengambil kuasa daripada Yang di-Pertuan Agong. Kita tidak menyentuh. Daulat Tuanku, Daulat Tuanku, semua ikut.

**Beberapa Ahli:** Daulat Tuanku.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi tipulah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kami lebih tinggi suara daripada pembangkang. Ini kita cuba melaga-lagakan kuasa Yang di-Pertuan Agong. Kita hendak beritahu bahawa tidak tersentuh pun kuasa Yang di-Pertuan Agong, Perkara 150 dan juga Perkara 149. Akan tetapi kita buat kuasa ini ialah kuasa Parlimen Perkara 74(1). Baru hang pa padan muka.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey boleh? Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Siapakah dahulu? Yang Berhormat Sepang dahulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang manakah satu Yang Berhormat? Yang Berhormat Sepang atau Yang Berhormat Subang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Sepang dahulu?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Sepang *first*, selepas itu Yang Berhormat Subang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sesiapa pun tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang manakah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sesiapa pun tidak apa.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Sepang dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dari Arau. Yang Berhormat Menteri, pertamanya saya hendak tanyalah *Article 74(1)* itu ini semua undang-undang yang kita buat di Parlimen ini memang di bawah *Article 74* melainkan kita hendak buat undang-undang di peringkat negeri. Jadi kenapa hendak masukkan *argument Article 74* ini? Kita hendak buat undang-undang pasal insurans pun bawah *Article 74*. Ini tidak payah cakap pun semua orang tahu.

Sekarang isunya, tidak faham diamlah. Jadi sekarang isunya Yang Berhormat Menteri, sekarang rang undang-undang yang kita buat ini Yang Berhormat Menteri, rang undang-undang yang memberikan satu kuasa yang drastik. Kuasa-kuasa yang sepatutnya kuasa-kuasa itu dilaksanakan dalam keadaan darurat.

■2000

Jadi kalau kita hendak buat kuasa-kuasa itu, hendak berikan pada Perdana Menteri, kita mesti perhatikan Artikel 149, Artikel 150 yang memberikan peruntukan untuk undang-undang seperti ini dibuat. Jadi kalau hendak buat undang-undang seperti ini bukan tidak boleh, boleh, tapi mesti perhatikan *requirement* dalam Artikel 149 dan Artikel 150 yang memberikan *special measures, special procedures*. Itu yang kita bantah itu. Jadi, boleh, saya harap Yang Berhormat kena fahamlah. Tentang jawab di akhirat itu, memang semua orang terpaksa jawab di akhirat. RM2.6 bilion pun kena jawab dekat akhirat nanti.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau kita kecoh di dunia ini, kita jumpa di akhirat, tidak ada masalah. Akan tetapi saya hendak beritahu pada Yang Berhormat, saya ada buat perbandingan tadi Perkara 150 dan juga Fasal 18, undang-undang baru ini. Kita ada bagi, buat perbandingan. Saya hendak bagi tahu sekarang ini, ESSCOM yang berjalan sekarang ini tidak ada masalah. Kita, ESSCOM berjalan dengan lancar. Akan tetapi kita ada masalah daripada segi pasukan keselamatan sebab polis ada kuasa, maritim ada kuasa, tentera tidak ada kuasa. Tentera hanya boleh buat *public arrest* dengan izin. Dia boleh buat tangkapan awam. Dia tidak ada kuasa seperti yang ada pada polis.

Jadi, dia sekarang mereka sedang meronda. Jadi bila tentera meronda, dia tidak ada kuasa-kuasa lain. Akan tetapi kita hendak bagi tahu di sini bahawa walaupun kita mengisytiharkan kawasan itu kawasan itu kawasan keselamatan tetapi undang-undang lain tidak terjejas.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Arahan MKN 24, arahan itu pun tidak terjejas, undang-undang lain tidak terjejas dan sebagainya. Matlamat kita ialah kita hendak selesaikan masalah keselamatan. Yang Berhormat saya hendak beritahu semasa kita berlaku kematian di Tanduo itu, saya tidak nampak pun orang datang ramai-ramai untuk menyokong kerajaan supaya kita ambil tindakan kepada orang-orang yang telah menyerang dan bunuh kita... [Dewan riuh]

Hari ini kita hendak buat undang-undang hendak bagi perlindungan kepada pasukan keselamatan, perlindungan kepada rakyat, tiba-tiba kita membuat *protes* yang kita tidak baca. Saya sedar bahawa banyak orang tidak sempat baca sebab dapat semalam, saya tahu. Jadi dengan itu banyak yang buat salah. Buat salah dari segi tafsiran...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta pencelahan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kononnya kita hendak merampas kuasa Yang di-Pertuan Agong. Tidak.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, minta pencelahan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kamilah Barisan Nasional yang sentiasa terbuka. Malah teguran daripada Majlis Raja-Raja pun kami terima dengan terbuka tapi siapakah yang nampak, yang tidak menyukai institusi itu dalam sejarah politik. Siapakah dia, puak-puak mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ada empat orang Yang Berhormat bangun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Puak-puak mana yang sentiasa melihatkan diri mereka bahawa mereka tidak berapa bersetuju dengan institusi raja. Kami mempertahankan institusi Raja, Barisan Nasional, UMNO termasuk itu Yang Berhormat Gombak dulu masa dalam UMNO, dia pertahankan habis-habisan. Sekarang ini buat-buat benci UMNO. Satu hari mana tahu, orang bercerai pun boleh kahwin balik.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Fitnah, jangan fitnah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ada empat orang yang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi saya sudah puas hati telah menerangkan bahawa...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Rang undang-undang ini bukan dibuat di bawah Perkara 150 ataupun Perkara 149 tetapi dibuat di bawah Perkara...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang itu salah tafsir...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan menjawab bidang kuasa yang terlalu luas kepada Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, ada empat orang bangun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat Puchong, bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Perdana Menteri di bawah Perkara 18 tidak mempunyai kuasa yang luas....

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri tidak pernah macam ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Akan tetapi kuasa itu ialah kepada Majlis, bukannya kepada secara.....

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tidak pernah macam ini. Ini ada sesuatu, ada undang di sebalik mi Tuan Yang di-Pertua.



**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ahli-ahli anggota Majlis terdiri daripada individu yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan yang sewajarnya dalam hal keselamatan negara. Oleh yang demikian, kenyataan bahawa rang undang-undang ini memberi kuasa yang luas kepada Perdana Menteri adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali kerana Yang Berhormat Perdana Menteri adalah seorang yang baik... [*Dewan Riu*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Puchong....

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri jadi *laughing stock* lah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau boleh, diizinkan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Siapa cakap macam tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawapan macam *laughing stock*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya minta penjelasan

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jawab betul-betul lah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kamu hendak cakap, kamu cakap Yang Berhormat Sepang, saya hendak dengar kamu kata tadi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak, saya kata tadi jawapan Yang Berhormat Menteri macam jadi *laughing stock*, orang ketawakan, bahan ketawa, jawab seriuslah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hei, awak tanya soalan itu, itu *laughing stock*, dengan izin, macam budak-budak. Yang Berhormat cakap fasal kononnya kita hendak merampas kuasa Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya sudah terang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *We give-* cara *you* jawab apa. Yang Berhormat Menteri tidak faham, tidak baca Perlembagaan betul-betul.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Hey, hallo. Hey PERMATA*, dengar-dengar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti-nanti.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *I kata you.* Saya sebut *you*. Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh celah atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh celah atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri. Pengerusi bertanya, Yang Berhormat Menteri memberikan laluan atau tidak.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak. Sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak. Jika tidak sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Macam mana kita boleh terangkan Parlimen ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, macam melatah-melatah. Ini apa ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dia tidak bagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Langsung tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Langsung tidak bagi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tidak.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Langsung tidak bagi?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, sebut...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak bagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Langsung tidak bagi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bagi saya habis dulu. Saya belum habis lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini hendak bagi atau tidak hendak bagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya tidak bagi lagi. Yang Berhormat Puchong, *you* tahu saya hormat *you*, *you* hormat dekat *I*. Duduk sekejap.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baik, baik. Akan tetapi pasti bagi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat R. Sivarasa duduk sekejap. Ini Yang Berhormat Stampin pun duduk sekejap. Duduk sekejap. Sekejap lagi saya bagi. Kenap tidak sabar? Sabar itu separuh daripada iman, faham tidak... [*Dewan Riu*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, ini Perkara 35 iaitu kononnya kita memberi Majistret atau Koroner diberi kuasa untuk tidak membuat *inquest* siasatan kematian.....

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Menteri beritahu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *No*, sebelum pergi ke tajuk lain. Bagi kita menjawab, bagi kita mencelah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Fasal 35 ini hanya memberikan kuasa budi bicara kepada Majistret atau Koroner untuk mengetepikan pengadaaan siasatan kematian atau *inquest* tanpa niat mana-mana orang jika dia berpuas hati bahawa orang itu telah terbunuh di dalam kawasan keselamatan akibat operasi yang dijalankan pasukan keselamatan. Jangan mengubah-ubah cerita.

Peruntukan ini tidak menghalang Majistret. Dengar sini, baca betul-betul bagi habis ya. Peruntukan tidak menghalang majistret atau koroner untuk menjalankan siasatan kematian atau inkues. Peruntukan ini telah dimasukkan bagi membolehkan majistret atau koroner untuk tidak membuat inkues bagi kematian-kematian yang jelas puncanya dan tidak memerlukan penyiasatan lanjut ataupun *post mortem* bagi menentukan punca kematian.

Okey, saya benarkan Yang Berhormat Subang. Lepas itu Yang Berhormat Puchong. Akan tetapi, kalau saya dapati soalan ini sengaja memperlekeh dan menghinakan saya, saya tidak bagi lagi sudah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagi Yang Berhormat Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mesti bagi Yang Berhormat Puchong juga. Okey, *all right*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat kena jawab poin yang kita buat. Bila kita cakap oren, *you* kena jawab oren, jangan cakap epal. So ini yang *problem* sekarang ya. So sekarang saya akan cuba sekali lagi untuk menerangkan oren yang kita hujahkan tadi ya. Okey, sebab kita faham ya [Ketawa]

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** You jawab poin, tadi you kata rang undang-undang ini di bawah Perkara 74 dan tidak dibawa di bawah Perkara 150. Kita tidak pernah pun kata, rang undang-undang di bawah Perkara 150. Kita tidak pernah pun kata. Apa yang kita kata ialah kuasa-kuasa, 74 itu bukan isu yang berbangkit ya. Oleh sebab semua Rang Undang-undang yang di bentang di sini, diluluskan ini dikemukakan melalui Perkara 74. Itu perkara asas okey dan biar kita *clear* itu dulu ya, okey, *all right*.

Sekarang kita pergi kepada Perkara 150, Perkara 149, apa yang kita hendak hujah. Ini yang jawapan kita belum dengar ialah kuasa yang diberi dan syarat-syarat di mana kuasa itu boleh diaktifkan, digunakan sama keadaan itu ya yang dihuraikan yang dihuraikan di 18(1) kalau kita baca perkataan itu, kita baca semua itu sama dengan perkataan yang digunakan di Perkara 149 dan sama juga kalau dibaca sama juga dengan Perkara 150.

Bermaksud apa? Bermaksud Rang Undang-undang ini digunakan untuk merampas kuasa yang sepatutnya dilakukan di bawah Perkara 149. Itu poin dia. Saya harap, saya cukup jelas sekarang ya. Saya harap. Itu poin dia.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, kalau oren jawab oren, kalau merah jawab merah. Epal cakap epal, *black* cakap *black*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sikit sahaja, sikit sahaja. Macam hendak rampas sebab kuasa itu sepatutnya dilaksanakan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan Jemaah Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, okey, okey Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu dia.

## ■2010

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya dah jawab tadi. Saya buat perbandingan di antara Perkara 150 dengan fasal 18 yang kita berhujah semalaman hari ini ialah kononnya fasal 18 ini kita nak *grab* Perkara 150. Saya sudah buat perbandingan, saya baca tadi bahawa kalau sekiranya ia berskala besar, itu darurat. Ini masalah khusus, masalah keselamatan. Kita isytiharkan kawasan keselamatan dan kawasan keselamatan ini, rang undang-undang ini nak bagi kuasa kepada MKN. MKN tidak ada kuasa, dia cuma kuasa administratif.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini kuasa ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi sekarang kita bagi kuasa dan ada peraturannya.

Nombor dua Yang Berhormat, kawasan keselamatan. Yang Berhormat, kawasan itu kawasan keselamatan, ancaman keselamatan, maka kita isytihar kawasan itu kawasan keselamatan. Bila kita isytihar kawasan keselamatan, dia ada pengarah operasi, dia ada tentera, dia ada polis, dia ada maritim. Akan tetapi, mereka ini menjalankan tugas berdasarkan kuasa masing-masing. Jadi sekarang ini kita nak selaraskan supaya pasukan keselamatan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selaraskan itu lain. Saya nak sebut ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Mempunyai kuasa yang sama, maka kita ada benda ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya, saya nak sebut tadi, penyelarasan telah dibuat oleh MKN sejak tahun 1971 sampai sekarang, tiada masalah tentang penyelarasan. Apakah susah menyelaraskan angkatan tentera semua untuk buat sesuatu tugas? Dibuat di negara lain, tiada masalah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Mereka tidak menggunakan...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bercakap mengikut budi bicara Yang Berhormat, pemahaman Yang Berhormat. Saya bercakap berdasarkan realiti mengapa kerajaan memerlukan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Kita takkan habis. Kalau Yang Berhormat fikir bahawa rang undang-undang ini bercanggah dengan perlembagaan, bawa ke mahkamah, biar mahkamah putuskan.

Jadi jangan Yang Berhormat dengan pemahaman Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong dengan pemahaman Yang Berhormat Puchong, dia cuba nak *provoke* dengan stailnya yang hebat. Saya hormat bapa dia dan dia nampaknya ada sedikit sama-sama macam itu. Akan tetapi, saya tahu ini ialah provokasi untuk menimbulkan kemarahan tetapi saya akan tenang untuk menghadapi puak-puak macam ini [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Arau, saya nak buat rujukan kepada Artikel 74. Saya setuju Artikel 74, Perlembagaan Persekutuan, menentukan perkara-perkara dalam mana satu undang-undang boleh dibuat oleh Parlimen ini. So ia kuasa luas. Semuanya tertera dalam *Schedule 13* yang ada di dalam Perlembagaan kita. *So Article 74 is quite clear.* Yang Berhormat Arau *is right.*

Akan tetapi Yang Berhormat Arau kena baca bukan Artikel 74(1) saja, saya minta supaya Yang Berhormat Arau baca Artikel 74(3). Seperti mana saya sebut tadi, *Article 74(1) is general power to make law, good. It's a powers provision and we don't take dispute with that, we don't dispute. Article 74(3) if I may read, Tuan Yang di-Pertua, "The power to make laws conferred by this Article is exercisable..."*, boleh digunakan *but, "...Subject to any conditions of restrictions*

*imposed with respect to any particular matter by this constitution*". Maknanya, Artikel 74 itu wujud tetapi ia terhad. *It is subject to any conditions or restrictions imposed with respect to any particular matter.*

Selepas itu Yang Berhormat Arau, saya rujuk Yang Berhormat kepada Artikel 150. Ada Artikel 150? Kena bacalah. Kalau ada, kena baca. Saya baca- ini tajuk. Yang Berhormat Arau, *you are right*, kita biasa baca tajuk sahaja tetapi tak baca perkataan lain.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tak apa, tak apa. *Relax*, jangan nanti tension, *relax*.

Artikel 150(1), *"Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa satu darurat besar sedang berlaku yang..."* Yang apa, Yang Berhormat Menteri? *"...Yang menyebabkan..."* perkataan apa itu? *"...Keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam di Persekutuan atau di mana-mana bahagiannya terancam"*. So, jelas Artikel 150 menyentuh kepada keadaan di mana adanya satu perkara yang berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi atau ketenteraman awam dalam Persekutuan diancam.

Apakah yang dikata selepas itu? *"Maka..."* Siapa, siapa Yang Berhormat Arau? *"Maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Proklamasi Darurat..."* yang membuat satu pengisytiharan dan seterusnya. Jadi cukup jelas, Artikel 74 menyatakan kalau *particular matter* itu iaitu isu keselamatan dalam negara ini terancam, *there is specific provision in Article 150*. Kalau berlaku isu di mana keselamatan negara atau mana-mana bahagiannya terjejas, maka kuasa untuk mengisytiharkan darurat dan ambil tindakan itu di dalam tangan Yang di-Pertuan Agong. Kalau begitu, kita baca balik Artikel 74(3). Cukup jelas, Artikel 74(3) tidak terpakai. Hendak buat lagi macam mana?

Saya harap Yang Berhormat Arau boleh faham dengan keadaan ini. Jangan macam SOSMA, kita tangkap orang, lepas itu mahkamah yang bagi tamparan hebat kepada Kerajaan Barisan Nasional kata tidak terpakai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya dah terang tadi. Saya baca sekali lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat lain sila melakukan pendudukan ya, yang hebat, duduk ya. Tolong dengar ini elok-elok ya.

Ini Perkara 150 dan juga fasal 18. Okey, saya baca sekali lagi, Yang Berhormat. Perkara 150 ini satu darurat besar sedang berlaku atau hampir benar berlaku yang menyebabkan keselamatan atau kehidupan ekonomi ataupun ketenteraman di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya terancam. Yang ini, fasal 18 ini ialah- tadi satu darurat berskala besar, ini keselamatan di dalam mana-mana kawasan Malaysia yang diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang, perkara atau benda yang menyebabkan berkemungkinan untuk menyebabkan bahaya yang serius kepada orang ramai atau bahaya yang serius kepada wilayah, ekonomi, infrastruktur utama negara Malaysia ataupun apa-apa kepentingan Malaysia yang lain dan menghendaki tindak balas negara dengan serta-merta.

Yang Berhormat, undang-undang ini kita tidak menyalahgunakan kuasa sebab bila kita isytihar sahaja kawasan itu kawasan keselamatan, undang-undang ini hanya had tempoh hayatnya enam bulan tetapi pihak kerajaan hendaklah mengisytiharkan dalam warta dan selepas itu merujuk kepada Parlimen.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu bukan *point* saya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi menunjukkan bahawa rang undang-undang ini tidak bercanggah, tidak menyalahgunakan kuasa dan tidak merampas kuasa Agong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi Menteri setuju isu keselamatan itu di bawah Artikel 150.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi sekarang ini saya hendak beritahu, adakah Yang Berhormat Batu bersetuju dengan ESSCOM ataupun tidak? Saya hendak tanya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tak payah, jawab saja soalan itu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Nak kena jawabkah soalan itu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya setuju tetapi ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Setuju ataupun tidak?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya setuju dengan ESSCOM tetapi bukan undang-undang yang ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, kalau Yang Berhormat setuju dengan ESSCOM, apakah permasalahan di ESSCOM sekarang? Permasalahannya ialah kita ada polis, kita ada tentera, kita ada maritim...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kena jawab soalan perlembagaanlah, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak dengar apa jawapan itu. Artikel 150 bukan sekadar darurat besar sahaja, ia mengatakan keselamatan. Keselamatan itu juga dalam fasal 18, yang itu menjadi satu kuasa yang diberikan oleh perlembagaan kepada Yang di-Pertuan Agong.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, bila kita isytihar darurat, dalam sejarah darurat negara, ini wakil-wakil rakyat dah tidak ada dah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, tetapi kedudukan undang-undang...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tetapi bila kita isytihar ...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *That is the law.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *No*, bila kita isytihar keselamatan, wakil rakyat masih ada.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Darurat boleh...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Masih ada semua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu perlembagaan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itu bezanya. Ini khusus untuk menangani keselamatan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yalah, sama pernyataannya di dalam Artikel 150 mengenai keselamatan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tak sama dengan darurat yang berskala besar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Artikel 150, keselamatan ada di situ tetapi Yang Berhormat Menteri tidak baca keselamatan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya ambil ingatan tetapi saya hendak beritahu bahawa itulah pendirian kerajaan bahawa ...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang cukup tidak betul memandangkan ada Artikel 150.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Ancaman negara dan kita tidak mahu...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kuasa ini kuasa Yang di-Pertuan Agong.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita tidak mahu kerana kita mendengar pandangan daripada pihak pembangkang- maaf orang PAS, saya terkejut kawan-kawan saya daripada PAS hari ini. Awat buat macam itu? Baca betul-betul dan disokong oleh puak-puak ini... *[Dewan riuh]*

#### ■2020

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dia membaca betul-betul. PAS betul kerana dia membaca betul-betul.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita hendak dia baca keselamatan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Menteri yang tidak baca betul-betul.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita diancam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini macam ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang ini kita diancam.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri mengakulah, tidak payah hendak pusing-pusing dah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lepas itu maklumat yang kita dapat ...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau tidak boleh hendak jawab, bagi tahu sahajalah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Daripada ancaman ini tidak selaras.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Why you have to defend defenders.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** 1.0- keselamatan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kawan-kawan saya dari PAS patutnya menyokong kami sebab ini kita hendak menjaga keselamatan... *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan hujah lah Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hendak bagi jalan dekat dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Berhujah cubalah nampak profesional sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, saya beri PAS, okey.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, pertama sekali PAS tidak menyokong rang undang-undang ini... [*Dewan riuh*] Kerana pertama sekali memindahkan kuasa yang sangat besar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan lafaz dan kata yang sangat longgar untuk di manipulasi. Mungkin tidak menuduh PM pada hari ini tetapi masa akan datang apa yang akan berlaku. Kita tidak mahu bertanggungjawab untuk pada masa akan datang. Itu pendirian PAS. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Wahai sahabat PAS yang dikasihi. Pandangan Yang Berhormat salah, selainnya salah. Saya bercakap ini kena ingat, saya pun pakai songkok, Yang Berhormat pun pakai songkok... [*Dewan riuh*] Saya hendak beritahu pada Yang Berhormat ...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang pakai songkok sudah keluar ramai dah itu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak apa, penjelasan lagi.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Sepang mulut you ini boleh tahan lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bagi saya jawab dia dulu, bagi saya jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payah lah macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini bukan bagi kuasa pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat, kuasa kepada Majlis. Sekarang ini kuasa tidak berubah. Cuma sekarang ini semuanya secara *administrative*, dengan izin.

**Seorang Ahli:** Apakah fungsinya Yang Berhormat Perdana Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang in kita buat kuasa undang-undang. Hal ini bukan sahaja untuk pengusiran kawasan keselamatan tetapi memberi kuasa-kuasa kepada Majlis Keselamatan Negara. Undang-undang ini bukan untuk keselamatan sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Itu tadi tidak betul. Boleh saya minta penjelasan tak?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bukan untuk 150, kita kata 150 tetapi undang-undang ini ialah untuk MKN dia ada kuasa undang-undang yang ada kepada MKN. Sekarang ini secara pentadbiran. Kita selalu ingat yang itu sahaja, tidak.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan pentadbiran. Boleh tanya penjelasan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang utama memberi kuasa-kuasa tertentu kepada MKN, menubuhkannya secara rasmi. Keduanya, hendak pastikan supaya kita dapat menyelaraskan maklumat. Ketiga Yang Berhormat ialah kita hendak pastikan supaya semua agensi pasukan keselamatan dalam kawasan keselamatan mempunyai kuasa yang sama. Sekarang ini kuasa yang berbeza.



**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat faham kah maksud saya.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Baik, saya bacakan sedikit teks ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Perdana Menteri boleh ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ayat itu Perdana Menteri boleh membuat peraturan.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dia sudah ...

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagi saya peluang dahulu Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bila kita sudah isytiharkan kawasan itu kawasan keselamatan itu peraturan. Peraturan Yang Berhormat, peraturan.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Betullah, perisytiharan Yang Berhormat Menteri. Saya baca balik Bahagian IV, 18(1). Perdana Menteri boleh jika difikirkannya perlu demi kepentingan keselamatan negara. Dia seorang sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Di bawah kawasan Yang Berhormat, di bawah kawasan keselamatan tadi.

**Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kenapa tidak Jemaah Menteri beramai-ramai buat keputusan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, setelah kita isytiharkan kawasan itu kawasan keselamatan maka Perdana Menteri boleh membuat peraturan. Oleh sebab kita agak panjang membincangkan benda yang sama ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, ...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ... 149, 150,141 dan juga kuasa ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kuasa majistret ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri sekejap ya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beritahu. Ini seikhlasnya, selepas kita meluluskan rang undang-undang ini ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kita boleh dari semasa ke semasa membuat cadangan atau pandangan dan kerajaan terbuka mengenainya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak boleh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Malah saya sendiri akan buat, dengan izin, *engagement* dengan mana-mana pihak untuk melihat... [*Dewan riuh*]

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat diam Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ada soalan, saya ada *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ha ini, Yang Berhormat Klang apa kamu hendak tanya?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tanyalah, tanyalah, tanyalah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dia ini Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tekan lampu, tekan lampu tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bagi dia tanya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri pun tidak dengar Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang saya hendak bagi Yang Berhormat Klang ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, .

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, ada Tuan Yang di-Pertua di atas.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mula cakap sebab dia tegur dekat belakang. Saya ini mudah terasa hati tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri kena halau keluar nanti [*Ketawa*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila duduk, yang lain duduk ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya ada *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila duduk. Yang Berhormat, isu ini sudah hampir 1 jam, baru satu isu Yang Berhormat. Banyak lagi isu-isu yang lain ditimbulkan oleh pembahas-pembahas tadi. Jadi, kalau Yang Berhormat bertanya ikut mana pun, ikut depan, ikut kiri, ikut belakang, itu pun jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** Sebab sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau hendak ambil masa dua jam, tiga jam itu pun jawapan Yang Berhormat Menteri. Jadi, sila Yang Berhormat pada isu yang lain Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isu *point of order*. Saya minta Tuan Yang di-Pertua ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Di bawah peraturan mana Yang Berhormat?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Minta peraturan mesyuarat- Sebab Yang Berhormat Menteri sungguh pun dia Ahli Parlimen, dia menjaga... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Peraturan mana peraturan, peraturan?... [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu cukup, cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak ...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak ada peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu sila duduk, Yang Berhormat Kluang sila duduk, Yang Berhormat tajuk yang lain Yang Berhormat, isu yang lain.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya bantu sedikit? Yang Berhormat Menteri saya hendak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kluang sila duduk.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya hendak tambah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Isu yang lain Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Isu lain.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, akhir sekali... [*Dewan riuh*] Pasal apa, semua orang bercakap kepada benda yang mereka rasa mereka faham macam itu tetapi rang undang-undang ini bercakap lain. Rang undang-undang ini khas untuk tujuan keselamatan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh bagi ...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau dia cakap...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dia ambil 1,000 orang *lawyer* pun kena faham bahawa ini ialah keselamatan, bukan darurat. Darurat lain, ini ialah keselamatan. Bukan tentang darurat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sudah jawab Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat saya hendak beritahu, kalau kita hendak isytihar di kawasan keselamatan kita hendak isytihar *curfew* bukan kita isytihar darurat. Sekarang ini pun tanpa undang-undang ini pun kita isytiharkan *curfew* tetapi tiap-tiap hari kita kena isytiharkan *curfew*... [*Dewan riuh*]

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau itu tafsiran, boleh tanya dapatkan penjelasan tidak?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, kita menggunakan kuasa polis. Tidak bawah kuasa-kuasa keselamatan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali Yang Berhormat ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bagi satu minit boleh? Satu minit sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau dapat tafsiran. Kerajaan tafsiran boleh dapat penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, akhir sekali boleh tidak akhir sekali.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *One point, one point.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri bagi pencelahan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya bagi *last* sekali boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya boleh, yang mana satu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas, satu sahaja.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Beruas. Yang lain duduk Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau ikut tafsiran Yang Berhormat Menteri, saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri kerana seksyen 22 hingga ke seksyen 30 iaitu bahawa pihak tentera ada kuasa untuk menangkap *power to arrest, power to search and see, power to search premises, power to switch vehicle, vessel, aircraft, dan covariance* dan lain-lain.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau itu tafsiran Yang Berhormat Menteri di bawah peruntukan-peruntukan ini tidak ada hak *arrest*, dengan izin. Perkara 5, Perlembagaan Persekutuan menetapkan dengan jelas kalau seseorang itu ditangkap dia mesti diberitahu *ground of his arrest*, dengan izin. *Consult and be defended by legal practitioner*. 24 jam mesti bawa kepada seorang majistret. Di bawah rang undang-undang ini langsung tidak ada had masa berapa lama boleh ditangkap, ditahan. Jadi saya hendak tanya adakah peruntukan Perlembagaan Persekutuan Perkara 5 akan dimasukkan di bawah rang undang-undang ini. Kerana peruntukan ini kita sudah ada di bawah Kanun Jenayah, dengan izin, *Criminal Procedure Code (CPC)*. Semua tentang tangkapan, tentang *arrest etc*, semua prosedur pun ada di sana. Jadi, yang mana satu yang kita hendak pakai. Saya hendak tanya itu sahaja.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, saya ingin menjawab sebab apa ...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh bagi saya seminit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri kata tadi seorang sahaja, *last*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya tanya sekali lagi yang lain, seminit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat jangan degil Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Seminit sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya benarkan tetapi sekejap tetapi saya hendak jawab ini dahulu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, yang pertama sekali saya hendak umumkan di sini kepada semua pihak bahawa rang undang-undang ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Ini hendak beritahu tidak bercanggah Yang Berhormat, tunjukkan di mana-mana tempat ia bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia tidak bercanggah. Ia telah dirujuk kepada yang amat arif Peguam Negara dan dia telah memberitahu bahawa rang undang-undang ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara. Okey? Situ saya menjawab.

Sebab apa, saya hendak ulas secara *detail* cara Yang Berhormat *argue* tidak boleh. Biar saya jawab sebab di sini pun saya bukan hakim tetapi saya hendak jawab secara prinsipnya bahawa rang undang-undang ini tidak bercanggah dengan Perlembagaan Negara. Saya akan bagi penghabisan tetapi saya hendak jawab dahulu ya. Sedikit sahaja Yang Berhormat...

■2030

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** [*Bangun*]

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, sekejap lagi saya bagi dan Yang Berhormat jangan lupa untuk bangun, hanya seorang ini sahaja yang saya benarkan. Kalau puak-puak di sini tidak ada ya.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat.***]

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah perlindungan terhadap guaman dan tindakan undang-undang di bawah fasal 38 dan perlindungan di bawah fasal 40 Rang Undang-undang MKN memberi imuniti secara total kepada anggota pasukan keselamatan terhadap apa-apa tindakan yang diambil di bawah rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Padang Serai, jawapannya ialah fasal 38, rang undang-undang ini hanya memberi perlindungan kepada mana-mana Ahli Majlis Jawatankuasa Pengarah Operasi atau mana-mana anggota pasukan keselamatan atau kakitangan entiti kerajaan berkenaan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan olehnya dengan suci hati *in good faith*, dengan izin, atas sifat sedemikian.

Sekiranya perbuatan atau apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan berniat jahat maka perlindungan ini tidak akan terpakai. Kalau dia berniat baik bersuci hati maka dia ada perlindungan tetapi sekiranya perbuatan atau apa-apa tindakan dilakukan atau ditinggalkan dengan berniat jahat maka perlindungan ini tidak akan terpakai. Penentuan sama ada suatu tindakan dilakukan atau ditinggalkan itu adalah suci hati ataupun tidak ada satu soalan fakta, dengan izin, *question the fact* yang akan diputuskan oleh mahkamah. Saya harap faham, ini saya beritahu ini ialah tentang tafsiran apa yang, Yang Berhormat cakap. Itulah jawapannya.

Yang penghabis Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak puas hati jom jumpa saya dekat luar sekejap lagi...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya memberi jawapan kepada semua soalan pasukan peguam-peguam saya daripada *AG Chambers* telah bersiap-sedia dengan jawapan kepada semua persoalan...

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Fasal 38 yang baru dijelas...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Bangun*] Tuan Yang di-Pertua, dia bagi kepada siapa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi oleh sebab masa tidak mengizinkan saya benarkan kepada seorang sahaja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kepada siapa?

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak bantulah saya minta kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di sini kalau boleh isu ini memang dia ada bercanggah dan saya minta kalau kerajaan boleh tangguhkan pengundian ini sekurang-kurangnya tangguh sampai bulan Januari seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi rang undang-undang ini sampai di sini semalam. Belum ada masa mencukupi untuk semua bincang. Jadi saya cuma satu saya minta kerajaan tangguhkan undi ke sesi bulan Januari.

Kedua, saya rasa Yang Berhormat Menteri tadi ada salah faham tentang sejarah. Sejarah bahawa tadi Yang Berhormat Menteri kata pengisytiharan darurat mesti dijalankan oleh Parlimen, itu sebelum tahun 1981. Itu sebabnya pada tahun 1977, apabila darurat dilaksanakan di Kelantan, PAS dikeluarkan daripada Barisan Nasional kerana masa itu darurat diisytiharkan oleh Parlimen tetapi selepas tahun 1981 darurat diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dengan itu saya minta Yang Berhormat Menteri betulkan fakta dan 150, 150 ini memang bercanggah dengan apa yang dibentangkan dalam rang undang-undang, kalau boleh tangguhkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tadi saya sebut kita akan isytiharkan darurat...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Lumut, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kita akan isytiharkan darurat di Kelantan semua sekali kuasa-kuasa politik, ahli politik semua tidak terpakai tetapi yang isytiharkan darurat Yang di-Pertuan Agong. Ya Yang Berhormat saya tahu tetapi kalau kerajaan isytiharkan darurat sekarang di seluruh negara, semua Yang Berhormat tidak ada di sini, itu yang saya sebutkan tadi. Yang Berhormat tidak ada, saya mungkin ada tempat lain dan sebagainya.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Isu itu...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lumut...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini pasal kawasan- Yang Berhormat Lumut, saya telah janji Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Menteri, saya sekadar ingin mengingatkan angkatan tentera terlibat apabila diisytiharkan darurat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau darurat diisytiharkan oleh Perdana Menteri, tentera tidak akan terlibat. Itu satu peringatan yang harus diambil kira. Terima kasih [*Tepuk*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, bagus. Yang Berhormat adalah seorang yang faham. Yang Berhormat akan sokong rang undang-undang sekejap lagi bahawa kita tidak isytiharkan darurat. Perdana Menteri tidak diisytiharkan darurat yang isytiharkan darurat Yang di-Pertuan Agong. Kita isytiharkan kawasan keselamatan [*Tepuk*] [*Dewan riuh*] Kepada kawan-kawan dari Sabah...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** ...Yang ini penting, yang ini penting. Boleh? Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tadi saya bagi peluang kamu tidak berani.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tadi Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk sekarang saya tanyalah. Sekarang saya tanya, ini penting ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Soalan saya pendek sahaja, pendek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri jawab dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tunggu sekejap saya belum habis lagi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Okey, okey.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa kita isytiharkan kawasan-kawasan keselamatan tertentu yang merupakan ancaman kepada penduduk awam dan juga semua pihak. Sekarang ini orang Sabah dan Sarawak saya hendak bagi tahu sekarang ini kita buat ESSCOM sebab kawasan itu terancam. Yang Berhormat bayangkan kalau ESSCOM tidak ada, kita sudah pasti akan menghadapi pencerobohan dan juga jenayah rentas sempadan yang lebih serius. Kalau tempat-tempat lain yang keselamatannya terancam kita akan memikirkannya dari semasa ke semasa.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hadir bersama pada malam ini kerana prihatin tentang apa yang kita bincangkan. Dia telah ambil ingatan dan kita tahu bahawa apa yang kita buat ini adalah untuk hendak jaga keselamatan



semua orang. Saya akan ingat tadi Yang Berhormat Lenggong sebut tadi. Semasa banjir, kita kata kenapa tidak buat darurat. Pihak pembangkang pun kata kenapa tidak buat darurat. Apakah itu darurat? Kita memudah-mudahkan kalau kita isytiharkan darurat, habis kuasa Menteri Besar, kuasa ESSCOM tidak ada, yang ada kuasa pentadbiran... *[Dewan riuh]*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** You cakap apa ini, buruk-buruk bahasa you cakap apa.

**Tuan Lok Siew Fook [Seremban]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Apakah ini you buat begini Yang Berhormat Seremban?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab satu soalan sama ada rang undang-undang ini dibincang di Kabinet, adakah dibincang di Kabinet atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya hendak ucap terima kasih...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh jawab? Adakah rang undang-undang ini dibincang di Kabinet atau tidak?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Maaf, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat walaupun saya tidak benarkan Yang Berhormat bercakap tetapi Yang Berhormat sebut benda itu, saya hendak sebut di sini bahawa rang undang-undang ini diluluskan oleh Kabinet. Tidak ada rang undang-undang yang dibawa ke sini tanpa kelulusan di Kabinet.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bilakah diluluskan?... *[Dewan riuh]*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Bila diluluskan, rahsia.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bilakah bila? Rahsia pula.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Rahsia. Saya ucap terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apakah sebab rahsia?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat yang sudah berucap pada hari ini. Yang Berhormat Barisan Nasional yang telah berucap pada hari ini... *[Dewan riuh]* *[Tepuk]* semoga marilah kita sama-sama berdoa semoga ancaman keselamatan yang berlaku sekarang ini dapat ditangani.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apakah kebenaran ini? Adakah diluluskan atau tidak ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dengan rang undang-undang ini saya percaya pihak kerajaan, pihak pasukan keselamatan akan berusaha bersungguh-sungguh bertungkus-lumus menyabung nyawa untuk mempertahankan negara *[Tepuk]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tanpa undang-undang ini pun mereka terus berkhidmat. Tidak payah undang-undang ini. Ini sudah melebihi. Sebelum ini pun ESSCOM sudah ada berjalan, perintah berkurung boleh dibuat, tidak ada masalah... *[Dewan riuh]* Mengapa perlu ini, mengapa perlu pemusatan kuasa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habiskah Yang Berhormat?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** ESSCOM dan lain-lain pentadbiran. Sekarang ini kita ada rang undang-undang untuk memberi perlindungan. Jangan marah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh jalan semua. Tangkap boleh, *curfew* boleh, dakwa boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Pergi balik melawat Kuala Krai dahulu. Lama tidak balik itu... [*Dewan riuh*]. Jadi saya ucap terima kasih semua kepada Ahli Yang Berhormat semua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis kah Yang Berhormat?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jawab di situ, tidak boleh jawab lain perginya... [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Menyertai kemunculan rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Oleh sebab lebih daripada 15 orang yang bangun meminta untuk diadakan belah bahagian maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

■2040

*[Loceng dibunyikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di depan blok Yang Berhormat dan undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sila ambil tempat duduk masing-masing Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undian adalah seperti berikut:

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 107 undi [*Tepuk*]

Ahli-ahli yang tidak bersetuju berjumlah 74 undi [*Tepuk*]

Ahli-ahli yang tidak mengundi, tiada yang *abstain*, yang tidak mengundi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dengan keputusan demikian, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa.**]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat?

■2050

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya hendak merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 54(1) dan 54(2) bahawa rang undang-undang ini diserahkan kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk mendapat pandangan bukan sahaja daripada rakyat tetapi juga daripada Raja-raja Negeri. Ini kerana semua soalan ini tidak dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau usul dikemukakan saya dimaklumkan dan saya bersetuju bahawa ia harus dibuat sebelum keputusan pemilihan belah bahagi dibuat sebentar tadi... *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mencadangkan semasa ucapan saya juga. Saya telah pun cadangkan semasa ucapan saya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Boleh saya menjawab sekarang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tahu, 54(2) kita bukan tidak pernah dan kita pernah melakukan dalam Dewan ini tetapi ia dibuat sebelum keputusan belah bahagi dibuat iaitu...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, itu atas cadangan daripada pihak kerajaan. Akan tetapi ini daripada pihak pembangkang kita hendak tahu satu keputusan supaya diputuskan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ambil maklum dengan usul yang dikemukakan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Walau bagaimanapun...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya bersependapat bahawa...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Semasa ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun cadangkan bahawa sekiranya boleh, kita boleh rujuk kepada Jawatankuasa Pilihan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yes, secara spesifik dalam ucapan tadi Yang Berhormat cuma itu sebagai sebahagian daripada kandungan perbahasan Yang Berhormat. Akan tetapi apabila usul itu hendak dikemukakan ia harus dikemukakan sebelum keputusan belah bahagi dibuat. Saya ambil maklum *point of order* Yang Berhormat. Walau bagaimanapun keputusan saya bahawa *point of order* itu tidak sesuai ia dibawa ketika keputusan belah bahagi telah dibuat Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau maksud ini- saya boleh dapat pencerahan. Kalau maksud ini, kalau kita hendak serahkan kepada Jawatankuasa Pilihan. Mengikut tafsiran Tuan Yang di-Pertua, bilakah kita boleh buat keputusan oleh Dewan bahawa ia diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, apabila Setiausaha – sebelum apabila diputuskan sebelum- apabila Tuan Yang di-Pertua mengemukakan masalah ini adalah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang, masa itulah usul 58...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bacaan Kali Kedua baru habis. Apabila habis baru kita belah bahagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi tidak selepas keputusan belah bahagi dibuat Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

**Beberapa Ahli: [Bangun] [Menyampuk]**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Selepas bacaan kali kedua ialah selepas ia diluluskan Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak *argue* tetapi saya harap bahawa kita dapat satu pencerahan di sini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Selepas bacaan kali yang kedua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu beberapa kali pernah dilakukan, beberapa kali telah dilakukan dibuat dalam Dewan ini. Ia dibuat sebelum keputusan belah bahagi dibuat Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua minta maaf. Saya hendak minta sama ada Tuan Yang di-Pertua ada rujuk kepada 54(2).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat 54(2) dengan jelas menyatakan, "*When the Bill has been read a second time it shall stand committed to a Committee of the whole House unless the House on Motion commits it to a Select Committee*". Inilah permohonan kita, "*Such Motion shall not require Notice, must be made immediately after the Bill is read a second time and maybe proposed by any member*", yang dibuat oleh Yang Berhormat Bagan, "*and the question thereon shall be put forthwith and shall be decided without amendments or debate.*"...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 54(2).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Very clear, very clear.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Cukup jelas bahawa 54(2) terpakai.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung sikit? Daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat ya. Peraturan Mesyuarat 54(2) setelah dibaca rang undang-undang kali kedua maka rang

undang-undang itu akan terserah kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis kecuali jika Majlis mengeluarkan Usul menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pemilih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *So, itu adalah...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *So only it can happen after you finish the second reading. After you finish the dasar work.*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan Mesyuarat 54(2) Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tidak ada...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Wait for ruling.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, tak usah cakap, belum ada malapetaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya kekal dengan keputusan bahawa ia harus dibuat sebelum diputuskan dan kita telah pun membuat undian belah bahagi maka ia tidak sesuai dikemukakan pada ketika ini, iaitu sebelum undian belah bahagi dibuat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kalau sebelum belah bahagi dibuat, bilakah? Agaknya bila? Selepas penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebelum undi belah bahagi dibuat sebentar tadi Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Adakah selepas penggulungan Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak, sebelum undi belah bahagi dibuat tadi. Usul itu harus dikemukakan sebelumnya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akan tetapi, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Perkara lazim yang kita buat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini tak selaras dengan 54(2) Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua boleh rujuk 54(2). *It's very clear. 54(2) is very clear.*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita telah buat ini dan...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *It has been done before.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Yes it has been done before* dan dibuat sebelum undian belah bahagi Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no. After this. On the second reading.*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya minta *confirmation* daripada Setiausaha Dewan Rakyat, kita telah buat keputusan Yang Berhormat. Ya, Setiausaha.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *The law is so clear* Tuan Yang di-Pertua.  
[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

#### **Fasal-fasal 1 hingga 44 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya akan izinkan tidak melebihi 10 minit Yang Berhormat. Yang Berhormat Tumpat.

#### **8.58 mlm.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja, saya rujuk kepada perkara 6 berkaitan dengan Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut iaitu ada nama Perdana Menteri Pengerusi, Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi, Menteri bertanggungjawab pertahanan, Menteri bertanggungjawab hal ehwal dalam negeri, Menteri bertanggungjawab komunikasi dan multimedia, Ketua Setiausaha Negara, Panglima Tentera dan Ketua Polis Negara.

Tuan Pengerusi, tugas atau fungsi majlis ini mengikut perkara 4(a) ialah merumuskan dasar dan langkah strategik mengenai keselamatan negara termasuklah kedaulatan, integriti wilayah, pertahanan, kestabilan sosiopolitik, kestabilan ekonomi, sumber strategik, perpaduan negara dan lain-lain yang penting.

Jadi yang saya hendak bangkitkan ialah kenapa keanggotaan Majlis ini hanya terhad kepada yang disenaraikan ini sahaja? Iaitu kenapa lapan orang sahaja iaitu lima yang bertaraf Menteri dan Ketua Setiausaha Negara dan Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara sahaja? Kenapakah misalnya Menteri-menteri lain tidak terlibat? Mungkin Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri itu boleh dianggap sebagai sesuai dalam keanggotaan ini. Mungkin Menteri Pertahanan dan Menteri Dalam Negeri sesuai tetapi kenapa hanya Menteri Komunikasi dan Multimedia sahaja? Kenapa tidak Menteri-menteri yang lain, Menteri di Jabatan Perdana Menteri misalnya yang bertungkus-lumus, bersungguh-sungguh mengorbankan maruah beliau mempertahankan rang undang-undang yang amat susah untuk dipertahankan ini tidak termasuk dalam senarai anggota Majlis Keselamatan Negara yang baru ini, misalnya.

#### **■2100**

Jadi, ini saya fikir suatu perkara yang perlu difikirkan dan saya perlu mencadangkan supaya yang bertaraf Menteri ini ditambah lagi. Begitu juga oleh sebab ia suatu rang undang-

undang yang mencabul hak Raja-Raja Melayu, hak Yang di-Pertuan Agong. Paling tidak di antara anggota Majlis ini ada seorang calon yang diputuskan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

Oleh sebab ini adalah suatu yang mengambil tugas-tugas yang di sepatutnya mengikut Perlembagaan, tugas oleh Raja-raja Melayu khususnya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi itu satu lagi yang saya ingin cadangkan dimasukkan sebagai anggota Majlis ini iaitu calon yang dicalonkan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

Ketiga, oleh sebab ia juga melibatkan masalah berkaitan dengan kestabilan ekonomi dan sebagainya, kenapakah juga tidak masukkan Gabenor Bank Negara sebagai anggota Majlis ini? Seorang yang bebas, yang berani kalau Peguam Negara boleh dipecat oleh Perdana Menteri atas alasan kesihatan. Kalau pegawai kanan *Special Branch* boleh digugurkan dan ditukarkan ke Jabatan Perdana Menteri begitu sahaja. Kalau pegawai kanan SPRM pun boleh ditangkap begitu sahaja. Kenapa tidak masukkan ramai pegawai lagi yang berintegriti lagi yang tidak mudah dipecat seperti Gabenor Bank Negara dalam anggota Majlis Keselamatan yang baru hendak ditubuhkan ini.

Jadi ini, cadangan-cadangan yang saya harap akan dipertimbangkan oleh kerajaan sebelum ia diluluskan di peringkat yang bacaan ketiga ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Pengerusi, saya ingin rujuk kepada Fasal 6 dan juga Fasal 22 dan juga seterusnya. Ini tentang keanggotaan majlis. Saya ingin menarik perhatian bahawa sekiranya sesuatu perisytiharan tentang kawasan keselamatan dibuat yang membabitkan negeri bukankah Menteri Besar ataupun Ketua Menteri juga haruslah diundang dan dijemput supaya sama-sama dapat dirundingkan.

Saya rasa itu haruslah diambil secara holistik dan secara bersama. Bukan sahaja untuk negeri-negeri di Semenanjung tapi khususnya dekat negeri-negeri di Sabah dan Sarawak. Saya rasa itu satu perkara yang amat sensitif kerana sekiranya sesuatu tempat diisytiharkan sebagai sesuatu kawasan keselamatan tanpa sebarang input daripada pemimpin-pemimpin yang berasal dari Sabah dan Sarawak. Saya rasa itu akan dianggap sebagai satu cabaran atas persetujuan dicapai apabila mereka menyertai Malaysia. So, di sini saya harap perkara ini boleh diberikan perhatian. Kalau tidak saya rasa ini akan menimbulkan pelbagai masalah khususnya bahawa akan cuba mengongkang atau menghakis hak-hak negeri-negeri tersebut.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menimbulkan kerisauan sama ada bahawa unsur-unsur lain akan diambil kira apabila sesuatu keputusan dibuat. Ini kerana sekarang kita tahu bahawa ada kerajaan-kerajaan negeri yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Persekutuan. Apakah jaminan bahawa tidak akan berlaku penyalahgunaan kuasa oleh Majlis Keselamatan Negara ini? Ini kerana sekiranya ia dibuat berdasarkan faktor-faktor yang tidak berasas semata-mata untuk mencapai objektif-objektif tertentu seperti mana yang kita lihat pengisytiharan darurat yang dilakukan semasa di satu, dua buah negeri baik di Sarawak ataupun di Kelantan.

Akan tetapi, sekurang-kurangnya dibahaskan di Parlimen. Ini tidak ada langsung akan dibahaskan Parlimen tapi hanya lapan orang akan membuat keputusan muktamad. Saya rasa ini

adalah sesuatu yang amat membimbangkan kerana akhirnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan menentukan segala-galanya.

Di sini juga Tuan Pengerusi, saya rasa isu ini amat penting kerana kuasa yang begitu luas tadi Yang Berhormat Menteri apabila beliau enggan menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh pihak pembahas, gagal untuk menunjukkan perbezaan antara ciri-ciri darurat dan juga pengisytiharan kawasan keselamatan melainkan beliau sebut bahawa tidak ada Parlimen. Akan tetapi, bila kita isytiharkan sesuatu kawasan keselamatan dan kawasan itu pun tidak ada Parlimen, tidak ada wakil rakyat, baik peringkat wakil rakyat Parlimen ataupun ADUN kerana diisytiharkan sebagai kawasan keselamatan dan diambil alih oleh pasukan keselamatan.

Kalau kita buat satu analogi sekiranya kawasan keselamatan diisytiharkan di seluruh Malaysia ia tidak lain tidak bukan ia tidak berlainan langsung dengan pengisytiharan darurat. So, di sini kita masih tidak dapat lihat apa bezanya di antara kawasan keselamatan dan juga darurat. Yang Berhormat Menteri telah gagal menjelaskannya.

Di sini kita lihat tentang Fasal 22 di mana saya rasa pengisytiharan darurat pun tidak mengenakan peraturan-peraturan sedemikian. Baik semasa pengisytiharan darurat di Kelantan ataupun di Sarawak apabila ia diisytiharkan pada tahun 60-an dan 70-an, di mana penduduk boleh ditempatkan semula, dipindah di tempat semula dan ini dipulihkan kuasa-kuasa yang begitu luas seperti ini. Apa *safeguards*, apa peruntukan-peruntukan yang membolehkan penduduk-penduduk itu membuat rayuan ataupun mengelakkan diri daripada dikenakan arahan penempatan semula ini. Saya rasa itu satu perkara penting kerana mereka dipindahkan begitu sahaja.

Saya harap perkara ini boleh diberikan perhatian serius kerana ia mempunyai *impact* yang luas khususnya kuasa-kuasa negeri. Saya harap Yang Berhormat Menteri saya tanya dengan secara ikhlas saya harap beliau boleh beri, maklumkan balik dengan secara ikhlas. Saya hendak sebut di sini saya sudah kenal Yang Berhormat begitu lama dan daripada segi pandangan beliau tentang kuasa-kuasa Raja beliau pun ada kongsi banyak pandangan. Saya tidak mahu timbulkan perkara-perkara lama, yang itu sudah lepas. Akan tetapi, di sini ingin tegaskan sekali lagi bahawa janganlah Yang Berhormat menyebut ketidakpuasan hati tentang kuasa-kuasa tertentu, kita pula berikan kepada Perdana Menteri yang tidak perlu dirujuk kepada sesiapa.

Saya rasa itu bukan yang kita hendak dirikan di Malaysia. Kita hendak negara yang lebih demokratik bukan sebaliknya. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua, tiga perkara yang hendak disebut iaitu Perkara 4 dan Perkara 18. Akan tetapi, saya mulakan dengan perkara 18 yakni mengenai peranan Majlis ini. Disebut ini jika Majlis menasihati Perdana Menteri. Saya tidak faham bagaimana Majlis menasihati Perdana Menteri. Perdana Menteri Pengerusi Majlis.



Jadi adakah Perdana Menteri dengan majlis ini dua entiti berbeza. Perdana Menteri duduk satu sudut, Majlis tanpa Perdana Menteri atau Majlis yang ada Perdana Menteri menasihati Perdana Menteri tersebut. Macam 1MDB.

Jadi sebab itu, saya rasa ini sesuatu agak tidak sesuai dan tidak betul dalam penyusunan peranannya. Oleh sebab itu saya balik kepada fungsi Perkara 4(c) untuk memberi nasihat, ertinya majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri tadi memberi nasihat mengenai pengisytiharan kawasan keselamatan.

■2110

Soalan saya, Majlis ini hendak beri penasihat kepada siapa? Kepada Kabinet, kepada Yang di-Pertuan Agong ataupun kepada Parlimen? Oleh sebab dia yang membuat keputusan, jadi dia hendak nasihat-nasihat siapa? Adakah Majlis ini akan menasihatkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri? Jadi, itu persoalan di bawah dua perkara yang saya hendak bangkitkan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

9.10 mlm.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih. Sebelum saya dapat Tuan Yang di-Pertua, kita dari 1 hingga 44 semua?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi janganlah sentuh semua sekali Yang Berhormat ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan, sebab saya tidak dapat bahas dalam dasar tetapi saya menyentuh beberapa perkara yang penting. Pertama ialah kepada Perkara 4, fungsi Majlis. Tadi Yang Berhormat Menteri kata semua negara ada termaktub dalam undang-undang, Majlis Keselamatan Negara. Memang betul, United Kindgom, USA, Thailand dan baru-baru sahaja Indonesia juga ingin menggubal undang-undang supaya Majlis Keselamatan Negara dimasukkan.

Cuma dalam United Kingdom dan United State of America, mereka agak spesifik peranannya adalah *advisory*, tidak menyentuh pelaksanaan *security measure*. Di Amerika pula, *military advisor* pun harus seorang yang telah keluar daripada *service* baru mereka boleh mengambil tugas sebagai Majlis Keselamatan Negara.

Indonesia pula menyatakan *specific confined to strategy and policy*. Mirip kepada kita, lebih kurang macam negara Thailand atau Burma. Ini yang mengkhuatirkan kita kerana – seterusnya yang saya hendak sentuh kerana kita lihat dalam Perkara 5(b), Kuasa Majlis, untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana entiti kerajaan dalam perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara. Ini yang saya maksudkan, ia melanggar Perlembagaan Persekutuan kerana kalau kita berbalik kepada definisi entiti kerajaan termasuk:

- (i) mana-mana kementerian, jabatan dan lain-lain lagi;

- (ii) mana-mana pihak berkuasa tempatan; dan
- (iii) Pasukan Keselamatan.

Pasukan keselamatan pula kita *merge* semua daripada (a) sampai (d). Kalau kita faham sebuah negara yang berdemokrasi, sebuah *civilian government* dengan izin, masing-masing entitinya di bawah *common structure* yang berbeza. Tentera di bawah *Supreme Commander and Chief* kita ialah Yang di-Pertuan Agong. Apabila tentera mengangkat senjata, musuhnya hanya orang asing. Kita tidak boleh mengelirukan peranan tentera dengan tugas *civil* seperti yang kita dalam senarai Bahagian V.

Kalau kita baca, kebanyakannya ialah kerja-kerja polis. Kalau polis, ia tertakluk dengan Menteri Dalam Negeri, selepas itu IGP, kemudian ada undang-undang tertentu dalam tangkapan. Akan tetapi dalam Bahagian V, kita telah memansuhkan semua prosedur yang sepatutnya berlaku di bawah satu *command* polis. Ini yang menimbulkan masalah. Setiap unit entiti keselamatan ini ada fungsi yang sangat spesifik. Apabila kita menyebut dalam seksyen 13 – Setiausaha Majlis, kalau kita lihat dalam fasal ini tidak menyebut setiausaha ini *civil servant*, *politician* atau sesiapa.

Kita bagi kuasa dia – kewajipan kuasa pengarah dan kewajipan kuasa setiausaha, mereka memberikan arahan kepada entiti kerajaan untuk menjalankan tugas. Sekarang *you* letakkan seorang yang dilantik oleh majlis, mengikut arahan majlis, *it subvert every procedure* sama ada Yang di-Pertuan Agong, IGP, *Home Minister* dan lain-lain lagi dengan izin. Ini yang saya sebut selain daripada secara konseptualnya melanggar Perlembagaan tetapi undang-undang ini mengacau-bilaukan struktur sesebuah kerajaan yang sedia ada.

Saya hendak masuk ke Bahagian V secara umum iaitu apabila kita memberikan imuniti daripada *persecution*, saya faham kenapa kita ada klausa-klausa yang memberikan imuniti, kekebalan kepada *inquiry*, kekebalan kepada pasukan keselamatan kita. Akan tetapi kita harus faham, di sini saya hanya mengambil dua contoh iaitu tentera dan polis. Tentera memang wajib mendapat imuniti kalau dia membunuh seseorang. Ini kerana tentera berperang dengan ancaman asing yang bukan warganegara kita yang mempunyai hak yang termaktub dan dipelihara di bawah Perlembagaan.

So, kalau *military shoots somebody*, dia tidak bersalah kerana dia dibela oleh kedaulatan negara kita. *We have to defend our military to kill*. Akan tetapi polis tidak mempunyai hak sebegitu. Polis tidak boleh menembak selain daripada keadaan *self-defense*, membela diri. Akan tetapi kalau kita kaburkan kedua-dua atas satu nama pasukan keselamatan, tugas dan kuasanya sama, kita akan menghadapi satu masalah yang besar apabila tentera pula pergi *searching house*, tangkap orang, mereka pula ini – dia tidak dibela mengikut prosedur tentera yang dilatih – tentera tidak dilatih bagaimana menangkap orang. Polis pula kalau berperang, berdepan dengan ancaman senjata. Oleh itu *common system* yang kita ada, kita *limitkan* tentera kita supaya tidak *come and contact with* orang awam. Kita *limitkan* polis tidak *come and contact* orang dengan ancaman asing, itu yang menjadikan *command system* kita tetap bertatertib.

Apabila kita mempunyai undang-undang ini, dengan setiausaha Majlis bagi arahan dan dia tidak *train* dalam perkara ini, mungkin *train* pun dia tidak akan *train* daripada segi semua aspek, ini akan menimbulkan banyak masalah daripada segi hak asasi manusia melalui perkara ini. Kita juga jelas tadi sebut tentang *intelligence*. Akan tetapi kita juga harus sekali lagi – saya bezakan tentera dengan polis. Tentera berhak untuk *gather intelligence*, maklumat tetapi tentera tidak berhak untuk menangkap dan *interrogate*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *The interrogatory power is not in the hand on a military but with these you allow. Police is allowed to interrogate and collect information.* Ini kerana ia digoverns dan tertakluk di bawah satu perintah mengikut *Evidence Act*, CPC dan lain-lain lagi. Sekarang, kita telah sekali lagi kaburkan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh perkara yang lebih berkaitan dengan operasi sekarang. saya lihat Bahagian VII, Majlis Keselamatan Negara yang sedia ada, Perkara 43 dan 44. Kita seharusnya tidak buta dalam sejarah. Majlis Keselamatan Negara sebelum ini, kita ada MAGERAN yang mempunyai kuasa yang mirip dengan undang-undang yang kita ada ini. Akan tetapi kemudian MAGERAN telah digantikan dengan Majlis Keselamatan Negara.

Kita baca Majlis Keselamatan Negara yang sedia ada. Disebabkan maklumat saya dalam bahasa Inggeris, izinkan saya '*Responsible as a secretariat for national safety, public safety, crisis and disaster management, advising on safety policy, uniform policy regarding public safety*'.

■2120

Apa yang dibawa termasuk *Special Malaysia Disaster Assistance and Rescue Team (SMART)*, yang ada *Federal Special Officer Team*, PPKPSL yang relevan dengan Sabah dan Sarawak. Dia *emphasize* satu perkara iaitu *public safety, disaster and crisis*. Dalam akta ini tidak ada lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Maksudnya, siapa akan uruskan isu-isu *disaster*? Itulah sebab Menteri *disaster* ini dengan bentangkan undang-undang itu, Menteri telah menghapuskan fungsinya sendiri. Itulah sebab bagi saya...

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini adalah satu undang-undang yang *disaster*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak akhirkkan. Saya hendak akhirkkan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak. Yang Berhormat Batu, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri *disaster* itu tidak elok Yang Berhormat. Menteri yang menjaga bencana lebih bagus.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri bencana. Bila perkara ini dibentangkan, negara kita menghadapi bencana atau malapetaka demokrasi dalam pengurusan dan pentadbiran negara. Saya ingin tahu, ke mana pergi SMART kita dan juga PPKP Sabah? Ini kerana tugas SMART ialah cari dan selamatkan. Itu sangat penting dalam perkara yang kita tidak perlu isytiharkan *special* ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Juga, *for the* PPKPS itu adalah untuk *handle* isu-isu pendatang tanpa izin. Adakah kita serah kepada Majlis ini untuk uruskan pendatang tanpa izin? Ini juga akan menghadapi banyak lagi *disaster* dalam hak asasi manusia dan banyak perkara. So saya hendak tahu, kalau kita sebut macam ini, 43 dan 44, ini memang akan membawa malapetaka kepada kerusi yang sedia ada dalam Majlis Keselamatan Negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas.

## 9.22 mlm.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015, ingin saya menyatakan bahawa kalau kita hendak sayangkan angkatan tentera kita, kita mesti menggubal undang-undang yang sah supaya mereka terlindung. Kita semua sayangkan angkatan tentera kita kerana menjaga keselamatan negara dan kita boleh hidup aman damai. Akan tetapi pada pandangan saya, akta ini tidak sah dari segi undang-undang kerana ia tidak mengikut peruntukan perlembagaan.

Seperti yang telah saya katakan tadi, dalam rang undang-undang ini ada peruntukan-peruntukan yang bercanggah dengan Perkara 5 dan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Untuk memastikan peruntukan-peruntukan yang melanggar Perkara 5 iaitu kebebasan diri dan Perkara 13 tentang hak hartanah seorang rakyat, mukadimah ini mestilah mengikut Perkara 149 yang telah saya bacakan tadi, yang jelas bahawa untuk undang-undang ini sah, mukadimahnya mesti mengikut Perkara 149.

Kedua Tuan Pengerusi, kita amat kluatir kerana kalau undang-undang ini sah, ini merupakan satu tamparan hebat kepada sistem demokrasi dan boleh membawa bencana atau menghancurkan sistem yang ada sekarang. Kalau undang-undang ini diluluskan seperti yang dibentangkan, kita boleh mewujudkan satu kerajaan tentera, *parallel* dengan izin, dengan kerajaan yang sedia ada. Ini kerana di bawah undang-undang ini, Majlis Keselamatan Negara

begitu berkuasa sekali. Majlis Keselamatan Negara di bawah rang undang-undang ini berlainan daripada MKN yang sekarang di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Kita dapati dengan adanya kelulusan rang undang-undang ini, MKN ini merupakan satu badan yang *independent* dengan izin, bukan di bawah mana-mana kawalan kerajaan. Kuasanya adalah lebih daripada Kabinet dan juga kuasanya boleh melepasi kerajaan negeri. Ini kerana kalau diisytiharkan mana-mana negeri ada tempat sebagai *security area*, semua kuasa entiti-entiti kerajaan termasuk kerajaan tempatan, agensi-agensi kerajaan negeri, angkatan tentera dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan tertakluk kepada kuasa yang diberikan kepada Majlis ini. Jadi, ini amat berbahaya.

Ingin saya katakan, di bawah Majlis ini, seksyen 6, sungguhpun dinyatakan ada lapan orang dalam Majlis ini, sebenarnya ia boleh dikurangkan kepada lima orang sahaja. Ini kerana dinyatakan di bawah seksyen 6, ahli-ahli dalam Majlis ini ialah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan, *Chief Secretary* ataupun Ketua Setiausaha, *Chief Armed Forces* atau Ketua Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara.

Ini kerana kalau seseorang Perdana Menteri ini hendak menyalahgunakan kuasa dia, dia boleh memberikan tanggungjawab tugas sebagai Menteri Dalam Negeri di bawah Perdana Menteri sendiri ataupun Menteri Pertahanan, dia boleh, di bawah kawalan sendiri dan juga Menteri Komunikasi. So, dengan izin, *the Prime Minister can have Defense Ministry, Interior Ministry and also Communication Ministry under himself*. Jadi, orang di bawah seksyen 6 ini boleh dikurangkan kepada lima orang sahaja iaitu Perdana Menteri sendiri, Timbalan Perdana Menteri dan tiga lagi penjawat awam iaitu *Chief Secretary, Chief Armed Forces and IGP*.

Ini sangat berbahaya kerana Perdana Menteri sendiri, seorang sahaja pun boleh membuat undang-undang, peraturan di bawah seksyen 42(1). Jadi saya harap, kita boleh menolak undang-undang yang dibentangkan. Kita memang kalau hendak membuat undang-undang, marilah kita buat yang baik, yang besar dan melindungi angkatan tentera, tetapi juga melindungi negara kita daripada salah guna kuasa di mana sebuah kerajaan tentera boleh diwujudkan. Ini kerana di bawah MKN ini, mereka boleh mewujudkan jawatankuasa-jawatankuasa di negeri-negeri dan kawasan-kawasan. Jadi, kita akan wujudkan satu kerajaan tentera yang lebih berkuasa daripada kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Tuan Pengerusi, kita pun tahu bahawa di bawah seksyen 18, Perdana Menteri boleh mengisytiharkan mana-mana tempat sebagai tempat *security area*. Pengerusi iaitu Perdana Menteri boleh mengisytiharkan Parlimen diambil alih dan tentera masuk untuk mengambil alih. Ini boleh berlaku kerana di bawah seksyen ini, Perdana Menteri boleh isytiharkan. Apabila tentera mengambil alih, hanya satu sahaja dengan izin, *we call safeguard* iaitu kedua-dua *House of Parliament* iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Senat bersidang untuk *to set aside the order*. Akan tetapi kita tahu di bawah Perintah Tetap 11(3) di bawah Perintah Tetap, Parlimen akan bersidang hanya kalau Perdana Menteri menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk memanggil Parlimen bersidang.

Akan tetapi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu hendak itu menyalahgunakan kuasanya, dia tidak akan memanggil Parlimen. Jadi *safeguard* yang ada ini pada hakikatnya ia *this all paper but it practices if the Prime Minister do not call the Parliament to sit then the power would remain forever*. Inilah keadaan yang sangat menakutkan.

Tuan Pengerusi, kita pun nampak dalam peruntukan ini ada sedikit kepincangan bagaimana *Director of Operation* dan *Director General of National Security* memang mereka boleh kata, *they are working separately*. Kita hendak tahu di bawah seksyen 20 *Director of Operation* adalah bertanggungjawab kepada Majlis Keselamatan Negara. *Director General of National Security* mereka ada, *we call another set* di mana *administration* di bawah *Director General of National Security, Deputy Director* semua boleh dilantik.

Akan tetapi kita hendak tahu semasa *Director of Operation* menjalankan tugas adakah Majlis akan bersidang? Kalau Majlis tidak bersidang maksudnya *Director of Operation has all the power during the operation because Director General of National Security, Director of Operation* tidak bertanggungjawab kepada *Director General of National Security*.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah di bawah undang-undang ini banyak peruntukan-peruntukan yang ada di sini cuba telah diperuntukkan di bawah undang-undang biasa seperti Kanun Acara Jenayah iaitu seksyen 22 hingga 30 berkenaan dengan izin, *power to arrest, power to search and sees, power to enter premises, to take over premises*. Kita mahu tahu mana satu undang-undang akan terpakai kalau seperti yang Menteri jelaskan ini undang-undang biasa di bawah Perkara 76 sudah ada percanggahan.

Pada hemat saya, kalau kerajaan hendakkan satu Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara dalam keadaan kita kata *security area*, mesti niatnya ialah untuk memberi kuasa yang lebih. Akan tetapi di bawah undang-undang ini tidak dinyatakan berapa lama seseorang itu boleh ditahan, berapa lama – adakah hak kepada peguam mesti di bawa kepada majistret, itu terpakai seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 5. Jadi kekeliruan ini dan mesti dibereskan ataupun diselesaikan kerana kalau ada percanggahan undang-undang kita tidak tahu kedudukan sebenarnya, ini menimbulkan kekeliruan dan juga pelaksanaan.

Oleh demikian saya sekali lagi mohon kepada pihak kerajaan supaya mengkaji semula rang undang-undang ini supaya rang undang-undang atau undang-undang yang baik yang memang melindungi Angkatan Tentera dan juga ketenteraman awam dapat diluluskan dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang sedia ada. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Tuan Pengerusi, Kuala Kangsar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar ya.

**9.34 mlm.**

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bahagian IV fasal 18 yang menyatakan bahawa mengisytiharkan secara bertulis kawasan itu sebagai kawasan keselamatan. Saya mohon pihak Menteri memberi sedikit gambaran tentang pelaksanaan apabila perkara ini terjadi dan berikan sedikit contoh-contoh ataupun senario kawasan-kawasan keselamatan yang bakal ataupun berpotensi menjadi kawasan-kawasan keselamatan. Khususnya dalam ancaman-ancaman baharu yang sedang melanda di dunia dan juga di negara kita.

Ini kerana ancaman-ancaman baharu ini adalah dengan izin, *a very clear and present danger*. Maknanya ancaman berada di luar pintu rumah kita. Jadi baru-baru ini, semalam malahan Tuan Pengerusi pihak Parlimen United Kingdom setelah berbahas selama 10 jam telah meluluskan untuk United Kingdom menyertai sekutu-sekutu Amerika dan lain-lain lagi untuk melancarkan tindakan ketenteraan dan juga menghantar aset-aset ketenteraan dan juga pertempuran ke kawasan Timur Tengah.

Ini sudah tentu menjejaskan ataupun mendapat sedikit tindak balas daripada isu ini dan mungkin perkara ini telah berada di negara kita sendiri. Jadi saya mohon pihak Menteri dapat memberi sedikit gambaran dan juga supaya kita sentiasa bersiap siaga di kawasan-kawasan kita. Ini kerana bukan sahaja di kawasan kita, di kawasan saya pun telah berlaku sel-sel ataupun sedikit contoh-contoh kawasan latihan tentang isu-isu keselamatan di negara kita dan di kawasan kita sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**9.36 mlm.**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jika saya bermula dengan fasal 3 rang undang-undang ini oleh sebab ini peringkat Jawatankuasa, perlu kita lihat setiap ayat rang undang-undang ini supaya tidak silap. Fasal 3(2) yang menyatakan bahawa Majlis hendaklah menjadi pihak berkuasa pusat bagi kerajaan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan.

Pertama sekali Tuan Pengerusi, perkataan pihak berkuasa pusat, jelas ini yang menjadi masalah. Sepatutnya Majlis seperti ini adakah Majlis untuk menyelaras dan bukan menjadi autoriti bagi menjalankan apa-apa implementasi ataupun *operational task* yang berkaitan dengan keselamatan. Apa yang menjadi *contradictory* dan menunjukkan *the poor drafting* akta ini, akta ini antara yang *poorly drafted* yang pernah saya lihat.

Adalah bahawa selepas itu perkataan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan dengan keselamatan negara. Akan tetapi kalau kita lihat Tuan Pengerusi, seluruh rang undang-undang ini telah pun bergerak *beyond* tahap mempertimbangkan. *Council* ataupun Majlis di sini mempunyai kuasa untuk memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan, ia mempunyai *certain degree of operational supervision* dan sebagainya.

Jadi adalah amat salah untuk menggunakan perkataan *for considering matters concerning beyond national security*. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa sesuatu yang bukan sebenarnya fungsi Majlis seperti yang dapat kita lihat daripada rang undang-undang ini. Selepas itu kalau kita lihat pula fasal 4. Fasal 4 ini amat serius. Bahawa Majlis akan mempunyai fungsi yang berikut untuk merumuskan dasar dan langkah strategik mengenai keselamatan negara termasuk integriti wilayah, pertahanan, kestabilan sosiopolitik.

Soalnya mengapa Majlis Keselamatan Negara terlibat dalam isu kestabilan sosiopolitik? Kestabilan sosiopolitik bukan suatu isu yang melibatkan mana-mana Majlis Keselamatan Negara di dalam mana-mana negara. Ini adalah sesuatu yang sepatutnya tidak ada *interference* daripada badan-badan seperti pihak polis dan sebagainya. So, ini amat serius dan selepas itu kita lihat juga perpaduan negara. Perpaduan negara juga dimasukkan di bawah Majlis Keselamatan Negara. Perkataan-perkataan ini sepatutnya dibatalkan kerana ia tidak ada kena mengena.

Ini bermakna jika kestabilan sosiopolitik dimasukkan, perpaduan negara dimasukkan dengan izin, *it will open the abuse*. Menggunakan alasan perpaduan negara dan kestabilan sosiopolitik. Kita akan melihat keadaan di mana Majlis Keselamatan Negara yang begitu mempunyai kuasa yang besar ini mula untuk *interfere* dengan izin, memasuki hal-hal politik, hal-hal yang tidak melibatkan mereka untuk menggunakan Majlis Keselamatan Negara ini untuk mengambil tindakan-tindakan yang berbaur politik dan sebagainya.

#### ■2140

Perkataan-perkataan ini jelas membuka pintu dan saya percaya diletakkan ada sebabnya mengapa ada perkataan-perkataan seperti ini. Sumber strategik dan sekali lagi kestabilan ekonomi dan itu fasal 4 dan 6 telah dibincangkan. Saya akan terus kepada 18. 18 Tuan Pengerusi adalah amat penting di sini kalau kita perhatikan perkataan-perkataan 18. Jika Majlis menasihatkan Perdana Menteri bahawa keselamatan di mana-mana kawasan di Malaysia diganggu atau diancam dengan serius oleh mana-mana orang dalam versi bahasa Inggeris saya lihat *seriously disturbed or threatened by any person, matter or thing*.

*Person* adalah perkataan *singular*, seorang. Apakah Majlis akan memberi nasihat kepada Perdana Menteri, iaitu Perdana Menteri memberi nasihat kepada Perdana Menteri sendiri bahawa kawasan keselamatan akan diisytiharkan disebabkan seorang telah mengancam keselamatan. Itu adalah makna di sini dan ini menunjukkan standard *drafting*. Apakah Jabatan Peguam Negara *is responsible for this kind of drafting*? Itu soalan saya dan mengapa.

Sekali lagi ini menunjukkan *hurry-burry* cara dengan mana rang undang-undang ini dibawa. Apakah kita akan meluluskan *drafting* seperti ini yang menunjukkan *by any person, in single person*. Seorang sahaja cukup. Khairuddin umpamanya cukup untuk *declare* seluruh kawasan tersebut sebagai *security area*. *Matter or thing*. Apa itu *thing*? Kalau lihat versi bahasa Malaysia perkara atau benda. Benda yang mengancam keselamatan, benda apa? So ini menunjukkan sekali lagi *drafting* yang begitu longgar seolah-olah apa-apa perkataan yang masuk dalam kepala tulis dalam rang undang-undang.



*What is this* Tuan Pengerusi? Sebab itu saya kata *we have to go through this* rang undang-undang dengan izin, Tuan Pengerusi, ayat *by* ayat dalam peringkat jawatankuasa. *This is can't be hurry because this bill is seriously embarrassment.* Tuan Pengerusi, dengan izin *embarrassment* kalau kita di Dewan Rakyat ini meluluskan rang undang-undang dengan perkataan-perkataan seperti ini dan selepas itu kalau kita lihat pada 18 juga *or any other interest of Malaysia* kita lihat di sini menyebabkan bahaya yang serius kepada wilayah, ekonomi, infrastruktur atau apa-apa kepentingan Malaysia yang lain.

Apa itu apa-apa kepentingan Malaysia yang lain? *Any other interest of Malaysia, why. If Malaysian football* apa dia? *What is any other interest?* Apakah makna perkataan tersebut? *Requires immediate national response.* Kemudiannya *the Prime Minister may, if consider it to be necessary in the interest of national security.* Ini penting Tuan Yang di-Pertua. *The devil is in the details just they said.* Perdana Menteri boleh jika difikirkannya perlu. Siapa fikir? Perdana Menteri fikir. Maknanya dia buat keputusan bergantung kepada apa di dalam fikirannya dan bukan satu standard yang objektif, standard orang yang munasabah tetapi standard apa yang Yang Berhormat Pekan fikir adalah *reasonable*.

So ini adalah satu standard. Maknanya tidak jelas apakah standard yang akan digunakan dalam Perdana Menteri membuat keputusan bahawa ia perlu demi kepentingan keselamatan negara. Sekurang-kurangnya apa yang perlu dibuat oleh bahawa bahagian ini perlu dipinda supaya menyatakan jika Perdana Menteri dan jika ia adalah munasabah untuk perkara itu dilakukan, maka mengisytiharkan secara bertulis bawah kawasan tersebut adalah kawasan sekuriti.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit. Saya ingin membantu, saya lihat macam ini kalau saya hendak sangka baik maksudnya dia pelbagai macam ancaman termasuk banjir, ribut taufan, serangan musuh luar dan juga atau subversif dalam negara. Dimaktubkan dalam itu tetapi saya setuju ini adalah cara yang agak malas untuk bertulis. Kalau di negara lain, saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai, kalau di negara lain National Security Councilnya cuma dari segi *advisory*.

Apabila hendak isytiharkan kawasan keselamatan itu, dia serah kepada entiti masing-masing. Kalau diserang oleh musuh luar, tentera yang *decide* di mana kawasan keselamatan. Kalau itu adalah natural *disaster*, dia serah kepada unit yang lain. Kalau ancaman itu daripada subversif dalaman polis yang akan putuskan. Tetapi sekarang ini dia telah **augmented** *into one*. Adakah ini akan mewujudkan masalah undang-undang? Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Dengan pastinya akan menyebabkan masalah undang-undang sebab di bawah rang undang-undang ini, *effect* ataupun kesan *consequence* rang undang-undang ini adalah bahawa kita ada satu lagi badan-badan baru yang amat mempunyai kuasa yang banyak *very powerful body* dengan izin yang mempunyai kuasa-kuasa yang akan diduplikasikan oleh kuasa-kuasa lain seperti umpamanya Jemaah Menteri.

Jemaah menteri juga mempunyai kuasa-kuasa dan sekarang Majlis ini juga mempunyai kuasa-kuasa, pihak polis mempunyai kuasa-kuasa, tentera mempunyai kuasa-kuasa dan bagaimana kuasa-kuasa ini akan sebenarnya *dicoordinate* tidak ada di sini. Ini kerana sepatutnya rang undang-undang ini adalah mengenai penyelarasan tetapi ia telah keluar daripada *ambit* tersebut. Sebab itu saya kata kalau kita banding dengan perkataan-perkataan yang telah digunakan dalam fasal 149 dan 150 ia jelas. Perkataan yang lebih tepat dan jelas digunakan dan kita tahu apa yang dimaksudkan apabila disebut dalam 149 dan 150. Akan tetapi di sana seperti yang saya kata *matter thing* dan sebagainya amat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tahu sebab itu saya kata tidak boleh...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Baru 18, peringkat jawatankuasa, ada lagi Tuan Yang di-Pertua. 18 (4) Tuan Pengerusi deklarasi boleh diperbaharui oleh Perdana Menteri dari semasa ke semasa. Dari semasa ke semasa untuk tempoh yang tidak melebihi enam bulan setiap kali, *as may be specified*. Ini bermakna Tuan Pengerusi bahawa tidak ada apa-apa *limit* atau batasan kepada tempoh bagaimana pengisytiharan itu boleh diperbaharui. Bertahun-tahun pun boleh. Maknanya ini adalah satu fasal yang kita perlu teliti dalam peringkat jawatankuasa ini untuk diperbaiki.

Saya harap Menteri mendengar semua ini, *from time to time*, sampai bila? Sampai kiamat. Mana boleh Tuan Pengerusi. Ini sesuatu *provision* yang amat serius. Meletakkan di sini *not exceeding six months*, ini tidak membantu. Apa guna kata *not exceeding six months when you say it can be renewed by Prime Minister* dengan izin *from time to time*. *Not exceeding six months* ini seolah-olah cuba menunjukkan bahawa ia tidak begitu lama tetapi *from time to time as may be specified in the declaration*. Jadi itu masalah yang amat besar.

Now fasal 5 pula 18(5) ini pun saya tidak faham mengapa dinyatakan bahawa a *declaration made under subsection (1) shall be published in such manner as the Prime Minister things necessary*. Dalam bahasa Malaysia seperti yang Perdana Menteri dari semasa ke semasa *five-five* ya, mengikut apa-apa cara yang difikirkan perlu oleh Perdana Menteri.

#### ■2150

Tuan Pengerusi bagaimana kita boleh ada undang-undang, di mana kesemuanya adalah mengenai apa yang difikirkan oleh Perdana Menteri sebab kita tidak tahu apa dalam fikiran Yang Amat Berhormat Pekan. Macam-macam boleh difikirkan tetapi seluruh akta ini apa yang difikirkan oleh Perdana Menteri, apa yang difikirkan oleh Perdana Menteri? Jadi saya tidak faham bagaimana *drafting* seperti ini boleh dibuat? Bermakna kalau Perdana Menteri membuat keputusan untuk *publish* deklarasi ini dengan memberitahu semua orang di Putrajaya sahaja.

Itu pun adalah sesuatu yang boleh diterima. Mengapa? Ini kerana ia dinyatakan di sini *publishing* boleh dijalankan *ataupun can be done as the Prime Minister think necessary. As a Prime Minister, think necessary* jadi terpulang kepada Perdana Menteri, begitu subjektif. *I move on, I move on.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** 18(7).

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kena ringkaskan juga Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya ya saya ringkaskan tetapi kalau rang undang-undang ini tidak begitu teruk saya boleh ringkaskan lagi tetapi *what kind of drafting is this? I'm sorry, I'm very sorry. I'm trying to help here*, saya hendak bantu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mungkin Yang Berhormat boleh bahas separuh kemudian orang lain boleh bahas seksyen yang lain.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya macam mana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini kerana kalau Yang Berhormat bahas seksyen 1 hingga 44, saya rasa 30 minit pun tidak sempat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Akan tetapi...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seksyen 1 hingga 44 Yang Berhormat Kapar tetapi kita ada had masa. Ia harus dibaca dengan had masa yang dibuat oleh Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya pun Tuan Pengerusi lepas ini seksyen 1 hingga 44 berbeza juga dengan pandangan Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tahu saya katakan seksyen 1 hingga 44 tetapi ada *condition* ada had masa 10 minit. So, tidak bolehlah bahas daripada fasal 1 hingga fasal 44. Mungkin lain orang boleh bahas fasal yang lain Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Sebenarnya Tuan Pengerusi 57(1) pun menyatakan, "*Setiausaha shall call the number which clause or the number clauses in subsection.*" Akan tetapi di sini seluruh rang undang-undang dipanggil sekali gus.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tertakluk kepada apa yang dibagi kepada saya Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu pun tidak betul kalau dilihat 57(1)...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itulah yang dibuat oleh Setiausaha tadi, 1 hingga 44 ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *The number of clauses not all the clauses in subsection.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Understand.*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Number of the clauses.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *But as it is now, I'm given 1 to 44 at one go.*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *So I'm moving on.* 18(7) Tuan Pengerusi. Tiba-tiba pula dengan 18(7) *the draftsmen* di sini menyatakan walau apa-apa pun jua dalam subseksyen 23(6) Perdana Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan perisytiharan itu. *This is funny* Tuan Pengerusi sebab kalau kita lihat balik pada 18(1), 18(1) menyatakan bahawa *whether council* ataupun bila Majlis menasihati Perdana Menteri, maka suatu pengisytiharan kawasan keselamatan boleh dibuat. Akan tetapi di 7 pula ia menyatakan Perdana Menteri boleh menarik balik deklarasi itu tanpa merujuk kepada Majlis. Oleh sebab itu, saya kata *problem* dengan rang undang-undang ini. *How can we read this clause 18 as a whole, when it contradicts itself from top to bottom?* Kepala kata satu benda, ekor lain ataupun mungkin ia "*freudian slip*" pada pihak *draftsmen* yang menunjukkan bahawa kuasa sebenarnya di tangan Perdana Menteri. Itu masalah yang besar 18(1).

Kemudian 20 Tuan Pengerusi, *Director of Operation* ini, "*the council shall appoint the Director of Operation*" tetapi tidak apa-apa dinyatakan mengenai *qualification*. Siapa ini *Director of Operation* di mana *Director of Operation* ini akan menjadi seperti seorang *small dictator* di negara ini ataupun di kawasan keselamatan di mana beliau menjadi *Director of Operation*. Siapa dia? Apa dia punya *qualification*? *Where is it? Nowhere, nothing here.* *Duties and power* ada, *appointment* ada dan tengok *duties of power 21*, berbagai-bagai kuasa yang begitu besar tetapi kita tidak akan tahu siapa *mysteryman*, siapakah *mysteryman* yang akan dapat *job* kerja ini di bawah fasal 20 atau seksyen 20 ini. Siapa dia? Adakah mempunyai apa-apa *qualification*?

Kemudian 22- 22 yang menyatakan bahawa, *mysteryman Director of Operation* ini mempunyai kuasa. *Mysteryman* mempunyai kuasa untuk memindahkan, mengeluarkan semua orang daripada kawasan tersebut – 30 menyatakan kalau tidak patuh akan dipenjarakan tempoh tidak melebihi tiga tahun. Orang-orang yang tidak mematuhi perintah sebab itu serius, *you cannot draft laws like this* kerana ia menyatakan 22 kalau kita perhatikan, "*any person who fails to comply*" dalam bahasa Inggeris. *Who fails to comply*, ia sepatutnya tidak ada perkataan "*who fails intentionally, who fails recklessly*". Perkataan itu langsung tidak.

Bermakna apa ini? Bermakna walau apa pun seseorang yang untuk apa-apa sebab mungkin dia tidak tahu mengenai perintah tersebut, mana tahu. Akan tetapi oleh sebab tidak ada elemen "*mens rea*" ataupun mental, *the intention* ataupun niat di dalam seksyen (3) ini bermakna beliau akan bersalah. Seksyen (3) ini sedang mencipta satu kesalahan *strict liability* dan ini adalah sesuatu yang akan menyusahkan rakyat di kawasan.

Ini sebab kalau kita lihat 23(3) *same problem*. Ini mengenai perintah berkurung. Perintah berkurung juga dinyatakan *any person who fails to comply*, tidak ada mental elemen langsung. Maknanya kasihan rakyat di kawasan tersebut yang tidak tahu, yang *confuse*, yang takut, yang ada yang sembunyi untuk sebab-sebab tersebut tidak menurut perintah kena penjara sehingga tiga tahun ataupun kalau akhirnya tidak didapati bersalah pun dibawa ke mahkamah, dituduh menyusahkan rakyat walaupun mungkin mereka tidak bersalah langsung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Jadi bagaimana?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat jangan ambil 20 minit Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Akan tetapi, Tuan Pengerusi ini peringkat Jawatankuasa dan kesilapan begitu banyak dalam rang undang-undang ini, *what do I do? what do we do?* Terlalu banyak, kalau rang undang-undang ini tidak ada masalah saya duduk. Saya bercakap kerana *is a problematic* rang undang-undang dan isu-isu yang saya timbul adalah serius. Mana dia mental elemen di sini, tidak ada. Kalau kita tengok *the Director Operation in writing* disiarkan cara mana? *Publish how? In writing* sendiri dia tulis simpan dan bagaimana rakyat hendak tahu?

Juga menunjukkan kuasa yang besar bagi *Director Operation* ini. Selepas itu fasal 25 ia amat serius *power of arrest. Any member of security of forces may without warrant arrest any person found committing alleged to a committed or reasonably suspected of having court. Who drafted this? Okay, or reasonably suspected of having committed any offence under any return laws in the security area.*

Tuan Pengerusi apakah makna *alleged to have a committed, reasonably suspected* okey kita boleh terima tetapi *alleged to a committed by whom?* Dengan izin. Oleh siapa? Saya tidak pernah tengok undang-undang seperti ini, *not in 20 years of legal practice.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *I think my friend from the BAR also agreed with me. I have never seen a lot drafted in this ridiculous manner. Yes, Yang Berhormat Batu.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Padang Serai. Adakah Yang Berhormat Padang Serai setuju ini lebih teruk daripada ISA. Ini kerana ISA hanya boleh dikeluarkan oleh IGP sendiri dan dia ada tempoh tertentu. Di sini mana-mana anggota keselamatan dia tidak kisah *rank* yang mana satu dia boleh tangkap tanpa waran. Ini lebih teruk daripada zaman-zaman dahulu kerana dia terlalu longgar dari segi itu. Mana-mana anggota keselamatan dia termasuk tentera, dia termasuk orang-orang yang tidak dilatih untuk menangkap penjenayah. So, apakah ini satu undang-undang yang lebih teruk daripada ISA?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi saya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Padang Serai boleh saya sambung sedikit daripada, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih pada Yang Berhormat Padang Serai. Ya, memang seksyen 25 ini memang bermasalah dan kita tahu prinsip yang asas bila kita merampas kebebasan seorang dengan tahan tangkapan *the power of arrest* dengan izin. Prinsip yang asas yang dilaksanakan di semua bidang kuasa ialah *reasonable suspicion.*

So, jadi yang bab yang kedua itu okey. Dia kata *reasonably suspected of having competitive* itu adalah selaras dengan prinsip undang-undang dan prinsip di bawah Artikel 5 Perlembagaan Negara. Akan tetapi seperti mana yang disebut tadi *alleged to have committed* itu.

Ini memang tidak pernah disebut di mana-mana undang-undang dan kalau kita teliti *the Penal Code* dengan Kanun Acara Jenayah dan semua undang-undang jenayah yang berkenaan kita tidak dapat.

■2200

Bagi saya pindaan ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Serai, dengan ini boleh kita katakan seksyen ini sekurang-kurangnya jelas melanggar Perkara 5 Perlembagaan Malaysia.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, memang disebabkan oleh itu ia jelas melanggar Artikel 5. Bermakna seksyen ini adalah *unconstitutional* kecuali ia dipinda oleh Menteri. Bertambah teruk lagi adalah hujung fasal 25 *suspected of having committed any offence under any written laws*.

Bermakna Tuan Pengerusi bahawa apa-apa kesalahan. Di sini adalah apa-apa, i dalam versi bahasa Malaysia ia menyatakan bahawa apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Bermakna bahawa kesalahan yang tidak berkaitan pun dengan isu keselamatan juga termasuk di dalam fasal 25. Ini adalah sesuatu yang langsung tidak masuk akal.

Apakah tujuan meletakkan *provision* ini yang menjadikan kesemua kesalahan boleh ditangkap tanpa waran. Manakala ia tidak terlibat dengan kesalahan-kesalahan keselamatan kecuali untuk memberi kuasa yang begitu luas kepada *Security Forces* ataupun pasukan keselamatan di dalam kawasan tersebut.

Fasal 26(2) menyatakan, "*Any members of Security Forces may without warrant, enter and search any premises or place if he suspects that any article or thing being evidence of the commission of any offence against any written law is likely to be found on the premises*".

Sekali lagi ia memberi satu kuasa yang begitu besar kepada *members of Security Forces* kerana tidak ada, beliau tidak perlu mengesyaki secara munasabah pun. Hanya perlu suspek sahaja. Tidak ada perkataan munasabah di sana, tidak ada *qualification*. Ya, sekali lagi memberi satu kuasa yang amat besar kepada mereka di bawah fasal 26.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Serai, panjang sangat.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ada sedikit lagi pasal peringkat Jawatankuasa ada lagi. Masalah saya begitu banyak dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya habiskan.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kalau kita lepaskan kita akan disalahkan akhirnya. *At least I got to put it on record. I'm sure the Prime Minister* sedang dengar dan saya percaya beliau akan membuat pindaan tersebut.

Fasal 30 Tuan Pengerusi, saya sudah lompat beberapa fasal. Fasal 30 *power to take temporary possession of land, building or moveable property*. Tuan Pengerusi, *Temporary possession* apa makna? Tidak ditakrifkan. Untuk berapa lama, apa batasannya?

Ini kerana kita mesti ingat kalau kita lihat balik kepada fasal 18. Fasal 18 membenarkan Perdana Menteri melanjutkan pengisytiharan *security area* tersebut *indefinitely* enam bulan, enam bulan, enam bulan sampai bila pun boleh.

Bermakna apabila kita menyatakan *temporary possession here* sehingga bila? Bermakna kita boleh ambil tanah orang, kita boleh ambil bangunan orang, kita boleh ambil rumah orang untuk berapa lama? Mengapa kita perlu bertoleransi fasal-fasal seperti ini dan bagaimana fasal-fasal seperti ini yang begitu *wide*, yang begitu menindas perlu kita luluskan? Ini kesannya atas rakyat, atas rakyat biasa yang akan berada di dalam mana-mana kawasan *security* yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri.

Fasal 31 *demand for resources*. Ini pun adalah satu *provision* ataupun satu permintaan bagi penggunaan sumber yang begitu luas. Apa-apa pun boleh diminta. Ini daripada mana-mana rakyat yang berada di kawasan tersebut, begitu dan tidak ada perincian dalam seksyen ini atau fasal ini mengenai *what kind of resources*. Ia hanya menyatakan *resources* tersebut *includes utilities and assets*. Bermakna selain daripada *utilities and assets*, apa-apa lain pun boleh diambil oleh *director of operations*. Lembu, kucing, kambing semua boleh diambil kalau menurut fasal 31. *Drafting* begitu serius.

Paling serius saya datang kepada ini Tuan Pengerusi fasal 34. Fasal 34 Tuan Pengerusi pun akan takut apabila baca kerana ia menyatakan apa? Penggunaan kekerasan dibenarkan untuk melindungi nyawa, satu. Dua, untuk melindungi kawasan keselamatan itu atau mana-mana bahagian kawasan keselamatan itu terhadap ancaman serangan bersenjata. Kalau kita lihat yang kedua itu melindungi kawasan keselamatan itu bermakna ahli *Security Forces* itu boleh menggunakan *deadly force* termasuk membunuh hanya semata-mata untuk melindungi kawasan keselamatan.

Tuan Pengerusi, itu adalah *indirect contradiction* dengan IGSO atau *Inspector General Standing Orders*. Sekarang kita ada rang undang-undang yang bercanggah dengan *Inspector General Standing Orders* kerana saya boleh memberitahu Dewan, saya telah membaca *Inspector General Standing Orders* kerana diberikan dalam kes di mahkamah, bahawa menurut *Inspector General Standing Orders* hanya boleh melepaskan tembakan dan sebagainya, membunuh jika nyawa seseorang itu diancam atau nyawa anggota keselamatan ataupun nyawa orang awam diancam.

Sekarang kita ada dua ini yang bercanggah dengan itu dan juga bercanggah dengan undang-undang kita termasuk kes mahkamah yang telah pun diputuskan sebelum ini kes Norizan Salleh yang menyatakan bahawa *deadly force* hanya boleh digunakan pada keadaan di mana nyawa ataupun *grievous bodily harm* diancam. Jadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Padang Serai tidak bercadang untuk memberi laluan kepada Yang Berhormat yang lain untuk turut berbahas?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ahli Yang Berhormat yang lain pun perlu diberi masa Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, panjang sangat.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bukan salah kita Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ambil masa 30 minit terlalu panjang Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya saya akan habiskan tetapi Tuan Pengerusi ini bukan salah kita. Saya sebut semasa ucapan dasar tadi ini salah kerajaan kerana hendak mempercepatkan satu rang undang-undang yang begitu penting. *It's not my fault, it's their fault.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak mengapa Yang Berhormat. Yang Berhormat ingin meneruskan ucapan?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, ya saya ingin meneruskan. Sedikit lagi Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak mengapa. Saya akan buat *ruling* selepas ini.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya fasal 35 Tuan Pengerusi, *power to dispense with inquests*. Ini yang paling serius kerana kita tahu *inquests* itu diperlukan untuk menentukan kenapa seseorang itu telah dibunuh atau mati. Apakah *suspicious circumstances* dan sebagainya.

Sekarang kali pertama saya lihat ada rang undang-undang yang menyatakan bahawa majistret tidak perlu jika majistret fikir sesuai untuk mengadakan *inquests*. Ini adalah satu perkara yang amat salah, amat tidak boleh diterima dan perlu dipinda.

Fasal 38 Tuan Pengerusi. *I'm coming with them* Tuan Pengerusi fasal 38. Hanya ada 44 di sini dan fasal 38. Fasal 38 *protection against suits and legal proceedings* ini.

Bermakna Tuan Pengerusi, kalau kita lihat yang dinyatakan di sini *any act, neglect or default done or omitted by it or him in good faith, in such capacity*. Apakah makna *in good faith*? Bermakna apakah kalau dengan izin *if you committed murder, if for example the offence is murder here, can it be in good faith*? Jika Tuan Pengerusi kecuai, apakah ada kecuai *in good faith*?

Bermakna satu seksyen atau fasal yang langsung tidak masuk akal dan diletakkan di sana untuk sekali lagi mengurangkan *protection* rakyat daripada salah laku ataupun salah guna oleh ahli-ahli *council* ataupun *director operation* ataupun sesiapa anggota *security forces*. Mengapa perlu fasal 38 yang patut dibatalkan sepenuhnya, mengapakah tidak boleh bergantung kepada undang-undang biasa negara? Maknanya jika pihak keselamatan cuai, maka mereka boleh bawa kes di mahkamah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.



**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat tentang fasal 38 mengenai perkara yang berkaitan dengan perlindungan terhadap guaman prosiding undang-undang.

■2210

Berdasarkan pengalaman Yang Berhormat, di manakah sama ada imbang (*check and balance*) di dalam peruntukan ini sedangkan kita lihat fasal 34 memberikan perlindungan yang mutlak terhadap mana-mana pihak di bawah rang undang-undang ini daripada sebarang prosiding undang-undang. Ini tentunya bercanggah dengan apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Bagan Datok sewaktu ucapan beliau di London baru-baru ini yang menyatakan bahawa kerajaan akan mengemukakan *National Security Council* ataupun Majlis Keselamatan Negara dengan beberapa pendekatan yang lebih terkini. Kalau dengan adanya fasal 38 ini, tentunya menunjukkan bahawa negara kita sekarang ini sedang melaksanakan ataupun akan melaksanakan undang-undang regresif, yang ke belakang, tidak adapun semak dan imbang.

Perkara yang kedua Yang Berhormat, tadi tentang perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi mengenai fasal 25, fasal mengenai tangkapan. Ini secara jelas telah memberikan kuasa kepada tentera seperti mana juga yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Maknanya anggota pasukan keselamatan ini termasuk angkatan tentera. Misalnya saya hendak bagi ingat, adakah Yang Berhormat sedar pada 27 Ogos 2015 yang lalu, ada kenyataan daripada Jeneral Zulkifli, *Military Chief* ataupun Panglima Angkatan Tentera yang menyatakan akan menangkap ataupun menggunakan ketenteraan bagi menghalang Perhimpunan Bersih 4.0. Adakah undang-undang ini boleh dilaksanakan sekiranya Perdana Menteri mengisytiharkan kawasan Dataran Merdeka misalnya sebagai kawasan keselamatan dan akhirnya tentera digunakan untuk menangkap atau diberikan kuasa di bawah undang-undang ini untuk membuat tangkapan.

Ini jelas pada saya menunjukkan bahawa undang-undang ini, menunjukkan kita punya demokrasi ini ke belakang, tidak ke hadapan. Ini tentunya bercanggah dengan prinsip-prinsip asas dalam Perlembagaan Persekutuan. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan N. Surendran a/I K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang pertama mengenai fasal 38 Tuan Yang di-Pertua seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, fasal 38 bermakna tidak ada *accountability* oleh pihak berkuasa kepada rakyat biasa dan fasal sepertinya atau undang-undang seperti ini tidak boleh dibenarkan di mana-mana negara yang mengamalkan demokrasi. Rakyat diutamakan, maknanya rakyat mesti pada bila-bila masa mempunyai hak mutlak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana termasuk Perdana Menteri, termasuk kerajaan, termasuk sesiapa. Sebarang percubaan untuk mengambil hak itu adalah sesuatu yang boleh dilihat sebagai anti rakyat. Itu satu.

Kedua mengenai kuasa tangkapan yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Katil, ya. Ia bermakna bahawa kebebasan-kebebasan yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita tidak sebut mengenai kebebasan di dalam Barat dan sebagainya. Ada yang suka cakap. Ini

dalam Perlembagaan Persekutuan kita sendiri. Kebebasan-kebebasan tersebut boleh dirampas hanya dengan cara Perdana Menteri satu orang membuat pengisytiharan bahawa sesuatu kawasan itu adalah kawasan keselamatan dan selepas itu sesiapa pun tidak boleh, tangkapan boleh dibuat, tentera boleh dibawa masuk.

Apakah ini yang kita mahu bagi negara kita? Apakah ini yang rakan-rakan kita dari sebelah sana mahukan? Saya rasa kalau itu yang di - ada yang kata ya, tidak apalah dan kita tahulah daripada itu apakah *spirit democracy*. Negara ini negara demokrasi Tuan Yang di-Pertua, *I'm finishing*. Negara ini negara demokrasi. Ini Perlembagaan Persekutuan. Masa dasar tadi saya baca daripada ucapan Yang di-Pertuan Agong yang pertama, Parlimen yang pertama. Mengapa itu dilupakan? Mengapa hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan diketepikan oleh pihak Barisan Nasional? Itu dia.

Jadi sekali lagi saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri mengambil kira ini dan membuat pindaan-pindaan atau lebih baik tarik. Masih ada masa untuk tarik balik undang-undang ini. *This is poorly drafted deadlock*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya boleh benarkan 5 minit. 5 minit Yang Berhormat kerana Yang Berhormat Padang Serai sudah ambil masa 38 minit dan saya kira Yang Berhormat Padang Serai telah meliputi semua fasal yang dibuat huraian dan bantahan, pandangan daripada pihak pembangkang. Cuma saya bagi peluang pada Yang Berhormat Bandar Kuching seorang sahaja lepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**10.15 mlm.**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada isu yang lain. Saya tidak akan ulang balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya faham Yang Berhormat Kapar, saya tahu Yang Berhormat Kapar adalah Ahli Parlimen yang baik. Sila duduk. Yang Berhormat Bandar Kuching, sila teruskan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada fasal 3 dan fasal 4 mengenai komposisi *National Security Council* di mana tidak ada representasi daripada Sarawak atau Sabah. Hanya Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri yang diberi kuasa ini. Ya, seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan tadi, ini merupakan satu hakisan, hakisan terhadap kuasa dan kedudukan Sarawak dan Sabah. Hakisan yang dilakukan ini selama-lama itu telah merendahkan status Sabah dan Sarawak daripada salah satu daripada tiga kawasan kepada salah satu daripada 13 negeri dalam Malaysia.

Ini adalah bercanggah terhadap prinsip atau semangat pembentukan Malaysia. Saya ingin tanya di sini *function of the council; to formulate policy strategic measures on national security including sovereignty, territorial, integrity, defense, social political stability*. Bukankah ini

ada *social political stability, social political*, apa maksudnya yang merangkumi terlalu luas daerah...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Nanti, nanti. Bidang-bidang yang dalam perlembagaan kita adalah di bawah bidang kuasa negeri. *Take for example. The recent declaration by the Ketua Menteri Sarawak, the English will be the second official language of Sarawak.* Adakah ini dipandang oleh segelintir ekstremis dalam UMNO sebagai satu *treat to social political stability of the country, of the state.* Ada sesetengah orang dari UMNO ini sudah mengutuk, sudah kata ini tidak boleh dibenarkan, tidak patut dijalankan. *So, this is the Sarawak's right but* kalau akta ini diluluskan, maka Majlis *National Security Council* ini akan berhak untuk campur tangan dalam pentadbiran *social aspect and political aspect of the Sarawak and Sabah.* Ya, sila Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih, sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju kah Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa orang-orang yang meminta, membangkit isu Perjanjian Malaysia 1963 pun boleh dikategorikan sebagai puak ancaman. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya memang, *because social political stability covers everything, everything. Our Family Laws, family law is supposed to be under state jurisdiction. Native Custom and Right, supposed to be under state jurisdiction. A conflict between claimants of NCR rights and companies. There is supposed to be state jurisdiction and because of the conflict, there is a threat to social political stability of the state and with that excuse the Majlis, National Security Council can campur tangan, can come in interfere in the administration of the state affair.*

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya lihatlah kalau kita meneliti paparan disebutkan dalam Perlembagaan, *the state list.*

#### ■2220

Banyak bidang kuasa di bawah *state list* ini adalah boleh diliputi di bawah definisi *social political stability.* Maka ini merupakan satu hakisan kepada kuasa-kuasa dan hak-hak Sabah dan Sarawak yang khususnya kalau kita tengok komposisi *this National Security Council. At the very least the Chief Minister of Sabah and Sarawak should be in the council member, should be in the composition of the council. We are one of the three region that from Malaysia.*

Oleh itu Tuan Pengerusi, kebelakangan ini Ketua Menteri Sarawak ada menyebut bahawa selama 53 tahun ini hak-hak Sarawak telah dihakis oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apa yang disebutkan oleh beliau adalah *our member of Parliament for Sarawak are sleeping in the Parliament, allowing this to happen, allowing the erosion of Sarawak rights to happen. [Tepuk] Now, tonight I will ask some of our members, Yang Berhormat Batang Lupar, Yang Berhormat Santubong, are you still sleeping? Are you still sleeping? Masih tidurkah? Jangan, your chief*

*minister was saying you are sleeping in the Dewan Rakyat so as to allow the erosion of Sarawak rights all this while to be carry out. This is a rang undang-undang, this is a bill that will further erode the rights of Sarawak and I call upon you.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya akan menggulung. *I call upon you not to sleep anymore, not to sleep anymore.* Jangan tidur lagi, jangan tidur lagi, *it's time to wake up.* Malam ini, tadi kita ada belah bahagi, Barisan Nasional – 107 orang yang sokong. Kita di sini ada 74 orang yang sokong. Kita ada 25 orang Barisan Nasional Sarawak *MP's*. Sekiranya 25 orang Sarawak *MP's* itu sokong...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Tidak sokong rang undang-undang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, peringkat jawatankuasa fasal kepada fasal.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Fasal ini, komposisi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini ucapan politik Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya komposisi, *are you still sleeping?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya benarkan Yang Berhormat dengan niat yang baik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, saya akan gulung. Ini *conclusion*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *So on the instruction of the advice of the chief minister. The Chief Minister of Sarawak said don't sleep anymore. I call upon you, I plead upon you to vote against this act. Please will further erode the rights of Sarawak.* Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### 10.23 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berucap dalam Jawatankuasa. Yang saya tahu Jawatankuasa ini kita melihat ayat-ayat itu kita pinda, mencadangkan pindaan, bukan kita bercakap fasal dasar. Ini banyak daripada Yang Berhormat menyentuh fasal dasar. Kemudian semua Yang Berhormat bercakap tajuk yang sama.

Yang Berhormat Padang Serai bercakap daripada awal sampai habis, lepas itu orang lain pun bercakap tafsiran masing-masing. Di kalangan Yang Berhormat pun tafsiran berbeza. Jadi

walaupun bagaimanapun untuk menyenangkan hati semua pihak, saya akan memberi jawapan juga terutamanya bagi perkara-perkara Yang Berhormat memikirkan benda ini tidak logik, tidak perlu, saya beritahu keperluan dan maknanya bagi setiap satu.

Sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Kuching. Kuching, Perkara 3 dan 4.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya Yang Berhormat Bandar Kuching, *miow-miow*. Oleh kerana apa Yang Berhormat timbulkan itu telah ditimbulkan bersama dengan Yang Berhormat yang lain, saya akan jawab sepanjang perjalanan nanti ya. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, pengerusi bersama untuk ESSCOM ialah Ketua Menteri Sabah. Kita tahu bahawa Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri ialah Ketua Menteri Sarawak dan Sabah. Yang Berhormat hendak rangkumkan Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah dan Sarawak tidak boleh. Kami yang Barisan Nasional, kami bersama. Kalau Yang Berhormat cara DAP, cara DAP, tidak boleh rangkumkan Sabah dan Sarawak seolah-olahnya bersama dengan Yang Berhormat, mereka tidak setuju.

Kami, Sabah dan Sarawak, Barisan Nasional, Barisan Nasionallah. DAP, DAP. Macam Yang Berhormat dijangka akan mengambil alih jadi Setiausaha Agung nanti. Akan tetapi Yang Berhormat kena lawanlah dengan Yang Berhormat Bagan di hadapan sana.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, sekarang ini.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Membership of the council, membership of the council. Mana ada sebut ketua menteri, tidak ada. Membership of the council, you look at it, fasal 6. Membership of the council, all the Federal Minister.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *Secretary General.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, ikut peraturan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri ada benar saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *No problem.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *No problem, we are friends but that's why we comes to Sarawak rights ...*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, akan sampai masanya, saya akan sebut.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *I like the Barisan Nasional MPs is here.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri ialah Ketua Menteri Sabah dan juga Sarawak. Setiausahanya ialah Setiausaha Keselamatan Negeri

bagi tiap-tiap negeri. Yang Berhormat, mereka mempunyai kuasa yang besar dalam bidang keselamatan di tiap-tiap negeri. Jadi saya hendak beritahu secara umum walaupun tidak disebut dengan nyata di sini tetapi itulah kuasa yang ada. Sekarang saya hendak beritahu apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti sekejap, bila saya habis nanti saya bagi. Sekarang ini saya hendak menjawab, saya tidak mahu tengok di hadapan ya. Maksud keselamatan ataupun saya tidak sebut perkara-perkara sebab Yang Berhormat bercakap hampir semua perkara tetapi saya hendak bagi penjelasan tentang makna. Jadi di sini kita ada menggunakan perkataan 'orang', 'perkara' atau 'benda' sebagaimana peruntukan dalam fasal 18(1) rang undang-undang tersebut.

'Orang' ini bermakna mana-mana orang atau sekumpulan orang termasuklah pertubuhan. 'Perkara' sesuatu yang tidak ketara, *intangible* seperti wabak, serangan siber, perasaan tidak sihat seperti sentimen perkauman yang melampau. Kemudian 'benda' sesuatu yang ketara, *tangible* seperti binatang ataupun senjata biologi. Kita ada Yang Berhormat kalau kita tulis benda itu, takkan kita sampai ke tahap yang begitu teruk seolah-olah Yang Berhormat lebih pandai daripada kami. Kita ada pakar undang-undang yang sama hebat. Malah nak kira-kira kita lebih hebat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang peguam-peguam biasa sahaja. Yang Berhormat tidak boleh menilai ke tahap begitu rupa seolah-olah perkataan yang kita guna itu perkataan yang tidak bermakna. Ada yang bermakna.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya habiskan dulu Yang Berhormat ya sebab Yang Berhormat di antara yang paling bercakap banyak. Kemudian seksyen 18(1) berkenaan dengan '*any person*' hanya untuk satu orang sahaja. Yang Berhormat, mengikut seksyen 43 Akta Tafsiran 1948/1967 menyatakan seperti berikut; '*words and expression in the singular include the plural and word or expression in plural include the singular*'. Yang Berhormat, jangan Yang Berhormat kata Yang Berhormat boleh cakap semua orang terpesona, tidak. Undang-undang ini dibuat dengan begitu terperinci.

Yang Berhormat cuba lihat tafsiran Akta Tafsiran 1948/1967, kalau *you don't have the copy* saya boleh bagi dengan izin. Yang Berhormat tengok itu, perkataan '*singular*' itu ialah juga dirujuk kepada '*plural*' dan perkataan '*plural*' itu dirujuk pada '*singular*'. Okey Yang Berhormat ya. Kemudian perkataan-perkataan lain Yang Berhormat sebut tentang *temporary position* bermakna tanah atau bangunan itu diambil milikan sementara dan bukannya secara kekal.

Jadi Yang Berhormat, perkataan 'sementara' ini, jika *temporary position* dibuat, pampasan akan dibayar di bawah seksyen 32 dalam keadaan kawasan keselamatan diancam secara serius. Jadi *temporary position* ini perlu ada sifat yang lebih, ada sifat fleksibiliti bagi membolehkan tindakan menangani ancaman tersebut diambil dengan berkesan tanpa had kepada tempoh tersebut.

## ■2230

Yang Berhormat, ini ialah kawasan keselamatan. Kena ingat itu. Kita mendapat ancaman. Kalau sekiranya kita tidak bagi *detail* tentang perkara-perkara ini, kita anggap ini ialah perkara biasa. Perkara biasa, di luar kawasan keselamatan perkara biasa tetapi dalam kawasan keselamatan, banyak perkara yang luar biasa boleh berlaku.

Yang Berhormat, sekarang ini saya pergi satu-satu ya. Kemudian Yang Berhormat menyebut tadi tentang...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dan ini disebut oleh Yang Berhormat dari Bagan.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Iaitu berhubung dengan fasal 3(2), pihak berkuasa. Keselamatan ialah hak Kerajaan Pusat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Sebelum itu. Sebelum itu ada benda lain.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, okey, nanti sekejap. Sekejap lagi saya habis ya sebab saya bimbang saya ter *miss* nanti.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Menteri habis terus duduk, sekian terima kasih sahaja. [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** [*Berdehem berkali-kali*]

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, fasal 3(2) di sini disebut bahawa pihak berkuasa pusat. Yang Berhormat, keselamatan hak Kerajaan Pusat. Jadi, kita sebutlah pihak berkuasa pusat.

Kemudian fasal 4(a), kestabilan sosioekonomi, perpaduan negara patut dibatalkan kerana dia terlampau terbuka. Yang ini masalah kita, Yang Berhormat. Kita sedang hadapi masalah ini dan kita masukkan perkataan sosiopolitik, perpaduan negara dan sebagainya. Saya telah terangkan tentang perkataan *singular* dan juga *plural* tadi.

Kemudian tentang apa yang PM fikir, fasal 5. Sekarang ini PM dia fikir apa-apa pun, dia ada fasal 18(1) tadi bahawa Majlis akan menasihatkan Perdana Menteri.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian, siapakah *mystery man*?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, ini negara berdaulat. Takkan sebegitu bodoh kita hendak pi lantik orang yang tidak ada pengalaman tentang keselamatan. Tak mungkin Yang Berhormat. Janganlah sebut *mystery man* itu. Kita menghantui pemikiran kita dengan buruk wasangka. Allah berfirman dalam Al-Quran. Kawan-kawan PAS tolong beritahu makna. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apa Yang Berhormat Menteri jawab ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** “Orang-orang yang beriman, jangan kamu buruk sangka dan jangan kamu mengintai keburukan orang lain.” Jadi, saya hendak beritahu bahawa saya berpegang kepada prinsip tersebut. Tidak ada perkataan *mystery man*. No, Yang Berhormat. Kita akan pilih orang-orang yang sewajarnya layak untuk memimpin kawasan operasi tersebut. Pada masa sekarang Datuk Rashid, *two star* daripada polis menjadi ketua operasi di kawasan ESSCOM.

Kemudian yang lain-lain itu...

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang lain-lain itu kita ambil ingatan tentang apa Yang Berhormat telah sebutkan. Sekarang saya pergi kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh minta laluan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya benarkan satu?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bagi saya penjelasan. Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat Menteri, sini.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, satu, *last one*. Sekarang sudah pukul 10.30 ya.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, merujuk kepada fasal 18(1) tadi, ya *Interpretation Act* menyatakan bahawa *singular* itu *plural* tetapi kalau di sini perkataan *singular* digunakan, bermakna ia adalah *singular* dan *plural* menurut *Interpretation Act*. Bermakna, *singular* pun ada. Bermakna, apa yang saya berhujah tadi betul. Kalau satu orang pun, fasal 18(1) ini akan beroperasi. Faham, Yang Berhormat Menteri? Maknanya *Interpretation Act* you kena baca sekali dengan ini – *person*. Sebab itu kalau kita tengok Perkara 149, Perkara 149 menyatakan *persons*, bukan *person*. Itu jawapannya bagi *Interpretation Act*. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerima penjelasan itu dan membuat pindaan yang perlu.

Juga, isu mengenai *socio-political* itu tidak dijawab. Bagaimana ia begitu luas takrifannya tetapi kita masih belum dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai isu *sociopolitical* dan sebagainya.

Mengenai *qualification mystery man* itu, ya Yang Berhormat Menteri telah menjawab kepada saya, memberi saya *assurance* bahawa ia adalah seorang yang mempunyai *qualification*



yang baik dan sebagainya, tetapi Yang Berhormat Menteri, akhirnya apa-apa *qualification* itu mesti ditulis dalam undang-undang. Kalau tidak, kalau kita dapat Menteri yang lain yang tidak sebaik ini, apa yang akan berlaku? Kalau kita dapat Menteri yang akan menyalahgunakan kuasa, kalau tidak tertulis di undang-undang, habis. Semuanya mesti tertulis.

Satu lagi saya hendak sebut, Yang Berhormat Menteri juga tadi memberi penerangan mengenai apakah *person*, *matter* dan *thing*. Akan tetapi kalau kita pergi kepada *section 2*, fasal 2 iaitu *interpretation*, tidak adapun, tidak ada definisi *person*, *matter* dan *thing* di dalam *section 2*. Itu pun perlu dimasukkan. Saya tidak tahu dari mana Yang Berhormat Menteri membaca tadi tetapi tidak ada di dalam *interpretation section* ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, saya sambung sedikit fasal 18(1).

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Fasal 18 juga, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Boleh tidak Tuan Pengerusi?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, boleh, boleh.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya terpulang pada Yang Berhormat Menteri tetapi saya ada kuasa juga untuk mengehadakan masa.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Fasal 18.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey. Sekarang ini Yang Berhormat, berkaitan tentang *singular* dengan *plural* tadi, satu orang *person* or *persons* ya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat yang lain sila duduk ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, saya hendak sebut di sini bahawa apa yang tertulis itu itulah tertulis. Contohnya macam Jamalul Kiram, dialah seorang. Kalau Nurul Izzah, dialah seorang sebagai contoh. Kalau sekiranya Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Padang Serai lah seorang. Mana tahu satu hari Yang Berhormat Padang Serai ambil sesuatu benda yang berbahaya dan melakukan ancaman keselamatan. Jadi, undang-undang ini memberi penjelasan yang terang. Seorang kah atau beberapa orang. Jadi, cukup setakat itu Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Thank you very much.* Yang Berhormat yang lain-lain kita ambil ingatan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pengarah operasi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang ini kita pergi kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, ada benda saya hendak sampaikan. Fasal 18.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat telah menyebut tentang fasal 18(1) iaitu tentang apa yang berlaku di United Kingdom.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ini fasal 18(1) ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, malam ini saya akan balik untuk menonton BBC dan melihat apa yang telah berlaku di sana. Kita lihat kawan-kawan kita di sana nampaknya prihatin tentang masalah keselamatan negara dan dunia. Mereka bukan sahaja putus tentang keselamatan di negara mereka tetapi di dunia. Kita setakat keselamatan negara Malaysia sahaja. Jadi, kita tidaklah menggunakan kuasa yang luar biasa seperti yang ada pada mereka.

Jadi, Amerika kita dok puji tadi, Amerika atau pun United Kingdom dia melanggar negeri orang, masuk ke negeri orang. Kita dekat sini sahaja, jaga kawasan yang diancam oleh Sulu dan juga lain-lain lagi.

Kemudian, Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat Yang Berhormat Menteri, ahli yang tiada dalam Dewan tidak perlulah sentuh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Beruas tidak ada dalam Dewan, okey. Kemudian Yang Berhormat Kuala Krai...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya yang pentingnya saya hendak jawab Yang Berhormat Bagan itu sebab Yang Berhormat Bagan itu kawan saya tetapi walaupun dia keluar, saya akan jawab juga sebab dia pun mari sekali sekala. Dia Ketua Menteri dan juga Ahli Parlimen. Dia ini makan seorang ya. Kalau boleh seorang satu lagi bagus. Orang lain, negeri orang lain ya.

Okey, berhubung perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi tentang PM menasihati PM. Yang Berhormat, ini Majlis. PM ada dalam Majlis, dia Pengerusi Majlis, Majlis menasihatkan dia. Jadi macam saya dahulu Menteri Besar, saya ada Exco, Exco menasihatkan saya tetapi saya pengerusi kepada exco. Demikian juga Perdana Menteri. Jemaah Menteri menasihatkan dia dan dia pengerusi kepada Jemaah Menteri. Apa masalah? Tidak ada masalah. Dia pengerusi kepada Majlis tersebut tetapi Majlis itu mempunyai kuasa untuk menasihatinya.

Macam DAP tidak tahulah, mungkin kuasa mutlak kepada orang sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian Yang Berhormat Batu.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, Beruas sudah masuk Dewan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Batu tadi saya sudah jawab.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas, Beruas.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya? Yang Berhormat Beruas ya? Yang Berhormat menyebut benda itu, saya memang – semalam saya hendak bagi tahu dan juga hari ini, saya pergi seksyen demi seksyen dengan Peguam Negara dan dia telah memberi jawapan kenapa dia buat perkara-perkara ini.

Jadi, Yang Berhormat telah menyebut bahawa fasal 5, fasal 13 yang kuasa MKN lebih dari Kabinet dan kerajaan negeri. Yang Berhormat, ini keselamatan. Yang Berhormat, keselamatan ini. Hari itu baru-baru ini ada Yang Berhormat di sini menyebut bahawa dia kena tiga kali dah diancam keselamatan dengan pisau diletakkan di leher. Siapa dia? Yang Berhormat kah salah seorang daripada sini? Saya hendak tunjukkan bahawa keselamatan ini kita berkorban nyawa untuk mempertahankan keselamatan.

■2240

Yang Berhormat kena bagi sokongan kepada undang-undang ini untuk memberi perlindungan kepada anggota keselamatan dan juga orang awam. Yang Berhormat, mereka menyangub nyawa, Yang Berhormat duduk di sini. Cuba Yang Berhormat suruh tarik balik dalam keadaan ancaman sedang berlaku, apa akan jadi. Kita kena *rational* lah, dengan izin supaya anggota keselamatan diberi perlindungan dan orang awam diberi perlindungan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat ada di sini, ini sekarang yang berlaku di Sabah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jenayah biasa kita ada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat pernah pergi tidak tengok ESSCOM? Pernah pergi atau tidak?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak dijemput, tidak boleh pergi, tidak boleh masuk, tidak boleh masuk. [Dewan riuh]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi ini bermakna Yang Berhormat bagi pandangan secara angan-angan. Mungkin juga Yang Berhormat Padang Serai pun tidak pernah pergi ke kawasan ESSCOM. Saya...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau dijemput saya pergi tetapi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, suatu hari saya akan bawa juga tetapi saya akan bawa Yang Berhormat Seputeh dahulu lah untuk melihat kawasan ini dan kita melihat sendiri bahawa kawasan ini memerlukan perlindungan tetapi Yang Berhormat Seputeh ini cerdik, masa banjir dia pergi. Dia pergi dahulu daripada saya, selepas itu dia tidak mampu bagi kelulusan apa, saya yang pergi ke kemudian itu untuk memberi kelulusan membina jambatan.

Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, kita jangan fikir bahawa tekanan daripada pengamal undang-undang di Kuala Lumpur ini, kita kena fikir di sana, Yang Berhormat. Kita sedang menghadapi ancaman keselamatan. Jarak kita itu dengan Filipina cuma 15 minit. Yang Berhormat, mereka boleh masuk pada bila-bila masa. Bayangkan kalau polis ataupun askar dia tengah menjaga, kita kena ada waran tangkap dia akan telefon, saya hendak waran

tangkap, jadi dalam masa urusan waran tangkap itu dia orang sudah lari. Yang Berhormat semua orang kena bersiap-siaga.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Berilah mereka undang-undang yang boleh bagi perlindungan dan juga kuasa untuk melaksanakan keselamatan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau perkara sedemikian patut gubal undang-undang di bawah 149 dalam keadaan keselamatan, saya setuju. Akan tetapi gubal undang-undang di bawah 149 bukan di bawah perkara 76.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Perkara 74(1), 74(1).

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** 149 di bawah...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** 149 dan 150, Yang Berhormat. Ini ialah yang melibatkan darurat. Saya bercakap hari ini di bawah 74(1)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Seperti Yang Berhormat Sepang menganggap semua undang-undang 74(1). Ini ialah sebahagian daripada undang-undang. Okey, Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat Batu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak boleh sebab ini Jawatankuasa nanti saya nampak lekeh pula, Yang Berhormat. Walaupun kita pertahan mata, esok saya ada Kabinet lagi, lagi teruk tetapi oleh sebab ini Jawatankuasa saya akan melawat. Sabar, benda berlaga dengan kawan-kawan bercelaru ini.

Yang Berhormat telah menyamakan undang-undang kita seperti Burma dan juga Thailand. Yang Berhormat, kita kena lihat ancaman keselamatan yang kita hadapi dan kita bukan buat di seluruh negara, Yang Berhormat khusus kepada kawasan keselamatan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, ini bukan soalan saya, boleh...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jadi mungkin Burma dengan Thailand...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan saya, boleh saya jelas soalan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Burma dengan Thailand seluruh negara tetapi kita khusus kepada kawasan keselamatan. Okey, sekarang ini Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan menyebut tentang...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri tidak jawab tentang *sunset clause* tentang...

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Yang Berhormat Bagan tidak ada dalam Dewan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Bagan tidak ada dalam Dewan. Kemudian oleh kerana Yang Berhormat Bagan tidak ada dalam Dewan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri soalan saya tidak dijawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali, akhir sekali..

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *No, no*, soalan saya Bahagian VII itu tidak dijawab.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey, Bahagian VII itu tentang apa, Yang Berhormat?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Majlis keselamatan yang sedia ada di mana dan saya sebut tentang Setiausaha Majlis dan Pengarah Operasi kalau Yang Berhormat Menteri tadi jaminkan orang yang berkualiti boleh masuk sekarang Yang Berhormat Menteri dengan wujudnya MKN yang baru ini Yang Berhormat Menteri sendiri yang layak pun tidak masuk apatah lagi kita harapkan orang yang layak boleh masuk. Fungsi yang sedia ada banyak di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri tetapi selepas kecualian ini Yang Berhormat Menteri *abolished your own function*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tetapi saya akan berada di Parlimen ini, Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat, Yang Berhormat rujuk 7 salah itu. Cuba baca yang 7. 7 itu Majlis akan mengadakan mesyuaratnya seberapa kerap yang perlu bukan kuasa Setiausaha, yang mereka ini mesyuarat. Yang Berhormat baca silap itu, cuba tengok.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bahagian VII yang Majlis Keselamatan Negara...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Perkara berapa, perkara berapa?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...Akan diambil alih oleh fungsi yang baru. Maksud saya ialah Majlis Keselamatan Negara yang sedia ada di bawah Menteri sekarang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *Okey, very good*, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi selepas ini Yang Berhormat Menteri hilang kuasa dan apakah fungsi-fungsi yang sedia ada diambil alih tetapi dari segi fungsi yang ada ini *the nature is quite different*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey, saya boleh bagi penerangan kepada Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut ini adalah Bahagian VII 43(1). Yang Berhormat, sebelum ini kita ada arahan MKN, arahan Majlis Keselamatan Negara 24 semuanya dan saya ini sendiri yang menjaga pengurusan bencana. Jangan sebut, jangan sebut. Siapa sebut bencana sekali lagi saya berdoa semoga Allah SWT bagi kepada Yang Berhormat balik. Saya menguruskan bencana, pengurusan bencana.

Yang Berhormat, semua arahan 24 arahan yang ada ini tidak ditarik balik, berkuat kuasa. Jadi 43(1) ini menceritakan bahawa walaupun kita memperkenalkan rang undang-undang ini tetapi arahan MKN yang ada sebelum ini diteruskan. Okey, tidak ada pembatalan. Selalunya bila berlaku semasa kita memperkenalkan Majlis Keselamatan Negara 1971 Yang Berhormat, kita telah mansuhkan undang-undang darurat tetapi sekarang ini kita ganti dengan Majlis Keselamatan Negara.

Akan tetapi sekarang ini kita ada Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara tetapi tidak membatalkan arahan-arahan *administrative*, dengan izin Majlis Keselamatan Negara. Kemudian...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kenapa tidak disebut di sini? Tidak disebut langsung. Mana kita tahu bila selepas 10 tahun, 20 tahun, 50 tahun kita tidak ingat lagi arahan apa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey, Yang Berhormat saya baca. Yang Berhormat sudah pasti mungkin rabun sedikit sudah malam ya. 43(2) Yang Berhormat, apa-apa arahan, perintah atau keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara yang sedia ada dengan berkuat kuasa yang sedia ada dan kuat kuasa sebaik belum permulaan kuat kuasa akta ini hendaklah apabila akta ini mula diperkuat kuasa hendaklah ia selaras dengan akta ini terus berkuat kuasa hingga ia dibatalkan oleh Majlis.

Yang Berhormat, 43(2)...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Contohnya kalau ia dibatalkan, tidak ada lagilah. Kalau dibatalkan dia tidak ada lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau sekiranya Majlis batalkan, batallah, terbatalah. Apa kita hendak kata lagi. Kalau Majlis hendak batalkan Arahan 20 yang saya sekarang ini menjadi majoriti Timbalan Pengerusi, Pengerusinya ialah *boss* saya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kalau tersilap bahaya. Dia berterusan tetapi kalau mereka mansuhkan maka termansuhlah ia.

Sekarang ini kita ada Agensi Pengurusan Bencana Negara. Bila semua orang minta buat pengumuman darurat kita buat agensi khas iaitu untuk menguruskan bencana. Akhir sekali Yang Berhormat Tumpat, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tumpat sebab sekarang ini kita ada undang-undang angkatan tentera yang harus kita lulus bersama.

Yang Berhormat Tumpat menyebut tadi kalau ikut bahasa Yang Berhormat Tumpat ini saya hampir terpesona ini tetapi oleh sebab saya orang Barisan Nasional yang tegar, sukar untuk ...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Boleh saya tanya sedikit soalan. Ini saya tidak faham ini, memerlukan jawapan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Putatan hendak rujuk kepada fasal berapa?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tidak saya minta penjelasan soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu tadi. Bolehkah Majlis Keselamatan ini mengambil tindakan kepada seseorang yang memberi ruang keselamatan negara kita. Adakah undang-undang dalam rang undang-undang ini yang membolehkan orang yang tengah ini, bolehkah, seperti yang berlaku pada bulan September Jacel Kiram ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, sudah termaktub dalam undang-undang ini yang dipertikai oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi iaitu bila kita mengesyaki sahaja kita boleh buat tangkapan, Yang Berhormat. Akan tetapi Yang Berhormat Tumpat ini dia

pandai dia cuba menyakat saya dia kata bayangkan Yang Berhormat Menteri yang telah pun berkorban dan menjual maruahnya.

Yang Berhormat pusing sedikit sahaja tetapi seperti mana saya memahaminya tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, Ahli Majlis itu yang ada yang telah disebutkan tetapi Perkara 10, Yang Berhormat tengok Perkara 10, Yang Berhormat Padang Serai tengok Perkara 10 Majlis boleh menjemput sesiapa sahaja termasuklah Menteri yang menjaga maritim ataupun pihak maritim sendiri.

Dalam tafsiran keselamatan dia sebut perkataan maritim tetapi maritim tidak termasuk dalam Ahli Majlis. Akan tetapi Majlis boleh menjemput dan sering kali Majlis akan terus menjemput ingat ini tidak ada masalah.

■2250

Jadi walaupun tidak dimasukkan dalam senarai ini tetapi Majlis boleh menjemput mana-mana orang termasuk menteri untuk menyertai Majlis bagi sesuatu perkara yang khusus.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, mencelah sikit boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Itu Yang Berhormat, mereka ada 3 penjelasan lagi.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Tetapi penjelasan yang lain.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Mencelah sikit boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kemudian Yang Berhormat menyebutkan bahawa...

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, lain itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kenapa tak masuk Gabenor Bank Negara. Nanti kita menjemput Gabenor Bank Negara tidak ada masalah.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Sepertilah Yang Berhormat Menteri tetapi kalau kita hadir Mesyuarat Agong, Perhimpunan Agong dan tak boleh bercakap, kita timbalan presiden, lain statusnya. Begitu juga di sini kalau kita hanya hadir dan tak ada kedudukan Yang Berhormat Menteri, jadi kena pastikan ada kedudukan yang jelas dan boleh bercakap atas kapasiti yang jelas.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Betul.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Bukan sekadar hadir dan hendak gulung pun tak boleh dah, saya dengar Timbalan Presiden sekarang ini.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Apa peranan menteri, apa peranan menteri?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Peranan menteri di dalam undang-undang ini apa dia? Peranan menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Menteri ini ialah...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tolak keluar sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dia akan bercakap tentang keselamatan di Parlimen, *solves problem*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Baik jangan ada undang-undang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tidak, dia akan dijemput, dipanggil dari semasa ke semasa berhubung dengan penguatkuasaan maritim Yang Berhormat. Jadi *no problem*, tidak ada masalah. Berhubung dengan yang tadi itu ialah lebih kepada dasarnya Yang Berhormat ya. Jadi kalau Yang Berhormat menyentuh tentang dasar, jadi saya tak dapat meneruskan sebab saya tidak mahu sahabat saya yang sudah bertahan dari pagi tadi sampai sekarang ini untuk mendengar suatu perkara yang tidak termasuk dalam perbincangan kita pada hari ini.

Jadi Tuan Pengerusi yang dikasihi, saya telah menyentuh hampir semua termasuk Yang Berhormat Bagan tadi yang menyebut bahawa sama ada ketua Menteri termasuk ataupun tidak. Saya hendak bagi tahu bahawa untuk Sabah dan Sarawak, Pengerusinya ialah Ketua Menteri Sabah dan Sarawak. Malah ESSCOM sekarang ini pun Ketua Menteri Sabah adalah Pengerusi Bersama. Jadi jangan mengambil sentimen Sabah dan Sarawak itu untuk mencari undi ataupun menyerang undi kami yang dijangka menang besar di Sarawak nanti. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat. Fasal-fasal 1 hingga 14 jadi sebahagian daripada rang undang-undang. Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, boleh tak minta betulkan dari segi *grammar englishnya*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Sebab dia ada implikasinya iaitu di muka surat 27 dalam terjemahan Inggeris *explanatory statement, the purpose act also empowers the Prime Minister upon advice by the Council*. Kalau di sini hanya tulis *to declare certain area*. Sama ada *to declare certain areas* ataupun kalau tak mahu jadi *plural, to declare a certain area in Malaysia as a security area*. Jadi saya fikir dari segi bahasa Inggerisnya tak berapa betul malah jelas tak betul Inggerisnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. [*Dewan riuh*]

**Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat]:** Tak betul itu, ini undang-undang tuan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Okey, Yang Berhormat. Saya ada terang tadi tentang *singular* dan juga *plural* tadi. Jadi, kalau sekiranya kita hendak buat pindaan, Yang Berhormat kena hantar cadangan tersebut kepada Speaker dan kita akan bincang pindaan tersebut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri...



*[Fasal-fasal 1 hingga 44 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan tanpa pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2015**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**10.55 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa satu rang undang-undang untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Tabung Angkatan Tentera telah ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan faedah-faedah persaraan yang lebih baik kepada askar laskar angkatan tentera yang berdaftar pada atau selepas 1 Ogos 1972.

Walau bagaimanapun, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973, Akta 101 hanya mewajibkan caruman kepada askar laskar sahaja. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera tidak diwajibkan untuk membuat caruman bagi tabung ini. Susulan dengan persetujuan Jemaah Menteri pada tahun 2010 dan tahun 2011 dan mengambil kira faedah jangka panjang yang bakal diterima maka pindaan telah dibuat pada Akta 101 bagi memanjangkan Skim Caruman Wajib Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini kepada pegawai tauliah jangka pendek dan pegawai tauliah tetap angkatan tentera dalam perkhidmatan ATM.

Dengan pindaan tersebut, maka pegawai tauliah jangka pendek dan pegawai tauliah tetap angkatan tetap ATM yang memenuhi syarat akan diwajibkan mencarum kepada Tabung Angkatan Tentera melalui tarikh akta ini dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 2015 ini bertujuan untuk meminda seksyen 3, seksyen 6, seksyen 9, seksyen 10, seksyen 12, seksyen 13, seksyen 14, seksyen 15C dan seksyen 22 dan menambah seksyen 9A dan seksyen 12A kepada Akta 101.

Cadangan rang undang-undang ini mengenai perkara –perkara seperti berikut:-

Fasal 1 mengenai tajuk ringkas dan peruntukkan mengenai permulaan kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan sub perenggan baru 1A ke dalam perenggan 33A, Akta 101 meliputi pegawai sebagai penerima faedah persaraan dan faedah lain.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 101 untuk mengeluarkan Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara daripada Panel Pelaburan Tabung Angkatan Tentera.

Sub fasal 4B bertujuan untuk meminda sub seksyen 9(4) Akta 101 bagi menggantikan sebutan khusus tentang peraturan angkatan tetap pencen ganjaran dan pembelian lain 1979 PUA. 77, 1979 dengan sebutan umum tentang mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubung dengan pencen, ganjaran atau faedah lain-lain yang terpakai bagi angkatan tetap.

#### ■2300

Subfasal 4(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 9(5) ke dalam Akta 101 bagi memperuntukkan bahawa apabila seseorang askar-lasykar dinaikkan pangkat kepada pegawai, carumannya kepada Tabung sebagai askar-lasykar hendaklah terhenti dan digantikan dengan carumannya sebagai seorang pegawai.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 9A ke dalam Akta 101. Seksyen baharu 9A yang dicadangkan bertujuan untuk mengenakan caruman wajib ke atas pegawai kepada Tabung.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 10 bagi memberi pilihan kepada mana-mana pegawai yang tidak wajib mencarum di bawah seksyen 9A memilih untuk mencarum bulanan secara sukarela kepada tabung dan sekiranya pegawai memilih untuk mencarum secara sukarela, tiada caruman kerajaan akan diperuntukkan.

Subfasal 7(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 12(2) Akta 101 bagi memperuntukkan pengeluaran caruman bagi apa-apa maksud yang ditentukan oleh Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Pada masa kini, pengeluaran hanya dibenarkan untuk tujuan membeli rumah kediaman atau tanah bagi tujuan membina rumah di atas tanah tersebut.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 12a ke dalam Akta 101. Seksyen baharu 12A yang dicadangkan bertujuan untuk membenarkan Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk mengawal selia secara pentadbiran terma dan syarat bagi pengeluaran caruman daripada tabung, peratusan caruman pencarum yang boleh dikeluarkan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 13 untuk memastikan bahawa caruman kerajaan di bawah subseksyen baharu 9A(2) tidak boleh diserahkan atau ditahan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 101 bagi menghendaki lembaga untuk mendapatkan kelulusan Menteri Pertahanan dan Menteri Kewangan sebelum lembaga membuat pinjaman kewangan selaras dengan seksyen 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 [Akta 589] yang merupakan undang-undang pemakaian umum berhubung dengan pinjaman kewangan yang terpakai bagi badan-badan berkanun.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 15C untuk membolehkan pembelian unit dalam Skim Amanah Saham diperuntukkan kepada caruman wajib di bawah seksyen baharu 9A.

Fasal 12 bertujuan untuk memotong perenggan 22(gb) Akta 101 yang berbangkit daripada seksyen baharu 12A yang membenarkan lembaga untuk mengawal selia secara pentadbiran perkara-perkara yang pada masa kini ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 22(gb) Akta 101.

Fasal 13 bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan bagi opsyen untuk pegawai yang membuat caruman sukarela sebelum permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan dan pegawai yang ditauliah sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**11.05 mlm.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap sahaja, lagi alang-alang malam-malam kan. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya pada malam ini. Saya menyambut baik pindaan kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Malam Jumaat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ala, sudah malam sudah. Jadinya kepada rang undang-undang *[Ketawa]* pindaan 'Lembaga Tabung Haji' 2015. Jadi hanya dua perkara saya hendak sentuh dekat sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tabung Angkatan Tentera.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** LTAT.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan Tabung Haji.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, *sorry*. LTAT. Jadi saya sambut baik pindaan yang dikemukakan ini cuma ada dua perkara yang saya hendak sentuh. Pertama, mengenai pengeluaran caruman untuk apa-apa maksud ditentukan oleh lembaga. Oleh sebab, sekarang ini yang dibenarkan adalah untuk membeli rumah kediaman dan juga tanah untuk tujuan membina rumah kediaman di atas tanah tersebut. Jadinya saya hendak minta penerangan daripada pihak kementerian, Yang Berhormat boleh menyatakan apakah jenis-jenis pengeluaran yang boleh dilakukan?

Adakah ia boleh termasuk yang berkaitan dengan kesihatan? sekiranya boleh, boleh Yang Berhormat nyatakan mekanisme-mekanisme peratusan pengeluaran, adakah ia terhad kepada penyakit yang kritikal ataupun apa-apa jenis penyakit, kalau sekiranya layak maka ia boleh?

Jadi, saya juga hendak bertanya, bila pencarum itu boleh mengeluarkan kewangan ataupun duit tersebut? cuma saya hendak tanya berapa peratuskah caruman itu yang boleh dikeluarkan? Adakah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Pendang bangun di belakang. Sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Banyak agas di keliling saya Tuan Yang di-Pertua. Jadinya saya cuma hendak tahu berapakah kekerapan pengeluaran yang boleh dikeluarkan? saya berharap ada lagi satu mekanisme yang mungkin ditetapkan oleh pihak kementerian. Oleh sebabnya tujuan caruman ini adalah untuk dimaksimumkan. *[Disampuk]* apabila kebajikan ini terutamanya apabila mereka bersara. Jadi kalau ia selalu dikeluarkan khuatirnya nanti bila bersara dia tidak akan dapat manfaat daripada caruman tersebut.

Seterusnya, untuk perkara yang kedua saya hendak bertanya mengenai ada satu pindaan seksyen 6 Akta 101 yang mengeluarkan wakil dari Bank Negara daripada menjadi panel pelaburan. Jadi, mungkin pihak Yang Berhormat boleh menerangkan perincian ataupun penerangan dengan lebih lanjut mengenai pengeluaran ataupun *removal* ini dengan izin. Mungkin sekiranya, pengeluaran wakil Bank Negara ini adalah untuk menghilangkan adanya rasa *conflict of interest* yang disebabkan oleh peranan Bank Negara itu sebagai pengawal dasar kewangan negara.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian Yang Berhormat untuk menerangkan dengan lebih lanjut lagi dalam dewan yang mulia ini supaya tidak ada persepsi negatif terhadap kerajaan di atas apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan apa juga langkah yang dibuat oleh LTAT ini, adalah bersifat *independent* dan tidak terpengaruh dengan apa-apa sebab yang mungkin boleh dimainkan oleh pihak pembangkang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya,

**11.09 mlm.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebentar Yang Berhormat, ramai lagi yang hendak berucap? Kelana Jaya, Bayan Baru, Sepang, Lumut dan selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ya. Saya sebenarnya akan menimbulkan isu yang sama dengan Yang Berhormat Parit Sulong tadi, tentang fasal 3 pindaan seksyen 6 memotong perenggan (b) di mana Gabenor dan

Timbalan Gabenor Bank Negara dikeluarkan daripada panel pelaburan Tabung Angkatan Tentera.

■2310

Soalan saya senang adakah ini merupakan *vendetta* dengan izin, terhadap Bank Negara yang baru-baru ini selalu sahaja menekan isu tentang 1MDB. Isu yang terbaru ada Arab-Malaysian Bank punya *fine* RM 50 juta itu adalah merupakan *the first ever* dengan izin impak daripada Bank Negara terhadap satu bank. Ini juga berkaitan dengan isu 1MDB.

Saya hendak tanya apakah logik dulu Bank Negara dialu-alukan sebagai *Investment Panel* punya wakil sekarang dihalau keluar. Adakah pindaan ini berdasarkan permintaan dari Bank Negara sendiri? Saya minta Menteri jawab isu itu. Adakah Bank Negara tulis surat kata dia hendak keluar daripada *Investment Panel* ini ataupun diminta keluar oleh Lembaga Angkatan Tentera.

Tentang isu yang Yang Berhormat Parit Sulong kata hendak cuba – saya tahu Yang Berhormat Parit Sulong pandai orangnya dia kerja dulu dalam kewangan, *financial*. Dia memang tahu apakah isu dia. Dia cuba *block*, dia kata mungkin kita buat prasangka yang tidak betul, tidak elok. Dia menimbulkan isu *conflict of interest*.

Bagi saya pandangan saya, *conflict interest* Bank Negara Malaysia dengan isu *investment*, pelaburan, *Investment Panel* hanya terhad kepada pelaburan ke luar negara. Pelaburan-pelaburan domestik tidak ada isu dengan Bank Negara. Tidak ada isu, cuma apabila *investment panel* hendak mengeluarkan duit seperti apa berlaku dalam 1MDB, pemantauan Bank Negara *kick in* kerana Bank Negara kena melawan isu-isu tentang *money laundering*, isu-isu *transfer of capital of flow* yang besar.

Jadi adakah ini bermakna patriot-patriot kita, angkatan tentera semua berhasrat untuk membuat pelaburan besar sekali ke luar negara. Sebab itu ia dikeluarkan dulu Bank Negara untuk katanya *conflict of interest purpose*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kata senang sahaja sekiranya Bank Negara dikeluarkan ini menimbulkan satu situasi yang tidak elok sebab semua komuniti kewangan sedang memerhatikan isu ini. *When you remove the Bank Negara* dengan izin, *you are sending the wrong message*. Sekiranya ada betul ada angkatan tentera hendak mengeluarkan RM100 juta, RM200 juta, RM1 bilion keluar daripada negara ini, sekurang-kurangnya Bank Negara boleh, wakil Bank Negara sama ada Gabenor sendiri ataupun timbalannya boleh membuat satu pilihan tidak menyokong ataupun tidak buat *voting*. Asalkan dia masih di dalam situ, rakyat Malaysia akan lebih selamat dari segi kewangan.

Jadi maknanya senang, dengan izin dalam Bahasa Inggeris Bank Negara *should remain in there to be an eye for the people, if there is a conflict of interest, they can opt not to vote on the matter*. Ini adalah solusi yang lebih senang daripada mengeluarkan Bank Negara menyebabkan satu persepsi buruk sekali bukan sahaja daripada kita Dewan yang ini tetapi kepada *financial community* di luar yang sedang memantau isu ini kerana esok sekiranya diluluskan, esok *headline* dia ialah, senang *vendetta* terhadap Bank Negara.

Oleh itu, saya pohon rang undang-undang ini ditolak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Ini Yang Berhormat Baling tidak minat?

**11.13 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan rang undang-undang ini. Saya ada dua isu yang saya ingin bangkitkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Parit Sulong dan setuju juga dengan Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa perlunya ada satu *check and balance* yang lebih berat terhadap LTAT.

Ini kerana ini melibatkan duit daripada angkatan tentera dan kita tahu bahawa tentera kita berkorban untuk negara dan mereka berkhidmat untuk negara, tetapi gajinya tidak seberapa. Itu sebab simpanan mereka melalui LTAT itu cukup penting.

Saya dulu pun Leftenan Muda Askar Wataniah, saya pun ada bagi sedikit sumbangan LTAT dan saya tahu bahawa staf-staf saya dulu semuanya susah. Gaji pun berapa sahaja, yang mungkin ada RM1000 lebih dan mereka terpaksa tinggal dalam hutan, ronda dalam hutan, sempadan-sempadan dalam keadaan yang cukup susah.

Itu sebab saya cukup prihatin, cukup terasa dengan titik peluh mereka dan saya rasa LTAT harus menjaga kebajikan mereka. Jadi itu sebab apabila kita nampak bahawa *check and balance* ini semakin dikurangkan dengan wakil Bank Negara, Gabenor Bank Negara dikeluarkan. Ini menjadi persoalan.

Kita tahu bahawa rekod LTAT. Baru-baru ini ada dua kes yang sangat penting di mana LTAT terlibat dalam skandal 1MDB. Satu adalah Affin Bank beli 0.1 hektar tanah di TRX dengan lebih kurang RM200 juta lebih. Ini ialah kes lebih kurang sama dengan Tabung Haji, Yang Berhormat Baling tahu. Beli sekeping tanah yang kecil macam separuh padang bola sepak, RM200 juta lebih. Sepatutnya boleh dapat *free* dari kerajaan. Kenapa perlu beli daripada 1MDB.

Kalau boleh duit-duit yang macam ini, Tabung Haji kah, LTAT kah, minta daripada kerajaan. Dapatkan tanah itu daripada kerajaan, tidak payah beli daripada 1MDB. 1MDB dapat tanah daripada kerajaan dengan lebih kurang *free*, macam *free*. Selepas itu dia dapat duit itu dia pergi pinjam sini, pinjam sana....

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekarang *you* cakap LTAT kah, Tabung Haji?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sama juga. Tabung Haji pun ada.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You* cakap betul-betul sikit, bagi laluanlah saya cakap.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak apa, okey *you* cakap.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You* cakap tadi beli RM200 juta lebih, Yang Berhormat tidak betul. Yang Berhormat kena ingat, kita beli RM189 juta kita sudah jual RM250 juta, kita pandai cari untung, bukan rugi. Kita boleh bagi dividen. Yang

Berhormat mimpi siang hari pun tidak boleh dapat punya Tabung Haji. So jangan kait. Cakap fasal LTAT, cakap fasal LTAT. *You fact is not right*, fakta kamu salah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, cukup sudah. Sudah lah, cukup.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hari-hari datang Parlimen tipu rakyat, tipu rakyat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Duduk, duduk, duduk. Ini siapa yang tipu, siapa yang tipu? Yang tipu itu adalah 1MDB.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tipulah. *You don't know the fact, you must ask me first. You dont simply argue* Tabung Haji.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *This is my floor, sit down.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *No, the way you should talk about me, then i wouldn't disturb you.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *You know what I talk about? I was talking about LTAT.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You said Baling tahu, tahu Tabung Haji. Tengok Hansard lah. Bodoh punya Yang Berhormat. You're stupid.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Why do you get so personal*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, ini tarik balik perkataan bodoh, *stupid*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita cakap tentang isu polisi. Kalau Tabung Haji – ya.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Perkataan bodoh dan *stupid*, mohon tarik balik.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey lah, tarik balik lah. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sudah hendak malam ini Yang Berhormat, sabarlah Yang Berhormat. Teruskanlah Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *It's okay*. Tidak apalah, kita teruskan. Maafkanlah orang yang tidak berapa ini – orang yang jahil.

Okey, macam ini - jadi isunya kalau LTAT hendak jaga betul-betul kebajikan orang-orang tentera, patutnya dapat tanah seperti apa yang 1MDB dapat daripada kerajaan.

Selepas itu, dia boleh buat, dia boleh jual tanah itu atau dia buat bangunan, jual, tambah nilai dan maka duit untuk angkatan tentera akan naik. Baru boleh bagi dividen yang banyak kepada tentera kita.

Akan tetapi, malangnya apa yang berlaku adalah Affin Bank adalah di bawah LTAT. Pengerusinya ialah Tan Sri Dato' Seri Lodin Bin Wok Kamaruddin. Dia membuat keputusan untuk beli tanah daripada 1MDB dan kebetulan juga Pengerusi 1MDB pada masa itu adalah Tan Sri Dato' Seri Lodin Bin Wok Kamaruddin.

Jadi ini adalah macam *conflict of interest*. Jadi itu sebab betapa pentingnya wakil, Gabenor Bank Negara sendiri yang memberi *check and balance* yang secukupnya untuk kes-kes macam ini.

■2320

Ini kerana kita tahu bahawa 1MDB dalam keadaan yang tenat, hendak bankrap sudah. Jadi dia terpaksa cari duit sini, cari duit sana untuk membayar hutang-hutang yang berpuluh-puluh bilion ringgit itu. Itu sebabnya dia cari LTAT, cari Affin Bank tolonglah beli tanah di TRX. Jadi itu sebabnya LTAT terpaksa membeli tanah tersebut, seperti juga sama dengan kes Tabung Haji. Jadi ini ialah isu yang kita tahu bahawa – kita minta Yang Berhormat Menteri jawab, adakah terdapat *conflict of interest* kerana Affin Bank *Deputy Chairman* iaitu Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok dan *The Board Chairman* of 1MDB adalah Tan Sri Dato' Seri Lodin bin Wok juga.

Kedua, 1MDB juga memberi *award* sebanyak RM2.1 bilion kontrak kepada LTAT untuk memindahkan lapangan terbang di Bandar Malaysia ke lapan buah lokasi yang lain. Kita juga hendak tahu bahawa sekarang 1MDB dalam keadaan yang begitu tenat dengan hutang berbilion-bilion ringgit, mampu kah lagi dia *honor the contract*? Sebab kita tahu bahawa kalau lapangan terbang di Sungai Besi tidak dipindahkan maka ia akan *stuck*, *cash flow* akan *stuck*. Dia tidak akan dapat bayar kepada LTAT – di mana duit itu begitu penting untuk angkatan tentera kita yang menyumbang setiap bulan. Kalau mereka tidak dapat bayar LTAT, maka LTAT akan sangkut kerana kontrak sudah diberikan dan LTAT kena membuat kerja.

Jadi ini ialah isu-isu di mana kita tahu bahawa Lembaga Tabung Angkatan Tentera sangat penting dan kita kena berhati-hati dengan sebarang pengurusan. Kita kena jaga betul-betul, Gabenor Bank dan Yang Berhormat Menteri Kewangan kena tengok betul-betul supaya tidak ada – minta maaf, Yang Berhormat Menteri Kewangan juga Penasihat 1MDB, so semuanya macam *interlink*. Jadi ini masalah yang berlaku kepada Malaysia di mana rakyatnya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ya, saya akan *landing* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya nampak bahawa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi saya nampak bahawa kita kena berhati-hati dengan duit rakyat. Jangan kena tipu dengan 1MDB dan segala skandal ini. Akhirnya angkatan tentera kita, kalau kata *you* hendak membela kebajikan mereka, kita hendak membela askar-askar kita tetapi kewangan dan kebajikan mereka dibiarkan begitu saja. Tidak jaga mereka betul-betul dan kita *passed* undang-undang macam ini, tidak ada *check and balance* supaya ada orang tertentu boleh menggunakan kuasa untuk memberi *bailout* bermacam-macam untuk *bailout* 1MDB. Itu persoalan kita. Kalau hendak menjaga betul-betul, jaga kebajikan mereka betul-betul,



*check and balance* betul-betul supaya LTAT akan terus membela angkatan tentera dan askar-askar kita, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

### 11.33 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu sahaja yang saya akan bangkitkan. Pertama berkaitan dengan pindaan ke atas seksyen 6 yang asal iaitu dengan membuang perenggan (b), subseksyen 6(2) yang berhubung dengan *removal of* Gabenor Bank Negara dan Timbalan Gabenor Bank Negara dalam jawatankuasa pelaburan.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bawa selama ini setelah – saya percaya Bank Negara ataupun melalui Gabenor itu telah berada dalam jawatankuasa pelaburan setelah sekian lama. Saya pernah terbaca dalam satu artikel di KINIBIZ yang menyatakan bahawa memang ada dua *argument*, satu mengatakan bahawa dengan adanya wakil Bank Negara dalam jawatankuasa pelaburan, ia akan menimbulkan *conflict of interest*. Maknanya dia sebagai *regulator* tidak sepatutnya berada dalam jawatankuasa pelaburan.

Saya tidak kata hujah itu satu hujah yang langsung tidak ada *validity* nya, ada *validity* nya. Akan tetapi dalam artikel itu yang saya baca itu ada menyatakan bahawa apabila hal itu ditanyakan dengan Bank Negara, Bank Negara tidak membuat apa-apa kenyataan. Maknanya tidak menafikan ataupun tidak mengiakan dakwaan daripada pihak yang hendak mengeluarkan Gabenor Bank Negara dalam jawatankuasa pelaburan itu.

Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, hal ini secara bertulis, secara sah di Parlimen ini, sebenarnya apakah kedudukan yang sebenar? Adakah *removal of* Gabenor Bank Negara atau Timbalan Gabenor Bank Negara daripada jawatankuasa pelaburan itu kerana permintaan sendiri daripada pihak Bank Negara ataupun ianya ada kaitan dengan – semua orang tahu. Ada kaitan dengan isu 1MDB. Mungkin *timing* dia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila-sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang. Dapat juga mencelah. Saya hendak tanya berkenaan dengan situasi Gabenor atau Timbalan Gabenor Bank Negara. Nampak sangat makin lama makin kita dapati pengawasan Bank Negara Malaysia terhadap konsep-konsep atau panel-panel pelaburan makin dikurangkan. Saya mendapati bahawa tiada pengawasan Bank Negara akan mengakibatkan dua

isu yang amat penting. Satu, tiada *check and balance*. Kedua, pelaburan tidak dapat dikawal di mana pelaburan mungkin berisiko dan boleh dipersoalkan.

Dengan berbuat begini, kita pun arif bahawa isu *conflict of interest* dibawakan oleh Kementerian. Akan tetapi pada waktu yang sama – di manakah dua isu yang saya tekankan tadi, isu *check and balance* dan bagaimana hendak memastikan pelaburan itu tidak berisiko tinggi dan tidak boleh dipersoalkan? Di manakah dalam peruntukan undang-undang, Kementerian hendak mengawasi dua isu ini? Di satu bahagian *conflict of interest*, di satu bahagian lagi dua isu yang saya ketengahkan, macam mana mereka hendak mem *balance* kan dan di mana ada peruntukan untuk mem *balance* kan bahagian ini? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Bagi saya, sekadar pandangan peribadi saya. Seharusnya tidak ada masalah Bank Negara untuk berada di dalam jawatankuasa pelaburan itu walaupun kemungkinan kita hendak pinda sekalipun, tidak perlu kita membuang terus *representation* Bank Negara itu dalam jawatankuasa pelaburan.

Kalau kita rasa mungkin Gabenor dan Timbalan Gabenor itu mungkin menjadi satu penghalang, apa kata kita hanya pinda wakil dari Bank Negara, tidak perlulah kita buang terus. Kita ketepikan sekali peranan Bank Negara. Ini kerana sekarang ini, seperti mana yang dikatakan sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, orang melihat bahawa Bank Negara sekarang ini nampak satu-satunya – bagi masyarakat di luar ini, Bank Negara ini ialah *savior*, pihak yang nampak setakat ini berani untuk mengambil tindakan tegas dalam urusan yang melibatkan 1MDB ini. Dalam keadaan kita melihat walaupun gabenor kita seorang wanita tetapi seorang wanita yang tegas, berani dan ini harus kita tabik.

Jadi dengan keadaan membuat pindaan ini, seolah-olah ia mengiakan bahawa mungkin Gabenor ini yang menyusahkan untuk wang Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini hendak digunakan antaranya untuk *bailout* 1MDB. Jadi dengan kita *remove* Gabenor Bank Negara ini, kita tidak boleh menafikan, tidak boleh menolak persepsi di sana bahawa ada kaitan dengan 1MDB. Sebab itu saya minta sangat pengesahan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah memang Bank Negara yang minta supaya dibuang? Kalau ada, bila diminta? Alasan apa yang digunakan? Kalau ada surat, kita hendak tahu surat itu bila ditandatangani? Kalau tidak ada, kenapakah tiba-tiba Bank Negara hendak dibuang? Sebelum ini kenapa tidak ada masalah? Kenapa selama ini Bank Negara ada di situ, kita tidak ada rasa perlu hendak buang? Sedangkan kalau hendak kata ada *conflict of interest*, daripada awal lagi *conflict of interest* berlaku. Jadi, Yes...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Sepang.

## ■2330

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sepang juganya, dengan latar belakang Bank Negara yang mempunyai imej yang tinggi dan Gabenor Bank Negara antara gabenor bank yang mendapat kepujian di peringkat antarabangsa, kita belum dengar lagi Bank Negara ini memainkan satu peranan yang negatif di dalam urusan pelaburan badan-badan yang berkenaan seperti LTAT dan juga selepas daripadanya kita akan bercakap mengenai Pertubuhan Keselamatan Sosial dan sebagainya.

Jadi, apa agak-agaknya punca mengapa tiba-tiba suatu institusi yang mempunyai kedudukan yang tinggi di mata masyarakat negara dan juga dunia, dengan gabenornya yang begitu popular, tiba-tiba mesti dikeluarkan hanya atas alasan *conflict of interest*. Apakah *conflict of interest* ini tidak berlaku sebelum ini ataupun telah berlaku tetapi kita tidak dimaklumkan pernah berlaku? Jadi, mengapa tiba-tiba perkara ini berlaku untuk meletakkan suasana rekod Bank Negara ini menjadi *tarnish*, dengan izin. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sepang, ringkaskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Terima kasih sahabat saya dari Kuala Krai. Saya harap dan saya minta supaya ucapan Yang Berhormat Kuala Krai itu dimasukkan sebagai ucapan saya dan saya memohon Menteri memberikan jawapan. Cumanya kalau kita gunakan alasan *conflict of interest*, bagi saya lebih-lebih lagi nampak jelas *conflict of interest* ini apabila kita lihat 1MDB yang dulu, bekas Pengerusi 1MDB iaitu Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin yang pernah sebagai *Chief Executive* kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera ini. Dalam masa yang sama, dia juga adalah pihak yang terbabit dengan transaksi dengan 1MDB ini. Itu lagi jelas *conflict of interest*, tetapi mengapa tiba-tiba Bank Negara pula yang jadi "*scapegoat*".

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan butiran-butiran, selama ini pernah tidak Bank Negara sendiri sebelum ini – Selama ini Bank Negara sudah jadi anggota dalam jawatankuasa pelaburan, pernah tidak sebelum ini Bank Negara ada menyatakan bahawa dia tidak selesa dalam jawatankuasa pelaburan itu? Sebelum ini kompelin dan sebagainya. Kalau ada, tolong jelaskan.

Selepas itu saya hendak tanya juga, adakah Bank Negara memang sebenarnya dalam kes yang, contoh dalam kes yang melibatkan Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin ini, adakah Bank Negara antara pihak yang memang bersuaralah pada saya, dalam isu ini? Jadi, saya ingin dapatkan penjelasan daripada pihak Menteri. Itu yang pertamalah.

Kedua, saya ingin pindaan berkaitan dengan kegunaan wang caruman. Apa yang hendak dipinda ini ialah kalau dahulu caruman ini hanya digunakan untuk beli rumah dan tanah, tetapi

sekarang ini boleh apa sahaja. Saya hendak tanya, sudah tentu masa kita buat undang-undang ini dahulu sebelum kita buat pinda ini, tentu ada hasrat-hasrat tertentu yang kita capai. Maksudnya mungkin kita hendak memastikan pihak-pihak tentera ini, maksudnya yang sudah tidak bekerja lagi, mereka dapat jaminan untuk rumah ini. Sekarang ini, adakah kita pinda ini sebab kita rasa kita telah mencapai matlamat itu?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Mencelah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju atau tidak kita sekarang sudah 11.30 larut malam, tetapi nampaknya pindaan ini terlalu penting kepada Perdana Menteri kita. Nampaknya jelas bahawa isu ini ialah tentang mengeluarkan Bank Negara supaya dokumen-dokumen 1MDB *investment panel* tidak lagi diberi akses kepada Bank Negara. Dengan dikeluarkan Bank Negara, nampaknya senang. Pukul 11.30 malam, kalau ini remeh-temeh punya *legislation*, takkan kita sedang buat isu ini sampai sekarang. Setuju atau tidak?

[Dewan riuh]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kelana Jaya. Sebenarnya dalam mukadimah saya, saya hendak cakap juga. Sepatutnya rang undang-undang seperti ini, tidak buatlah dalam pukul 11.00 malam lebih. Kita ini manusia, kita pun ada juga kita punya ini. Akan tetapi sebab apa kami, sebab apa saya sendiri tidak balik rumah, sebab apa saya sanggup tunggu, sebab apabila saya melihat akta ini, saya memang hendak tunggu untuk berbahas untuk mendapatkan jawapan. Akan tetapi kita terpaksa berkurban untuk rakyat sebab kita tahu kalau kita tidak tanya ini, mereka suka.

Akan tetapi kami sebagai wakil rakyat, kami rasa kami perlu bertanggungjawab untuk dapat walaupun pukul 11.00 malam, 12.00 malam, hatta kalau 4.00 pagi pun saya akan tunggu. Akan tetapi saya hendak kata, tidak sepatutnya kerajaan yang bertanggungjawab... [Disampuk] Diamlah! Kalau kerajaan yang bertanggungjawab, kenapakah dalam undang-undang seperti ini kita harus bentang di waktu ini? Kalau kita perlu sangat ini, mengapa tidak boleh *extent time*? Mengapa tidak boleh buat hari lain? Seolah-olah tidak lulus undang-undang ini, macam kerajaan ini akan jatuh, kerajaan ini kelak tidak ada duit. *So come on*, kita harapkan, tolonglah, sudah banyak kali kita kata. Dalam undang-undang seperti ini, janganlah buat sampai lewat malam. Kita ini manusia, kita punya *mind* hendak *work* itu sudah sampai satu peringkat memang letih. Akan tetapi *because of responsibility* pada kita, kita rasa kena buat.

Akan tetapi saya tetap saya hendak sambung ini, saya ingin tanyalah, adakah memang benar tentera ini daripada segi pinjaman rumah ini tidak ada masalah, sebab itu kita hendak buka untuk pinjaman lain. Kalau saya rasa dahulu kita buat kita hendak memastikan rumah-rumah mereka ada, jadi kalau boleh kita kekalkanlah kepada yang asal. Akan tetapi kalau sekiranya kita rasa benda itu telah dapat diselesaikan, saya setuju pindaan ini dibuat untuk hendak buat pinjaman-pinjaman lain. Akan tetapi, saya ingin dapatkan jawapan daripada Menteri. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut.

**11.36 mlm.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Tabung Lembaga Angkatan Tentera ini sangat kaya Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya tidak pedulilah *you* hendak tolong siapa, tetapi pada malam ini saya hendak mereka tolong bekas warga tentera. Oleh sebab sebelum ini warga tentera khususnya lain-lain pangkat Tuan Yang di-Pertua, dia mencarum 10% caruman wajib dan 11% kerajaan carum. Akan tetapi apabila mereka bersara, mereka dibayar 10% caruman mereka sahaja, yang 11% itu tidak dibayar kepada mereka kerana mereka dikatakan berpencen. Sedangkan pegawai macam saya tidak buat pencaruman, tetapi saya dapat pencen juga, tidak ada potongan apa-apa pun.

Dalam hal ini, saya minta kementerian lihat balik kalau boleh akta yang ingin dipinda ini memberi manfaat kepada warga tentera, khususnya lain-lain pangkat kerana mereka pencen, mereka tidak kaya. Mereka memerlukan 11% yang disimpan selama ini oleh LTAT dibayar balik kepada mereka yang telah pencen. Itu tuntutan ataupun permohonan saya, yang diminta oleh warga-warga angkatan tentera yang berpencen tetapi bukan pegawai.

Dalam hal pegawai ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumatlah berapa peratus caruman wajib dan juga berapa peratus caruman kerajaan yang diberi kepada setiap pegawai. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, kita ada lebih kurang 100,000 warga tentera. Setiap bulan, berapa banyak LTAT mengutip caruman daripada warga tentera. Oleh sebab itu kita lihat LTAT memang mantap kedudukan kewangannya. Maka sebab itu, kita minta LTAT bantulah warga tentera ini. Akan datang ini, pegawai pun perlu dibantu.

Oleh sebab itu, saya tidak setuju supaya ada caruman sukarela. Sepatutnya dia sama macam lain-lain pangkat, caruman wajib. Berapa peratus caruman wajib oleh pegawai dan berapa peratus oleh kerajaan. Dengan cara itu, saya yakin dan percaya apabila mereka bersara, mereka akan dapat bantuan yang bermanfaat daripada Tabung Lembaga Angkatan Tentera.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, LTAT ada membiayai projek di Lumut untuk bekas-bekas warga tentera dan juga bekas polis. Untuk itu, saya ingin mendapatkan maklumat apakah status projek ini? Saya harap ia dapat disiapkan mengikut waktu yang ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

**11.39 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahas sebentar tadi. Sebelum saya pergi lebih lanjut menjawab soalan-soalan atau perkara yang dibangkit, saya ingin menerangkan sedikit berkenaan dengan LTAT kerana banyak yang tidak faham berkenaan dengan LTAT ini. Siapa

pengerusi sebenarnya, siapa Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok dalam itu dan sebagainya, tidak betul. Banyak perkara yang disebut itu banyak yang tidak betul.

■2340

Sebenarnya LTAT ditubuhkan pada tahun 1972. Objektif dia ialah untuk, pertama sekali, memberi faedah persaraan kepada anggota ATM dan lain-lain pangkat iaitu pencharum wajib dan skim di atas satu skim simpanan pegawai-pegawai angkatan tentera dan anggota kerahan angkatan tentera.

Jadi sekali lagi dari segi kewangan, ketika ditubuhkan tahun 1973, caruman ialah sebanyak RM24.4 juta. Selepas atau sekarang ini kita ada, tahun 2014 kita sudah ada RM8 bilion, RM8.6 bilion iaitu 350 kali ganda daripada yang lepas. Makna ini kita punya aset sekarang sudah ada RM9 bilion lebih. Pendapatan kita ialah RM1.015 bilion setahun. Ini ialah satu pendapatan yang cukup besar dan kita punya dividen dan juga faedah, jadi purata daripada dulu ialah 15 peratus. Setakat ini LTAT telah memberi sumbangan sebanyak RM206,639,000...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** ...Kepada 119,711 orang iaitu LTAT yang telah selama ini – LTAT ini diuruskan dengan begitu baik. *You* duduk dulu boleh tidak? Duduk dulu, bagi saya jawab dulu. Duduk sekejap. Sebab, *you* pun tak faham. *You* duduk kejam, *you* duduk kejam.

Sebenarnya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan tadi yang panjang lebar oleh tiga-tiga daripada pihak pembangkang tadi daripada mula dengan – siapa tadi daripada...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Mukadimah itu, penjelasan saya hendak tanya, boleh tidak?

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Duduk, duduk. Sat lagi, sat lagi.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Sebelum *you answer* jawapan sayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan lagi, Yang Berhormat.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Sekejap lagi saya bagi peluang. Duduk, sekejap lagi bagi peluang. *You* duduk, saya tidak bagi. Duduk, duduk, duduk.

Wakil daripada Kelana Jaya, daripada Bayan Baru, daripada Sepang sendiri yang cakap benda pusing-pusing, benda yang sama, pi mai pi mai tang tu sahaja. Iaitu berkenaan dengan Gabenor Bank Negara. Sebenarnya Gabenor Bank Negara ini... [Menyemak dokumen] Sekejap, sekejap.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Allah, kata *confident* sangat, tengok juga nota. Jawapan Menteri pun tidak *confident* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Sabarlah, sabarlah. Sebenarnya cadangan mengeluarkan Bank Negara sejak tahun 2000 atas permohonan Bank Negara sendiri, bukan sengaja-sengaja kita hendak keluar. Di dalam kita punya LTAT ini tidak ada masalah. Ia berdasarkan kepada surat Bank Negara bertarikh surat 28 Julai 2012 memaklumkan Gabenor

Bank Negara dan Timbalan Gabenor Bank Negara tidak dapat meneruskan perwakilan dalam panel pelaburan Lembaga Angkatan Tentera berdasarkan pada Akta Bank Negara Malaysia 2009, seksyen 15A, Gabenor Bank Negara dan Timbalan Gabenor hendaklah memainkan peranan jika peruntukan selain daripada akta ini.

Jadi ini adalah daripada kehendak Bank Negara sendiri, bukanlah pada sengaja LTAT kita keluarkan. Kita tidak ada masalah dengan Bank Negara dan segala-galanya di dalam LTAT selama ini diuruskan dengan baik dan dividen semuanya telah diurus dengan baik dan mendapat faedah kepada tentera kita. Tidak ada masalah.

Berhubung kait dengan lain-lain benda yang dibangkitkan itu berkenaan dengan 1MDB apa semua ini tidak ada kena mengena pun dengan itu. Jadi saya tidak perlu perjas lebih panjang lagi kerana perkara yang telah disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat langsung tidak ada kaitan.

Mengenai Yang Berhormat Parit Sulong iaitu caruman yang dimasukkan atau dikeluarkan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Buat masa sekarang pencarum boleh mengeluarkan caruman bagi tujuan membeli rumah kediaman...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, menteri.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** ...Atau tanah bagi maksud membina rumah kediaman. Dengan pemindaan yang dibuat, selepas ini pencarum dibolehkan untuk mengeluarkan sebahagian daripada akaun yang ada di dalam kredit akaunnya untuk tujuan yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai contoh, bagi tujuan, yang pertama, untuk mengerjakan haji dan LTAT mempertimbangkan dari semasa ke semasa atas cadangan-cadangan lain daripada kementerian untuk membenarkan ahli-ahli mengeluarkan caruman.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa tujuan asal penubuhan LTAT ialah untuk menyediakan faedah persaraan kepada ahli semasa tamat atau mengakhiri perkhidmatan kelak. Jadi kekerapan mengeluarkan belum lagi kita muktamadkan.

Jadi saya ingat itu sahaja. Yang lain-lain Gabenor Bank Negara itu saya sudah jawab, bagi semua yang ada tadi.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Cuma ini yang... Yang Berhormat, sekejap sahaja. Sebab Yang Berhormat tadi ada menyatakan bahawa dia boleh keluarkan tetapi saya cuma hendak tahu adakah telah di *finalize*kan dengan izin? Berapa maksimum peratusan yang dia boleh keluarkan daripada itu? Sebab, Yang Berhormat juga nyatakan bahawa sebenarnya caruman ini adalah untuk hari tua dialah, perkara macam itukan.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Jadinya itu sahaja saya hendak tahu, sama ada sudah muktamadkah ataupun masih dalam perbincangan?

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Jadi kekerapan pengeluaran sebelum tamat perkhidmatan hanya sekali iaitu sebanyak 40 peratus, sekali.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Ya? Ya?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Bolehlah.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Bolehlah itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri, sikit. Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Satu lagi mengenai isu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bayan Baru iaitu berkenaan dengan *check and balance*. Isu yang dibangkitkan melibatkan *check and balance* dalam panel pelaburan LTAT tidak timbul kerana ahli panel pelaburan terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing iaitu:

- (i) Panglima Angkatan Tentera;
- (ii) Ketua Setiausaha Perbendaharaan; dan
- (iii) pakar-pakar ekonomi yang berpengalaman luas yang ada.

Sekarang ini kita tengok, setakat dahulu sampai sekarang, pentadbiran diuruskan dengan baik. Jadi kita tidak ada masalah sekarang ini dan kewangan kita amat baik sekali.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sekejap ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pertikaikan bahawa rekod LTAT memang bagus. Itu sebab saya kata saya sokong LTAT dan Angkatan Tentera kita.

Apa yang kita hendak timbulkan adalah bukan bahawa dulu bagus maka masa depan akan terus bagus kerana sistem – kita kena *believe in the system*, bukan *believe* kepada personaliti. Jadi apa yang berlaku adalah – apa yang Bank Negara bagi surat tersebut ialah pada tahun 2012 tetapi itu isu 1MDB skandal belum keluar lagi. Sekarang LTAT terlibat. LTAT melalui Affin Bank kena beli tanah di TRX dengan RM255 juta. Ini atas arahan siapa? Kita hendak minta kalau boleh Menteri jelaskan.

Adakah *conflict of interest* kalau Affin Bank punya *Board Deputy Chairman* adalah Tan Sri Lodin Wok dan juga 1MDB punya *Board Chairman* adalah juga Tan Sri Lodin Wok? Itu berlakunya *conflict of interest*. Hendak minta supaya Menteri jelaskan adakah masa buat keputusan Affin Bank beli tanah daripada 1MDB itu, Tan Sri Lodin Wok adalah terlibat atau tidak? Itu soalan yang perlu dijawab oleh Menteri.

Kedua adalah – okeylah, kita pun sudah lewat dan saya minta supaya Menteri jawab itu soalan sahaja. Terima kasih.



**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, soalan itu tidak ada kaitan dengan pindaan inilah. Jadi saya rasa apa yang kita keluarkan pun atas permintaan Bank Negara. So saya rasa Yang Berhormat boleh tanya Bank Negaralah kenapa perlu itu. Saya tidak perlu tidak jawab. Ini kerana kita hanya mengikut arahan daripada pihak Bank Negara.

Saya difahamkan bahawa bukan sahaja LTAT, lepas itu SOCSO pun dan juga ada beberapa lain pun Gabenor Bank Negara akan menarik diri. Itu tidak ada kena mengena dengan 1MDB. SOCSO pun tidak ada kena mengena dengan 1MDB. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kelana Jaya dan juga Bayan Baru memang niat jahatlah. Itu sahajalah.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri ini tidak betullah Menteri. Kita tanya sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri tidak ada tanggungjawab, jangan cakap kita niat jahatlah. Pusing-pusinglah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *You*lah tidak *gentleman*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tarik baliklah Menteri. Tarik baliklah Menteri.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Jangan semua benda...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Alah, Menteri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tarik baliklah, Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak boleh jawab, tak payah jawablah. Janganlah guna alasan itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Apalah malam-malam cakap macam ini? Hendak gaduh lagi.

■2350

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Janganlah semua benda Yang Berhormat hendak kaitkan dengan 1MDB. *Nothing to do with 1MDB*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Come on* lah ...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Hakikatnya semua dokumen menunjukkan ada hubung kait dengan 1MDB.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan Mesyuarat 62. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

11.54 mlm

**Menteri Sumber Manusia [ Dato' Sri Richard Riot anak Jaem ]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Janganlah bising. Tuan Yang di-Pertua, jam di tangan saya dan juga di dinding menunjukkan enam minit lagi pukul 12 tengah malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, D.R. 36/2015 Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di nombor 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke mesyuarat akan datang.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Kapar:** Letih menunggu, Tuan Yang di-Pertua. Letih menunggu.

### USUL

#### **MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 90(2)**

11.55 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2), dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Majlis Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga’.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**

### **AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

#### **11.56 mlm**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 56, subseksyen (5) Seksyen 17 dan subseksyen (3) Seksyen 18, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 supaya Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bilangan ST.83, ST.84 dan ST.85 bagi tahun 2015 disahkan.

**Tambah** Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pelepasan Pindaan 2015 59/2015 yang diwartakan pada 27 Mac 2015, Kertas Statut bilangan ST.83. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk memasukan peruntukan baru dan meminda peruntukan yang sedia ada. Pindaan yang dilakukan adalah seperti berikut;

Perenggan 3 dipinda dengan memasukkan ayat logam berharga pelaburan yang dinyatakan dalam subseksyen 41 Jadual Pertama kepada Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) 2014 atau untuk makluman, bekalan *investment purchase metal* adalah merupakan pembekalan dikecualikan dan melalui pilihan ini pengimportan *investment purchase metal* tidak dikenakan GST. Pindaan ini adalah selaras dengan layanan yang ditetapkan ke atas pengimportan barang-barang yang dikenakan GST pada kadar sifar.

Kedua, perenggan lima yang berkaitan dengan masa pelepasan diberikan dipinda bagi menetapkan masa pelepasan ke atas barang yang dibekalkan oleh orang yang berdaftar adalah berasaskan masa sijil pelupusan tersebut dikeluarkan.

Ketiga, Jadual Pertama dipinda seperti berikut;

Butiran 6 dipinda dengan menggantikan perkataan *hospital establish* dengan perkataan Health Care Facility Register or Liaison untuk diberikan layanan yang sama kepada semua *health care facilities* yang berdaftar tidak kira sama ada hospital, klinik, atau pusat rawatan seperti hemodialisis untuk mendapat pelepasan daripada membayar GST ke atas rawatan perubatan.

Butiran 13 dipinda dengan menggantikan perkataan '*principle*' dengan perkataan '*principal*'. Butiran 16(A), 16(B), 16(C) dipinda daripada memberi pelepasan dari membayar GST ke atas pengimportan barang-barang seperti berikut;

- i. Barang-barang telah dieksport untuk pembaikan dan pemeriksaan semula;
- ii. Pengimportan sementara dan dieksport semula; dan

iii. Pengimportan semula bagi tujuan propaganda penyelidikan dan demonstrasi

Butiran 22 dipinda dengan tujuan menggunakan nama rasmi lapangan terbang antarabangsa yang berkaitan;

Butiran 26 dipinda bertujuan untuk meluaskan skop pelepasan yang diberikan kepada kedutaan perwakilan asing untuk meliputi kaunselor dan badan-badan antarabangsa (*International Organization*) dan

Butiran 24 dan 29 daripada memastikan semua bekalan barangan yang berkaitan dengan Malaysia - Thailand Joint Authority (MTJA) diberikan pelepasan 100%;

Butiran 30 dipinda bagi memastikan semua bekalan perkhidmatan dan berkaitan dengan Malaysia - Thailand Joint Authority diberikan pelepasan.

Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan Pembekalan berkadar sifar yang diwartakan pada 27 Mac 2015 Kertas Statut Bil 84. Perintah ini diwartakan untuk bertujuan untuk meminda peruntukan sedia ada. Pindaan yang dilakukan adalah seperti berikut; subseksyen 61 Jadual Pertama dipinda dengan memasukan perkataan Akta Ordinan Air 1994 Sarawak Bab 13 bagi membolehkan bekalan air terawat kepada pengguna domestik yang dibuat oleh *Kuching Water Board* yang dilesenkan di bawah Ordinan Air Sarawak dikenakan GST pada kadar sifar.

■2400

Butiran 8 Jadual Pertama merupakan pindaan editorial dengan memotong perkataan yang Lampiran bagi Jadual Pertama mengandungi senarai barang yang dikenakan GST sifar dipinda seperti berikut:-

- (i) kod 0105 ayam yang dikenakan GST 0% diperluaskan meliputi ayam mempunyai berat melebihi dua kilogram. Melalui pindaan ini ayam tanpa mengira berat adalah dikenakan GST 0%;
- (ii) kadar kod 1701 gula yang dikenakan GST kadar sifar adalah berasaskan tebu dalam pelbagai bentuk seperti statistik *cube*, *grand mili* dan *extra* dan pelbagai jenis *icing*, *cost cluster fine* dan sebagainya. Ini untuk mengelakkan kekeliruan dan memberi layanan yang sama untuk semua jenis gula dalam sebarang bentuk pembungkusan;
- (iii) kod 1901 susu bayi 0-12 bulan diperluaskan meliputi susu kanak-kanak sehingga 36 bulan dan juga pelbagai perisa; dan
- (iv) kod 4901, 4902, 4904, 4905 dan 4911 yang mana semua bahan bacaan dikenakan GST sifar. Selain itu pindaan dibuat pada Butiran 12(b)(2) dan Butiran 24 Jadual Kedua dari segi penggunaan terma dan susun letak perkataan.

Bahagian III, Perintah Cukai Barangan dan Perkhidmatan Perbekalan dikecualikan yang diwartakan pada 27 Mac 2015. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk meminda peruntukan sedia ada. Pindaan dibuat di bawah Jadual Kedua Cukai-cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut:

- (i) sub Butiran 14B dan 16C dipinda dengan memasukkan ayat atau latihan kemahiran yang diberikan kepada penyelia latihan kemahiran yang menjalankan program yang diluluskan dan ditauliahkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006, Akta 652 melalui pindaan ini. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional yang diberikan oleh pusat latihan yang bertauliah adalah merupakan pembekalan dikecualikan daripada GST *Exxon supply*,
- (ii) Butiran 20 dikenakan dengan menggantikan butiran lama dengan butiran baru iaitu pembekalan perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan oleh badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan kepada pemilik sesuatu bangunan untuk tujuan kediaman yang dipegang di bawah hak milik strata. Melalui pindaan ini semua bekalan perkhidmatan pengurusan yang dibuat di bawah di semua jenis bangunan kediaman berstrata adalah dikecualikan dari GST;
- (iii) sub Butiran 21C dipotong ekoran dari pindaan yang dibuat ke atas Butiran 20 berkaitan dengan layanan GST ke atas bekalan perkhidmatan bangunan kediaman berstrata; dan
- (iv) Butiran 25 dipotong kerana Program Perancangan Pra Keperluan Pengebumian yang telah diliputi di bawah Butiran 24.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 16 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut bilangan ST.83, ST.84 dan ST.85 tahun 2015 disahkan, disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

#### **AKTA KASTAM 1967**

**12.04 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen 2, seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya perintah duti kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini supaya Kertas Statut Bilangan ST.97, ST.98, ST99, ST.100, ST. 105 dan ST.105 bagi tahun 2015 disahkan.

Perintah kastam duti perlindungan muktamad 2015 133/2015 bertarikh 29 Jun 2015, Kertas Statut ST.97. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan duti pelindung muktamad ke atas plat keluli gelungan panas (*hot roll state plat*) yang diimport dari 40 buah negara pada kadar 10.4% hingga 17.4%. Berkenaan duti perlindungan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah subseksyen 23(3) Akta Perlindungan 2006 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 dan berkuat kuasa selama tiga tahun mulai 2 Julai 2015 hingga 1 Julai 2018.

Perintah Kastam duti anti lambakan sementara 2015. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan duti anti lambakan sementara ke atas gegelung keluli yang dicat atau disalut warna yang diimport dari negara China dan Vietnam pada kadar 5.68% hingga 22.1%. Pengenaan duti anti lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah subseksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan subseksyen 11(1) atau Akta Kastam 1967 dan berkuat kuasa selama 120 hari mulai 26 September 2015 sehingga 23 Januari 2016.

Perintah duti kastam barang-barang di bawah perjanjian perhubungan kawasan perdagangan bebas antara ASEAN, Australia, New Zealand pindaan 2015, 220/2015 bertarikh 30 September 2015 Kertas Status ST.99. Perintah ini diwartakan kerana terdapat pindaan ke atas prosedur operasi pensijilan untuk peraturan syarat dan fasal di bawah perjanjian penubuhan kawasan perdagangan bebas antara ASEAN, Australia, New Zealand. Pewartaan perintah ini juga selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada Mac 2015 yang telah dipersetujui dengan protokol pertama untuk meminda AANZFTA negara-negara ASEAN, Australia, New Zealand telah bersetuju supaya pindaan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2015.

Perintah duti kastam barang-barang di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki 168/2015 bertarikh 16 Julai 2015 Kertas Statut ST.100. Perintah ini diwartakan selaras penguatkuasaan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki yang bermula pada 1 Ogos 2015. Perintah ini akan diguna pakai oleh pengeksport dan pengimport barangan di antara New Zealand yang akan menggunakan Skim Anti FTA untuk tujuan layanan tarif keutamaan untuk agensi kerajaan lain yang akan menguatkuasakan perjanjian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Perjanjian MTFTA ini dijangka mengukuhkan lagi hubungan ekonomi sedia ada antara Malaysia dan Turki. Dengan wujudnya MTFTA lebih ruang dan peluang akan tersedia untuk pengeksport Malaysia menembusi pasaran baru di Turki. Pengeksport Malaysia juga dapat menjadikan sebagai hab barangan untuk mereka meneroka pasaran baru di Eropah sesuai dengan kedudukan negara Turki sebagai pintu masuk Eropah.

Perintah duti kastam pindaan 2015 111/2015 yang diwartakan pada 8 Jun 2015 Kertas Statut ST.104. Perintah ini bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas jentera-jentera berat dan kenderaan bermotor bagi industri pembinaan di bawah kod tarif 842951, 843041 dan 843143 daripada 10% kepada 5%. Kerajaan melaksanakan penurunan kadar duti import ke atas jentera-jentera berat dan kenderaan bermotor bagi industri pembinaan antara lain berdasarkan faktor berikut:

- (i) industri jentera berat berperanan penting telah membantu pembangunan perindustrian negara memandangkan hubung kait yang meluas dalam sektor ekonomi utama seperti pengilang, pembinaan, pengangkutan, perlombongan dan pertanian; dan
- (ii) penurunan kadar duti import kepada 5% akan memberi impak kepada polisi dan strategi kerajaan untuk menggalakkan industri jentera berat tempatan tambahan pula sektor jentera dan kelengkapan khusus masih dipromosikan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1996. Oleh itu industri tempatan dapat berdaya saing dengan jentera yang diimport selain menggunakan jentera baru.

Perintah duti kastam barang-barang dari negara-negara ASEAN P.112/2015 yang diwartakan pada 8 Jun 2015 Kertas Status ST.105. Perintah ini merupakan pindaan susulan *consequential* bagi bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas jentera-jentera berat dan kenderaan bermotor bagi industri pembinaan di bawah kod tarif 842951, 843041, 843143 daripada 10% kepada 5% sama seperti dalam perintah duti kastam pindaan 2015 di atas yang diimport dari negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai hendak ganti Yang Berhormat Kepong berucap.

■2410

12.10 tgh mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya diamanahkan untuk sambung Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Tumpat.

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** *last term* dah pun.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jangan tak tahu Yang Berhormat Kepong bermula tahun 1982, setiap tahun dia jawab sampai enam penggal.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu Yang Berhormat Kepong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan kepada Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan Kertas Statut 1998 dan dibaca sekali dengan Kertas Statut 104 Perintah Duti Kastam. Kita lihat dalam Kertas Statut 104 ini semacam ada berita baik iaitu penurunan cukai import daripada 10% kepada 5% atas barangan industri yang berat untuk dikatakan merencanakan perindustrian, pembangunan dan sebagainya.

Saya rasa itu patut kita *appreciate*, tetapi pada masa yang sama dalam Kertas Statut 98 kita melihat pengenaan cukai-cukai untuk mengelakkan ataupun dalam program anti dumping ini

dan cukai-cukai yang dikenakan adalah terhadap barangan-barangan yang terlibat dalam industri pembangunan, *construction industry* sebagai contoh *repainted, a color painted coils* daripada negara China. Begitu juga *steel product* dari Vietnam dan sebagainya. Cukai yang dikenakan mengikut *schedule* yang ditetapkan ini mencapai sampai 52%.

Ini tidak menjejaskan import-import duti yang lain *under* Customs Act 1967 dan GST. Ertinya melainkan saya salah fahamlah. Kita di satu pihak mengurangkan cukai kepada sesetengah barangan tetapi barangan ini *on off* sahaja kita membeli satu peralatan besar –kren misalnya sekali sahaja tetapi bahan gunaan yang terlibat dalam *construction* itu sendiri seperti barangan-barangan *steel* ini adalah komponen *construction* yang berterusan.

Jadi, bagaimana kita hendak *reconcile* antara kenaikan pengenaan cukai sampai 5.2%, ada yang 16% dengan usaha untuk mengurangkan cukai import alatan berat ini untuk merencanakan industri pembangunan kita. Jadi, saya rasa ini perlu mendapatkan penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila menteri.

**12.14 tgh mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita tengok dalam Kertas Statut 1998 ini, anti lambakan ini kita spesifik kepada China dan Vietnam kerana mengikut daripada analisa yang kita dapat bahawa inilah dua buah negara yang selalu membuat lambakan. Oleh sebab lambakan ini, ia akan menyebabkan ada banyak syarikat kita yang dalam negara Malaysia contoh NS BlueScope Steel Malaysia, Amcan Color Coating Industries Sdn Bhd, Color Coil Industries Sdn Bhd. Ini adalah industri-industri yang terlibat secara langsung dalam industri yang kita sebut tadi ini.

Negara-negara lain, kita benarkan import kerana ia tidak dumping cuma yang dua ini. Oleh sebab itu kalau kita tengok, kita bagi mereka cuma 26 September 2015 hingga 23 Januari 2016. Kemudian apabila mereka tidak ada buat lagi, habislah. *So, it only a short term period* untuk kita pastikan bahawa negara-negara ini apabila kita buat penyiasatan mereka memang membuat aktiviti lambakan dalam negara kita.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta penjelasan. Jam sudah tidak ada. Tuan Yang di-Pertua dan tuan-tuan yang dihormati sekalian. Sudah tidak ada Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan sebab jam sudah mati.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Gantang sudah tidak senyum.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya rasa dalam kes ini, sepatutnya kerajaan menimbangkan betul-betul anti lambakan ini boleh menjejaskan industri tempatan. Akan tetapi, dalam konteks kita hendak berhadapan dengan contohnya TPPA di mana Vietnam dan sebagainya adalah sebahagian daripada negara-negara ini nanti, tidakkah ini menjejaskan hubungan baik kita. Juga kita rasa persaingan ini bagus untuk meningkatkan industri *construction* itu sendiri? Ertinya kos kepada pembangunan dapat dikurangkan tetapi dengan cara macam ini



saya yakin *developer* dan juga *construction companies* akan menaikkan harga kos bangunan. Macam mana pandangan menteri?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Saya bersetujulah dari segi konsep itu tetapi daripada segi konteks negara China dan Vietnam untuk produk ini bukan semua produk bincang di sini. Untuk produk ini sahaja. Saya hendak bagi statistik pada tahun 2013 peningkatan berlaku untuk tahun 2014 hampir 83%. Semua orang pergi dapat produk lambakan ini.

Jadi kalau kita tidak *stop* benda ini, ia akan menyebabkan banyak syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ini akhirnya akan tutup kalau semua 83%. Kalau semua tutup, kemudian nanti apabila tidak anti lambakan, dia pun sudah tidak ada bagi barang yang murah, selepas itu nanti kita hendak buka balik syarikat sudah tidak boleh. Masa itu, ketika itu baru dia letak harga yang mungkin *double* daripada apa yang kita *produce*. Ini yang kita hendak kena jaga.

Kita kena buat *balancing act*. Oleh sebab itu mana-mana negara yang kita benarkan import kepada kita, kita caj *very* minimum. Asalkan ia boleh bersaing dengan industri tempatan kita tetapi kalau macam ini dia *clear cut*, apabila kita buat *investigation* nampak sangat kos *raw material* pun lebih tinggi daripada apa yang dijual kepada negara kita dan di negara mereka lagi mahal dijual. Itu sebab kita pastikan bahawa kita *impose* anti lambakan duti ini bermula pada September 2015 hingga Januari 2016 hendak pastikan supaya kita mengurangkan aktiviti lambakan ini.

Ia bukan kita pilih-pilih *country* ini *because* mereka buat *investigation*, MITI ada buat *investigation* untuk dapat. Kemudian dia dapat petisyen daripada *players* dalam Malaysia mengatakan bahawa dia menjual barang-barang ini dalam negara kita lebih terlampau murah *even cannot even cover some of their cost* dekat sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 17 yang telah dibentangkan seperti kertas statut Bilangan ST.97 hingga ST.100, ST.104 dan ST.105 bagi tahun 2015 disahkan, hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

#### AKTA EKSAIS 1976

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

12.18 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Ini *last*, satu *page* sahaja. Ini pasal siapa hendak hisap rokok, ini *this is what* kita kena hendak *present*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan “Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 6 Akta Eksais 1976 supaya

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2015 yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut bil ST.118 tahun 2015, disahkan.”

Perintah Duti Eksais 2015 258/2015 yang diwartakan pada 2 November 2015 yang lalu, Kertas Statut ST.118. Perintah ini bertujuan untuk menaikkan kadar duti eksais dan memindahkan komponen *act rorium* duti eksais rokok ke dalam komponen spesifik seperti berikut, *cigar*, corot dan *cigarillos* dinaikkan daripada RM280 sekilogram dan 20% *rorium* pada RM400 sekilogram.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua tidak setuju.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Nombor dua *containing tobacco* dari 28 sen sebatang dan *act rorium* 20% kepada 40 sen sebatang. Siapa...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua tidak setuju.

■2420

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Langkah ini dilaksanakan. Kau orang semua sudah bayar pun rokok ini. Langkah ini dilaksanakan berdasarkan:

Satu, cadangan pihak industri berhubung permohonan.....peratusan duti eksais rokok yang sering menimbulkan pertikaian dalam menentukan nilai eksais. Kedua, selaras dengan komitmen di peringkat *World Health Organization Convention on Tobacco Control (WHO CTC)* supaya cukai eksais rokok dinaikkan secara dinamik dengan perubahan harga jualan rokok dari semasa ke semasa sehinggalah mencapai 75% daripada harga jualan runcit. Ketiga, menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat dan wakil rakyat. [*Dewan riuh*] Menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidur lambat pun tidak sihat ini.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Kenaikan kadar duti eksais ini telah berkuat kuasa mulai 3 November 2015. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa sokong.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[*Dewan Riuh*]

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Seorang Ahli:** Bangun Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar hisap rokok pun tidak. Ini duti eksais untuk rokok lagi. *Cigar* pun tidak hisap, apa mahu sibuk.

**Seorang Ahli:** Kasi *chance*, kasi *chance*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling lepas daripada roti canai.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya harap.....

**Seorang Ahli:** Kasi *chance* lah. Last *chance*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Dekat Kuala Krai ramai hisap rokok.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Kuala Krai.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap perbincangan saya ini akan mendorong lebih ramai orang berdebat lepas daripada ini.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini bukan persoalan naik daripada RM280 kepada RM400 ataupun daripada RM0.28 sen kepada RM0.40 sen. Tahun lepas pun kita habis jam 4.22 pagi ya Yang Berhormat Tenggara ya. Sampai mengeluh Yang Berhormat Tenggara.

**Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa pembesar suara]**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Atas isu rokok ini juga dan disokong ramai.

**Seorang Ahli:** Ada masalah.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Masalahnya rokok, rokok itu *is a problem*. *It is not the price* dengan izin *but cigarette is the problem*. Yang Berhormat Menteri bercakap mengenai *healthy life style*. *Healthy life style*, rokok harga RM0.10 sen dan rokok harga RM2.00.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat pandang Menteri, pandang Tuan Yang di-Pertua saja.

**Seorang Ahli:** *Bring back Yang Berhormat Kepong*.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya simpati dengan Tuan Yang di-Pertua sebab saya pandang dia macam saya tekan dia pula tentang rokok ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sangkaan jahat Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya - Saya tarik balik, ya. Tepat pada jam, pukul berapa tadi saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada jam sudah. Sudah mati jamnya.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Semua pukul 12 ya. Bukan persoalan harga. Orang kalau kita hendak bagi dia tidak merokok, rokok *must not be made available*. Kita kata ada problem dengan *vape*, kecoh, heboh. Sekali Tuanku kata, boleh jadi. Saya berharap ada Tuanku yang akan bercakap, haramkan rokok.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ah, cantik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Padang Rengas dulu masa sekolah bukan main kuat merokok. Hari ini dia berhenti. Itu contoh yang terbaik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kuala Krai, penjelasan. Tadi Yang Berhormat Kuala Krai kata, terima kasih. Yang Berhormat Kuala Krai kata saya harap ada Tuanku yang akan bersuara. Akan tapi hari ini kuasa Tuanku pun BN hendak ambil macam mana.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Kuala Krai. Tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau ikut undang-undang yang baru kita luluskan, segala-gala yang mengancam keselamatan dan kesihatan, rokok pun boleh jadi barang yang mengancam keselamatan. Jadi kita juga harap Majlis Keselamatan Negara boleh juga diharamkan sebab ini akan jadikan, menggalakkan penyeludupan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah merapu sudah, cukup, cukuplah, cukup. Hendak mengarut....

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ...menggalakkan jenayah.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Tinggal penggal itu, keselamatanlah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat pandangan dari...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau merapu patutlah, sudah boleh mengarut sudah.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Dah mula mengarut dah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dari Yang Berhormat Kuala Krai kalau *vape* dikatakan haram sebab memudaratkan kesihatan untuk menjadikan konsisten dengan segala yang memudaratkan kesihatan, kenapa kita tidak terus untuk haramkan rokok? Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai sebagai seorang doktor.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Sepang dan terima kasih Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Sepang dulu ya, saya hendak komen bab tentang Yang Berhormat Sepang. [Dewan Riu] Kalau ada.. [Dewan Riu] Kalau kita hendak melaksanakan sesuatu prinsip yang penting ini dalam konteks kita Tuan Yang di-Pertua, *we need political will*. Bila tidak ada *political will*,

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Bukit Gantang pun tidak mahu dengar sudah.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau sudah tidak ada *political will*, apa yang kita perlukan sekarang ini ialah *the royal will* dan ternyata tuan-tuan sekalian, apa yang disebut oleh Tuanku Sultan Johor berkesan. *Immediately* kerajaan negeri Johor akur walaupun bagi kita, saya sebagai doktor perubatan, saya lebih bersedia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ada juga pengamal perubatan yang merokok Yang Berhormat. [Dewan Riu]

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Memang, saya sudah sebut dulu dalam Dewan yang mulia ini, mana-manda doktor yang hisap rokok, macam seorang ustaz tidak sembahyang. [Dewan Riu] Punya teruknya, sebab dia diberikan ilmu, tahu bab bio rokok tapi kalau dia merokok Tuan Yang di-Pertua, *it is a medical crime*. Saya lebih cenderung untuk perkara-perkara yang melibatkan kesihatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada doktor yang kata *it a small sin*.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *Small sin*. Tidak sembahyang *big sin* ya. Okey, saya tarik balik. Jam, pukul 1 sudah. Saya lebih cenderung ya untuk meminta kalau kita ingin mengharamkan sesuatu perkara, biarlah ia ada *evidence based*, ada kajian, ada penentuan ya yang pasti melalui satu kajian dan penyelidikan yang tuntas. Tidak hanya mendengar maklumat-maklumat yang tidak berasas ataupun tidak di *proven right* dengan izin. Akan tetapi bab rokok ini Tuan Yang di-Pertua, maklumat tentang bahayanya rokok ini sudah termaklum, sudah jelas. Jadi kalau *vape* yang belum jelas kita boleh haramkan dan saya yakin...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya yakin selepas saja dari Johor ini, negeri-negeri lain akan turut serta termasuk negeri-negeri yang tidak ada Sultan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sabah, Sarawak.

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Siapa yang hendak bagi cadangan, tidak tahulah. Mungkin TYT nya. Ya sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik mengenai dengan perbincangan mengenai rokok ini. Saya tahu orang Kuala Krai pun ramai hisap rokok dan bila dinaikkan harga rokok, maka tentunya ia juga membebankan rakyat. tapi bagaimana kita hendak seimbangkan antara beban yang ditanggung oleh rakyat dengan isu kesihatan yang sedang kita promosikan sebab kita dapat maklumat juga bila harga rokok naik, banyak rokok seludup ini disebar luaskan dengan harga yang murah. Jadi tidak menyelesaikan juga. Sampai bila harga rokok ini akan dinaikkan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya ingatkan perkara ini usul di bawah Kementerian Kewangan dan bukan di bawah Kementerian Kesihatan Yang Berhormat ya. [Bangun]

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita di dalam bidang perubatan ini digalakkan untuk berfikir secara holistik, ya. Jadi semua ini ada kait mengaitnya. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bukit Katil, memang kadar merokok di Kelantan tinggi, di tempat saya pun tinggi. Harga naik, harga getah jatuh, cuba bayangkan. Hendak berhenti tidak boleh. Kalau benda itu ditiadakan, saya yakin kesihatan baik, ekonomi bertambah baik. Akan tetapi adalah juga akan berkata, barangan seludup akan meningkat. Kalau kita di

pihak kerajaan mengakui bahawa kesannya ialah penyeludupan, ertinya mereka mengakui bahawa mereka gagal dalam membanteras penyeludupan. Jadi ini ada satu aspek yang lain yang perlu dipertingkatkan.

■2430

Jadi bagi saya kalau kita berani dengan *vape* ini, *it is timely*, inilah masanya untuk kita mencadangkan supaya pada tahun akan datang Kementerian Kewangan tidak payah lagi bercakap tentang kenaikan duti eksais rokok ini, kita cukup hapuskan terus.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini mesti menyokong saya ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Krai kerana ini menyentuh Kementerian Kewangan dan juga menyentuh perkara-perkara yang memudaratkan rakyat. Saya ingat bukan sahaja rokok bukan sahaja *vape* yang kiranya haram, rokok telah diharamkan oleh fatwa ulama tetapi judi, arak dan nombor ekor ini semua perlu difikirkan kerana kita tidak boleh ada *double standard* dalam kita mengharamkan sesuatu dan menghalalkan yang lain. Sedangkan asas hukum agama itu sudah ada dan hukum moral pun ada. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kota Raja, cukai Yang Berhormat, cukai, cukai, cukai. Itulah yang menjadi pertimbangan. Begitu juga rokok ini, cukai naik, hasil naik tetapi kalau *at the expense of the health of the people*, saya rasa tanggungjawab kita ialah untuk membetulkan balik suasana ini.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencabar Tuan Yang di-Pertua, baik-baik sedikit tengah-tengah malam ini. Kalau Tuan Yang di-Pertua ada wibawa, tolong laluan *lounge* kita itu hentikan daripada menjadi tempat orang merokok secara terbuka. [*Tepuk*]. Ini kawasan Parlimen, kawasan terhad, kawasan yang dilindungi daripada rokok. Di bangunan lama kita ada bilik yang telah dikawal khas, itu masa Yang Berhormat Padang Rengas menjadi *chief* kita dulu. Di luar itu, bagaimana kita nak menghalang, kita nak lalu asap rokok penuh. Jangan sampai ada di antara kita yang memanggil pihak berkuasa kesihatan datang sebab saya tahu Menteri Kesihatan tidak lalu situ, Timbalan Menteri pun tak lalu, jadi tak tahu apa yang berlaku. Kalau dia kata saya lalu dan tidak ambil tindakan lagi berat ya.

Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua yang mempunyai kuasa yang besar di kawasan Parlimen ini untuk memastikan mulai esok, esok dah habis ya. Pada bulan Mac, pada 26 Januari bila kita bersidang khas nanti saya nak tidak ada orang yang merokok di situ.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sila. Rokok juga?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Rokok juga walaupun saya tidak merokok Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai ada di kalangan Ahli Parlimen kita juga bukan merokok di luar malah dalam tempat *air-cond*. Bukankah itu harus

dihentikan paling tidak dia menghormati kawan-kawan yang tidak merokok. Walaupun kita tahu dia *macho*, nak tunjuk ... dia ada *position* tetapi kita dalam Parlimen ini semua sama. Secara kebetulan dia menteri atau timbalan menteri tetapi dalam isu merokok ini saya rasa Yang Berhormat Kuala Krai, harus *respect* antara satu sama lain. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Krai tentang ini? Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan sekadar Yang Berhormat Sungai Petani, saya yakin Yang Berhormat Tenggara pun menyokong cadangan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balik kepada cukai Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Balik kepada cukai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Balik kepada cukai. Yang Berhormat Tenggara daripada dulu menyokong. Jadi kalau kita naikkan cukai, yes hasil akan bertambah tetapi bolehkah kementerian mengeluarkan statistik dengan kenaikan cukai setiap tahun ini jumlah import rokok misalnya, jumlah jualan rokok berkurangan. Kalau tidak berkurangan, ertinya kesan kepada kesihatan tidak dapat dilihat, tidak akan berlaku. Jadi ironilah sangat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dalam hujahnya mengapa ini berlaku untuk *healthy living* adalah hanya sebagai alasan untuk menjustifikasikan kenaikan ini. Sebenarnya tidak ada kesan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua,

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar nak juga?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya akhir demikian menunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya selepas Yang Berhormat Kapar, lepas itu menteri menjawab. Ringkas Yang Berhormat ya.

**12.35 tgh. mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, memang ringkas sebab ini disentuh oleh Menteri Kewangan tadi bahawa cukai dinaikkan ada tiga bahagian yang diberikan. Saya pilih atau petik dua bahagian iaitu cukai dinaikkan secara dinamik untuk perolehan. Lagi satu peningkatan harga rokok adalah kerana gaya hidup yang sihat.

Saya ingin membawa perhatian kepada Kementerian Kewangan termasuk kementerian-kementerian lain di Dewan yang mulia ini, kini kita ada satu masalah yang amat rumit. Kalau yang dewasa menghisap rokok itu tidak ada masalah tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita ada di kalangan pelajar yang sedang hisap rokok di mana realiti depan mata kita 50 peratus remaja terutamanya dari tingkatan lima yang menghisap rokok, tingkatan empat hampir 40 peratus pelajar menghisap rokok.

Ini memang analisis yang telah dibuktikan dan kita ada satu isu yang sangat-sangat serius. Rokok sekarang juga diibaratkan sebagai satu *gateway* kepada dadah-dadah merbahaya. Daripada rokok di kalangan pelajar, masuk ke dadah seperti ganja, heroin dan gejala ini berterusan. Akhir sekali ia juga menular kepada gejala arak yang selalunya saya tekankan arak murahan Tuan Yang di-Pertua. Itu perlu ditekankan. Saya mendapati beberapa punca mengapa kegiatan merokok ini makin lama makin berleluasa. Walaupun naikkan harga rokok di kalangan Kementerian Kewangan, mungkin Kementerian Kewangan lebih kepada situasi untuk mendapat perolehan, menambahkan ekonomi negara dari sudut cukai tetapi jangan kita abaikan beberapa punca yang sebenarnya menyebabkan gejala kegiatan merokok seperti; kurang ikatan kekeluargaan, terlalu bebas, ibu bapa yang menghisap rokok, pergaulan dan pengaruh kawan-kawan, ingin cuba kerana rokok mudah diperolehi, sekarang memang mudah diperolehi, pelajar pun dah boleh beli dah, keadaan tertekan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Usul cukai Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, pengaruh media massa, galakan penjual rokok pun ada, jangan lupa yang itu, memberontak, ya F1, F1 betul. Dan yang ini di kalangan wanita Tuan Yang di-Pertua, menghisap rokok dikatakan boleh mengurangkan berat badan, ada dalam majalah-majalah wanita semua ada selit-selit begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akhir sekali stres. Saya minta Tuan Yang di-Pertua, janganlah naikkan harga dengan mengatakan bahawa ia akan mengurangkan orang menghisap rokok, saya rasa itu tidak tepat. Benda-benda lain perlu dibawa seperti kempen, program-program yang betul dan menguatkuasakan undang-undang kena ada. Jangan kita fikir tentang pelaburan, ekonomi meningkat, duit meningkat, lepas itu kita tidak tahu macam mana hendak jaga duit, salah gunakan duit, berlaku penyelewengan, berlaku isu-isu rasuah tetapi benda ini kita tidak jaga. So, saya minta jangan tahun depan pun hari terakhir bajet kita bawa isu rokok, kita katakan naik harga rokok kerana gaya hidup yang sihat. Saya rasa jangan bawa isu ini lagi pada tahun 2016. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**12.38 tgh. mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Yang Berhormat Kuala Krai, saya ambil maklum dan saya setuju kawasannya itu supaya mereka jangan hisap rokok di luar, saya pun tidak hisap rokok.

Jadi untuk beritahu Yang Berhormat Kapar, sebenarnya kita menaikkan harga rokok ini adalah sebahagian daripada perjanjian yang kita pernah *agree* selaras dengan komitmen negara kita di peringkat *World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control*. Ini *it's actually world* punya standard, dia hendakkan setiap negara supaya menaikkan harga rokok ini



hingga ke paras dari masa ke semasa hingga mencapai 75% daripada harga jualan runcit. *This is not ours, the world punya organization, World Health Organization.*

Jadi itu sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Ketiga belas telah berlangsung selama 25 hari mulai 19 Oktober hingga 3 Disember 2015. Saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat dapat disempurnakan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengambilan urusan Mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang. Akhir kata saya mengucapkan selamat pulang.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Merry Christmas and Happy New Year* jangan lupa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Selamat sampai ke destinasi masing-masing.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bagi pihak pembangkang, kita pun ingin sampaikan terima kasih dan penghargaan kepada semua Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada sebelah sana dan semua pegawai Parlimen. Kita ucapkan Selamat Tahun Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Wakil daripada penyokong kerajaan seorang.

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Bagi pihak Barisan Nasional, kami juga mengucapkan Selamat Tahun Baru, selamat bercuti, *Merry Christmas*, lebih kurang gaduh-gaduh, kosong-kosong, jangan bawa pergi cerita ke rakyat, ini begini, Barisan Nasional begitu. Kita kosong-kosong, tutup buku, selamat malam, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat bercuti dan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

***[Dewan tamat pada pukul 12.41 tengah malam]***